KEBERKESANAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA

MANCHELAH A/P NATESAN

TESIS YANG DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

University of Malaya

UNVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **MANCHELAH A/P NATESAN**
No. Pendaftaran/Matrik: **PHA060025**
Nama Ijazah: **DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil kerja ini"):

KEBERKESANAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA

Bidang penyelidikan: **BIMBINGAN DAN KAUNSELING**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil kerja ini adalah asli
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan, atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yangmengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu Bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh :

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh :

Nama :
Jawatan :

University of Malaya

ABSTRAK

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B&K) di sekolah-sekolah menengah Malaysia telah diperkenalkan di sekitar 1960an semasa zaman penjajahan lagi. Guru-guru menjalankan kaunseling dan mereka memberi penekanan pada kaunseling kerjaya sahaja. Kaunselor sepenuh masa di sekolah dilantik hanya pada tahun 1996. Guru-guru B&K dikecualikan daripada pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Walaupun perkhidmatan ini dijalankan sepenuh masa di sekolah-sekolah melebihi 20 tahun, media massa melaporkan bahawa masih terdapat keruntuhan moral yang tinggi di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Ini menyebabkan wujud suatu keperluan untuk menilai keberkesanan perkhidmatn ini supaya dapat membantu pelajar memahami diri dan persekitarannya secara positif. Ini merupaka antara objektif utama perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah. Kajian ini dijalankan berdasarkan Teori Model CIPP Stufflebeam (Context, Input, Product dan Process), 1984. Seramai 420 guru kaunseling di sekolah-sekolah menengah di 5 zon kebangsaan telah dipilih sebagai sampel kajian dan 5 orang guru bukan kaunseling ditemu bual untuk mengetahui keberkesanan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah. Hasil temu bual berhubung maklumat Objektif dengan Falsafah Pendididikan Negara (FPN) di kalangan guru-guru kaunseling dan bukan kaunseling menunjukkan guru-guru kaunseling menunjukkan keberkesanan tinggi dalam dimensi konteks ini. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input, proses dan produk berada pada tahap tinggi. Hasil Ujian Manova menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifiken pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input, proses dan produk antara guru lelaki dan guru perempuan kaaunseling. Ujian Regresi berganda pula menunjukkan terdapat pengaruh yang signifiken pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input

University of Malaya

terhadap proses perkhidmatan B&K. Juga terdapat pengaruh yang signifiken pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses terhadap produk perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah Malaysia.

University of Malaya

THE EFFECTIVENESS OF GUIDANCE AND COUNSELING SERVICES IN MALAYSIAN SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

Guidance and Counseling Services in Malaysian secondary schools were introduced in the 1960s during the colonial era. However,the full-time Guidance and Counseling positions were created only in 1996. Guidance and Counseling teachers are exempted from teaching and learning in the classroom. Although the service is being conducted full-time in schools over 20 years, the mass media reports that there is still a high moral collapse among students. This is why there is a need to evaluate the effectiveness of this service to help students understand themselves and their environment positively as in the objectives of the Guidance and Counseling services. This study was conducted based on CIPP Model (Context, Input, Product and Process) by Stufflebeam (1984). A total of 420 counseling teachers in secondary schools from 5 national zones were selected as sample surveys and 5 non-counseling teachers were interviewed to determine the effectiveness of the services in the schools. Interviews with regards to the objectives on the National Philosophy of Philosophy among counseling and non-counseling teachers showed counseling teachers demonstrated high efficiency of the context dimension. The findings also showed that input, process and product dimensions were also high. The results of the Manova Test showed that there was no significant difference in the implementation of Guidance and Counseling services from the input, processes and products dimensions between male and female teachers. Multiple Regression Testing showed that there was a significant influence on the implementation of Guidance and Counseling services from the input dimensions to the Guidance and Counseling services. There was also a significant influence on the implementation of Guidance and Counseling services from the dimensions of the

University of Malaya

process and products to Guidance and Counseling services in Malaysian secondary schools.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Aum Sai Ram Jai Sai Ram

Saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Fonny Dameaty Hutagalung dan Dr. Lau Poh Li yang telah banyak memberikan bimbingan dan panduan kepada saya dalam menyiapkan hasil penyelidikan ini. Tanpa bimbingan mereka amatlah sukar bagi saya menyiapkan penulisan saya ini.

Saya juga ingin mengcapkan terima kasih yang tidak terhingga saya kepada Prof Haslee Sharil Abdullah dari USIM yang menjadi penyelia saya, sebelum beliau meneruskan perkhidmatannya di USIM. Tidak lupa juga bimbingan daripada Arwah Prof Suradi Salim yang menjadi penyelia pertama saya semasa saya mendaftar sebagai pelajar pasca-siswazah.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih saya kepada guru-guru di SMK Lanchang, Pahang dan SMK Tanah Merah, Negeri Sembilan yang memberi kata perangsang dalam meneruskan perjuangan saya dalam menyiapkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Ph D) ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan saya di Universiti Malaya. Saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas segala dorongan dan bantuan yang diberikan oleh saudara-saudari sepanjang saya berada bersama mu. Juga tidak lupa pada guru-guru kaunseling yang menjadi responden kajian saya dari Negeri Pahang, Perlis, Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak.

Seterusnya terima kasih juga diucapkan kepada kedua ibu bapa saya Encik Natesan Annamalai dan Letchimi Sinnapayan yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dalam akademik sejak dari sekolah rendah sehingga ke peringkat Doktor Falsafah ini. Terima kasih juga pada semua adik beradik saya serta saudara mara yang sentiasa memberi galakkan dalam mencapai cita-cita saya.

Secara istimewanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada suami tercinta saya En. Soundrajah A/L A.Krishnan dari Universiti MAHSA yang memberikan kritikan positif serta memberikan panduan dan bantuan akademik pada saya bila-bila masa saya perlukan. Tidak lupa juga terima kasih kepada anak kami, Loshini A/P Soundrajah yang sedia menghulurkan bantuan dalam meringankan beban saya dalam menguruskan keluarga kami.

Akhir sekali terima kasih kepada semua saudara mara, rakan-rakan dan kenalan yang secara langsung dan tak langsung membantu saya sejak proses mula belajar sehingga berjaya menyiapkan penulisan penyelidikan ini. Terima Kasih.

University of Malaya

SENARAI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii
ABSTRAK iii
ABSTRACT v
PENGHARGAAN vii
SENARAI RAJAH xv
SENARAI JADUAL xvi

BAB 1 PENGENALAN 1
Pendahuluan 1
Latar Belakang Kajian 3
Pernyataan Masalah 10
Objektif Kajian 12
Soalan Kajian 14
Definisi Operasi 15
Keberkesanan 15
Sekolah menengah. 15
Perkhidmatan B&K 15
Penilaian konteks. 16
Penilaian input. 16
Penilaian proses. 17
Penilaian produk. 17
Kesignifikenan Kajian 17
Limitasi Kajian 19

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN 21
Pengenalan 21
Definisi Kaunseling 22
Definisi Bimbingan 25
Persamaan dan perbezaan konsep bimbingan dengan kaunseling 26
Falsafah perkhidmatan B&K 26
Visi dan Misi Perkhidmatan B&K 27
Perkembangan Perkhidmatan B&K di luar negara 27

University of Malaya

Latar Belakang Kaunseling Di Malaysia 33
Sejarah Awal Perkembangan Perkhidmatan B&K di Malaysia.....34
Sejarah Perkembangan Perkhidmatan B&K Selepas Merdeka.....35
Sejarah Perkembangan Perkhidmatan B&K Dekad 1960an hingga 1970an 37
Sejarah Perkembangan Perkhidmatan B&K Dekad 1980an hingga 2000 38
Perkembangan Perkhidmatan B&K ke Arah Mencapai Wawasan 2020 40
Perkembangan Perkhidmatan B&K ke Arah Mencapai Dasar Transformasi Nasional 2050 (TN 2050).....42
Perkembangan Perkhidmatan B&K dalam Abad 21.....43
Kajian dalam Perkhidmatan B&K di sekolah Menengah Malaysia.....45
Kajian Keberkesanan Perkhidmatan B&K di Luar Negara 66
Definisi Penilaian.....78
Model Penilaian Tyler (1950).....80
Model Penilaian Metfessel dan Michael (1967).....82
Model Penilaian Hammond (1971). 83
Model Penilaian Bebas-Matlamat Scriven (1972).....84
Model Penilaian CIRO (1970).....85
Model Penilaian Hamblin (1974). 86
Model Penilaian Bell (1979).....87
Model Penilaian Brinkerhoff (2003). 87
Model Penilaian Kirkpatrik (1959).....88
Model Penilaian CIPP (1971).....90
Keperluan Penilaian Keberkesanan Perkhidmatan B&K.....93
Konsep Model CIPP.....97
Model Penilaian CIPP Untuk Menilai Pelbagai Program Pendidikan 105
Pengiktirafan Program B&K Di Malaysia 108
Pengurusan Perkhidmatan B&K di Sekolah-sekolah Malaysia 111
Matlamat Kaunseling 115
Membantu klien bertanggungjawab ke atas dirinya. 116
Memperbaiki imej diri yang negatif. 116
Mengajar klien menyesuaikan diri dengan keadaan. 116
Mempermudahkan atau menggerakkan perubahan tingkah laku. 116
Membantu klien menjadi lebih produktif. 117
Membimbing klien mencari dan memupuk sumber dalaman. 117

University of Malaya

Mempertingkatkan kemampuan klien membuat keputusan. 117
Membantu klien mengurus masalah yang 'belum selesai' dalam hidupnya. .. 118
Jenis-Jenis Klien 118
Klien yang dirujuk *(Referral).* 118
Klien suka rela. 119
Klien enggan. 119
Klien yang tidak rela *(Reluctant).* 119
Klien yang menentang *(Resistent).* 120
Peranan dan Fungsi Utama Perkhidmatan B&K 121
Pembentukan Kaunselor atau Guru B&K yang Berkesan 122
Senarai Tugas Guru B&K Sepenuh Masa Di Malaysia 129
Peranan Kaunselor Dalam B&K 132
Peranan Kaunselor di Sekolah Menengah 133
Perkidmatan kaunseling. 134
Populasi. 135
Perlaksanaan B&K di Sekolah. 136
Mengenalpasti masalah-masalah yang wujud. 136
Pengumpulan maklumat. 136
Peranan. 137
Rancangan. Antara rancangan-rancangan aktiviti yang boleh dilakukan sebagai seorang kaunselor di sekolah menengah ialah: 138
Pembantu kaunselor. 139
Peranan pembimbing rakan sebaya. 140
Perkhidmatan Sebaran. 140
Program-program B&K yang terancang 141
Kod Etika Kaunselor/Guru Bimbingan 145
Cabaran yang dihadapi oleh Guru B&K 146
Peranan Guru B&K Dalam Membimbing Pelajar Bermasalah di Sekolah 153
Peranan Kaunselor Dalam Mengendalikan Masalah Disiplin Pelajar 159
Faktor-Faktor Mempengaruhi Keinginan Pelajar Mendapatkan Perkhidmatan B&K 3 Sekolah 161
Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan B&K 165
Bidang Tugas Dan Tanggungjawab Guru B&K 168
Panduan Rancangan Tahunan Unit B&K Sekolah Menengah 171

University of Malaya

Pelan Tindakan Unit B&K Sekolah Menengah 172
Contoh Pelan Operasi Sekolah Menengah 173
Kerangka Teori 174
Kerangka Konsep 186
Rasional Pemilihan Model Penilaian Stufflebeam (Model CIPP) 191
Keberkesanan Perkhdmatan B&K dalam Kajian Lepas 195
Cabaran Kerjaya Guru B&K di Sekolah pada abad ke-21 215
Kesimpulan 220

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 221
Pengenalan 221
Reka Bentuk Kajian 221
Populasi dan Persampelan Kajian 224
Tempat Kajian 226
Subjek Kajian 227
Instrumen Kajian 228
Prosedur Menyediakan Soal Selidik 234
Kajian Rintis 238
Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. 239
Kesahan Instrumen. 239
Kebolehpercayaan instrumen. 241
Prosedur Pelaksanaan 243
Penganalisisan Data 244
Rumusan 245

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 246
Pengenalan 246
Tahap Pengetahuan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dari Dimensi Konteks Guru B&K dan Bukan Guru B&K. 247
Dimensi konteks guru B&K 247
Dimensi Kontek Bukan Guru B&K 251
Profil Demografi Kajian 254
Analisis Dapatan Kajian 255

University of Malaya

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Dari Dimensi Input Di Sekolah Menengah Malaysia. 255

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses Di Sekolah Menengah Malaysia. 270

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Produk Di Sekolah Menengah Malaysia. 280

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Input Di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina. 286

Normality. 286

Multicollinearity. 287

Kesamaan varians antara kumpulan (homogeneity of varians between groups). 288

Kesamaan Varians Kovarian. 289

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses Di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina. 292

Normality. 292

Multicollinearity. 292

Kesamaan varians antara kumpulan (homogeneity of varians between groups). 293

Kesamaan Varians Kovarian. 294

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Produk Di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina. 296

Normality. 296

Multicollinearity. 297

Kesamaan varians antara kumpulan (homogeneity of varians between groups). 297

Kesamaan Varians Kovarian. 298

University of Malaya

Pengaruh Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Input terhadap dimensi Proses Di Sekolah Menengah Malaysia. 300

Pengaruh Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses terhadap dimensi Produk Di Sekolah Menengah Malaysia. 303

Rumusan.....306

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN 308

Pendahuluan 308

Perbincangan 309

Pelaksanaan perkhidmatan B&K Sekolah Menengahdi Malaysia berdasarkan Dimensi Konteks 310

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Input Di Sekolah Menengah Malaysia. 316

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses Di Sekolah Menengah Malaysia. 329

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Produk Di Sekolah Menengah Malaysia. 336

Perubahan sikap pelajar. 337

Pencapaian objektif perkhidmatan B&K. 339

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Input (Pengetahuan dan kemahiran, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhidmatan) Di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina. 340

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses (strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling) di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina. 340

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Dari Dimensi Produk (Perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K) Di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina Guru B&K. 341

Pengaruh Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Dari Dimensi Input terhadap Dimensi Proses Di Sekolah Menengah Malaysia. 342

University of Malaya

Pengaruh Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses terhadap Dimensi Produk Di Sekolah Menengah Malaysia..... 342

Cadangan..... 343
Rumusan 344

RUJUKAN 349

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 P rosedur penggunaan model penilaian bebas-matlamat Scriven (1972) 85

Rajah 2.2 Model CIPP 176

Rajah 2.3 Model CIPP 179

Rajah 2.4 Kerangka Konsep Kajian Model CIPP (D.L. Stufflebeamet.al., 1971; Muhd Amin Zakaria, 2008)..... 188

Rajah 4.1 Graf Plot Kebarangkalian Normal 301

Rajah 4.2 Graf Plot Kebarangkalian Normal 304

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1 Perkembangan Utama Evolusi Kaunseling Sekolah dalam abad ke 20.....29-31

Jadual 2.2 Penilaian CIPP dan Objektif, Kaedah dan Membuat Keputusan.....103-104

Jadual 2.3 Bidang tugas dan tanggungjawab guru B&K 169

Jadual 2.4 Contoh Panduan Rancangan Tahunan Unit B&K Sekolah Menengah..... 171

Jadual 2.5 Contoh Pelan Tindakan Unit B&K SekolahMenengah 172

Jadual 2.6 Contoh Pelan operasi unit B&K sekolahmenengah..... 173

Jadual 2.7 Kerelevanan Model CIPP dalam Membuat Keputusan dan Akauntabiliti 182

Jadual 2.8 Keperluan-keperluan Data Untuk Akauntabiliti Yang Boleh Ditemui Oleh Model Penilaian CIPP..... 184

Jadual 3.1 Kedudukan negeri mengikut zon 226

Jadual 3.2 231

Jadual 3.3 232

Jadual 3.4 233

Jadual 3.5 Kesahan dalam penyelidikan kuantitatif..... 239

Jadual 3.6 Maklumat Panel 241

Jadual 3.7 Keputusan Kajian Rintis 1 dan 2 242

Jadual 4.1 Huraian Persoalan Kajian 254

Jadual 4.2 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengetahuan dan kemahiran guru dari segi perkembangan personal di sekolah menengah Malaysia 256

University of Malaya

Jadual 4.3 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengetahuan dan kemahiran guru dari segi perkembangan pendidikan di sekolah menengah Malaysia 258

Jadual 4.4 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengetahuan dan kemahiran guru dari segi perkembangan kerjaya di sekolah menengah Malaysia 260

Jadual 4.5 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input sokongan pengetua di sekolah menengah Malaysia 262

Jadual 4.6 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengurusan kewangan di sekolah menengah Malaysia 264

Jadual 4.7 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input kemudahan dan bahan rujukan di sekolah menengah Malaysia 266

Jadual 4.8 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input latihan dalam perkhidmatan di sekolah menengah Malaysia 268

Jadual 4.9 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input di sekolah menengah Malaysia 270

Jadual 4.10 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses strategi menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah menengah Malaysia 271

Jadual 4.11 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi penyelarasan di sekolah menengah Malaysia 273-274

Jadual 4.12 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi komunikasi di sekolah menengah Malaysia 276

Jadual 4.13 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi perundingan di sekolah menengah Malaysia 278

Jadual 4.14 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses di sekolah menengah Malaysia 279

University of Malaya

Jadual 4.15 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produk perubahan sikap pelajar di sekolah menengah Malaysia 281-282

Jadual 4.16 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produk pencapaian objektif perkhidmatan B&Kdi sekolah menengah Malaysia 284

Jadual 4.17 Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produk di sekolah menengah Malaysia 285

Jadual 4.18 Normaliti data kajian 287

Jadual 4.19 Hubungan linear antara pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina 288

Jadual 4.20 Kesamaan varian antara kumpulan 289

Jadual 4.21 Box'M perbezaan pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina. 289

Jadual 4.22 Wilks' Lambda perbezaan pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina 290

Jadual 4.23 Manova perbezaan pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina 291

Jadual 4.24 Normaliti data kajian 292

Jadual 4.25 Hubungan linear antara strategi menjalankan perkhidmatan B&K dengan peranan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina 293

Jadual 4.26 Kesamaan varian antara kumpulan 294

Jadual 4.27 Box'M perbezaan strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina. 294

Jadual 4.28 Wilks' Lambda perbezaan strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina 295

University of Malaya

Jadual 4.29 Manova perbezaan strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina 295

Jadual 4.30 Normaliti data kajian..... 297

Jadual 4.31 Hubungan linear antara perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantina 297

Jadual 4.32 Kesamaan varian antara kumpulan 298

Jadual 4.33 Box'M perbezaan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mengikut jantina. 298

Jadual 4.34 Wilks' Lambda perbezaan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantina..... 299

Jadual 4.35 Manova perbezaan perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantina 299

Jadual 4.36 Analisis Varians 301

Jadual 4.37 Regresi berganda pengaruh kemudahan bahan rujukan, pengetahuan dan kemahiran, pengurusan kewangan dan latihan dalam perkhidmatan terhadap proses perkhidmatan dan bimbingan kaunseling 302

Jadual 4.38 Analisis Varians 305

Jadual 4.39 Regresi berganda pengaruh peranan dan fungsi guru kaunseling serta strategi menjalankan perkhidmatan B&K terhadap produk perkhidmatan dan bimbingan kaunseling 305

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Kementerian Pendidikan Malaysia
Lampiran B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Lampiran C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Lampiran D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan NegeriTerengganu
Lampiran E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Lampiran F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Lampiran G	Surat Akuan Menjalankan Kajian Rintis
Lampiran H	Surat Pengesahan Panel
Lampiran I	Surat- surat Pekeliling

University of Malaya

BAB 1
PENGENALAN

Pendahuluan

Kerajaan Malaysia memberikan perhatian yang cukup penting ke atas pembangunan Modal Insan di Malaysia. Ini dapat dilihat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2010) yang menyatakan bahawa Modal Insan adalah pelaburan terpenting bagi sesebuah negara di mana pembangunan manusia menjadi fokus utama dalam meningkatkan inovasi dan ekonomi negara ke arah yang lebih produktif. Sesebuah negara itu boleh memperolehi kemajuan jika mempunyai sumber manusia yang berkemahiran tinggi. Ini adalah kerana sumber manusia yang sedemikian dapat bertindak balas dengan cepat dan kreatif dalam membantu perubahan ekonomi yang positif. Dengan ini kerajaan kita berhasrat untuk melahirkan Modal Insan bertaraf dunia. Usaha murni ini perlu ditanam sejak di bangku sekolah lagi. Di sinilah letaknya peranan dan fungsi perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B&K) dalam melahirkan insan yang seimbang dari aspek intelek, jasmani, emosi dan rohani serta beriman dan beramal soleh sepertimana terkandung dalam Falsafah perkhidmatan B&K.

Pembangunan Modal Insan juga amat bersesuaian dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang telah dilancarkan pada tahun 2007. Menerusi PIPP ini kerajaan memberi tumpuan ke dalam pembangunan sumber manusia "Minda Kelas Pertama" di mana ini menjadi pendekatan penting dalam mengorak langkah ke arah negara maju. Ini dapat dilihat pada Teras Kedua dalam teras strategik PIPP ini, iaitu "Membangunkan Modal Insan" di mana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha melahirkan insan-insan yang berpekerti mulia,

University of Malaya

mempunyai pengetahuan dan memiliki kemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak negara ke arah menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020. Dalam hal ini KPM perlu bertanggungjawab dalam menyediakan generasi akan datang yang berpeluang bagi:

i. Memperkembangkan potensi diri
ii. Mengisikan diri dengan kemahiran yang pelbagai
iii. Melahirkan ciri-ciri peribadi yang positif di mana boleh berjaya dalam kehidupan dan seterusnya dapat membantu memajukan negara di mata dunia.

Modal Insan yang bakal diwujudkan ini akan selari dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) di mana membolehkan seseorang individu mampu berfikir secara kreatif dan kritis, mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dan berkelayakan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah. Modal Insan sebeginilah yang diharapkan boleh dilahirkan melalui pelaksanaan perkhidmatan B&K yang dinyatakan dalam misi perkhidmatan berkenaan iaitu:

i. Menguruskan program dan aktiviti kaunseling dengan cekap dan berkesan.
ii. Melahirkan pelajar yang mempunyai kepintaran emosi (EQ) yang tinggi dan berakhlak mulia.
iii. Membimbing pelajar ke arah mencapai prestasi yang tinggi dalam akademik.
iv. Mewujudkan suasana pembelajaran yang memberangsangkan melalui program B&K.
v. Memberikan pendidikan kerjaya bersepadu kepada pelajar.
vi. Memupuk semangat patriotik dan kualiti kepimpinan di kalangan pelajar.

University of Malaya

Latar Belakang Kajian

Pelaksanaan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah Malaysia telah melalui beberapa fasa perkembangan sejak ianya diperkenalkan di zaman penjajah lagi. Pentadbir British mengesyorkan supaya perkhidmatan bimbingan kerjaya diadakan untuk murid-murid sekolah. Aminah Haji Hashim (1994) menyatakan perkhidmatan bimbingan di sekolah menengah di Malaysia bermula pada tahun1939 dengan adanya penerbitan sebuah makalah yang bertajuk 'Panduan Kerjaya di Tanah Melayu bagi ibu bapa, guru-guru dan murid-murid'. Sebaliknya Pope, Muhaini, Singaravelu, Bringaze & Russell (2002) menyatakan bahawa walaupun pentadbir British banyak menyumbang kepada sistem ekonomi dan pendidikan di Malaysia, tidak ada suatu sistem bimbingan vokasional dimasukkan apabila mereka mengasaskan pendidikan di Malaysia sekitar 1940an. Penyangkalan mereka ini yang menyebabkan kenyataan Aminah Haji Hashim bahawa bimbingan telah diperkenalkan di Malaysia sejak tahun 1939 itu adalah tidak tepat. Manakala Abdul Latiff Md. Ali (1984) menyatakan bahawa perkhidmatan ini hanya mula dikenali di Malaysia pada tahun 1963, di mana hasil daripada perakuan Suruhanjaya UNESCO, KPM telah mendapat bantuan daripada Rancangan Colombo melalui penghantaran seorang Pegawai Perunding daripada Kanada yang bernama Russel K. Mackenzie yang ditugaskan untuk melatih kakitangan pendidikan untuk mengendalikan perkhidmatan bimbingan kerjaya.

Suradi Salim (2004) menyatakan bahawa perkhidmatan bimbingan yang agak tersusun diperkenalkan di sekolah-sekolah apabila pihak Kementerian Pelajaran (kini Kementerian Pendidikan) menubuhkan satu seksyen di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan di mana pada tahun 1964 Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan PekelilingKP5209/35(4)yang isi kandungannya menekankan

University of Malaya

kepentingan perkhidmatan tersebut di sekolah-sekolah. Kandungan Surat Pekeliling tersebut memberi arahan kepada semua pengetua sekolah supaya melantik seorang guru bimbingan dan seterusnya urutan daripadanya Unit Panduan Pelajaran dan Kerjaya telah diwujudkan di KPM dalam tahun 1967. Seorang pegawai telah ditugaskan khas untuk mengetuai unit itu. Unit itu yang pada mulanya diletakkan di bawah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, telah dipindahkan pula ke Bahagian Sekolah-Sekolah pada tahun 1973 lantas menjadi subunit di bawah Unit Hal Ehwal Pelajar.

Rentetan perkembangan ini terus mengorak langkah demi langkah di mana pada tahun 1976, Surat Pekeliling Iktisas KP(BS)8548/1Vol.11(49) Bil 5/1976 telah dikeluarkan dan diarahkan sekolah-sekolah mengadakan kemudahan bilik untuk perkhidmatan panduan pelajaran dan kerjaya. Manakala pada tahun 1982 telah diarahkan supaya beban mengajar guru panduan adalah ditetapkan kepada 12 waktu seminggu. Ini dimurnikan lagi dengan sokongan dan galakkan dari KPM pada tahun 1993 di mana mengeluarkan Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K untuk Sekolah-Sekolah Menengah. Kepentingan perkhidmatan B&Kbertambah nyata apabila Menteri Pendidikan pada tahun 1996 mengumumkan supaya melantik kaunselor sepenuh masa di sekolah menengah secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1996. Perkhidmatan B&K semakin mantap dengan pengedaran Surat Pekeliling Iktisas Bil. 3/96 bertarikh 11 Julai 1996 yang mengarahkan sekolah-sekolah mewujudkan jawatan kaunselor sepenuh masa di sekolah yang berkhidmat mulai pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang. Perkembangan selanjutnya ialah mulai tahun 2003, sekolah-sekolah diminta untuk melantik kaunselor sepenuh masa mengikut bilangan pelajar iaitu seorang kaunselor sepenuh masa untuk setiap 500 orang pelajar. Perkara yang menjadi kemuncak segala perkembangan dalam

perkhidmatan B&K ialah tindakan Kerajaan Malaysia yangmeluluskan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) untuk menentukan supaya orang ramai memperolehi perkhidmatan yang kompeten dan berkualiti dari kaunselor yang berdaftar. Proses pendaftaran ini adalah proses menyaring mereka yang layak memberikan perkhidmatan kaunseling. Hanya mereka yang memenuhi keperluan kelayakan sahaja yang diberi lesen kebenaran untuk memberikan perkhidmatan sebagai kaunselor berdaftar.

Perkembangan terbaru dalam pelaksanaan perkhidmatan B&K dapat dilihat dalam program transformasi pendidikan iaitu pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) di mana guru kaunseling dikehendaki menjalankan Pentaksiran Psikometrik (PPsi) sebagai sebahagian daripada komponen pentaksiran. Pengoperasian PBS mula dilaksanakan di sekolah rendah pada sesi persekolahan Tahun 2011 dan sekolah menengah pula pada sesi persekoahan Tahun 2012 (Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bil. 1/2014). PBS merangkumi suatu pentaksiran menyeluruh di mana meliputi pencapaian dan perkembangan pembelajaran murid. Ia merangkumi empat komponen iaitu:

i. Pentaksiran Sekolah (PS)

   Pentaksiran ini meliputi sebahagian daripada proses PdP di sekolah. Ia termasuk Pentaksiran sebagai Pembelajaran, Pentaksiran untuk Pembelajaran dan Pentaksiran tentang Pembelajaran. Ia boleh dilaksanakan menerusi pemerhatian atau ujian termasuk pentaksiran seperti tugasan bertulis, projek, pembentangan, demonstrasi, kajian lapangan atau kajian kes.

ii. Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Ko-kurikulum (PAJSK)

   PAJSK ini meliputi pentaksiran di dalam aktiviti jasmani, kesihatan, sukan dan ko-kurikulum.

University of Malaya

iii. Pentaksiran Psikometri (PPsi)

Ppsi ini mengukur kebolehan semula jadi, kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, minat, kecenderungan, sikap dan personaliti murid.

iv. Pentaksiran Pusat (PP)

PP ini disediakan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Guru kaunseling dikehendaki mengukur dimensi yang berkaitan dengan minda atau jiwa murid meliputi sensitiviti, kecerdasan, aptitud, minda dan personaliti. PPsi ialah satu pendekatan sistematik di mana maklumat dikumpulkan untuk menggambarkan tret psikologi seseorang murid. Tret psikologi ini meliputi bakat dan personaliti murid. Dapatan keputusan PPsi ini menolong memajukan pembelajaran murid.

Pengimplementasian perkhidmatan B&K di Malaysia boleh dikatakan menjadi suatu fenomena baru dalam sistem pendidikan kita berbanding negara-negara lain. Masih belum banyak penyelidikan tempatan dalam bidang B&K ini. Kebanyakkan penyelidikan yang dijalankan adalah berfokus kepada masalah keperluan dan persepsi sahaja. Manakala keberkesanan perkhidmatan B&K kurang dikaji dan dijalankan kerana tidak ada suatu model penilaian yang khas yang boleh dijadikan contoh untuk mengukur keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah. Pengkaji tempatan Rafidah Aga dan Lau Poh Li (2014) menyatakan bahawa walaupun profesion kaunseling di Malaysia sudah menjangkau usianya 40 tahun tetapi masih terdapat beberpa isu dan kebimbangan berhubung perkhidmatan ini. Pada umumnya terdapat suatu keraguan berhubung peranan kaunselor yang sebenar di sekolah-sekolah. Terlebih dahulu Syafrimen et al., (2010) jugatelah

University of Malaya

menyokong pendapat ini dengan menyatakan bahawa guru-guru kaunseling kabur tentang tugas dan peranan profesional mereka.

Pengkaji luar negara seperti Lewis(1978) menyatakan bahawa suatu persepsi yang tepat tentang peranan profesional kaunselor sekolah adalah perlu untuk mempertahankan identiti dan kestabilan profesional kaunselor-kaunselor. Suatu profesional yang jelas dan suatu definisi yang betul berhubung peranan kaunselor itu bukanlah hanya penting untuk identiti profesional kaunselor dan untuk program-program latihan kaunselor tetapi juga berguna kepada kaunselor-kaunselor dalam melaksanakan peranan mereka secara mantap (Podemski & Childers, 1982). Manakala Hutchinson, Barrick & Groves 1986 dalam kenyataan mereka menyatakan isu-isu akauntabiliti boleh diperkatakan jika terdapat suatu penjelasan berhubung peranan kaunselor dan dengan itu suatu definsi yang tepat dan jelas berhubung peranan kaunselor adalah penting. Manakala Terrill, (1990), Remley & Albright, 1988 menegaskan bahawa jika kaunselor-kaunselor sekolah dikehendaki dipersepsikan sebagai kaunselor-kaunselor profesional yang efektif maka mereka perlu dengan jelas mendefinisikan diri mereka dengan peranan profesional yang mereka akan melaksanakan di sekolah. Wilgus & Shelly (1988) pula menggalakkan kaunselor-kaunselor untuk mendokumentasikan fungsi mereka untuk menghasilkan peranan-peranan yang nyata dan mendefinisikan dengan baik serta dengan teliti menilai peranan berkenaan. Drury (1984) pula menyatakan kewujudan terus program-program kaunseling dalam sekolah akan terancam jika peranan profesional kaunselor-kaunselor sekolah dan kepentingan peranan berkenaan di salah tafsir oleh kumpulan-kumpulan penting dalam sekolah dan komuniti.

University of Malaya

Suatu pandangan umum berhubung peranan kaunselor sekolah dapat dilihat pada kenyataan yang dikeluarkan oleh Persatuan Kaunselor Sekolah Amerika (American School Counselor Association - ASCA) adalah seperti berikut:

i. Menjelaskan penghargaan nilai, penghormatan dan kualiti hak kemanusiaan pelajar.

ii. Menunjukkan kepentingan dalam membantu perancangan perkembangan akademik, kerjaya, peribadi dan sosial pelajar-pelajar.

iii. Membantu pelajar-pelajar dalam penilaian diri, pemahaman diri, hala tuju diri dan membolehkan mereka membuat keputusan-keputusan yang sesuai berhubung matlamat-matlamat jangka pendek dan juga untuk suatu matlamat jangka panjang.

iv. Membantu pelajar-pelajar dalam mengembangkan tabiat-tabiat sihat dan nilai yang positif.

v. Menggalakkan pelajar-pelajar menceburkan diri dalam program-program sekolah yang bersesuaian dengan suatu pandangan ke arah meningkatkan keberkesanan dalam aktiviti-aktiviti perkhidmatan dan sosial.

vi. Mengambil bahagian di dalam perancangan dan pelan penyelidikan yang membawa keputusan yang berguna untuk kaunselor-kaunselor.

vii. Membantu pelajar-pelajar di dalam perkembangan kesedaran dunia pekerjaan dan penggunaan sumber-sumber komuniti sekolah.

viii. Membantu pelajar-pelajar memperolehi suatu pemahaman yang lebih baik, berhubung dunia pekerjaan melalui perolehan kemahiran dan sikap serta penyertaan di dalam program-program kerjaya.

University of Malaya

ix. Menggalakkan pelajar-pelajar merancang aktiviti-aktiviti dan menggunakan aktiviti-aktiviti masa lapang untuk meninggikan kepuasan diri.

x. Dengan jelas menyatakan syarat-syarat memberikan kaunseling berhubung kebebasan komunikasi.

xi. Membantu penyesuaian pelajar di sekolah menengah, menilai kemajuan akademik dan meneliti keperluan-keperluan pensiswazahan.

xii. Membuat rujukan berkenaan dengan sumber-sumber yang sesuai berhubung profesional atau limitasi rol.

xiii. Membantu pelajar-pelajar dalam memahami kekuatan, kelemahan, minat, nilai, potensi dan limitasi mereka.

Manakala di Malaysia pula KPM dalam Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K (1984) telah menyenaraikan 10 jenis perkhidmatan B&K yang perlu dilaksanakan di sekolah adalah seperti berikut:

i. Perkhidmatan Inventori Individu dan Rekod Pelajar
ii. Perkhidmatan Pemberian Maklumat
iii. Perkhidmatan Bimbingan Kelompok
iv. Perkhidmatan Kaunseling
v. Perkhidmatan Penempatan
vi. Perkhidmatan Pendidikan Pencegahan Dadah
vii. Perkhidmatan Konsultasi dan Rujukan
viii. Perkhidmatan Konferen dengan Ibu Bapa
ix. Perkhidmatan Penyelarasan Resos
x. Perkhidmatan Penilaian

University of Malaya

Perkhidmatan B&K telah diperkenalkan di Malaysia sejak 1963 lagi, tetapi suatu diskripsi berhubung peranan kaunselor yang sebenar tidak dijelaskan lagi. Sudah lebih 15 tahun guru kaunseling sepenuh masa ditempatkan di sekolah-sekolah tetapi suatu peranan total berhubung bagaimana sering kaunselor-kaunselor melaksanakan tugas mereka gagal dikesan. Maka sudah sampailah masanya di mana perkhidmatan ini perlu dikaji bagi melihat sejauh manakah keberkesanan pelaksanaannya dari pelbagai sudut.

Pernyataan Masalah

Perkhidmatan B&K sepenuh masa merupakan suatu perkhidmatan sokongan dalam sistem pendidikan kita. Maka dengan ini keberkesanan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah menengah di Malaysia harus dinilai untuk menentukan samada perkhidmatan sokongan ini harus diteruskan, dimurnikan atau terus dimansuhkan daripada sistem pendidikan kita. Usaha murni KPM melantik guru kaunseling sepenuh masa di sekolah-sekolah harus dipuji kerana golongan remaja di sekolah memerlukan khidmat seorang pakar dalam menangani isu akdemik, kerjaya dan peribadi mereka. Dengan ini tanggungjawab guru-guru ini adalah cukup bermakna bagi golongan pelajar ini dalam mengharungi zaman remaja yang penuh dengan konflik diri.

KPM telah menempatkan sekurang-kurangnya seorang guru kaunseling di semua sekolah menengah dan mereka ini dikecualikan daripada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kelas (Surat Pekeliling Iktisas KPM, Bil. 3/96 bertarikh 11 Julai 1996). Harapan KPM ialah supaya guru-guru ini dapat memenangi jiwa murid serta memberikan perkhidmatan yang mesra, selesa dan kondusif kepada murid untuk menyuarakan isi hati dan permasalahan mereka, sepertimana terkandung

University of Malaya

dalam objektif Perkhidmatan B&K (Surat Siaran KPM, Bil.12 Tahun 2012). Malangnya kajian-kajian dalam negeri yang pernah dijalankan berhubung dengan pelaksanaan perkhidmatan ini rata-ratanya menunjukkan bahawa perkhidmatan ini masih kurang menyeluruh pelaksanaannya dan pengendaliannya adalah tidak memuaskan.

Ghazali Darussalam (2010) menyatakan bahawa setiap program yang diimplementasikan oleh setiap institusi dan organisasi harus dinilai selepas pelaksanaan suatu kohort. Maka sudah sampailah masanya kita harus menilai sejauh manakah keberkesanan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Meskipun objektif Perkhidmatan B&K dinyatakan dengan jelas bahawa ianya bertujuan dalam melahirkan murid yang berfikiran positif serta bersahsiah tinggi, namun dalam keadaan sebenar didapati bahawa masalah keruntuhan moral begitu berleluasa di kalangan murid-murid sekolah. Menteri Perpaduan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Sharizat Abd. Jalil (Berita Harian, 3 Disember 2010) menyatakan bilangan murid sekolah yang terlibat dengan masalah disiplin adalah tinggi di mana pada tahun 2008 terdapat 4 111 kes murid, 2009 terdapat 3 763 kes manakala 2010 (hingga Oktober) pula terdapat 2 658 kes. Tambah beliau lagi antara punca keruntuhan akhlak adalah disebabkan oleh guru yang kurang profesional dalam menangani masalah pelajar. Timbullah persoalan sekarang di mana letaknya kewibawaan kaunselor-kaunselor sekolah dalam membimbing pelajar-pelajar ke arah yang lebih positif.Manakala data yang dikeluarkan oleh Lembaga Kaunselor dalam Seminar Kaunseling 2014 berhubung Isu Kaunseling di Sekolah menunjukkan bahawa pada tahun 2013 terdapat 40% murid (2 279 kes) mengalami stress, 51.6% murid (3 520 kes) dalam keresahan dan 35.1% murid (2 395 kes) mengalami kemurungan. Di sini timbul persoalan di manakah letaknya keberkesanan

perkhidmatan ini dan di mana berlaku lompang yang menyebabkan guru-guru ga.gal menangani isu pelajar di sekolah.

Wawasan 2020 bertujuan mengimbangkan pembangunan material dan pembangunan rohaniah (Zurinah Hassan, 2014). Disinilah letaknya peranan guru-guru kaunseling sekolah dalam membangunkan bakat dan sumber manusia ke tahap yang lebih cemerlang supaya dapat membawa Malaysia ke tahap negara maju. Malangnya dapatan kajian menunjukkan bahawa KPM merekodkan terdapat 13,359 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terlibat dalam salah laku disiplin berat atau yang berunsur jenayah (Utusan Malaysia, 7 Nov. 2014) . Di sini wujud keperluan untuk menilai semula keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah kerana walaupun di setiap sekolah sudah ditempatkan sekurang-kurangnya seorang guru kaunseling sepenuh masa tetapi isu disiplin masih di tahap kritikal lagi di sekolah-sekolah.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Untuk mengenal pasti pengetahuan guru B&K dalam perkhidmatan B&K dari Dimensi Konteks di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Termasuk didalam Dimensi Kontek adalah: kerelevanan objektif perkhidmatan B&K dengan FPN di sekolah-sekolah menengah di Malaysia, sikap guru kaunseling dalam penerimaan sebagai guru kaunseling sepenuh masa di sekolah-sekolah menengah di Malaysia, masalah menguruskan perkhidmatan B&K di sekolah menengah di Malaysia,keyakinan guru-guru kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia,kursus/LADAP/bengkel yang dihadiri dalam 5 tahun lepas yang

membantu guru-guru kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia?

2. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Dimensi Input adalah: pengetahuan dan kemahiran guru-guru kaunseling, sokongan pengetua terhadap perkhidmatan B&K, pengurusan kewangan,kemudahan dan bahan rujukan, kesedian guru B&K dalam perkhidmatan B&K di sekolah menengah di Malaysia.
3. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Dimensi Proses adalah: strategi menjalankan perkhidmatan B&K dan peranan dan fungsi guru kaunseling di sekolah menengah di Malaysia.
4. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Produk di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Dimensi produk adalah: strategi menjalankan perkhidmatan B&K dan peranan dan fungsi guru kaunseling di sekolah menengah di Malaysia
5. Untuk mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input berdasarkan jantina.
6. Untuk mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses berdasarkan jantina.
7. Untuk mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Produk berdasarkan jantina.
8. Untuk mengenal pasti pengaruh pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input terhadap Dimensi Proses.

University of Malaya

9. Untuk mengenal pasti pengaruh pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses terhadap Dimensi Produk.

Soalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencari jawapan-jawapan kepada soalan-soalan kajian berikut:

1. Adakah guru kaunseling mempunyai pengetahuanyang cukup berhubung perkhidmatan B&K dari Dimensi Konteks?
2. Apakah Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input?
3. Apakah Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses?
4. Apakah Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Produk?
5. Apakah terdapat perbezaaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input berdasarkan jantina?
6. Apakah terdapat perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses berdasarkan jantina?
7. Apakah terdapat perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Produk berdasarkan jantina?
8. Apakah terdapat pengaruh pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input terhadap Dimensi Proses?
9. Apakah terdapatpengaruh pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses terhadap Dimensi Produk?

University of Malaya

Definisi Operasi

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini di mana akan diterangkan dari segi operasinya untuk menerangkan makna istilah dalam penyelidikan yang dijalankan ini.

Keberkesanan. Keberkesanan ialah perihal berkesan,berkesannya sesuatu tindakan, perubahan dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2007). Ia melahirkan hasil di mana menyebabkan sesuatu perubahan berlaku ke atas pemikiran seseorang atau sesuatu golongan. Ini akan membawa kepada perubahan sikap, menimbulkan minat dan sebagainya.Dalam penyelidikan ini, keberkesanan dimaksudkan sebagai hasil yang diperolehi daripada pelaksanaan perkhidmatan B&K di sekolah menengah. Hasil diperolehi dengan menggunakan Model CIPP, Stufflebeam (1986).

Sekolah menengah. Di Malaysia Sekolah Menengah terdiri daripada Sekolah Teknik/Vokasional, Sekolah Harian Biasa, Sekolah Agama, Sekolah Sains/Integrasi dan Sekolah Bantuan Kerajaan (Cina). Pendidikan menengah ini ditawarkan selama 5 tahun di mana murid sekolah rendah yang tamat pendidikan rendah dikehendaki menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam pembelajaran mereka. Manakala Bahasa Inggeris pula menjadi suatu mata pelajaran wajib.

Perkhidmatan B&K. Perkhidmatan B&K merupakan perkhidmatan sokongan yang diberikan kepada pelajar-pelajar di sekolah. Perkhidmatan B&K menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan, pertumbuhan, krisis dan pemulihan. Tanggungjawab guru-guru B&K sekolah menengah adalah dalam menawarkan suatu perkhidmatan yang menyeluruh kepada remaja pada masa sekarang dan akan datang. Suatu bentuk penilaian adalah sangat penting dalam

University of Malaya

menawarkan perkhidmatan B&K untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar dari luar bandar serta bandar. Suradi Salim (2001) menyatakan bahawa program Bimbingan yang berkesan di sekolah perlu merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan 1. inventori individu, 2. perkhidmatan maklumat, 3. perkhidmatan kaunseling, 4. perkhidmatan penempatan, 5. perkhidmatan penyusulan, penyelidikan dan penilaian, 6. perkhidmatan untuk pelajar yang berkeperluan khusus.

Penilaian konteks. Penilaian konteks adalah berhubung matlamat sesuatu kurikulum di mana ia menilai keperluan, masalah dan peluang dalam membantu mengenal pasti matlamat dan hasil sesuatu program (Stufflebeam et. al, 2003). Bagi perkhidmatan B&K di sekolah, penialaian konteks akan menilai kerelevanan objektif perkhidmatan B&K mencapai matlamat perkhidmatan ini di sekolah-sekolah, sikap guru kaunseling dalam penerimaan sebagai guru kaunseling sepenuh masa di sekolah-sekolah, masalah yang dihadapi dalam menguruskan perkhidmatan B&K serta keyakinan dalam menjalankan perkhimatan ini di sekolah-sekolah. Penilaian konteks ini bergerak berlandaskan sistem kawalan iaitu KPM yang merangka FPN serta matlamat dan objektif perkhidmatan B&K.

Penilaian input. Penilaian input memberi tumpuan terhadap perancangan, strategi, prosedur dan sumber yang terlibat dalam mencapai matlamat dan objektif program (Stufflebeam et. al, 2003). Semasa merancang sesuatu program pengetahuan dan kemahiran guru adalah aspek penting yang dimbil kira memandangkan guru adalah sumber yang terpenting untuk menjayakan sesuatu program. Mok Soon Sang (2008) menyatakan kejayaan sesuatu sukatan pelajaran adalah terletak pada keupayaan guru dalam menjalankan pengajaran dengan penuh dedikasi. Maka dalam penilaian input ini pengkaji melihat pada pengetahuan dan kemahiran guru kaunseling, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan

University of Malaya

bilik dan bahan-bahan sokongan serta tahap kelayakan guru-guru bersama dengan kursus dalam perkhidmatan (KDP) yang dihadiri untuk memantapkan perkhidmatan mereka.

Penilaian proses. Penilaian proses memberi fokus kepada cara pelaksanaan program (Stufflebeam et. al, 2003). Penilaian ini penting dalam melihat apa yang dilaksanakan itu kongruen dengan apa yang telah dirancang (Azizi, 1999). Dalam kajian ini dilihat pendekatan menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling dalam menjayakan perkhidmatan ini di sekolah.

Penilaian produk. Penilaian produk memberi tumpuan kepada hasil program bila mana program sudah dilaksanakan (Stufflebeam et. al, 2003). Penilaian produk ini melihat kepada samada matlamat, objektif serta hasil sesuatu program atau perkhidmatan itu dicapai pada akhir kursus. Perubahan sikap pelajar serta pencapaian objektif perkhidmatan B&K dilihat dalam penilaian produk ini.

Kesignifikenan Kajian

Ghazali Darussalam (2010) menyatakan bahawa setiap program yang diimplementasikan oleh setiap institusi dan organisasi harus dinilai selepas pelaksanaan suatu kohort. Walaupun perkhidmatan B&K sepenuh masa sudah dijalankan di sekolah melebihi 15 tahun tetapi kajian menunjukkan bahawa tidak ada lagi kajian yang komprehensif yang dijalankan ke atas keberkesanan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah.Program B&K di sekolah harus dinilai, walaupun beberapa pemurniaan di lakukan ke atas bidang tugas kaunselor seperti kaunselor tidak perlu lagi terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Suasana di sekolah memerlukan guru-guru B&K menjalankan bidang tugas yang ditentukan oleh KPM, di samping tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak pentadbiran di sekolah.

University of Malaya

Kebanyakkan masa diperuntukkan untuk menjalankan 'core-business' mereka iaitu menjalankan kaunseling individu dan kaunseling kelompok. Maklum balas berhubung keberkesanan perkhidmatan mereka tidak diberi perhatian akibat daripada kemungkinan kekangan masa mahupun kurang kemahiran.

Malangnya, penilaian-penilaian keberkesanan tidak diberi penekanan di sekolah mahupun di dalam latihan kaunselor atau program-program pendidikan kaunseling. Tumpuan lebih diberi kepada pengajaran Teori-teori Kaunseling dan juga Teknik-teknik Kaunseling. Memang tidak boleh dinafikan bahawa teori dan teknik sangat penting semasa menjalankan sesi-sesi kaunseling, tetapi penilaian keberkesanan program juga perlu diberi fokus supaya dapat memberi maklum balas berhubung perkhidmatan ini di sekolah-sekolah.

Kajian-kajian pernah dijalankan ke atas penilaian perkhidmatan B&K di sekolah, tetapi tumpuan hanya diberi pada keberkesanan program yang dijalankan iaitu input yang diberi oleh guru-guru kaunseling kepada murid-murid. Tetapi sedihnya masalah-masalah yang dihadapi oleh kaunselor tidak pernah dikaji secara mendalam. Tambahannya pula suatu kajian yang komprehensif melibatkan konteks, input, proses dan produk tidak pernah dikaji di sekolah-sekolah. Pengimplementasian program B&K sepenuh masa sudah melampaui suatu dekad tetapi tidak ada pihak yang bertanggungjawab mendengar rintihan dan keluhan kaunselor-kaunselor di sekolah bagi menjamin kesejahteraan mereka.

Memandangkan kajian ini merupakan kajian komprehensif yang pertama ke atas penilaian perkhidmatan B&K dengan menggunakan model CIPP, dapatan kajian akan menyumbang kepada perkembangan kerjaya guru kaunseling di sekolah-sekolah. Penilaian yang dibuat ke atas konteks akan membantu KPM menilai semula objektif dan matlamat perkhidmatan B&K di sekolah. KPM boleh membuat

University of Malaya

rumusan berhubung adakah perkhidmatan ini harus diteruskan, diperbaiki atau terus ditamatkan pelaksanaannya di sekolah-sekolah. Manakala melalui dapatan penilaian input pula kaunselor-kaunselor dapat menilai semula peranan dan fungsi mereka yang sebenar di sekolah mereka serta beban tugas dan masalah sebenar yang mereka hadapi dalam menjayakan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah. Tambahannya pula kekuatan dan kelemahan kaunselor dapat dilihat dan boleh diberi sokongan oleh pihak petadbiran di sekolah untuk memperbaiki perkhidmatan ini. Dapatan penilaian proses akan membolehkan pihakpentadbir sekolah khususnya para pengetua di sekolah-sekolah menengah Malaysia dapat menyemak proses-proses seperti pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh guru-guru kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan mereka. Di samping itu pihak KPM pula akan dapat maklumat sama ada guru-guru kaunseling mengikut kaedah-kaedah yang disarankan dalam Buku Panduan Perkhidmatan B&K.

Dapatan kajian dalam dimensi produk ini akan membantu pihak guru B&K di mana dapat menilai perubahan sikap pelajar dari aspek perubahan tingkah laku sepanjang mengikuti perkhidmatan B&K. Di samping itu juga pihak KPM dapat menganalisa objektif perkhidmatan B&K yang sebenar. Data yang dikumpulkan itu kemudiannya boleh dijadikan sebagai asas untuk membuat sesuatu perubahan atau pengubahsuaian program perkhidmatan B&K. Dengan cara ini langkah-langkah susulan yang sesuai boleh dibuat untuk memurnikan lagi perkhidmatan ini di sekolah-sekolah menengah Malaysia.

Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan di seluruh negara Malaysia. Dapatan kajian ini merupakan maklum balas yang diperolehi daripada responden-responden yang

University of Malaya

terdiri daripada guru-guru B&K sepenuh masa yang bertugas di sekolah-sekolah menengah di 5 negeri yang mewakili setiap zon di seluruh Malaysia. Maka hasil kajian ini tidak boleh seratus peratus digenaralisasikan kepada guru-guru B&K yang berkhidmat di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia. Walaupun demikian dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai asas untuk kajian-kajian yang lebih menyeluruh untuk sekolah-sekolahmenengah di Malaysia untuk masa akan datang.

Rumusan

Bab ini menjelaskan latar belakang dan permasalahan kajian iaitu perlu mengkaji semula keberkesanan program B&K di sekolah menengah di Malaysia. Oleh yang demikian adanya kesignifikan kajian perlu dilaksanakan melalui objektif kajian yang ingin dikaji. Bab selanjutnya akan membincangkan teori-teori dan model-model serta sorotan kajian lepas yang dirangkum dalam bab 2.

University of Malaya

BAB 2
TINJAUAN KAJIAN

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dan mengupas segala isu yang berkaitan dengan perkhidmatan B&K. Isu-isunya dimulakan dengan definisi B&K, kemudian dengan falsafah perkhidmatan B&K, diteruskan dengan visi dan misi perkhidmatan B&K. Seterusnya dipericikan dengan perkembangan perkhidmatan B&K di luar negara, latar belakang kaunseling di Malaysia, pelantikan kaunselor di Malaysia. Isu terus diperincikan dengan sejarah perkembangan perkhidmatan B&K di Malaysia pada zaman penjajah, sejarah perkembangan perkhidmatan B&K selepas merdeka, sejarah perkembangan perkhidmatan B&K dekad 1960an hingga 1970an, sejarah perkembangan perkhidmatan B&K dekad 1980an hingga 2000, perkembangan perkhidmatan B&K ke arah mencapai wawasan 2020, perkembangan perkhidmatan B&K ke arah mencapai dasar Transformasi Nasional 2050 (TN 2050) dan perkembangan perkhidmatan B&K dalam abad ke-21. Seterusnya bab ini akan mengupas kajian dalam perkhidmatan B&K di sekolah menengah malaysia dan kajian keberkesanan perkhidmatan B&K di luar negara. Bab ini juga memperincikan definisi penilaian, kepentingan penilaian keberkesanan program, konsep penilaian model, tujuan dan kepentingan penilaian, keperluan penilaian keberkesanan perkhidmatan B&K, model-model penilaian, konsep model CIPP dan model penilaian CIPP untuk menilai pelbagai program pendidikan. Seterusnya, bab ini akan mengetengahkan pengiktirafan program B&K di Malaysia, pengurusan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah Malaysia, matlamat kaunseling, jenis-jenis klien, peranan dan fungsi utama perkhidmatan B&K, pembentukan kaunselor atau guru B&K yang berkesan, senarai tugas guru B&K sepenuh masa di Malaysia, peranan kaunselor

University of Malaya

dalam B&K dan peranan kaunselor di sekolah menengah. Isu seperti kod etika kaunselor/guru bimbingan, cabaran yang dihadapi oleh guru B&K, peranan guru B&K dalam membimbing pelajar bermasalah di sekolah, peranan kaunselor dalam mengendalikan masalah disiplin pelajar, faktor-faktor mempengaruhi keinginan pelajar mendapatkan perkhidmatan B&K sekolah, persepsi pelajar terhadap perkhidmatan B&K, bidang tugas dan tanggungjawab guru B&K juga dibincangkan. Bab ini diakhiri dengan panduan rancangan tahunan unit B&K sekolah menengah, pelan tindakan unit B&K sekolah menengah, contoh pelan operasi sekolah menengah, kerangka teori, kerangka konsep, rasional pemilihan model penilaian stufflebeam (model CIPP), kajian- kajian lepas atau tinjauan literatur, cabaran kerjaya guru B&K di sekolah pada abad ke-21 dan kesimpulannya.

Definisi Kaunseling

Kaunseling adalah satu proses membantu seseorang individu memahami diri dan persekitarannya. Abd Ghani dan Kupusamy (2012), menjelaskan kaunseling sebagai satu proses pertolongan atau bantuan khas yang dihulurkan untuk klien kenali diri, minat, sikap dan matlamat diri. Klien hanya semata-mata tidak boleh bergantung kepada maklumat umum atau perlakuan yang dilihat.

Pada dasarnya dalam sesi-sesi kaunseling, kaunselor akan mengembangkan potensi klien dalam membantu mencari alternatif dalam menyelesaikan masalah klien.Proses membantu ini bukanlah berlaku sewenang-wenangnya tetapi adalah berdasarkan pada teori-teori yang telah dibuktikan kesahihannya. Tambahannya pula kemahiran-kemahiran khas digunakan supaya sesi kaunseling berjalan lancar dan dapat membantu klien menyedari masalah sebenar yang dihadapinya itu.Abd Ghani dan Kupusamy (2012) juga menyatakan menjaga etika kerahsiaan merupakan isu

University of Malaya

yang harus diberi keutamaan oleh kaunselor supaya sesi dapat berjalan dengan selesa dan teratur.

McKenziea et al. (2011) menyatakan tujuan kaunseling adalah untuk memberi tunjuk ajar dalam bentuk nasihat kepada insan yang bergelar klien. Klien boleh terdiri daripada sebarang orang dari ahli masyarakat yang inginkan pertolongan seseorang pakar yang boleh membantu dalam menyelesaikan masalah ataupun membantu mencari penyelesaian terhadap sesuatu isu yang tidak boleh diselesaikan secara diri sendiri. Menurut McKenziea et al. (2011) juga menyatakan , matlamat kaunseling adalah untuk membimbing klien dalam memperolehi kehidupan yang baik dan selesa berbanding dahulu. Ini bermaksud, sesi kaunseling akan menolong seseorang individu dalam memperolehi kehidupan yang lebih baik dan selesa melalui perkembangan potensi diri di mana kelebihan-kelebihan yang ada pada klien itu dicungkil keluar menerusi pendekatan kaunseling yang sesuai oleh seseorang kaunselor.

Tambahannya pula McKenziea et al. (2011) berpendapat bahawa peranan seseorang kaunselor adalah dalam meneroka jalan yang membolehkan seseorang klien itu boleh dapat mengnal pasti nilai diri, maklumat diri dan kebolehan diri untuk mencapai hasratnya itu. Ini bermaksud, bantuan yang dihulurkan kepada klien seharusnya perlulah berdasarkan pada matlamat yang ingin dicapai oleh klien serta sesuai dengan kebolehan serta kelebihan yang ada pada diri klien. Kaunselor tidak boleh memindahkan nilai-nilai yang diharapkan olehnya itu kepada diri klien.Kaunselor perlu bijak menggunakan pendekatan yang bersesuaian dalam mencari masalah klien yang sebenar.

Manakala American Personnel and Guidance pula mendefinisikan kaunseling sebagai satu cara sistematik menggunakan prosedur kaunseling serta memahami

University of Malaya

tingkah laku secara saintifik dalam usaha menolong menyelesaikan masalah atau membantu membuat keputusan berhununh kerjaya, peribadi, keluarga serta lain-lain kebimbangan interpersonal seseorang individu. Dalam usaha membantu ini kaunselor sebagai seorang pakar menggunakan pendekatan yang sesuai dalam kaunseling dalam menolong klien mereka. Setiap isu yang dirujuk seharusnya diselesaikan supaya ia tidak muncul semula di masa akan datang. (McKenziea et al., 2011).

Penyelidik-penyelidik pada awal abad ke-21 seperti Kottler dan Brown (2000) berpendapat kaunseling adalah ilmu yang berbeza daripada disiplin-disiplin lain seperti psikologi dan psikiatri. Ini adalah kerana kaunseling mempunyai sejarahnya tersendiri serta memiliki standard yang berbeza. Ini adalah kerana kaunseling dijalankan untuk manusia yang normal di mana dia menghadapi masalah dalam dalam penyesuaian serta perkembangan diri. Mengikut Kottler dan Brown (2000) juga, kaunseling ini adalah bersifat multidimensional di mana mengendalikan perasaan dan tingkah laku individu sama ada padu waktu dahulu, sekarang dan masa hadapan.

Manakala penyelidik abad 20 seperti Patterson (1995) mendefinisikan kaunseling sebagai satu proses perhubungan unik di mana seseorang kaunselor dan klien menuju ke arah perubahan yang mementingkan peluang-peluang yang membawa kebaikan daripada kerosakkan. Secara ringkasnya, melalui kaunseling diharapkan berlaku perubahan tingkah laku yang bertanggungjawab pada klien seta klien boleh memahami diri serta boleh menguruskan emosinya dengan berkesan (Patterson, 1995).

University of Malaya

Definisi Bimbingan

Bimbingan adalah satu proses mengarah daripada seseorang pengurus dalam melatih dan mengoreintasi seorang pekerja. Proses ini adalah bertujuan supaya pekerja dapat memahami keadaan sebenar tempat kerja dan membolehkan pekerja menghapuskan sebarang halangan yang menjejaskan prestasi kerja dalam memperolehi output yang optimum (Nurinahafiza, 2012). Manakala bimbingan juga merupakan sebahagian daripada proses menolong (Catherine, 2012). Bimbingan juga menolong individu memilih apakahyang paling mereka inginkan dan hargai (Gladding, 2003). Bimbingan juga adalah memberi bantuan dan bukannya arahan atau membuat pilihan untuk individu tentang apa yang harus dilakukan (Kanga, 2017).

Matlamat perkhidmatan bimbingan kerjaya ini ialah untuk membantu atau memberi jalan agar individu dapat mengurus dirinya sendiri sama ada dari segi mental, perasaan, kerohanian, dan tingkah laku. Selain itu, matlamat perkhidmatan ini juga adalah untuk membantu individu atau klien bertanggungjawab ke atas dirinya, memperbaiki imej diri yang negatif, mengajar klien untuk menyesuaikan diri dengan keadaan, membantu klien untuk menjadi lebih produktif, membimbing klien mencari dan memupuk sumber dalaman dan mempertingkatkan kemampuan klien membuat keputusan dan membantu menyelesaikan masalah yang belum selesai dalam hidup klien itu (Nurinahafiza, 2012)

Secara ringkasnya, bimbingan ialah suatu proses yang disediakan kepada individu yang memerlukan panduan ke arah pemahaman, pengetahuan dan kemahiran dengan menentukan matlamat jangka pendek atau jangka panjang, merancang cara-cara bertindak dan mengubah tingkah laku ke arah yang positif.

University of Malaya

Manakala kaunseling ialah suatu proses interaksi antara seorang kaunselor yang terlatih dengan seorang individu atau kelompok kecil yang mengalami kekeliruan dan bersama-sama memikirkan beberapa alternatif yang sesuai bagi mengatasi kekeliruan tersebut seterusnya melaksanakan alternatif yang dipilih

Persamaan dan perbezaan konsep bimbingan dengan kaunseling. Persamaaannya ialah B&K bermatlamat memberi klien peluang untuk melihat pelbagai opsyen penyelesaian yang sedia ada, seterusnya membantu klien membuat keputusan yang bijak.

Manakala, perbezaannya ialah dari segi pendekatan terhadap konsep B&K. Semasa proses bimbingan, masalah klien diberikan tumpuan dan layanan yang rapi; kemudian maklumat atau nasihat dibekalkan oleh seseorang pakar seperti pembimbing atau guru. Manakala semasa bimbingan diberikan, klien telah pun membuat keputusan terhadap sesuatu isu; klien hanya memerlukan maklumat lanjut dan nasihat terhadap keputusannya itu.

Sementara itu,semasa proses kaunseling, masalah klien dibincangkan bersama klien dan kaunselor. Diakhir sesi diharap klien mendapat celik akal dalam mencari jalan penyelesaian serta berupaya membuat keputusan yang baik. Manakala semasa kaunseling dijalankan, ia berlaku dalam dua situasi. Yang pertamanya ialah membantu klien mempertimbangkan satu-satu pilihan yang berpotensi dari pelbagai sudut sebelum membuat pilihan. Keduanya ialah membantu klien mengubahsuai, mengukuh atau mengetepikan satu-satu pilihan yang telah dibuat.

Falsafah perkhidmatan B&K

Falsafah perkhidmatan B&K di Malaysia berfokus pada perkembangan potensi individu di mana diharapkan ia menjadi suatu suatu usaha yang berterusan

University of Malaya

dalam melahirkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Melalui usaha ini KPM mengharapkan dapat melahirkan insan yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkeupayaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Visi dan Misi Perkhidmatan B&K

Visi perkhidmatan B&K ialah sekolah unggul penjana generasi terbilang. Manakala Misi perkhidmatan B&K ialah membangunan potensi individu melalui pendidikan berkualiti negara (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012).

Perkembangan Perkhidmatan B&K di luar negara

Baker (2000) dalam bukunya bertajuk 'School Counseling for the 20th Century' menyatakan bahawa perkhidmatan Bimbingan muncul di sekolah sama seperti juga dengan subjek-subjek lain. Bimbingan mempunyai suatu kurikulum dan matlamatnya di mana berkembang daripada pergerakan perubahan sosial pada lewat kurun ke 19 dan awal kurun ke 20. Bimbingan sebagai suatu aktiviti profesional yang tersusun bermula di Amerika Syarikat pada tahun 1905 dan orang yang diberi pengiktirafan sebagai pelopor dan telah memulakannya adalah seorang ahli ekonomi bernama Frank Parson dari Boston, Amerika Syarikat (Suradi Salim, 2004). Parson adalah seorang sukarelawan yang banyak menjalankan kerja sosial di Rumah Penempatan Boston di mana beliau bekerja secara langsung dengan belia-belia yang menghadapi masalah mendapatkan pekerjaan. Beliau telah menolong memulakan Biro Vokasional dan telah menulis satu karya klasik bertajuk 'Choosing a Vocation'. Kejayaannya memulakan perkhidmatan bimbingan kerjaya dan menuliskan buku

University of Malaya

panduan bagaimana memilih pekerjaan telah menjadikannya perintis atau pengasas dalam pergerakan bimbingan di Amerika Syarikat.

Parsons telah diikuti oleh beberapa orang reformer sosial yang lain seperti Jessie B. Davis. Pada tahun 1907, Jesse B. Davis yang menjadi seorang pengetua sekolah menengah di Grand Rapids, Michigan telah mengkhaskan suatu waktu dalam seminggu untuk Bimbingan Kerjaya dan Moral dalam kelas karangan Bahasa Inggerisnya itu. Matlamat awal kurikulum bimbingan ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar sekolah menengah lebih memahami keperibadian mereka, bersaing menjadi rol model yang baik dan berkembang menjadi pekerja-pekerja yang bertanggungjawab secara sosial. Pada awalnya kaunseling sekolah tidak bermula dengan suatu tujuan formal yang terdiri daripada matlamat andaian-andaian atau fungsi. Davis dan pelopor-pelopor lain bertindak mengikut keperluan-keperluan setempat. Manakala David S.Hill, Anna Y.Reed dan Eli W.Weaver pula membawa idea-idea yang berlainan berhubung perkhidmatan Bimbingan seperti menyediakan pelajar untuk bekerja, membantu mereka mencari kerja yang sesuai dan memberi tumpuan pada perbezaan individu (Rockwell & Rohreg 1961). Terdapat juga pergerakan Bimbingan Kerjaya di mana memberi tumpuan pada menilai perbezaan individu dan membuat keputusan peribadi, pendidikan dan kerjaya berdasarkan pada keputusan data yang diperolehi itu. Wujud juga pergerakan psikometrik dan kesihatan mental yang juga memberi kesan kepada bimbingan.

Di bawah ini disenaraikan rentetan sejarah perkembangan perkhidmatan Bimbingan dalam jadual 2.1.

University of Malaya

Jadual 2.1
Perkembangan Utama Evolusi Kaunseling Sekolah dalam abad ke 20

Tarikh	**Peristiwa**
1905	Binet dan Simon mengembangkan skala kebolehan mental. Jesse B. Davis menjalankan kelas-kelas bimbingan di Grand Rapids, Michigan.
1907	Frank Parsons mengasaskan Biro Kerjaya di Boston.
1908	Ujian Alpha & Beta tentera dikembangkan.
1917	Idea-idea Sigmund Freud mula mempengaruhi profesional-profesional kesihatan mental.
1920	Bilangan sekolah bimbingan khusus bertambah dalam dekad berkenaan. Tidak ada latihan atau standard amalan yang diterima luas.
1920-1930	Sijil kaunselor bimbingan peringkat negeri diwujudkan.
1924	Pegawai-pegawai penyokong program bimbingan diwujudkan untuk membantu pelajar membuat pilihan-pilihan pendidikan dan kerjaya.
1925	Williamson dan Darley menerbitkan Student Personal Work: An Outline of Clinical Procedure dan juga bermulanya perdebatan berhubung teori trait dan faktor.
1937	Carl Rogers menerbitkan Kaunseling dan Psychotherapy dan memulakan era kaunseling individu.
1942	Berlaku perubahan dalam persekitaran sosial selepas Perang Dunia II dan dipengaruhi oleh penulisan Rogers menyebabkan kaunseling menjadi dominan dalam perkhidmatan bimbingan sekolah.
1945	American Personel & Guidance Association ditubuhkan. Pertubuhan Kaunselor-Kaunselor Sekolah Amerika bergabung dengan Pertubuhan Personel dan Bimbingan Amerika.
1952	Akta Pendidikan Pertahanan Kebangsaan diluluskan.

University of Malaya

Jadual 2.1 (Sambungan)
Perkembangan Utama Evolusi Kaunseling Sekolah dalam abad ke 20

Tarikh	**Peristiwa**
1953	Conant menerbitkan The American High School Today.
1958	Bermulanya suatu dekad yang masyhur dan berjaya dalam bimbingan dan kaunseling sekolah dan juga dalam pendidikan kaunselor.
1959	C. Gilbert Wrenn menerbitkan The Counselor in a Changing World.
1960	NDEA meminda akta memberikan dana dalam menambahkan bimbingan sekolah tabika/asas.
1962	Bermulanya suatu dekad di mana berkurangnya pendaftaran di sekolah-sekolah dan pengurangan dalam kaunselor sekolah.
1964	Mosher dan Sprinthell memperkenalkan Kurikulum Deliberate Psychological Education mereka.
1970	Hoyt, Evans, Mackin dan Mangum memasukkan bimbingan ke dalam tema pendidikan kerjaya.
1970	Menacker menerbitkan Toward a Theory of Activist Guidance.
1974	Persatuan Personel dan Bimbingan Amerika menukarkan namanya kepada Persatuan Amerika untuk Kaunseling dan Perkembangan – American Association for Counseling dan Development(AACD).
1976	Kesatuan AACD yang bertanggung jawab ke atas kaunseling sekolah sebagai suatu profesioan yang berisiko mula menerbitkan laporannya.
1985	Gysbers dan Henderson menerbitkan Developing and Managing Your School Guidance Program.
1987	Kesatuan antara devisi (AACD, ACES, ASCA) mula merancang untuk meningkatkan kaunseling sekolah.
1988	Silang Budaya sebagai Kekuatan Keempat dalam Kaunseling telah diperkenalkan dalam isu khas journal AACD.

University of Malaya

Jadual 2.1 (Sambungan)
Perkembangan Utama Evolusi Kaunseling Sekolah dalam abad ke 20

Tarikh	**Peristiwa**
1990	ASCA menerbitkan Pelajaradalah Masa Depan Kita, dalam Kaunseling Sekolah 2000.
1991	Persatuan Amerika untuk Kaunseling dan Perkembangan menukar namanya menjadi Persatuan Kaunseling Amerika-American Counseling Asssociation (ACA).
1992	ASCA, ACA dan lain-lain telah memperkenalkan semula Akta Demonstrasi Kaunseling Sekolah Asas/Tabika.
1992	Laporan Alger menunjukkan bahawa persepsi belia-belia terhadap kaunseling meningkat.
1993	ASCA menyusulkan Standart Kebangsaan untuk Program-program Kaunseling Sekolah.
1996	De Witt Wallace – Dana Reader's Digest memberikan Amanah Pendidikan dalam persediaan memulakan suatu usaha transformasi kaunseling sekolah.
1997	Ekonomi yang kukuh di Amerika Syarikat menunjukkan potensi untuk menambahkan perbelanjaan pendidikan dan memajukan pasaran pekerjaan.

Dari Amerika Syarikat, pergerakan B&K merebak ke lain-lain negara termasuk Australia, Britain, Kanada, Sri Lanka, Perancis, German, India, Filipina, Jepun, Norway, Belgium, Denmark dan Switzerland. Di kebanyakkan negara ini perkhidmatan B&K boleh dikatakan terdapat di semua bandar utama. Di Britain pula pusat kaunseling, klinik dan biro bimbingan telah banyak menjalankan kerja-kerja yang berguna dan perkhidmatan B&K yang dijalankan sedang menjalani proses perubahan, pembaikan, pemurnian dan pengembangan yang pesat.

Rasul, Sukardi dan Abd Rauf (2013) menyatakankajian yang dijalankan oleh *National Society for the Prevention ofCruelty to Children* (NSPCC) menunjukkan

University of Malaya

di Britain hampir 35%pelajar mempunyai kebimbangan terhadap sesuatu perkara, dan hampir50%daripada mereka mengalami tekanan akibat tidak mempunyai sesiapa untuk berkomunikasi atau meluahkan perasaan.Rasul, Sukardi dan Abd Rauf (2013) juga menyatakan bahawa di Britain telah dikenalpasti persekitaran sekolah sebagai salah satu tempat yang menjadi perlindungan kepada pelajar dalam merawat kesihatanmental, menjaga etika sosial serta menyediakan persekitaran pengajaranyang berpotensi dalam membantu pelajar memupuk daya tahan (*resilience*)kesihatan mental pelajar. Mereka menambah bahawa menyatakan bahawa sekarang sudah wujud banyak perkhidmatan kaunseling di mana mengizinkan intervensi yang ditujukanuntuk membantumelahirkan kesihatan mental yang positif. Namun begitu,Catherine (2012) menyatakan bahawa sekolah di Britain masih tidak diwujudkan suatu standard piawai bagi membantu memurnikan perkhidmatan kaunseling di sekolah. Ini adalah kerana sesi perkhidmatan kaunseling yang dijalankan adalah berbeza di mana ada sesetengah sekolah memberikan perkhidmatan kaunseling semasa sesi persekolahan dan ada pula dijalankan di luar sesi persekolahan. Sementara itu pihak kaunseling sekolah di Britain tidak menitikberatkan atau membuat persetujuan mengenai kepentingan membincangkan dengan ibu dan bapa berhubung isu-isu penting yang dibincangkan semasa anak mereka menerima perkhidmatan kaunseling sekolah (Catherine, 2012).

Manakala Rasul, Sukardi dan Abd Rauf (2013) mendapati Kerajaan Wales pula memberi penekanan pada perkhidmatan B&K di negara mereka. Ini adalah kerana ada di sediakan dana berkanun di setiap sekolah menengah di England. Tambahannya pula kaunselor bebas (independent counsellors), badan amal, kerajaan tempatan dan juga sejumlah guru memberi perkhidmatan B&K di sekolah. Rasul, Sukardi dan Abd Rauf (2013), juga melaporkan bahawa, kerajaan Buruh Scotland

(*Scotland's Labour Government*) telah memberi komitmen untuk menempatkan kaunselor di setiap sekolah menengah menjelang 2015.

Kajian oleh Catherine (2012) telah menunjukkan Ireland Utara telah menyediakan peruntukan untuk kaunseling sekolah. Ini adalah kerana menurut Kementerian Pendidikan merekaperkhidmatan kaunseling merupakan perkhidmatan yang berfaedah dan amat bersesuaian dengan keperluan sekolah. Ini menyebabkan, setiap Lembaga Perpustakaan dan Pendidikan di merata Ireland Utara disediakan peruntukan oleh Executive Programme Fund (EPF). Ini adalah bertujuan untuk menawarkan khidmat kaunseling kepada pelajar sekolah menengah.

Masyarakat Barat memberikan penekanan yang cukup penting ke atas bidang pelajaran, kesusasteraan dan perindustrian pada abad lepas adalah hasil daripada pengurusan dan penggunaan perkhidmatan B&K yang luas di negara mereka disamping sistem pentadbiran yang baik.

Latar Belakang Kaunseling Di Malaysia

Kajian mengenai sejarah dalam bidang bimbingan bermula dengan bimbingan kerjaya di mana ia dapat dikesan sejak 1939 lagi. Jabatan Pelajaran Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) dan Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) telah menerbitkan buku *A guide book for career in Malaya for parents, teachers and pupils.* Buku ini menyenaraikan bidang-bidang pekerjaan yang terdapat dalam sistem kerajaan pada masa itu. Walaupun demikian matlamat pendidikan ketika itu bukanlah untuk membolehkan anak-anak tempatan mendapat pendidikan tinggi atau menduduki jawatan dalam pentadbiran tetapi sekadar memenuhi keperluan pentadbiran British. Murid-murid Cina mengikuti sekolah vernakular Cina, India mengikuti sekolah

University of Malaya

vernakular Tamil dan Melayu ke sekolah Melayu. Manakala golongan elit Melayu, Cina, dan India pula menghantar anak masing-masing ke sekolah aliran Inggeris untuk membantu meningkatkan ekonomi dan pentadbiran British (Mizan Adiliah, 2016).

Manakala pada zaman Jepun pula iaitu antara 1942 hingga 1945 telah membawa kerugian dan kehancuran harta benda kepada negara. Walaupun demikian semanagat nasionalisme mula berbangkit di seluruh Asia amnya dan di Malaysia khususnya. Rakyat mula bersatu padu tanpa mengira kaum untuk membebaskan tanah air daripada dijajah oleh pemerintah asing.

Kepentingan khidmat bimbingan mula disedari bagi meningkatkan kesedaran rakyat, terutama golongan muda untuk memenuhi tenaga kerja dan kelayakan. Pada 1956 satu jawatankuasa bimbingan vokasional ditubuhkan untuk memberikan maklumat dan penerangan tentang bidang pekerjaan yang diperlukan (Mizan Adiliah, 2016).

Sejarah Awal Perkembangan Perkhidmatan B&K di Malaysia

Amalan B&K di kalangan masyarakat Malaysia bukanlah satu budaya baru tetapi ianya lama telah diamalkan dalam bentuk pertolongan dan pandangan yang didapatkan daripada golongan yang lebih matang serta berpengetahuan (Mizan Adiliah, 2016). Suatu perancangan yang terancang berhubung perkhidmatan ini dapat dikenal pasti apabila berlaku proses “Malayanisation” di mana negara Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Sebelum itu pihak British memberi pendidikan di negara ini bertujuan memenuhi keperluan pentadbiran British. Pada ketika itu pelajar-pelajar Cina dan India mengikuti Sekolah Vernakular, manakala pelajar Melayu ke sekolah Melayu. Golongan elit Melayu, Cina dan India

menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris untuk menggerakkan ekonomi dan pentadbiran British. Manakala Zaman penjajahan Jepun pula meninggalkan kebinasaan dan kerugian harta benda tetapi semangat nasionalisme bangkit di seluruh Asia di mana matlamat untuk merdeka daripada penjajah berkobar-kobar di hati rakyat jelata.

Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 telah membuka tirai baru di mana peranan mengisi kemerdekaan terletak di bahu Kementerian Pelajaran. Proses "Malayanisation" diperlukan di mana pakar-pakar (pegawai Inggeris) yang memegang jawatan pentadbiran, professional dan perkhidmatan dalam bidang teknikal perlu digantikan dengan orang tempatan (Wong dan Ee, 1975). Pada masa inilah diperlukan khidmat bimbingan bagi meningkatkan kesedaran rakyat khasnya golongan muda untuk menampung kekosongan tenaga kerja ketika itu. Pada tahun 1956 telah ditubuhkan suatu jawatankuasa bimbingan vokasional untuk memberikan maklumat dan penerangam berhubung bidang pekerjaan yang diperlukan.

Sejarah Perkembangan Perkhidmatan B&K Selepas Merdeka

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua (1961-1965) dapat dikenal pasti terdapat kekurangan tenaga manusia yang mahir dan separuh mahir bagi melaksanakan perancangan pembangunan negara. Horbison dan Myers (1964) menyatakan bahawa pembinaan sebuah negara moden bergantung pada perkembangan manusia dan organisasi aktiviti manusia serta sumber-sumber kapital dan semula jadi negara berkenaan. Tetapi lebih pentingnya adalah sumber manusia yang terdapat dalam negara berkenaan. Maka sumber manusia memainkan peranan penting terhadap pembangunan sesebuah negara. Menyedari hakikat inilah kerajaan ketika itu memberi penekanan ke atas Sistem Pelajaran Kebangsaan di mana

University of Malaya

tumpuan diberi kepada perancangan dan pembangunan sumber manusia. Seterusnya dalam masa yang sama usaha-usaha diambil untuk mengisi aspirasi pembangunan modal insan negara (Mizan Adiliah, 2016).

Kerajaan ketika itu amat menyedari tentang kepentingan sumber manusia menyebabkan tahun 1960 Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Surat Pekelilingnya yang bertajuk "Pelaksanaan Bimbingan untuk Kerjaya" menekankan kepentingan kerjaya di sekolah. Di sini dengan jelasnya menampakkan peranan seorang guru kerjaya dalam membantu merancang kepentingan sumber manusia terhadap keperluan negara. Pada ketika itu kadar kegagalan pelajar di sekolah rendah adalah sangat tinggi menyebabkan keperluan perkhidmatan bimbingan ini adalah sangat memuncak. Tidak sampai separuh (hanya 35% sahaja) pelajar sekolah rendah (tamat tahun 6) yang berjaya ke sekolah menengah. Mereka yang gagal ini menjadi suatu bebanan kepada keluarga mereke kerana tidak ada hala tuju pelajaran mereka selepas itu.

Ekoran daripada situasi genting ini kerajaan mengambil keputusan untuk mengadakan sistem pelajaran komprehensif dan sistem kenaikan kelas secara automatik. Melalui sistem pelajaran komprehensif ini semua pelajar dalam pelbagai kebolehan dan minat berhak untuk mengikuti sistem berkenaan. Pada 1965 pula telah perkenalkan sistem kenaikan darjah secara automatik dari darjah satu hingga ke tingkatan tiga. Dua perubahan drastik dalam sistem pelajaran menyebabkan berlakunya pertambahan jumlah pelajar di sekolah menengah yang terdiri daripada pelbagai kebolehan. Pada situasi yang sedemikian peranan guru panduan dan kerjaya sangat dikehendaki memainkan peranan mereka dalam menolong merancang aliran kerjaya pelajar.

University of Malaya

Sejarah Perkembangan Perkhidmatan B&K Dekad 1960an hingga 1970an

Pembaharuan akibat kemerdekaan negara memperlihatkan perkembangan pesat dalam bidang ekonomi dan sosial. Perkembangan kemerdekaan juga turut membawa masalah penyesuaian kendiri di kalangan anggota masyarakat di mana proses perindustrian menyebabkan penghijrahan masyarakat dari luar bandar ke bandar. Ini adalah kerana mereka yang berpindah ini kebanyakannya kurang berkelulusan dan tidak berkelayakan. Akibatnya golongan ini bekerja dalam jenis pekerjaan pemeringkatan yang bawah dan mendapat pendapatan yang kecil serta tinggal di kawasan setinggan. Ekorannya keadaan persekitaran menjadi sesak dan membawa kepada masalah-masalah sosial seperti dadah. Masalah ini turut memberi kesan kepada sistem pelajaran kita di mana anak-anak yang bermasalah ini memberi tamparan kepada sistem pelajaran kita di mana masalah-masalah sosial ini turut dirasai di sekolah-sekolah (Mizan Adiliah, 2016).

Keadaan ekonomi yang mendesak menyebabkan ramai wanita mendapat pelajaran dan mula bekerja di luar rumah. Maka dengan ini berlaku perubahan dalam struktur keluarga di mana kedua-dua ibu bapa yang bekerja meninggalkan anak-anak mereka secara bersendirian dan anak-anak ini membesar secara bebas. Ini menambahkan lagi masalah sosial di mana golongan muda ini kurang pendidikan dan berkelayakan menyebabkan negara kerugian sumber tenaga. Perubahan dalam masyarakat sedemikian memerlukan khidmat sokongan seperti khidmat B&K untuk pelajar sekolah dan tidak ketinggalan juga kepada ahli-ahli masyarakat. Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979 memgkehendaki perkhidmatan B&K di sekolah bertindak secara proaktif di mana perperanan dalam menggalakkan perpaduan antara kaum dan membasmi kemiskinan.

University of Malaya

Pelaksanaan perkhidmatan B&K era 60 dan 70an itu mengharapkan supaya perkhidmatan ini dapat membantu mengurangkan masalah-masalah sosial ketika itu dalam proses pembangunan negara, Walaupun sedemikian tidak banyak perkembangan yang dapat di bawa oleh perkhidmatan ini kerana tidak ada hala tuju, falsafah dan konsep yang kukuh berhubung perkhidmatan ini ketika itu. Ini adalah kerana peranan guru bimbingan ini adalah bercampur aduk antara B&K serta PdP. Pada ketika itu pengetua dan guru-guru kurang pendedahan berhubung perkhidmatan ini menyebabkan perkhidmatan ini tidak dilihat serius.

Menon (1985), menjelaskan bahawa kekurangan kemudahan asas dalam mengendalikan perkhidmatan B&K waktu itu juga menjadi penyebab kepada kurang menyerlah perkhidmatan ini di sekolah-sekolah. Antara kekurangannya adalah seperti tidak ada personel yang dilatih khusus dalam bidang B&K, latihan-latihan yang diberi kepada guru-guru B&K adalah dalam bentuk kursus pendek, guru-guru mata pelajaran dilantik di mana mereka ini mengajar sampai 25 jam, peranan guru bertambah di mana di samping mengajar juga perlu mengendalikan perkhidmatan B&K, tidak ada kemudahan khas untuk menjalankan perkhidmatan B&K, guru-guru yang dilantik tidak cukup kemahiran membantu membimbing menghadapi masalah pelajar, guru-guru kurang kepakaran menangani masalah sosial pelajar seperti masalah dadah dan lain-lain lagi.

Sejarah Perkembangan Perkhidmatan B&K Dekad 1980an hingga 2000

Tahun 1980 membuka satu lembaran baru dalam perkembangan perkhidmatan B&K. Setelah laporan Suruhanjaya Kabinet telah dikeluarkan pada 1979 usaha pertama yang diambil adalah dalam bidang latihan kaunseling. Tenaga mahir sangat diperlukan untuk memahirkan guru-guru dalam bidang bimbingan.

University of Malaya

Peranan guru bimbingan disemak supaya mereka sama-sama dapat membantu dalam pembangunan negara. Sebagai langkah awal pada Januari 1980 Maktab Perguruan Ilmu Khas telah mulakan kursus kaunseling berbentuk profesional di mana kursus peringkat sijil selama setahun telah diperkenalkan. Guru-guru yang berpengalaman dan pentadbir sekolah merupakan peserta kursus berkenaan. Melalui kursus ini diharapkan peserta-peserta dapat menangani isu kognitif dan afektif pelajar di mana pelajar dapat merancang kerjaya mereka dan mencintai tanah air mereka. Ini merupakan usaha sulung dalam melahirkan kaunselor profesional di Malaysia.

Usaha-usaha berterusan berkembang dengan jayanya di mana Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memperkenalkan kursus diploma dalam bidang kaunseling. Ini diikuti dengan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) di mana mulakan kursus kaunseling peringkat sarjana muda selama 4 tahun. Usaha-usaha sedemikian adalah untuk memantapkan perkhidmatan B&K di mana dapat melahirkan guru-guru yang berkelayakan. Univesiti-universiti seperti Univesiti Malaya (UM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengikut jejak langkah UKM dan UPM ini. Lembaga Kaunselor Malaysia (2012) melaporkan terdapat 10 universiti yang melatih para kaunselor di peringkat sarjana muda dan 11 buah universiti pula peringkat sarjana dan kedoktoran.

Penubuhan Perstuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA) menjadi satu batu loncatan dalam sejarah perkhidmatan B&K. Ini adalah kerana PERKAMA dapat menggabungkan semua kaunselor di bawah satu naungan menyebabkan ia diiktiraf sebagai suatu persatuan yang profesional dalam memperjuangkan hak kaunselor di Malaysia. Perjuangan PERKAMA sejak 1980 itu membawa kepada kelahiran Lembaga Kaunselor Malaysia pada 1998, iaitu suatu badan profesional kaunseling yang menjaga kebajikan kaunselor dan klien (Mizan Adiliah, 2014). Tambahannya

University of Malaya

pula Akta Kaunselor 580 yang diwartakan pada 1998, yang bertanggung jawab ke atas mengawal selia kualiti dan pergerakan kaunselor.

Manakala kebajikan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah juga turut diberi perhatian di mana nisbah pelajar ke atas guru bimbingan dan kaunseling ditetapkan pada kadar 1 guru bimbingan dan kaunseling:500 pelajar. Guru bimbingan dan kaunseling ini juga dikecualikan daripada PdP dan memberi sepenuh komitmen ke atas komponen-komponen yang terdapat dalam perkhidmatan B&K. Perkembangan selanjtnya ialah pada tahun 1992 Jabatan Perkhidmatan Awam melantik kaunselor di jabatan-jabatan kerajaan di mana kaunselor berkenaan akan menolong dalam perancangan sumber manusia serta memulih pekerja yang bermasalah dan memberi kaunseling kepada pekerja yang memerlukannya. Usaha kerajaan yang berterusan dalam memantapkan profesionalime kaunseling mengakibatkan perkhidmatan ini menjadi suatu perkhidmatan sokongan yang sangat penting dalam setting kerjaya di Malaysia termasuk di sekolah-sekolah.

Perkembangan Perkhidmatan B&K ke Arah Mencapai Wawasan 2020

Perdana Menteri Malaysia Keempat iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melancarkan Wawasan 2020 supaya negara Malaysia dapat duduk sama tinggi seperti kebanyakkan negara dunia untuk mencapai tahap negara maju menjelang 2020. Wawasan 2020 ini bukan hanya memberi fokus pada ekonomi negara tetapi juga pada bidang-bidang politik, sosial serta kerohanian. Diutarakan melalui 9 cabaran yang perlu didukung oleh rakyat supaya dapat mencapai wawasan ini.

Cabaran Pertama dalam Wawasan 2020 ialah Mewujudkan Negara Malaysia Yang Bersatu di mana ini merupakan syarat utama dalam mencapai cita-cita negara ke arah negara maju. Negara Malaysia terdiri daripada negara yang berbilang bangsa

di mana mempunyai agama dan budaya yang berlainan. Dalam usaha mencapai cabaran pertama ini beberapa dasar telah diperkenalkan, antaranya ialah Dasar Pembangunan Nasional di mana di dalamnya terkandung Dasar Pendidikan Negara, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dasar-dasar ini adalah bertujuan dalam mengeratkan hubungan sosial di kalangan masyarakat majmuk di mana rakyat yang berbilang bangsa ini dapat berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia yang bernaung di bawah satu payung bergelar Malaysia.

Cabaran-cabaran yang terkandung dalam wawasan 2020 itu setiap satunya memberi penekanan pada pembangunan sumber manusia di mana institusi pendidikan menyumbang saham penting dalam merencana pembangunan Modal Insan yang diharapkan dalam mencapai aspirasi negara. Sebagai salah satu perkhidmatan sokongan di sekolah, perkhidmatan B&K turut bertanggung jawab dalam menyumbang sahamnya dalam membawa Malaysia ke tahap negara maju. Sumbangan perkhidmatan ini dapat dilihat dalam falsafah perkhidmatan B&K yang dikeluarkan oleh KPM di mana dijelaskan bahawa potensi pelajar perlu digembelingkan secara optimum berteraskan sumber dalaman dan luaran. Ini menunjukkan harapan besar daripada KPM supaya perkhidmatan B&K di sekolah dapat memenuhi harapan negara ke arah mencapai tahap negara maju pada 2020.

Wawasan 2020 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 menaruh kepercayaan yang menggunung ke atas perkhidmatan B&K dalam melahirkan modal insan yang berjiwa bebas, berkeyakinan, sedar akan potensi mereka, tidak mengalah dan dihormati. Di sini timbul persoalan adakah guru-guru bimbingan dan kaunseling di sekolah bersedia memikul tanggung jawab ini di mana adakah dapat menghayati konteks perkhidmatan B&K? Adakah mempunyai input yang cukup untuk melaksanakan komponen-komponen yang terdapat dalam

University of Malaya

perkhudmatan ini? Adakah berkemahiran dalam memproses perkhidmatan ini dengan jayanya? Adakah dapat melahirkan produk yang boleh mencapai aspirasi negara ke arah melahirkan negara maju pada 2020?

Perkembangan Perkhidmatan B&K ke Arah Mencapai Dasar Transformasi Nasional 2050 (TN 2050)

Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Najib Tun Razak melancarkan Dasar Transformasi Nasional 2050 (TN2050) dengan sebuah Dialog Perdana TN50 yang diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya pada 19 Januari 2017. TN50 ini merupakan satu usaha pembangunan negara yang meliputi jangka masa 2020-2050 iaitu selama 30 tahun. Fasa persediaan akan dimulakan mulai 2017-2019 dalam usaha membangunkan negara untuk suatu jangka waktu panjang. Dalam peringkat persediaan ini akan melibatkan pihak yang berkepentingan dasar, pakar-pakar domain dan pemimpin dalam bidang-bidang tertentu. Maka guru-guru bimbingan dan kaunseling juga tidak boleh terkecuali daripada golongan ini dalam merancang program mereka untuk sama-sama menyumbang ke arah mencapai TN2050 ini.

Antara program dalam TN2050 ini ialah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Program-ETP) yang diwar-warkan oleh kerajaan untuk memangkinkan pendapatan negara turut memberi kesan kepada sistem pendidikan dan perkhidmatan B&K. Ini adalah kerana antara cabaran utama dalam sistem pendidikan ialah persediaan institusi pendidikan dalam membekalkan sumber manusia yang boleh bersaing dalam pasaran global. Kajian menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi oleh kerajaan Malaysia ialah kekurangan sumber manusia dalam bidang teknikal dan vokasional (Mizan Adiliah, 2016). Maka kerajaan

University of Malaya

melalui Rancangan Malaysia ke 11 memberi tumpuan Pendidikan Teknik dan Vokasioanl (T&V) di mana menaik taraf sekolah T&V ke Kolej T&V Dengan ini diharapkan taraf bidang T&V dapat ditingkatkan untuk melahirkan sumber manusia yang mahir dan separuh mahir yang boleh bersaing dalam pasaran dunia.

Usaha kerajaan memantapkan bidang T&V ini secara tak langsung memberi kesan kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh guru B&K di sekolah dan kolej. Ini adalah kerana salah satu komponen dalam perkhidmatan B&K ialah perkhidmatan Kaunseling Kerjaya. Penyediaan Modal Insan yang bertaraf dunia dalam bidang T&V memerlukan kepakaran guru B&K di mana perlu memiliki kesedaran yang tinggi dalam menyediakan Modal Insan yang bersesuaian dengan keperluan negara. Dengan ini sampailah masa di mana perlu melihat pada keberkesanan guru B&K kaunseling di sekolah di mana adakah guru-guru ini mempunyai ilmu dan kemahiran yang terkini supaya dapat memahani aspirasi negara dalam memberikan perkhidmatan yang terkini kepada pelajar-pelajar. Diharapkan penawaran perkhidmatan B&K yang bersesuaian kepada pelajar-pelajar ini dapat memenuhi kehendak negara ke arah mencapai negara maju pada 2020 serta mencapai transformasi yang diharapkan melalui Program Transformasi Nasional 2050.

Perkembangan Perkhidmatan B&K dalam Abad 21

Guru-guru bimbingan dan kaunseling di sekolah juga tidak boleh lari daripada fenomena " dunia tanpa sempadan" di mana dunia dirasakan semakin sempit akibat ledakan teknologi dan perkampungan global. Pelbagai cabaran terpaksa diharungi oleh guruB&K di sekolah akibat kesan globalisasi, liberalisasi dan perkembangan Teknologi Maklunat dan Komunikasi (ICT). Guru bimbingan dan kaunseling perlu bersedia untuk memberi perkhidmatan B&K kaunseling yang

University of Malaya

bersesuaian dengan keperluan negara iaitu membangunkan sumber tenaga berciri "K-worker", celik ICT dan seimbang dari segi jasmani dan rohani. Produk (pelajar) yang dilahirkan itu boleh bersaing di peringkat local dan glokal serta menyumbang untuk pembangunan negara.

Kesan globalisasi bukan sahaja dirasai oleh kebanyakkan negara dunia tetapi Malaysia juga sudah dilanda bahangnya di mana gelombang Globalisasi 2 bertiup kencang di negara kita. Globalisasi 2 tertumpu pada syarikat multinasional yang akan menjadi penentu dalam pemacuan integrasi global. Dengan ini Malaysia tidak boleh menutup pintu gerbangnya tetapi sebaliknya membuka luas pintunya supaya kuasa ekonomi luar akan mengetuk pintu Malaysia dan berpindah kemari serta perdagangan akan berkembang secara besar-besaran. Ekorannya pembangunan negara akan meletus dan Malaysia mampu memiliki kuasa ekonomi baharu. Dengan ini perkhidmatan B&K di sekolah perlu sediakan acuan baru yang lebih canggih supaya dapat menghadapi klien yang memiliki gaya hidup yang lebih mencabar. Klien-klien terpaksa menghadapi cabaran baru dengan lebih telus supaya kesejahteraan pkikologi dapat diimbangkan di samping menyesuaikan hidup mengharungi arus Globalisasi 2 ini. Maka sudahlah tiba nasanya supaya guru B&K mula bertindak bijak iaitu berfikiran global tetapi bertindak glokal supaya sama-sama dapat membantu dalam pembangunan negara kita.

Guru-guru B&K perlu memantapkan diri dengan perubahan yang berlaku di sekitar dunia. Jika tidak mereka akan hanyut di bawa oleh arus digitalisasi dan teknologi digital. Ini adalah kerana perkembangan dalam teknologi maklumat ini melahirkan manusia yang sukakan individualisme di mana manusia bersosial secara maya. Keakraban di kalangan ahli keluarga mula menurun dan hubungan sosial mula berkurangan. Ini juga memberi suatu tamparan hebat kepada masyarakat majmuk di

University of Malaya

Malaysia kerana harapan keajaan Mewujudkan Negara Malaysia Yang Bersatu akan menjadi tanda tanya akibat budaya individualism ini. Di sinilah letaknya peranan guru-guru B&K di mana perlu mempunyai pemikiran ke hadapan dalam menyediakan diri menghadapi isu-isu globalisasi dan pemodenan arus baharu melalui penawaran perkhidmatan B&K yang lebih terkini. Guru-guru B&K perlu peka dalam usaha membantu menyediakan tenaga sumber manusia atau Modal Insan yang bersesuaian dengan perkembangan semasa dunia dan negara.

Kajian dalam Perkhidmatan B&K di sekolah Menengah Malaysia

Perkhidmatan B&K adalah suatu perkhidmatan sokongan dalam sistem pendidikan kita. Guru kaunseling sepenuh masa dilantik untuk menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah. Guru ini yang bertanggunjawab untuk mngembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dalam melahirkan insan kamil yang membantu memenuhi tuntutan negara ke arah negara maju. Tanggungjawab yang dipikul oleh guru-guru ini adalah sangat besar di mana dunia tanpa sempadan menyebabkan guru-guru ini Guru B&K di sekolah dikehendaki menyediakan suatu perkhidmatan yang tersusun seperti mana yang digaris pandukan dalam Buku Panduan Perkhidmatan B&K di sekolah.terpaksa menghadapi pelbagai cabaran di sekolah. Di malaysia, terdapat satu jawatan khas di sekolah menengah iaitu Kaunselor. Kaunselor berperanan dan bertanggungjawab dalam usaha mengembangkan segala potensi yang ada pada seseorang pelajar itu semasa dia di sekolah. Penelitian ke atas sejarah perkembangan pelaksanaan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah Malaysia membuktikan bahawa perkhidmatan ini telah melalui beberapa fasa perkembangan sejak ianya diperkenalakan di zaman

penjajah lagi. Beberapa usaha yang berterusan telah diambil untuk memartabatkan perkhidmatan B&K di Malaysia, di antaraya ialah:

- Bermula 1969 guru-guru bimbingan diberi peluang mengikuti kursus awalan B&K yang dianjurkan oleh KPM selama seminggu dan diteruskan sehingga tahun 1982.
- Pada 27 September 1971, KPM mengarah menjalankan perkhidmatan B&K atas nama Panduan Pelajaran, Panduan Kerjaya dan Panduan Peribadi dan difokuskan pada Sekolah-Sekolah Menengah Berasrama Penuh/Sains.
- Pekeliling Ikhtisas Bil 5/ 1976 bertarikh 5 Mei 1976 pula mengarahkan semua Guru Besar Sekolah Menengah supaya menyediakan kemudahan bilik untuk Perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Kerjaya.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) menekankan tentang pentingnya perkhidmatan bimbingan di mana mengarahkan supaya perkhidmatan ini dijalankan sepenuhnya dan bukan hanya memberi fokus pada panduan kerjaya sahaja.
- Pada tahun 1980 Maktab Perguruan Ilmu Khas memperkenalkan Sijil Perguruan Khas B&K.di mana guru-guru berkursus selama setahun.
- Mulai tahun 1980 juga Universiti Kebangsaan Malaysia memperkenalkan Kursus Diploma Kaunseling selama dua semester bagi guru-guru bimbingan yang berijazah.
- 1982 Universiti Pertanian Malaysia mula menganjurkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (B&K) selama 4 tahun.
- Tahun 1982 juga, Bahagian Pendidikan Guru mula memperkenalkan Kursus Dalam Cuti (KDC) di mana dijalankan semasa cuti penggal persekolahan selama 7 atau 8 minggu.

University of Malaya

- Tahun 1984, Maktab Perguruan Ilmu Khas memperkenalkan kursus khas selama 6 bulan bagi guru-guru bimbingan yang sudah menghadiri kursus KDC dan lulus pangkat cemerlang untuk mendapatkan Sijil Perguruan Khas B&K.
- Tahun 1988, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands telah memperkenalkan kursus Kejurulatihan Program Pembimbing Rakan Sebaya.
- Tahun 1989 Maktab Perguruan Ilmu Khas yang menganjurkan Kursus Perguruan Khas B&K dipindahkan ke Institut Perguruan Darul Aman, Jitra, Kedah.
- Tahun 1996, Universiti Putra Malaysia mengadakan program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) kepada guru-guru dalam bidang B&K.
- KPM menjalankan Kursus KDPK (Kursus Diploma Perguruan Khas) B&K, setahun di Maktab Perguruan dan dua tahun di IPTA (UPM, UKM dan UTM.)
- 4 April 1996, Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak bersetuju mengadakan Perkhidmatan B&K Sepenuh Masa di sekolah-sekolah.
- 1 Jun 1996 pelaksanaan Perkhidmatan B&K sepenuhnya masa secara rasmi telah bermula dengan edaran Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/96bersama surat Bahagian Pembangunan Organisasi dan Perkhidmatan Bil. KP (PP) 0051/22 bertarikh 26 Mac 1997 dan surat Bil. KP (PP) 0051/22/(54) bertarikh 14 Mac 1997.
- Surat Pekeliling Iktisas Bil. 3/96 bertarikh 11 Julai 1996 yang mengarahkan kaunselor sepenuh masa ini bertugas dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang dan dikecualikan dari proses PdP dalam kelas dengan tujuan supaya guru-

University of Malaya

guru B&K ini dapat merancang dan melaksanakan perkhidmatan ini dengan penuh sistematik.

- Ogos 1996, kumpulan pertama guru-guru yang mempunyai ijazah, diploma dan sijil dalam bidang B&K dilantik sebagai Guru B&K Sepenuh Masa (GBKSM) di sekolah-sekolah menengah seluruh negara.
- Jawatan kaunselor dimartabatkan di mana kedudukan kaunselor diletakkan di tahap 4 iaitu selepas Pengetua, Guru Penolong Kanan I (GPK-Pentadbiran), Guru Penolong Kanan II (GPK-HEM) dan seterusnya adalah kedudukan kaunselor.
- 1998 Kerajaan Malaysia telah melulus Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) untuk menentukan supaya orang ramai memperolehi perkhidmatan yang kompeten dan berkualiti dari kaunselor yang berdaftar. Proses pendaftaran ini adalah proses menyaring mereka yang layak memberikan perkhidmatan kaunseling. Hanya mereka yang memenuhi keperluan kelayakan sahaja yang diberi kebenaran untuk memberikan perkhidmatan.
- 2001 Bahagian Pendidikan Guru, KPM dengan kerjasama Institut Aminuddin Baki (IAB) telah mengendalikan Kursus Diploma Perguruan Kaunseling selama 6 bulan.
- 2001 Perjawatan Guru B&K Sepenuh Masa (GPKSM) sekolah menengah dan sekolah rendah adalah diluluskan berdasarkan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 11 Julai 2001. (Rujuk surat Bahagian Pembangunan Organisasi & Perkhidmatan Bil. KP(PP) 0051/1/1/Jld.8/(24) berterikh 3 Ogos 2001).
- 2002 Waran perjawatan untuk Guru B&K Sepenuh Masa sekolah menengah dan sekolah rendah juga telah dikeluarkan pada 11 Januari 2002, Bil KP(PP)0050/ SJ'B' Jld. 24/(24) bertajuk WARAN PERJAWATAN BIL:S3

University of Malaya

TAHUN 2002 yang membawa erti perjawatan ini perlu diisikan dengan tepat dan mengikut tangga gaji yang telah diluluskan. Nisbah Guru B&K Sepenuh Masa kepada pelajar adalah 1:500 bermula dengan 350 orang pelajar di sekolah rendah.

Nisbah Guru B&K Sepenuh Masa dengan Pelajar

Bilangan Pelajar	Bilangan Guru B&K
350	1
501 – 1 000	2
1 001 – 1 500	3
1 501 – 2 000	4
2 001 – 2 500	5
2 501 – 3 000	6

- Oktober 2001 Bahagian Pendidikan Guru dengan kerjasama maktab-maktab-maktab perguruan seluruh negara telah menjalankan kursus 14 minggu B&K kepada guru-guru sekolah rendah. Pada September 2002, kumpulan pertama guru sekolah rendah telah dilantik sebagai Guru B&K Sepenuh Masa.
- Januari 2005, Kumpulan pertama guru lepasan KPLI B&K ditempatkan di sekolah rendah sebagai guru B&K sepenuh masa.
- 24 Mac 2009, ditubukkan Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin di mana sepenuhnya bertanggung jawab ke atas pelaksanaan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah di seluruh negara.

Pelaksanaan Perkhidmatan B&K sepenuh masa di sekolah menengah Malaysia telah menjangkau usia lebih daripada 15 tahun. Perkhidmatan menolong

University of Malaya

ini dianggap sangat penting dalam perkembangan sahsiah pelajar tetapi tidak memberikan bukti yang cukup berhubung pencapaian atau kerelevanannya. Ini adalah kerana perkhidmatan kaunseling sepenuh masa ini masih dianggap suatu fenomena baru dalam budaya negara kita. Tidak ada pengkaji yang melaksanakan penilaian program B&K di sekolah menengah secara menyeluruh. Ghazali Darussalam (2010) menyatakan bahawa setiap program yang diimplementasikan oleh setiap institusi dan organisasi harus dinilai selepas pelaksanaan satu kohort. Maka sudah sampailah masanya kita harus menilai sejauh manakah keberkesanan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Kaunseling sepenuh masa di Malaysia masih merupakan suatu fenomena baru berbanding dengan negara membangun lain. Pelaksanaan perkhidmatan B&K sepenuhnya diperkenalkan pada 1 Jun 1996 (Bil. KP (PP) 0051/22) bertarikh 26 Mac 1997 menunjukkan secara rasminya perkhidmatan ini telah diletakkan di bawah KPM (Buku Panduan Perkhidmatan B&K, 2002). Sudah 15 tahun perkhidmatan ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Tidak cukup bahan bukti yang kukuh menunjukkan tentang keberkesanan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Kebanyakkan kajian lepas yang telah dijalankan berhubung perkhidmatan B&K adalah berfokus pada masalah keperluan dan persepsi sahaja. Terlalu sedikit yang meneliti keberkesanan perkhidmatan dan kesesuaian teori. Pada awalnya kewujudan perkhidmatan B&K di Malaysia dapat dikesan melalui bimbingan kerjaya yang diberikan di sekolah-sekolah (Lloyd, 1981). Perkembangan ini adalah akibat daripada perkembangan profesion kaunseling di sekolah-sekolah Amerika Syarikat (Pope, 2000). Dalam tahun 1963, KPM menerima kepentingan bimbingan di sekolah-sekolah di mana bimbingan menjadi sebahagian penting dalam

University of Malaya

melengkapkan sistem pendidikan kita (Amir &Latif, 1984). Walau bagaimanapun kekurangan sumber kewangan dan personal menyebabkan rancangan-rancangan bimbingan terpesong sasarannya.

Pada tahun 1980, perkhidmatan bimbingan ini disemak semula bilamana munculnya masalah salah guna dadah yang beleluasa di kalangan remaja di Malaysia. Ini menyebabkan sekolah-sekolah mengurus semula kepentingan bimbingan di sekolah-sekolah di mana guru-guru B&K dilantik untuk membantu pelajar-pelajar. Guru-guru ini dikurangkan masa mengajar di mana mereka memainkan dua peranan sebagai guru dan kaunselor sehinngalah 1996 di mana KPM mula mewujudkan kaunselor sepenuh masa di sekolah-sekolah. Dalam tahun 2000, semua sekolah menengah ditempatkan sekurang-kurangnya seorang kaunselor sekolah sepenuh masa (See & Ng, 2010).

Kajian-kajian awal berhubung B&K oleh Roslan Said (1978); Morazuki (1980); Mohd Hisa Tahat (1980); Bee Chu (1984); Shiratudin (1982); Menon (1983); Aminah, (1987); serta Suradi Salim (1992) menunjukkan bahawa perkhidmatan ini di Malaysia masih jauh lagi perjalanannya. Kerjasama daripada pelbagai pihak sangat diperlukan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan ini seperti yang dihasratkan oleh KPM ketika itu. Masalah kekurangan sumber terlatih, kekurangan kewangan, kekurangan masa di kalangan guru-guru akibat mengajar serta menjalankan perkhidmatan ini, kekurangan kemudahan asas serta ketiadaan sambutan baik daripada pelajar menjadi punca kurang berkesannya perkhidmatan ini di sekolah-sekolah.

Seterusnya kajian oleh Abd Halim (1999); Suradi (2004); See, (2004); Sidek et al, (2005) serta Johari (2009) juga menunjukkan dapatan yang hampir sama dengan dapatan kajian-kajian di atas. Antara punca yang menyumbang kepada

University of Malaya

ketidak berkesannya perkhidmatan B&K di sekolah ialah kekurangan kemahiran di kalangan guru bimbingan dan kaunseling, beban kerja yang berat akibat tanggung jawab pentadbiran dan pengajaran serta kekeliruan berhubung tanggung jawab kaunselor.

Berdasarkan kajian oleh Azhari bin Hj. Abd. Rahman (1998), yang mengkaji persepsi pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap perkhidmatan B&K mendapati terdapat perbezaan persepsi antara pelajar-pelajar bandar dengan luar bandar dan pelajar-pelajar lelaki dengan perempuan terhadap perkhidmatan B&K. Sampel kajian adalah pelajar tingkatan lima dari enam buah sekolah menengah gred A di daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman. Kaedah kuantitatif digunakan di mana soal selidik digunakan untuk mengumpul data. Soal selidik yang mengandungi item-item berskala empat mata (likert) digunakan untuk medapat maklum balas dari pelajar. Data-data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan Ujian-t. Dapatan menunjukkan pelajar menunjukkan persepsi positif terhadap perkhidmatan ini. Ini bermakna keselesaan dan kemudahan fizikal bilik B&K, Personaliti kaunselor sekolah, Keupayaan dalam menyelesaikan masalah pelajar,Bimbingan peningkatan akademik, Bimbingan ke IPT, Bimbingan kerjaya, dan Keyakinan pelajar terhadap B&K adalah memuaskan. Walaupun demikian, terdapat persepsi yang negative terhadap beberapa penyataan tertentu. Hasi daripada dapatan kajian membuktikan bahawa perkhidmatan ini patut dikekalkan dan perlu ada usaha berterusan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan ini. Cadangan diutarakan supaya perkhidmatan B&K sekolah di kawasan bandar perlu dikemaskan supaya setanding dengan luar bandar. Keselesaan dan kemudahan fizikal bilik B&K, Khidmat bimbingan peningkatan akademik dan Bimbingan ke IPT perlu ditingkatkan lagi.

University of Malaya

Suatu dapatan kajian yang agak positif diperolehi daripada Bakar et al, (2001) di mana beliau merumuskan bahawa kaunselor-kaunselor Malaysia adalah sangat positif berhubung kerja mereka. Ia adalah penting untuk mengekalkan nilai-nilai positif ke arah tanggungjawab mereka kerana profesion kaunseling memerlukan individu-individu yang berkomitmen tinggi.

Kajian oleh Zulkifli bin Mamat (2008) berhubung tekanan dan burnout serta kesan-kesan tekanan yang dialami oleh kaunselor sekolah-sekolah menengah di negeri Pahang menunjukkan bahawa faktor-faktor tekanan seperti perhubungan kerja dan persekitaran terdapat hubungan yang signifikan di antara kaunselor lelaki dengan kaunselor perempuan. Manakala faktor-faktor yang menyebabkan burnout adalah disebabkan oleh masalah dalam bidang kerja, tekanan kerja serta terdapat konflik peranan di mana terdapat perbezaan yang signifikan di antara kaunselor lelaki dengan kaunselor perempuan. Rumusan kajian menunjukkan kaunselor mengalami tekanan dan burnout yang sangat tinggi. Maka dicadangkan supaya langkah yang segera diambil untuk membantu guru-guru ini dalam mengurangkan masalah tekanan dan burnout.

Berdasarkan kajian oleh Tengku Elmi Azlina Tengku Muda dan Prof. Datuk Dr. Noriah Mohd Ishak (2014) berhubung tahap kepimpinan ketua guru B&K sekolah dan implikasinya ke atas keberkesanan perkhidmatan B&K sekolah menengah mendapati secara keseluruhannya ketua guru B&K menunjukkan tahap kepimpinan yang sederhana. Seterusnya tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepimpinan berdasarkan faktor umur, jantina, tahap pendidikan dan pengalaman. Dalam hal ini campurtangan pihak KPM sangat dialu-alukan supaya dapat menganjurkan kursus yang relevan dalam memartabatkan ciri kepimpinan di kalangan ketua guru B&K.

University of Malaya

Kajian oleh Faizah Abd Ghani dan Nagarajan Kupusamy (2012) yang mengkaji hubungan tret personaliti dan kecekapan Guru B&K dalam pelaksanaan Perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah Menengah di Daerah Pasir Gudang, Johor. menunjukkan majoriti Guru B&K di Daerah Pasir Gudang mempunyai tret personaliti Openness to Experience (M=40.48). Ini diikuti dengan tret personaliti Agreeableness (M=38.67), Conscientiousness (M=36.23), Extraversion (M=31.04) dan Neuroticism (M=17.59). Manakala dari aspek kecekapan, dapatan kajian menunjukkan majoriti Guru B&K di Daerah Pasir Gudang mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi (M=24.42), diikuti dengan daya tarikan (M=22.67) dan kepakaran (M=20.28). Analisis inferensi kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara domain daya tarikan di bawah tahap kecekapan dengan kesemua domain tret personaliti iaitu Extraversion (p=.000, r=.530), Agreeableness (p=.000, r=.426), Conscientiousness (p=.005, r=.293), Neuroticism (p=.036, r=.219) dan Openness to Experience (p=.001, r=.343). Domain kepakaran dalam tahap kecekapan menunjukkan domain Extraversion (p=.000, r=.414), Conscientiousness (p=.044, r=.210) dan Openness to Experience (p=.000, r=.384) mempunyai hubungan yang signifikan. Manakala, bagi domain kepercayaan wujud hubungan yang signifikan dengan tret personaliti Extraversion (p=.023, r=.236) pada tahap yang lemah.

Kajian oleh Nurinahafiza binti Mansor (2012) berhubung tahap keberkesanan perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya (UPKK) dalam membantu kerjaya pelajar kejuruteraan di Politeknik. Kaedah tinjauan digunakan di mana data dikumpulkan melalui pengedaran soal selidik sebagai alat instrumen. Hasil kajian mendapati tahap keberkesanan perkhidmatan UPKK adalah tinggi dan

University of Malaya

analisis perbezaan tahap keberkesanan perkhidmatan antara jabatan kejuruteraan pula memperlihatkan tahap keberkesanan yang sama walaupun berbeza jabatan.

Kajian Zairoslawanee binti Zaib (2014), menunjukkan setiap insan memerlukan sesuatu kerjaya supaya dapat menjamin kehidupan mereka di masa-masa akan datang. Pemilihan kerjaya tidak boleh dipandang sebagai suatu perkara yang senang kerana pada kebiasaannya banyak faktor yang bergabung jalin seperti pengetahuan dan persekitaran seseorang dalam pemilihan kerjaya seseorang. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti minat kerjaya pelajar berdasarkan pada personaliti Holland, perbezaan minat kerjaya antara jantina, pendedahan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar. Sampel terdiri daripada pelajar daripada Tingkatan 6 Atas di sekolah-sekolah menengah kluster di Kelantan. Kaedah tinjauan digunakan di mana satu set soal selidik digunakan sebagai alatan kajian ini. Hasil kajian mendapati ramai pelajar-pelajar berminat terhadap jenis personaliti Sosial. Analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan minat kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan. Pendedahan yang mereka terima di sekolah adalah pada tahap yang memberangsangkan dimana pihak sekolah sentiasa memberikan maklumat mengenai kerjaya kepada pelajar. Keputusan kajian juga mendapati bahawa faktor minat merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya.

Kajian Arumugam A/L Krishnan pada (2010) yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap perlaksanaan dan tahap kepuasan terhadap perkhidmatan B&K sekolah menengah di Perak. Subjek kajian terdiri daripada pentadbir, guru B&K, guru biasa dan pelajar. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Perlaksanaan perkhidmatan B&K adalah ditahap sederhana tinggi mengikut persepsi pentadbir (M=3.56, SP= .78), guru B&K

University of Malaya

(M=3.38, SP= .40) dan guru biasa (M=3.09, SP= .63). Manakala, pelajar berpendapat tahap perlaksanaan berada pada tahap sederhana rendah (M=2.39, SP= .89). Namun begitu, tahap kepuasan pula berada pada tahap sederhana tinggi mengikut kesemua responden. Terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap tahap perlaksanaan perkhidmatan B&K antara persepsi pentadbir, guru B&K , guru biasa dan pelajar. Di samping itu juga, terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap tahap perlaksanaan dan tahap kepuasan antara etnik pelajar. Perbezaan ini disebabkan oleh min persepsi pelajar Cina yang rendah. Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif yang signifikan antara tahap perlaksanaan dan tahap kepuasan perkhidmatan B&K mengikut persepsi pentadbir, guru B&K, dan guru biasa. Manakala mengikut persepsi pelajar, terdapat hubungan yang positif antara tahap perlaksanaan dan tahap kepuasan perkhidmatan B&K, tetapi rendah, iaitu r= 0.32. Hanya 10% varian dalam tahap kepuasan perkhidmatan B&K sahaja mempunyai hubungan dengan tahap perlaksanaan.

Kajian oleh Mohamed Sharif Mustaffa dan Roslee Ahmad (2005), di mana sampelnya adalah pelajar perempuan cemerlang tingkatan empat yang tidak pernah menghadiri sesi kaunseling di sekolah.Tujuan kajian adalah untuk melihat persepsi mereka terhadap perkhidmatan B&K di mana pendekatan kualitatif dijalankan dan kaedah temubual dijalankan untuk mengumpul data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar menunjukkan persepsi yang positif terhadap perkhidmatan B&K di sekolah. Pelajar juga percaya melalui perkhidmatan ini boleh mendapat bimbingan akademik dan kerjaya. Tambahannya pula perkhidmatan ini juga boleh membantu mereka dalam menyelesaikan masalah mereka. Walaupun demikian ada pelajar yang mempunyai persepsi yang negatif terhadap perkhidmatan B&K dalam

University of Malaya

aspek seperti kerahsiaan, tidak mahu berkongsi masalah, mempunyai rasa rendah diri, serta tidak yakin kaunselor dapat menyelesaikan masalah peribadi mereka.

Kajian oleh Nor Shafrin binti Ahmad dan Ahmad Amin b. Mohamad Sulaiman (2010) mengatakan bahawa pendedahan maklumat kerjaya dan pendidikan lanjutan perlu diberikan sejak pelajar di bangku sekolah. Kerjaya yang selaras dengan minat, kebolehan, personaliti serta pencapaian berupaya membantu pelajar memilih bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan diri. Di samping itu pendedahan maklumat mengenai kebolehpasaran kerja dapat membantu pelajar memilih pekerjaan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran. Sehubungan demikian pihak sekolah perlulah memainkan peranan utama dalam usaha memberi maklumat kerjaya serta aliran atau jurusan yang selaras dengan bidang yang ingin pelajar ceburi.

Manakala Mansor (2010) dan Suradi (2004) dalam kajian mereka mendedahkan bahawa suatu pendekatan teori berdasarkan budaya dan tradisi Malaysia adalah diperlukan untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar Malaysia. Mereka mengulas bahawa perbezaan antara budaya mempunyai suatu pengaruh yang besar dalam amalan kaunseling di sekolah-sekolah Malaysia. Beliau menambah lagi bahawa perbezaan antara budaya Timur dan Barat juga menyebabkan pendekatan berlainan dalam amalan kaunseling di sekolah-sekolah Malaysia terutamanya dalam mengamanahkan kaunseling sebagai pendekatan kebaratan.

Kajian terbaru oleh Abdul Malek Abdul Rahman et al. (2014) ke atas aras kecekapan kaunselor-kaunselor yang diuji melalui aras kecekapan emosi, aras kepuasan kerja dan aras kewajipan menunjukkan bahawa kecekapan keseluruhan kaunselor-kaunselor sekolah menengah adalah pada tahap sederhana.

Tengku Elmi Azlina dan Noriah (2014) telah menjalankan kajian mengenai tahap kepimpinan ketua guru B&K serta implikasinya kepada peningkatan

University of Malaya

keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah menengah. Kajian tersebut telah dijalankan di 168 buah sekolah menengah Selangor. Seramai 168 orang ketua guru B&K daripada sekolah-sekolah tersebut terlibat dalam kajian ini. Bagi mengukur tahap kepimpinan, model kepimpinan Malaysia Leadership Audit Trail Inventory (MLATI) yang dibangunkan oleh Noriah-Elmi (2013) dan mengandungi 69 item digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data kajian secara kaedah kuantitatif. Data pula dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS Versi 2.0. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepimpinan ketua guru B&K secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana. Seterusnya, hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan ketua guru B&K mempunyai strategi kepimpinan semasa berkhidmat berdasarkan peratusan data tertinggi bagi komponen tersebut. Malah, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepimpinan berdasarkan umur, jantina, tahap pendidikan, dan pengalaman responden. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bagaimana tahap dan strategi kepimpinan merupakan aspek yang penting dan perlu diberikan perhatian serta penekanan bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah menengah.

Rorlinda et al. (2017) pula menjalankan kajian mengenai efikasi kendiri kaunseling dalam kalangan kaunselor sekolah di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat bagaimana kaunselor sekolah menggunakan efikasi kendiri kaunseling dalam perkhidmatan mereka di sekolah. Kajian ini mengandungi dua fasa kajian yang mana pada fasa pertama, kaedah kajian kuantitatif digunakan untuk melihat tahap kecerdasan emosi, efikasi kendiri, dan komitmen kaunselor dalam profesion perkhidmatan mereka. Manakala pada fasa kedua, kaedah kajian kualitatif digunakan dengan sesi temuduga terhadap empat orang kaunselor sekolah yang mana dua orang

University of Malaya

kaunselor tersebut mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan dua orang lagi mempunyai kecerdasan emosi yang rendah. Bagi mendapatkan data kajian fasa kedua, pengkaji telah menemuduga responden dengan soalan tentang bagaimanakah mereka meningkatkan efikasi kendiri serta menggunakan efikasi kendiri kaunseling dalam perkhidmatan B&K mereka kepada pelajar sekolah. Pada fasa kajian pertama, pengkaji menggunakan instrument Malaysian Emotional Quotient Inventoru (MEQI0 yang dibangunkan oleh Noriah (2005) dan General and Counselling Efficacy Instrument oleh Rorlinda (2008). Manakala kajian fasa kedua dianalisis dengan menggunakan *Browse Nodes*, *Assay Scope*, *Matrix Intersection*, *Document Attribution and Explore Model*, serta *Pattern Machingand Explanation Building Techniques*. Hasil kajian menunjukkan bahawa penjanaan efikasi kendiri kaunseling dapat ditingkatkan melalui proses perkembangan yang holistik, faktor persekitaran, dan persepsi yang jelas mengenai peranan sebagai kaunselor sekolah sepenuh masa. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan efikasi kendiri digunakan oleh kaunselor sekolah untuk menjana pemikiran kritis, inisiatif pelan tindakan, membina ketahanan diri, dan meningkatkan arah kerjaya mereka sebagai kaunseling. Secara keseluruhannya, didapati efikasi kendiri adalah aspek yang utama dan mampu menggerakan kaunselor sekolah bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan B&K dalam profesion mereka.

Voon Siok Ping dan Rafidah Aga (2013), telah menjalankan kajian untuk melihat hubungan antara kompetensi kaunseling kepelbagaian budaya dan kepuasan klien dalam kalangan kaunselor di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat bagaimana tahap kompetensi kaunselor dapat meningkatkan kepuasan klien dalam berhadapan isu kepelbagaian budaya. Seramai 104 orang responden iaitu 52 orang kaunselor dan 52 orang klien terlibat dalam kajian ini. 26 daripada 52 orang

kaunselor tersebut merupakan kaunselor pra perkhidmatan yang sedang menjalani latihan praktikal. Bagi mengukur kompetensi dalam kalangan kaunselor, instrumen Multicultural Awareness-Knowledge-Skills-Survey-Counselor Edition Revised (MAKSS-CE-R) yang mengandungi tiga subskala iaitu kesedaran, pengetahuan, dan kemahiran digunakan oleh pengkaji. Manakala instrumen Client Satisfaction Questionnaire-8 (CSQ-8) pula digunakan untuk melihat tahap kepuasan klien terhadap perkhidmatan kaunseling yang diberikan oleh kaunselor. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan yang positif antara kompetensi kaunselor dengan kepuasan klien. Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan kompetensi antara kaunselor profesional dengan kaunselor pra perkhidmatan dalam aspek kompetensi dan kepuasan klien. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bagaimana kecekapan dan kompetensi kaunselor sememangnya memberi impak kepada tahap kepuasan klien dalam menghadapi isu-isu mengenai kepelbagaian budaya.

Faizah dan Nagarajan (2012) pula telah mengkaji hubungan antara tret personaliti dan kecekapan guru B&K dalam pelaksanaan perkhidmatan di sekolah menengah di daerah Pasir Gudang, Johor. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tret-tret personaliti yang mempengaruhi kecekapan guru B&K. Seramai 92 orang guru B&K telah dipilih daripada 33 buah sekolah menengah di sekitar Pasir Gudang, Johor. Kajian ini menggunakan instrumen personaliti Big-Five (BFI) dan Counselor Rating Form (CRF) untuk mendapatkan data mengenai personaliti dan tahap kecekapan. Data kajian juga dianalisis dengan menggunakan Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 15.0. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti guru B&K mempunyai tret personaliti Openness to Experience, Agreeableness, Conscientiousness, Extraversion, dan Neuroticism.

University of Malaya

Seterusnya, bagi aspek kecekepan pula, hasil kajian mendapati bahawa majoriti guru B&K mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi, daya tarikan, serta kepakaran. Malah, kajian juga menunjukkan terdapat hubungan antara daya tarikan kaunselor dengan kesemua tret personaliti. Selain itu, aspek kepakaran di dalam tahap kecekapan juga menunjukkan hubungan yang positif dengan domain Extraversion, Conscientiousness, dan Openness to Experience. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa kecekapan guru B&K dapat ditingkatkan sekiranya mereka mempunyai personaliti dan sikap terbuka, berhati-hati, extrovert, dan *agreeableness*.

Di samping itu, Abu Yazid (2015) telah menjalankan kajian mengenai pola isu, persepsi, serta pengalaman perkhidmatan B&K dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Kajian ini merupakan kajian kes penerokaan yang menggunakan reka bentuk gabungan dan campuran untuk meneroka secara mendalam tentang pelaksanaan perkhidamatan B&K di sekolah berdasarkan pandangan pelajar pintar dan berbakat. Kajian ini melibatkan 30 orang pelajar kohot pertama dan kohot kedua di sebuah sekolah yang menyediakan program pendidikan khusus untuk pelajar. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan menemubual responden secara kumpulan fokus dan temu bual mendalam untuk mendapatkan data kajian. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian N Vivo versi 8.0 untuk mendapatkan hasil dapatan kajian secara terperinci. Dapatan kajian menunjukkan pola isu pelajar pintar dan berbakat lazimnya berkisar kepada dimensi-dimensi kerjaya, akademik, dan psikososial. Malah, dapatan kajian juga menunjukkan isu-isu tersebut mendorong responden kajian untuk mendapatkan perkhidmatan B&K di sekolah mereka. Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa persepsi dan pengalaman responden kajian terhadap perkhidmatan B&K sekolah umumnya terbina dari reaksi positif dan negatif. Secara keseluruhannya, kajian ini

University of Malaya

membuktikan bahawa isu-isu berkenaan kerjaya, akademik, dan psikososial merupakan isu yang biasa dialamai oleh kalangan pelajar yang memerlukan mereka untuk mendapatkan perkhidmatan B&K . Bukan itu sahaja, kajian ini memperlihatkan bagaimana persepsi positif pelajar dapat dibina sekiranya mereka mempunyai pengalaman sesi perkhidmatan kaunseling yang positif.

Sew Kim Low et al. (2013) telah menjalankan kajian berkaitan pendekatan secara holistik perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitif untuk melihat perkhidmatan B&K yang diberikan kepada pelajar-pelajar. Kajian ini juga melibatkan responden dalam kalangan kaunselor-kaunselor dari 12 buah sekolah menengah di sekitar negeri Perak. Dalam kajian ini, responden kajian diberikan borang soal selidik yang mengandungi maklumat berkaitan sekolah dan diri responden serta soalan berkaitan perkhidmatan kaunseling. Seterusnya, responden kajian turut ditemuduga oleh pengkaji untuk melihat pengalaman mereka sepanjang berkhidmat sebagai kaunselor B&K di sekolah. Data kajian telah dianalisis menggunakan NVIVO untuk melihat tema perbincangan melalui temuduga yang telah dijalankan. Manakala bagi mendapatkan data kajian melalui maklumat sekolah dan peribadi responden, data telah dianalisis dengan menggunakan SPSS. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kerjasama antara pihak-pihak yang terlibat dalam urusan pentadbiran pendidikan di sekolah masih kurang. Hal ini menyebabkan pengetahuan serta pendekatan terhadap perkhidmatan B&K semakin berkurang. Oleh itu, secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan pendekatan yang lebih holistik serta kerjasama dari semua pihak amtalah penting serta perlu dipertingkan bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah.

University of Malaya

Tambahan pula, Jin Kuan Kok et al. (2012) telah menjalankan kajian mengenai perkhidmatan kaunseling di sekolah-sekolah menengah di sekitar negeri Perak, Malaysia. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi tentang peranan dan skop kerja perkhidmatan kaunseling dalam kalangan kaunselor-kaunselor di sekolah menengah. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualtitatif bagi mendapatkan data kajian daripada responden. Borang soal selidik telah diagihkan kepada kaunselor di 235 buah sekolah menengah di sekitar negeri Perak. Manakala seramai 13 orang kaunselor sekolah pula telah ditemuduga dengan menggunakan soalan semi-struktur. Data-data kajian telah dianalisis menggunakan SPSS bagi mendapatkan data dari borang soal selidik serta NVIVO untuk jawapan daripada sesi temuduga dengan responden terpilih. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perkhidmatan B&K perlu ditingkatkan serta diberi fokus penting kerana kurang mendapat perhatian dalam pentadbiran sekolah. Hal ini penting bagi meningkatkan perkhidmatan kaunseling terbaik bagi pelajar-pelajar sekolah yang sering menghadapi isu-isu atau masalah berkaitan emosi dan juga tingkah laku. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa perkhidmatan B&K perlu diberikan perhatian yang serius dalam pentadbiran sekolah bagi memastikan isu-isu emosi dan tingkah laku yang dialami pelajar sekolah menengah dapat ditangani dengan sebaiknya.

Seterusnya, Abdul Malek et al. (2013) telah menjalankan kajian mengenai model perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah di Malaysia. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat perubahan serta inisiatif yang dilakukan untuk mengembangkan perkhidmatan B&K yang mula diperkenalkan pada tahun 1960 sehingga kini. Berdasarkan sejarah perkhidmatan B&K di Malaysia, dapatan kajian menunjukkan 10 tahun pertama penubuhan perkhidmatan ini lebih tertumpu kepada

University of Malaya

latihan serta peranan yang perlu dimainkan oleh kaunselor sekolah. Kemudian. 15 tahun kemudian. dapatan kajian menunjukkan perkembangan perkhidmatan B&K mula berkembang dan berfokus kepada isu-isu berkaitan masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah yang boleh memberikan impak negatif kepada perkembangan sosial pelajar seperti masalah disiplin dan penyalahgunaan dadah. Kini, hasil kajian menunjukkan perkembangan perkhidmatan telah berkembang lebih kepada isu-isu berkaitan kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah. Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan bagaimana perkembangan perkhidmatan B&K dari zaman dahulu sehingga sekarang yang sentiasa bertukar pendekatan disebabkan isu-isu atau masalah dalam kalangan pelajar sekolah yang berubah. Malah, kajian ini turut membuktikan bagaimana pentingnya peningkatan keberkesanan dalam perkhidmatan B&K kepada golongan pelajar sekolah bagi memastikan mereka sihat dari segi fizikal, mental, mahupun emosi sekaligus dapat meminimumkan masalah-masalah sosial.

Bakar et al. (2011) pula telah menjalankan kajian terhadap kaunselor-kaunselor sekolah di Malaysia untuk mengetahui nilai kerja dan kesannya kepada perkhidmatan kaunseling di sekolah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat nilai-nilai kerja kaunselor serta mengenalpasti sama ada wujud perbezaan ataupun tidak antara jantina, tahap pendidikan dan pengalaman kaunselor, lokasi sekolah, serta saiz populasi. Seramai 443 orang kaunselor dari sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia telah dipilih secara rawak dan terlibat dalam kajian ini. Borang soal selidik yang menggunakan instrumen the Minnesota Importance Questionnaire yang mengandungi 34 item soalan berkaitan nilai kerja dan Super Work Value Inventory dengan kebolehpercayaan 0.946 digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data kajian. Borang soal selidik tersebut juga telah diedarkan melalui sistem email kepada

University of Malaya

kesemua responden kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan bagi nilai-nilai kerja dalam kalangan kaunselor lelaki dengan perempuan. Dapatan kajian turut menunjukkan terdapat hubungan antara nilai kerja dengan faktor umur, pengalaman perkhidmatan, dan kelayakan akademik. Malah, dapatan kajian mendapati tidak ada hubungan korelasi antara nilai kerja dengan lokasi dan saiz populasi sekolah tempat kaunselor bekerja. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa nilai kerja kaunselor bergantung kepada perbezaan jantina, umur, kelayakan akademik, serta pengalaman perkhidmatan.

See Ching Mey (1997) yang menjalankan kajian ke atas peranan kaunselor untuk melihat persepsi pihak pentadbiran, guru B&K, dan juga guru-guru sekolah menengah di Semenanjung Malaysia tentang peranan kaunselor dan kepentingannya bagi memenuhi keperluan-keperluan pelajar. Dalam kajian ini, pengkaji telah merangka satu inventori Penilaian Peranan Kaunselor (Counselor Role Assestment Survey) yang mengandungi 56 item soalan dan dibahagikan kepada enam sub skala. Seramai 180 orang pentadbir, 190 orang kaunselor, dan 276 orang guru dari empat buah negeri yang dipilih secara rawak telah terlibat dalam kajian ini. Seterusnya, pengkaji juga menggunakan kaedah kajian kuantitatif serta mendapatkan data kajian melalui statistik deskriptif, ujian-t, *one way ANOVAs*, dan *factorial ANOVAs*. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan persepsi dalam kalangan pentadbir, kaunselor, dan guru tentang peranan dan kepentingan peranan kaunselor. Malah, dapatan kajian juga menunjukkan faktor negeri, lokasi, jantina, umur, serta tahun pengalaman mengajar mempengaruhi perbezaan yang wujud dalam persepsi terhadap peranan dan kepentingan peranan kaunselor. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bagaimana persepsi ketiga-tiga kumpulan tersebut memberi kesan kepada keberkesanan perkhidmatan B&K kepada pelajar-pelajar sekolah menengah.

University of Malaya

Kesimpulannya, didapati bahawa kebanyakkan kajian yang dijalankan di Malaysia berhubung perkhidmatan B&Kdi Malaysia adalah berfokus pada dimensi input sahaja. Kurang kajian dalam dimensi konteks, proses dan produk berhubung perkhidmatan ini di sekolah-sekolah.

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan B&K di Luar Negara

Kanga (2017) mengatakan bahawa penyesuaian sekolah merupakan proses mengatasi persekitaran sekolah baru untuk mencapai matlamat dan aspirasi bagi individu dan sekolah. Kerajaan, pengurus pendidikan dan ibu bapa telah menyatakan perlunya pengukuhan perkhidmatan B&K bagi meningkatkan penyesuaian pelajar ke persekitaran sekolah. Sekolah menengah awam dijangka melaksanakan dasar B&K dari KPM dan membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah menengah. Kajian ini mengkaji perbandingan jantina dalam keberkesanan perkhidmatan B&K dalam meningkatkan penyesuaian kendiri pelajar ke persekitaran sekolah di sekolah menengah awam di Kenya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif. Populasi sasaran kajian adalah 36,671 orang terdiri daripada 35,659 orang pelajar tingkatan 3, 506 orang guru kelas tingkatan 3, dan 506 guru yang betanggungjawab dalam menjalankan B&K dari sekolah menengah di Kitui, Nyeri dan Nairobi di Kenya. Teknik persampelan rawak dan mudah digunakan untuk memilih 756 responden yang terdiri daripada 720 orang pelajar tingkatan 3, 18 orang guru kelas tingkatan 3 dan 18 guru B&K dari 18 buah sekolah menengah untuk kajian ini. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data dari pelajar tingkatan 3 dan guru kelas mereka manakala teknik temubual digunakan untuk mengumpul data daripada guru yang bertangunggjwab dalam B&K. Rumusan Spearman Brown Prophesy digunakan dengan pekali kebolehpercayaan separuh teknik 0.745, 0.746

dan 0.736.. Penganalisisan menggunakan statistik inferensi dan deskriptif dengan bantuan SPSS versi 17.0 dan dibentangkan dalam jadual kekerapan taburan dan peratusan. Penemuan kajian ini memberikan maklumat kepada pentadbir sekolah, pembuat dasar, ibu bapa dan pihak berkepentingan lain dalam menangani pelbagai isu dalam B&K. Kajian selanjutnya dicadangkan bagi cara-cara memperbaiki perkhidmatan B&K untuk menjadikannya lebih berkesan di sekolah menengah awam.

Bilgin (2016) telah menjalankan kajian untuk melihat perbezaan antara perkhidmatan B&K antara negara-negara di dunia dengan perkhidmatan di Turki. Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat perbezaan pengamalan perkhidmatan B&K di Turki dengan negara dunia kerana setiap negara mempunyai pendekatan yang berbeza dalam mengendalikan isu serta keperluan manusia. Hasil dapatan kajian menunjukkan kebanyakan negara menggunakan serta mengamalkan perkhidmatan B&K berdasarkan pendekatan perkhidmatan kaunseling yang diamalkan di negara United States, Amerika. Dapatan kajian ini turut menunjukkan perbezaan sistem perkhidmatan B&K yang diamalkan dahulu dan sekarang di negara Turki. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menjadi contoh serta memperlihatkan bagaimana perkhidmatan B&K dapat dipertingkatkan melalui pendekatan-pendekatan sistem perkhidmatan kaunseling dari negara Amerika Syarikat terutamanya yang banyak menfokuskan kepada kualti perkhidmatan kaunseling.

Tiego dan Kamore (2015) telah menjalankan sebuah penyelidikan yang meneliti isu berkaitan dengan kecekapan dan peranan B&K dalam menangani kes-kes disiplin di sekolah tinggi di daerah Kiambu, Kenya. Reka bentuk kaji selidik sampel selari silang telah digunakan. Sebanyak 31 responden dari sekolah menengah

University of Malaya

di Kiambu County telah diambil secara rawak. Reponden merupakan antara guru atau ketua jabatan dari B&K. Penyelidikan ini berusaha untuk menubuhkan asas professional dan pengetahuan guru dalam Jabatan B&K di sekolah menengah Kiambu. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan di antara peruntukan belanjawan dengan kecekapan jabatan di sekolah.

Cheruivot dan Orodho (2015) telah menjalankan kajian mengenai B&K. Intipati kajian adalah untuk mengkaji kesediaan manusia dan sumber bagi menyediakan perkhidmatan B&K yang berkesan di sekolah menengah di Bureti Sub County, Kericho County, Kenya. Kajian ini menggunakan gabungan kajian deskriptif dan reka bentuk penyelidikan korelasi. Teknik persampelan berstruktur digunakan untuk memilih 20 pengetua dan 20 ketua jabatan manakala teknik persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih 400 orang pelajar yang menghasilkan saiz sampel 440. Soal selidik, temubual dan panduan analisis dokumen digunakan untuk mengumpul data untuk kajian. Kajian menegaskan bahawa kira-kira dua pertiga pengamal daripada B&K sekolah tidak mempunyai kelayakan diploma yang diperlukan dan ke atas. Kemudahan B&K tidak mencukupi untuk memudahkan pelaksanaan perkhidmatan yang berkesan di kebanyakan sekolah dalam kajian tempatan. Berdasarkan penemuan ini, adaah disyorkan bahawa bengkel berkala pada guru sekolah menengah awam dan penyedia perkhidmatan lain dipergiat untuk membolehkan mereka meningkatkan keberkesanan. Kepentingan pembangunan identiti professional dan peningkatan keberkesana guru melalui kehadiran bengkel secara sukarela harus digalakkan. Penemuan ini penting kepada guru B&K, pengetua sekolah dan Kementerian Pendidikan Sains dan Teknologi kerana ia akan membolehkan mereka meningkatkan perkhidmatan di sekolah dan mencapai objektif yang ditetapkan dalam program B&K di sekolah.

University of Malaya

Anvamene, Nwokolo dan Anvachebelu (2012) telah mengkaji sejauh mana ketersediaan dan penggunaan sumber teknologi komunikasi maklumat untuk kaunseling pelajar universiti di universiti-universti tenggara, di Nigeria. Responden terditi daripada 10,800 pelajar yang diambil dari sembilan universiti di selatan tenggara, Nigeria. Instrumen ini telah disahkan oleh dua pakar dalam B&K. Satu dari Universiti Nnamdi Azikiwe, Awka dan satu lagi dari Universiti Ebonyi State, Abakaliki. Kaedah kebolehpercayaan ujian telah digunakan dan mendapati kebolehpercayaan kecekapan 0.81 diperolehi. Markah peratusan dan min digunakan untuk analisis data. Hasilnya menunjukkan bahawa kemudahan teknologi komunikasi maklumat (ICT) untuk kaunseling adalah terhad di universiti-universiti di negara bahagian tenggara, Nigeria. Hasilnya juga menunjukkan bahawa tahap teknologi komunikasi maklumat sangat rendah. Berdasarkam penemuan kajian ini, disarankan agar kerajaan menyediakan kemudahan ICT di makmal kaunseling di semua universiti bagi membantu memudahkan kaunseling dan pembelajaran.

Muango, dan Joel (2012) mengatakan bahawa kebimbangan semakin meningkat dalam masalah seperti penyalahgunaan dadah, seks pra nikah, penipuan dalam peperiksaan dan kehamilan remaja di Universiti Awam Kenya. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan perkhidmatan B&K di Universiti Sains dan Teknologi Masinde Muliro kajian ini berlatar belakangkan Teori Penetapan Matlamat oleh Locke dan Latham. Tujuan kajian ini adalah untuk membuktikan keberkesanan perkhidmatan B&K di institusi pengajian tinggi dengan tujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan deskriptif. Seramai 204 pelajar university telah menjadi sampel kajian. Difahamkan bahawa perkhidmatan B&K di Universiti Sains dan Teknologi Masinde Muliro adalah berkesan di kalangan pelajar yang mencari perkhidmatan.

University of Malaya

Kajian ini bagaimanapun mencadangkan supaya jabatan B&K lebih menumpukan kepada isu-isu sosial, kesihatan dan isu kewangan yang memberi kesan kepada pelajar di kampus serta menerokai pengaruh kemasukan universiti dan faktor-faktor yang boleh menjejaskan pelajar dan pihak berkepentingan digalakkan untuk melibatkan diri dalam proses B&K pelajar.

Olando, Otenyo dan Odera (2014) telah menjalankan sebuah kajian mengenai kecekapan B&K dalam konsep kendiri remaja di daerah Khwisero, Kakamega County. Tujuan kajian adalah mengenai keberkesanan perkhidmatan B&K dengan konsep kendiri remaja di sekolah-sekolah sekitar daerah Khwisero yang terletak di Kakamega County. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan tinjauan deskriptif melibatkan 24 sekolah menengah dan 3 sekolah menengah swasta. Kajian ini menggunakan sampel populasi sasaran sebanyak 240 pelajar, 6 orang pengetua, 6 orang guru B&K, dan 3 orang pegawai pendidikan dari 8 buah sekolah. Persampelan rawak berstrata digunakan. Soal selidik para pengetua, guru dan pelajar telah ditadbir. Jadual wawancara untuk pegawai pendidikan turut diberikan. Untuk membuktikan kebolehpercayaaan instrument penyelidikan kajian, Pekali Korelasi Pearson dikira dan menghasil korelasi koefisien 0.87. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif antara bimbingan dan perkhidmatan kaunseling yang berkesan dan menunjukkan konsep diri remaja yang positif. Kajian ini memberikan banyak bantuan kepada individu dalam bidang pendidikan bagi membangunkan dan meningkatkan harga diri para pelajar mereka. Diharapkan Kementerian Pelajaran harus menyediakan garis panduan mengenai pelaksanaan strategi B&K yang berkesan dan mempunyai hubungkait dengannya.

Qi, Xi dan Leuwarke (2014) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar tentang kaunselor sekolah di dua buah sekolah tinggi di

Beijing, China. Ujian bebas mendapati bahawa pelajar perempuan menilai ketersediaan kaunselor lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Selain itu, pelajar yang telah menerima perkhidmatan kaunseling menilai kaunselor lebih tinggi dalam bidang tertentu berbanding pelajar yang tidak pernah menerima servis kaunseling, pengetahuan tentang ujian pencapaian, keramahan dan pendekatan, kefahaman mengenai pandangan pelajar, bertindak balas terhadap permintaan, keupayaan menjelaskan perkara yang tidak jelas. Kebolehpercayaan dalam memastikan janji, ketersediaan dan keseluruhan keberkesanan. A 2 x 2 antara subjek ANOVA mendapati kesan interaksi antara jantina dan penggunaan atau tidak dalam servis kaunseling. Secara umum, pelajar memberikan penilaian positif terhadap kaunselor sekolah dan berpuas hati dengan perkhidmatan kaunseling.

Bett dan Sigilai (2013) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk menentukan perbezaan persepsi antara pengetua dan guru B&K mengenai keberkesanan kaunseling rakan sebaya dalam kalangan pelajar di sekolah menegah awam di Molo sub-County, Kenya. Reka bentuk penyelidikan tinjauan deskriptif digunakan melibatkan persampelan secara rawak sebanyak 42 guru dan 42 kaunselor guru. Soal selidik berstuktur digunakan untuk mengukur persepsi responden. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS). Keputusan kajian mendapati bahawa persepsi guru tentang keberkesanan kaunseling rakan sebaya di kalangan pelajar adalah negatif. Ia juga mendapati bahawa jawatan dan jantina seseorang individu tidak mempengaruhi persepsi mereka. Penulis mengesyorkan bahawa Kementerian Pelajaran yang merupakan antara pihak berkepentingan, berusaha memberi latihan professional mengenai kaunseling kepada pengetua dan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah untuk menjadikan mereka kompeten dalam mempromosikan

University of Malaya

penyediaan perkhidmatan kaunseling rakan sebaya yang berkesan dalam kalangan pelajar. Penemuan kajian ini boleh digunakan oleh kerajaan dalam membangunkan dasar pendidikan yang akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan program kaunseling rakan sebaya yang berkesan di sekolah menengah di Kenya.

Rasul, Sukardi dan Abd Rauf (2013) melalui kajian mereka di Britain, bersependapat dengan pakar psikologi bahawa zaman remaja adalah zaman yang penuh dengan idealisme, pemberontakan dan tekanan. Perubahan yang dialami oleh seseorang remaja membuatkan dirinya berada dalam keadaan yang tidak stabil, keliru dan mempunyai konflik. Oleh itu wajarlah kaunseling sekolah dijadikan wadah dalam memberi bantuan dan panduan kepada remaja untuk menjalani kehidupan seperti biasa dan menyelesaikan masalah emosi dengan sistematik.

Rasul et al. (2013) menyatakan, masalah remaja ini perlu dikenal pasti bagi menambah baik amalan perkhidmatan kaunseling di sekolah. Ini adalah sangat penting bagi menangani penyakit psikologi yang merebak dalam kalangan remaja akibat daripada perubahan sosial yang ketara di Britain. Kebanyakan remaja menghadapi penyakit psikologi disebabkan oleh faktor-faktor seperti penderaan, perpecahan keluarga, buli, kehilangan orang disayangi dan perubahan sosial yang bertambah seperti kadar perpecahan keluarga yang tinggi, dan penyusunan semula keluarga telah memberi unsur tekanan baharu kepada pelajardan remaja (McKenziea, Murrayb, Priorc & Stark, 2011). Oleh itu, rangka peruntukan perkhidmatan kaunseling di Britain mestilah sesuai digunakan di seluruh negara serta keberkesanan perkhidmatan kaunseling diberikan berjaya menyelesaikan masalah remaja. Meskipun perkembangan kaunseling sekolah di Britain berlaku, penyelidikan tentang tahap kualiti amalan kaunseling dan keberkesanannya masih lagi ditakat rendah dan masih memerlukan banyak penambahbaikannya (Rasul et al., 2013) bagi

mewujudkan perkhidmatan kaunseling yang berkesan agar membantu remaja yang mengalami peristiwa hidup yang pahit seperti kehilangan orang tersayang dan penceraian ibu bapa (McKenziea et al.,2011).

Menurut Rasul et al. (2013), McKenziea et al. (2011) dan Catherine (2012), banyak kajian telah dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong remaja kearah mencari perkhidmatan kaunseling di sekolah. Kajian berkenaan menolong kaunselor dalam menyesuaikan perkhidmatan B&K dengan keperluan pelajar sekolah. Ia juga mencari serta memastikan halangan-halangan yang menghalang pelajar dalam menerima perkhidmatan ini. Dapatan menunjkkan bahawa walaupun sedemikian perkhidmatan kaunseling sekolah di Britain masih gagal dalam menyediakan perkhidmatan yang baik dan sistematik kepada remaja sekolah. Oleh yang demikian diharapkan perlu menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar supaya dapat membantu mengurangkan masalah soaial yang makin merincing remaja Britain (Rasul et al., 2013, McKenziea et al., 2011 & Catherine, 2012).

Pada awal abad ke 21, beberapa kajian telah dinyatakan di dalam *Research Support for School Counseling* oleh *Center for School Counseling Outcome Research and Evaluation (CSCORE)*. Lapan, Gysbers dan Petroski (2001) telah menjalankan satu kajian terhadap 22, 601 orang pelajar selepas mengawal status sosioekonomi dan saiz enrolemen, mendapati bahawa mereka yang menghadiri sekolah menengah dengan program-program komprehensif yang dilaksanakan sepenuhnya melaporkan rasa selamat menghadiri sekolah mereka, kepercayaan bahawa pendidikan mereka lebih relevan dan penting untuk masa depan mereka dan kepuasan terhadap kualiti pendidikan yang sesuai dengan mereka di sekolah serta

masalah yang sedikit berkaitan dengan fizikal dan interpersonal di sekolah mereka dan mendapat gred yang tinggi.

Manakala pada abad ke 20, iaitu pada tahun 1997, Lapan Gysbers dan Sun mengatakan selepas mengawal saiz pendaftaran dan status sosioekonomi, kajian menyeluruh di sekolah-sekolah tinggi Missouri mendapati bahawa pelajar-pelajar di kebanyakan sekolah yang mempunyai program kaunseling yang lebih lengkap lebih cenderung untuk melaporkan bahawa mereka telah mendapat gred yang lebih tinggi, pendidikan mereka lebih baik dan menyiapkan mereka untuk masa hadapan, sekolah memberi lebih banyak informasi yang sesuai berkaitan kerjaya dan kolej serta sekolah mempunyai suasana yang lebih positif iaitu perasaan kekitaan dan keselamatan si sekolah, kelas-kelas kurang gangguan dan rakan sebaya yang berkelakuan lebih baik.

Scales (1991) menyatakan bahawa kaunselor-kaunselor di sekolah menengah serta program-program B&K di sekolah menengah boleh membantu perkembangan peringkat awal remaja. Cabaran-cabaran yang dibendung oleh kaunselor-kaunselor di sekolah menengah adalah dalam memberikan suatu program yang boleh menyediakan pelajar-pelajar untuk perkembangan remaja dan juga persediaan hidup sebagai dewasa. Tambah beliau lagi bahawa perubahan semula jadi pelajar menengah ini harus diberi tumpuan dalam mencorakkan arah tuju B&K yang akan diberikan pada peringkat ini. Penilaian sebagai suatu komponen Bimbingan dan Kaunseling, akan membantu dalam proses membuat keputusan dengan menentukan keberkesanan program-program.

Campbell & Robinson (1990) menyatakan bahawa kaunselor-kaunselor sekolah tidak memulakan aktiviti-aktiviti kajian dan penilaian program. Mereka menambah bahawa pendidik-pendidik kaunselor perlu mengajar kepentingan

University of Malaya

perkembangan program dan penilaian semasa melatih program-program kaunseling. Dapatan menunjukkan sehingga kini perkembangan program dan penilaian program tidak dilaksanakan dan ini menyebabkan kebanyakkan kaunselor-kaunselor pelatih tidak melaksanakan fungsi penting ini dalam kerja mereka. Suatu kritikan tetap berhubung B&K adalah berhubung kehilangan perhubungan antara program-program dan keperluan pelajar. Dikatakan bahawa program-program kaunseling tidak diberikan berdasarkan keperluan-keperluan pelajar yang sebenar. Kritikan ini mungkin berdasarkan pada kekurangan bukti yang kukuh berhubung keberkesanan dalam pelaksanaan B&K.

Manakala Myrick (1990) pula menyatakan bahawa pada abad-abad yang akan datang kaunselor-kaunselor akan mengalami lebih banyak tekanan berbanding sebelum ini. Beliau bersetuju dengan Campbell & Robinson (1990) bahawa sebahagian daripada tekanan ini adalah disebabkan oleh kaunselor-kaunselor yang tidak membuat persediaan dalam metodologi penilaian program. Mereka ini tidak pasti tentang perhubungan penilaian dalam kerja mereka. Myrick juga menyatakan bahawa kaunselor-kaunselor mengandaikan bahawa akauntabilitinya adalah bertujuan untuk membuat penilaian terhadap diri mereka untuk menentukan sama ada mereka itu kaunselor yang baik atau tidak. Corak kajian yang terlalu memutar belitkan itu, terlalu sukar untuk diaplikasikan dalam setting kerja di mana ia memerlukan masa yang panjang dan ini memberi tekanan pada kerja-kerja kaunselor.

Manakala Heppner dan Anderson (1985) dalam Hadley & Mitchell (1995) menyatakan bahawa agak sedikit bilangan kaunselor dan psikologis kaunseling menerbitkan dapatan-dapatan kajian mereka selepas mereka meninggalkan pensiswazahan mereka dan juga kajian-kajian kelihatan secara berterusan dikritikkan kerana tidak relevan. Penulis-penulis ini menyebut ada beberapa faktor

University of Malaya

yang menjadi penyumbang kepada kekurangan aktiviti kajian ini termasuk metod-metod kajian kini sering kelihatan mudah dalam hubungan dengan kerumitan tingkah laku manusia yang kaunselor perlu menumpukan perhatian. Manakala sekolah-sekolah pensiswazahan sering menganggap kajian sebagai suatu rintangan yang perlu dilalui oleh setiap bakal pelatih untuk mendapatkan digri mereka dan bukannya kajian itu dianggap sebagai suatu usaha berganjaran yang berpanjangan di mana suatu kajian mempunyai hubungan dengan kajian lain. Dari segi tempat kerja pula, kebanyakkan persekitaran kerja kaunselor-kaunselor, wujud tekanan di mana perlu bekerja lebih berbanding masa yang dibenarkan. Kaunselor-kaunselor terdesak menemui keperluan-keperluan harian perkhidmatan klien, dengan tidak ada masa atau dorongan untuk merancang atau menjalankan kajian tentang aktiviti-aktiviti dan keputusan-keputusan mereka.

Pada awal tahun 80-an, Kajian Aubrey (1982) dan Lombana (1985) menyatakan bahawa banyak artikel yang menyatakan kaunselor-kaunselor memang menentang penilaian tentang B&K di sekolah-sekolah menengah. Tetapi ternyata bahawa tema umum hasil penulisan penulis-penulis menunjukkan kaunselor-kaunselor tidak menilai keberkesanan program-program mereka adalah kerana sebenarnya mereka tidak tahu cara bagaimana membuat penilaian. Kaunselor-kaunselor tidak faham tentang kepentingan penilaian. Tambahannya pula program kaunseling tidak mempunyai matlamat dan objektif-objektif khusus yang boleh digunakan untuk membuat penilaian. Tambahannya pula Lombana (1985) juga mengakui yang kaunselor-kaunselor ini keliru dengan penyelidikan, penyeliaan dan penilaian. Inilah yang menyebabkan mereka berasa terancam apabila terdapat keputusan negatif dalam sesuatu penilaian program mereka. Penulis-penulis artikel juga bersetuju yang kaunselor-kaunselor sekolah menengah tidak mempunyai suatu

model penilaian untuk diikuti. Oleh itu kajian-kajian lepas berhubung penilaian keberkesanan B&K adalah sedikit sahaja.

Lombana (1985) juga menyatakan bahawa kaunselor-kaunselor menentang usaha-usaha merancang dan menilai program kerana kebanyakkan model-model penilaian yang terdapat pada masa itu adalah tidak bersesuaian ataupun mengelirukan mereka untuk penggunaan dalam situasi-situasi sekolah. Lombana mencadangkan lagi bahawa maklumat berhubung penilaian ketika itu perlu dikembangkan kepada suatu model yang inklusif . Model ini perlulah boleh diubahsuaikan dan lebih realistik untuk kegunaan B&K di sekolah-sekolah. Pada masa itu tidak ada suatu model yang boleh diterima dan boleh digunakan oleh kaunselor-kaunselor untuk menilai B&K sekolah-sekolah menengah.

Pada tahun 1970-an, Miller dan Grisdale (1975) menyatakan bahawa kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat banyak sebab-sebab yang diberikan oleh kaunselor-kaunselor mengapa mereka tidak menilai program mereka. Salah satu sebab utama adalah didapati tidak terdapat suatu model penilaian yang boleh diterima secara umum oleh kaunselor-kaunselor untuk mengikuti dan menilai program mereka. Kebanyakkan penulis-penulis menyatakan bahawa suatu model penilaian untuk B&K adalah amat diperlukan.Manakala Crabbs (1983) juga berpendapat sama di mana beliau menyatakan tidak terdapat suatu model yang berakauntabiliti dan standart yang dapat diterima dalam profesion ini. Beliau menambah lagi pengimplementasian model-model yang berakuantabiliti dalam B&K berasaskan sekolah adalah suatu matlamat yang diakui oleh semua pengkaji. Beliau berpendapat bahawa kajian-kajian lepas menyokong berhubung penilaian program B&K ini adalah sangat penting.

University of Malaya

Definisi Penilaian

Pengkaji tempatan Kamaruzaman Moidunny (2013) berpendapat penilaian program adalah berhubung dengan penilaian yang merangkumi sesuatu aktiviti khusus.

Tyler (1950) menyatakan bahawa penilaian adalah suatu proses untuk mengukur sejauh manakah sesuatu program itu mencapai objektifnya. Manakala Cronbach (1963), Scriven (1989) dan Stufflebeam (1971) menyatakan penilaian adalah satu cara di mana maklumat disediakan supaya membolehkan membuat sesuatu keputusan. Manakala Alkin pula (1969) mendefinisikan penilaian sebagai satu proses di mana pada mulanya masalah ditentukan, seterusnya maklumat yang berkaitan dipilih, langkah seterusnya ialah maklumat dipungut dan dianalisis supaya dapat memaklumkan rumusan. Manakala Provus (1971) menyatakan penilaian adalah satu proses untuk mendefinisi 'standard' program dan menentukan sama ada perbezaan wujud di antara beberapa aspek prestasi program dengan standard yang tertentu.

Finch (1984) pula menyatakan penilaian sebagai satu usaha untuk menentukan sesuatu kurikulum itu bermutu tinggi dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan program sebelum ia berkembang dan mengakibatkan timbulnya berbagai masalah lain. Pengkaji terkemudian Kirkpatrick (1994) pula menyatakan bahawa penilaian secara unik di mana ia adalah sebagai gabungan sains dan seni. Ini adalah kerana menurut beliau sebagai ilmu sains pengetahuan akan disusun secara sistematik mengikut konsep,teori, prinsip dan teknik. Seni pula diwakili dengnan pengetahuan yang disusun secara sebenar di mana boleh mendapatkan keputusan yang praktikal. Linn dan Miller (2005) mendefinisikan penilaian sebagai kebolehan untuk menghakimi nilai sesuatu bahan dengan tujuan yang tertentu.

University of Malaya

Kamus Dewan mendefinisikan penilaian sebagai pentaksiran. Pengkaji tempatan Ibrahim (2001) pula menyimpulkan bahawa penilaian tertumpu pada tiga aspek yang mempersoalkan apa, bagaimana dan kenapa. Tambahannya pula penilaian membolehkan membuat perbandingan hasil dengan standard yang ditentukan untuk memperbaiki sesuatu program atau projek. Seorang lagi pengkaji tempatan Siti Rahayah (2003) pula mendefinisikan peniaian sebagai proses di mana peringkat pertama maklumat yang harus diambil ditentukan dan seterusnya mendapat dan memberikan maklumat yang berfaedah untuk membuat pertimbangan mengenai apakah langkah seharusnya diambil seterusnya.

Jenis-jenis Penilaian

Scriven (1997) membahagikan penilaian program kepada formatif dan summatif. Penilaian formatif dibuat semasa program sedang berjalan, manakala penilaian summatif dilakukan diakhir suatu program di mana untuk mengumpul maklumat bertujuan samaada untuk meneruskan atau menamatkan suatu program atau setelah suatu program tamat untuk melihat keseluruhan keberkesanan program untuk melihat pelaksanaan, standart dan produk. Berdasarkan pada Borg dan Gall (1989), penilaian ke arah keberkesanan program pada kebiasaannya dibuat untuk menentukan kejayaan program pendidikan atau fokus ke atas arah kejayaan, merit responden, corak sukatan, kandungan program, implementasi dan pencapaian objektif program itu sendiri (Long Street & Svane, 1993).

Model-Model Penilaian

Nadler (1983) mendefinisikan model sebagai diibaratkan sebagai sebatang jalan raya yang menolong seseorang pemandu supaya tidak sesat dalam

University of Malaya

perjalanannya. Terdahulu Azizi Yahya (1999) pula menjelaskan model terdiri daripada gambaran konseptual di mana perjalanan aktiviti boleh menunjukkan hubungan antara pelbagai kompenen yang terlibat dalam aktiviti berkenaan. Tambah beliau lagi bahawa dengan adanya satu model, aktiviti penilaian dapat dijalankan dengan lebih lengkap dan bermakna. Manakala Ibrahim (2001) pula mengistilahkan model sebagai lambang yang melambangkan keadaan sebenar di mana model boeh menggambarkan keadaan sebenar yang ringkas tetapi komprehensif.

Terdapat pelbagai jenis model penilaian yang diutarakan oleh pakar-pakar penilaian dan pendidikan. Dalam kajian ini pengkaji akan membincangkan beberapa model penilaian dan memilih salah satu model penilaian sebagai kerangka teori kajian. Antara model-model penilaian yang akan dibincangkan ialah Model Penilaian Tyler, Model Penilaian Ketidaksamaan (Discrepancy), Model Penilaian Matlamat Bebas, Model Penilaian Meta-Model, Model Penilaian Kirkpatrik dan Model Penilaian CIPP.

Model Penilaian Tyler (1950). Model Penilaian Tyler (1950) merupakan salah satu model penilaian terawal yang berasaskan matlamat suatu program atau aktiviti. Model ini dikemukakan oleh Ralph W. Tyler berdasarkan kerja-kerja beliau pada tahun-tahun 1930-an dan 1940-an. Beliau mempercayai bahawa langkah terawal dalam penilaian adalah dengan menentukan kejelasan program atau matlamat aktiviti. Bagi beliau, penilaian akan menentukan sejauh mana matlamat tersebut tercapai.

Tyler (1950) mengatakan model berbentuk penilaian rasional ini sering memberi penekanan terhadap produktiviti dan akauntabiliti dalam sesuatu aktiviti. Model ini juga sering digunakan untuk mengukur pencapaian dan kemajuan

University of Malaya

seseorang pelajar. Model ini mengetepikan dimensi proses dalam melaksanakan penilaian. Tyler (1950) menyatakan bahawa ketika melaksanakan sesuatu kajian, penilaian model ini memberi fokus pencapaian objektif atau matlamat contohnya seperti: adakah para guru berjaya menjalankan sesuatu kerja dengan jayanya?

Berdasarkan kenyataan diatas, Tyler (1950) telah mengesyorkan langkah-langkah berikut semasa membuat penilaian (Tyler 1950) iaitu (1) Menentukan matlamat utama atau objektif program, (2) Mengkelaskan atau menyusun matlamat atau objektif program, (3) Mentakrifkan matlamat atau objektif program dalam bentuk yang boleh dipantau, (4) Mencari situasi yang dapat menunjukkan pencapaian objektif program, (5) Membina atau memilih teknik-teknik pengukuran, (6) Mengutip data pencapaian dan (7) Membandingkan data pencapaian dengan objektif yang telah dinyatakan. Dalam proses penilaian ini, jurang antara data pencapaian dan objektif ditentukan, dan ubah suaian program boleh dibuat untuk meningkatkan keberkesanannya. Selepas ubah suaian dilaksanakan, proses penilaian boleh diulangi.

Model Penilaian Tyler ini adalah merupakan model yang ringkas, senang diikuti, mudah difahami dan menghasilkan maklumat yang relevan secara langsung. Model ini juga dapat menentukan arah atau hala tuju organisasi, membuat pengesahan tentang tahap perlaksanaan organisasi, mampu menyusun objektif mengikut keutamaan dan objektif terhadap proses penilaian. Walau bagaimanapun, model ini kurang sesuai digunakan bagi semua jenis penilaian kerana tidak memberikan maklumat secara spesifik tentang perkara yang perlu dinilai. Dengan kata lain, model ini terlalu umum bagi sesuatu penilaian yang bersifat khusus. Contohnya, model penilaian ini kurang sesuai jika kita ingin menilai program latihan yang dilaksanakan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) yang bersifat khusus.

University of Malaya

Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam model rasional ini (Azizi Yahaya, 1999). Antara kelemahan-kelemahan tersebut ialah:

a. tiadanya pendapat yang konsisten mengenai siapa patut memilih objektif, atau objektif yang mana patut dipilih
b. wujudnya masalah untuk mendapatkan hasil pengukuran adalah jauh dari yang dapat dikesan walaupun objektif telah digariskan
c. bukan semua penggubal kurikulum bersetuju tentang perlunya menetapkan objektif terlebih dahulu
d. program sesuatu kursus hanya dapat dilihat sebagai satu pendekatan untuk menentukan matlamat. Ia memerlukan isi dan pengalaman pembelajaran yang terlibat untuk mencari arah mencapai matlamat. Ini membawa maksud bahawa satu objektif yang sama boleh dicapai melalui beberapa usaha dan pendekatan (Azizi Yahaya, 1999).

Model Penilaian Metfessel dan Michael (1967). Metfessel dan Michael (1967) mencadangkan model penilaian yang diperkembangkan daripada Model Penilaian Tyler berdasarkan matlamat program atau aktiviti. Metfessel dan Michael mengesyorkan penekanan dibuat terhadap pengaruh pelbagai faktor lain dalam proses penilaian yang mungkin akan berlaku semasa proses penilaian dilaksanakan. Seterusnya mereka juga mengesyorkan agar kaedah pemungutan data dipelbagaikan dan dikembangkan selari dengan proses penilaian yang dilaksanakan.

Mereka telah mencadangkan lapan langkah asas bagaimana proses penilaian patut dijalankan iaitu (1) Melibatkan keseluruhan komuniti sesuatu organisasi sebagai fasilitator dalam proses penilaian, (2) Menghasilkan model penilaian menyeluruh yang terdiri daripada matlamat umum dan objektif khusus, (3)

University of Malaya

Menterjemahkan objektif penilaian ke dalam bentuk yang boleh dikomunikasikan dan boleh dilaksanakan dalam persekitaran organisasi, (4) Memilih atau membina instrumen penilaian untuk mengukur dan boleh membuat inferens terhadap keberkesanan program, (5) Menjalankan pemantauan secara berkala menggunakan ujian kesahan kandungan, skala-skala dan pengukuran tingkah laku, (6) Menganalisis data menggunakan kaedah statistik yang bersesuaian, (7) Menginterpretasi data menggunakan piawaian pencapaian di semua peringkat pengukuran dan (8) Membuat cadangan untuk perlaksanaan seterusnya, pengubahsuaian dan menyemak kembali matlamat umum dan objektif khusus program.

Model Penilaian Metfessel dan Michael ini juga merupakan suatu model yang mudah difahami dan lebih komprehensif daripada Model Penilaian Tyler. Penekanan terhadap kepelbagaian dalam proses penilaian di samping kaedah pengumpulan data, dilihat sebagai kekuatan khusus bagi model ini. Walau bagaimanapun, model ini masih dilihat sebagai suatu model penilaian umum yang tidak menjurus kepada suatu penilaian program yang spesifik. Dengan kata lain, maklumat umum yang didapati masih perlu diperincikan dalam menentukan kekuatan dan kelemahan spesifik bagi sesuatu program.

Model Penilaian Hammond (1971). Kerja-kerja Ralph W. Tyler diteruskan oleh Hammond (1971). Hammond mempercayai bahawa untuk menentukan sama ada matlamat dicapai atau tidak, adalah perkara yang penting. Hal ini adalah sama pentingnya dengan menentukan mengapakah matlamat tercapai atau tidak.

Hammond mencadangkan model tiga dimensi yang terdiri daripada domain arahan, institusi dan tingkah laku untuk menyusun pelbagai faktor yang memberikan kesan yang tidak baik kepada pencapaian matlamat. Tiga dimensi ini

adalah seperti berikut iaitu (1) Arahan (paksi-y) : Ciri-ciri program atau aktiviti yang dinilai termasuklah organisasi, kandungan, kaedah, kelengkapan dan kos, (2) Institusi (paksi-x) : Ciri-ciri individu atau kumpulan yang terlibat dalam program atau aktiviti seperti pelajar, guru, pentadbir, pakar-pakar pendidikan, keluarga dan komuniti serta (3) Tingkah laku (paksi-z) : Ciri-ciri objektif bagi program atau aktiviti yang dinilai merangkumi kognitif, afektif dan psikomotor.

Walaupun model ini dapat membekalkan struktur berguna dalam membina soalan penilaian, tetapi pembinaan soalan penilaian akan menjadi kompleks kerana wujudnya domain tiga dimensi ini. Sehubungan dengan itu juga, kerelevanan setiap sel berubah-ubah bagi setiap program atau aktiviti yang dijalankan. Dengan kata lain, dalam sesuatu penilaian tiga perkara yang berkaitan dengan institusi, arahan dan tingkah laku perlu dikenal pasti terlebih dahulu dalam proses pembinaan soalan penilaian.

Model Penilaian Bebas-Matlamat Scriven (1972). Model penilaian bebas-matlamat ini dibina oleh Scriven pada tahun 1972. Beliau berpendapat bahawa penekanan kepada matlamat yang telah ditentukan secara spesifik mengehadkan proses penilaian dan menyebabkan hasil-hasil yang lain tidak diendahkan. Beliau mempercayai bahawa matlamat program atau aktiviti tidak perlu diberikan penekanan yang terlalu tinggi untuk mengelakkan bias dan menyempitkan fokus dalam penilaian.

Penilaian Bebas-Matlamat memberikan fokus kepada hasil sebenar bagi program atau aktiviti berbanding dengan matlamat yang diinginkan. Penilaian Bebas-Matlamat akan menambahkan kecenderungan untuk mengenal pasti sebarang bentuk hasil yang didapati daripada suatu program atau aktiviti. Rajah 1.1 menunjukkan prosedur penggunaan model penilaian bebas-matlamat ini.



Rajah 2.1 Prosedur penggunaan model penilaian bebas-matlamat Scriven (1972)

Model penilaian penilaian bebas-matlamat Scriven (1972) ini seringkali dilihat sebagai model yang tidak mementingkan hala tuju organisasi kerana organisasi seringkali menjadikan matlamat sebagai perkara penting yang perlu dicapai. Walaupun hasil akhir bagi penilaian akan diperoleh, namun tiada fokus kepada matlamat menjadikan model ini tidak popular dalam bidang penilaian. Namun demikian, model ini masih boleh digunakan dalam usaha mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu program.

Model Penilaian CIRO (1970). Pendekatan penilaian *CIRO* dikemukakan oleh Warr, Bird dan Rackham (dalam Reeves 1994) yang mengunakan akronim *Context (C), Input (I), Reaction (R) dan Outcome (O)*. Pendekatan *CIRO* sering digunakan dalam penilaian program latihan dengan memfokuskan tiga persoalan asas iaitu (1) Apakah yang perlu diubah?, (2) Apakah yang mendorong kepada perubahan yang diinginkan? dan (3) Apakah perubahan yang telah berlaku?. Dalam hal ini, model ini menekankan konsep 'perubahan' yang berlaku dalam sesuatu program. Dengan kata lain, perubahan yang berlaku merupakan perkara penting sebagai kayu pengukur dalam model penilaian ini.

Penilaian konteks merujuk kepada objektif jangka panjang, jangka pendek dan objektif serta merta. Perkara-perkara yang dinilai berkisar tentang apakah

University of Malaya

kelemahan organisasi yang ingin diubah, apakah perubahan tingkah laku yang diinginkan oleh penganjur program latihan dan apakah kemahiran, pengetahuan serta sikap peserta yang perlu diperolehi oleh peserta selepas mengikuti program latihan tersebut.

Penilaian input pula merupakan suatu penilaian sumber-sumber yang terlibat dan menentukan cara terbaik untuk melaksanakannya. Perkara-perkara yang dinilai adalah berkisar tentang peruntukan, staf, sumber dalaman, sumber luaran dan kekuatan pelbagai teknik latihan. Manakala penilaian reaksi pula bertujuan untuk mendapatkan reaksi peserta terhadap sesuatu program latihan sama ada semasa atau selepas mengikuti program latihan tersebut. Penilaian ini boleh dibuat secara soal selidik atau temu bual dan adalah lebih dipercayai jika ditadbirkan oleh pihak ketiga, yang tidak ada apa-apa kepentingan terhadap program latihan tersebut. Penilaian *outcome* (hasil) pula boleh dibahagikan kepada empat peringkat iaitu mendefinisikan objektif penilaian, memilih pengukuran bagi objektif penilaian, mengukur objektif pada masa yang sesuai dan menilai keputusan untuk memperbaiki program latihan yang telah dijalankan.

Model Penilaian CIRO ini memperlihatkan bahawa sesuatu program itu seharusnya dinilai secara bersistem dengan mempertimbangkan keadaan awal program tersebut. Seterusnya, proses perlaksanaan dan hasil akhir dinilai dalam menentukan kekuatan dan kelemahan program yang telah dilaksanakan. Dalam hal berkaitan, model penilaian ini tidak memperincikan konsep tingkah laku yang perlu diubah dalam sesuatu program. Oleh itu, tingkah laku yang diinginkan sangat perlu didefinisikan dengan tepat sebelum penilaian boleh dilaksanakan.

Model Penilaian Hamblin (1974). Pendekatan Penilaian Hamblin dikemukakan oleh A. C. Hamblin pada tahun 1974 yang merupakan

kesinambungan idea yang dibentuk oleh Warr, Bird dan Rackham (Ibrahim 1996). Pendekatan Hamblin mempunyai lima peringkat iaitu penilaian reaksi, penilaian pembelajaran, penilaian perlakuan kerja, penilaian kesan terhadap organisasi dan penilaian faedah-kos latihan.

Model Penilaian Hamblin dilihat sebagai model yang cuba memberikan definisi lebih jelas kepada konsep tingkah laku dan keberkesanan sesuatu program terhadap sesuatu organisasi. Hal ini dapat dilihat dengan penekanan khusus kepada tingkah laku yang berlaku dalam persekitaran organisasi, yang dialami oleh seseorang individu. Keberkesanan sesuatu program pula diterjemahkan melalui konsep kesan terhadap organisasi dan manfaat yang diperolehi berbanding kos yang dikeluarkan. Model ini juga dilihat sebagi suatu model yang lebih lengkap berbanding dengan model penilaian yang diperkenalkan oleh Warr, Bird dan Rackham.

Model Penilaian Bell (1979). Pendekatan Penilaian Sistem Bell dipelopori oleh S. Jackson dan M. J. Kulp pada tahun 1979 (Wallace 1991) yang memfokuskan kepada empat peringkat penilaian. Peringkat-peringkat ini adalah (1) Penilaian reaksi yang berkaitan dengan tanggapan peserta terhadap program latihan, (2) Penilaian kecekapan yang berkaitan dengan pertambahan pengetahuan dan kemahiran serta perubahan sikap peserta program latihan, (3) Penilaian penggunaan yang menekankan kepada sejauh mana peserta menerima pakai perkara yang telah dipelajari di tempat kerja masing-masing dan (4) Penilaian terhadap nilai sesuatu program latihan yang menekankan faedah diperolehi dengan kos yang telah digunakan.

Model Penilaian Brinkerhoff (2003). Brienkerhoff telah mencadangkan pendekatan yang dinamakan Kaedah Kes Berjaya (*Success Case Method – SCM*)

pada tahun 2003 untuk menilai latihan dan perubahan organisasi (Fitzpatrick et al. 2004). Matlamat Kaedah Kes Berjaya ini adalah untuk membantu pengurus, jurulatih dan penilai mengenal pasti perubahan dan tindakan yang mempunyai kemungkinan kejayaan yang tinggi. Model ini digunakan untuk mendapat maklumat berdasarkan empat jenis soalan penting iaitu (1) Apakah yang sedang berlaku: Siapakah yang sedang berjaya dan siapa yang tidak berjaya?, (2) Apakah keputusan atau hasil yang sedang dicapai: Apakah matlamat yang telah dicapai dan yang belum dicapai? Apakah hasil yang tidak diingini yang didapati?, (3) Apakah nilai hasil yang didapati: Apakah pulangan bagi setiap pelaburan? Berapa banyak nilai bagi hasil jika kerja yang lebih baik dilaksanakan? dan (4) Bagaimanakah boleh ditambah baik: Apakah yang boleh dilakukan agar lebih ramai orang menggunakannya? Bagaimanakah orang lain dapat menjadi seperti orang yang paling berjaya?

Model Penilaian Kirkpatrik (1959). Model Penilaian Kirkpatrik merupakan satu model yang menyerupai Sistem Bell dan pendekatan Hamblin. Eseryel (2002) menyatakan bahawa Model Penilaian Kirkpatrick ini merupakan pendekatan penilaian yang berasaskan matlamat. Menurut Chan (2003), Model Penilaian Kirkpatrick merupakan salah satu pendekatan yang paling banyak digunakan sejak mula diperkenalkan oleh Kirkpatrick dalam *Journal for the American Society for Training Directors* pada tahun 1959. Peringkat-peringkat ini dikenali sebagai penilaian reaksi, penilaian pembelajaran, penilaian perubahan tingkah laku dan penilaian kesan latihan.

Menurut Kirkpatrick (2000), penilaian reaksi biasanya diukur dengan mentadbirkan soal selidik di akhir program latihan. Penilaian reaksi ini juga dikenali sebagai penilaian kepuasan pelanggan kerana peringkat ini mengukur persepsi peserta terhadap program latihan yang telah dihadiri. Soalan-soalan yang sering

University of Malaya

ditanya adalah seperti teknik penyampaian pengajar, kesesuaian topik kursus, persepsi peserta terhadap nilai modul latihan, kesepadanan kandungan kursus dengan tugas dan kemungkinan menggunakan kemahiran baru apabila balik ke tempat bertugas. Penilaian reaksi penting kerana membekalkan maklum balas yang bermakna untuk membantu kita menilai program latihan dan juga membekalkan komen serta cadangan penambahbaikan program latihan pada masa hadapan.

Menurut Kirkpatrick (1975, 1994, 1996, 2000) serta Kirkpatrick dan Kirkpatrick (2005a), untuk mendapatkan hasil penilaian reaksi yang terbaik seseorang penyelidik disyorkan agar:

a. Menentukan apa yang hendak dikaji,
b. Mereka bentuk borang soal selidik menggunakan skala Likert,
c. Menggalakkan komen dan cadangan bertulis,
d. Mendapatkan 100 peratus respon sebaik sahaja program latihan ditamatkan,
e. Mengalakkan respons yang jujur,
f. Membangunkan piawaian yang boleh diterima,
g. Mengukur reaksi berdasarkan piawaian dan seterusnya mengambil tindakan susulan yang bersesuaian serta
h. Mengkomunikasikan reaksi dengan cara yang bersesuaian.

Bagi Kirkpatrick dan Kirkpatrick (2005a), pengukuran reaksi adalah penting dan mudah untuk dilakukan. Bagi mereka, pihak pengurusan tertinggi mungkin akan membuat keputusan yang tidak tepat melalui apa yang mereka dengar tentang sesuatu program latihan. Dengan adanya penilaian reaksi, data-data nyata dapat dikumpulkan untuk mengetahui reaksi sebenar peserta. Penilaian reaksi yang tepat

University of Malaya

adalah amat penting kerana minat, perhatian dan motivasi peserta mempunyai pengaruh terhadap pembelajaran yang akan berlaku.

Model Penilaian CIPP (1971). Pendekatan *CIPP* pula dikemukakan oleh Stufflebeam pada tahun 1971 yang menggunakan asas *Context-Input-Process-Product* (Stufflebeam, 1986). Bagi Eseryel (2002), CIPP ini merupakan pendekatan penilaian yang berasaskan sistem. Hal ini dapat dilihat daripada istilah-istilah yang digunakan iaitu konteks, input, proses dan produk. Penilaian konteks memfokuskan syarat-syarat awal dan keperluan yang wujud bagi mengadakan program latihan. Peringkat ini amat sesuai bagi fasa penggubalan sesuatu program latihan (Reeves 1994). Penilaian input pula menyediakan maklumat tentang kekuatan dan kelemahan bagi pemilihan sesuatu strategi dan reka bentuk program latihan yang dilaksanakan. Seterusnya, penilaian proses akan membekalkan maklumat untuk memantau strategi atau prosedur yang dilaksanakan agar kekuatan dapat dikekalkan dan kelemahan program latihan dapat dikurangkan. Dan akhirnya, penilaian produk pula akan membekalkan maklumat tentang tahap pencapaian objektif, kesesuaian strategi atau prosedur yang telah dilaksanakan.

Dalam konsep penilaian yang dikemukakan oleh Stufflebeam (1986) menyatakan bahawa penilaian seharusnya menjadi "sains pengumpulan maklumat untuk membuat keputusan". Ini memberi makna bahawa tugas para penilai ialah mengumpul data, merancang, menganalisis menyediakan maklumat untuk memilih tindakan alternatif dan melaporkan. Tambahan lagi kata Stufflebeam (1986), tindakan boleh dibuat dalam empat bahagian (*Context-Input-Process-Product*) iaitu keputusan mengenai:

a. persekitaran (konteks),
b. keputusan mengenai sumber (input),

University of Malaya

c. keputusan mengenai pelaksanaan (proses)

d. keputusan mengenai hasil (produk)

Mengikut Stufflebeam (2003), tujuan utama penilaian ini ialah untuk mengukur, menterjemahkan, dan mengesahkan perjalanan sesuatu program. Tujuan penilaian ini ialah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan beberapa objek seperti institusi, program panduan untuk perubahan. Keputusan yang diperoleh nanti merupakan asas untuk memperbaiki matlamat yang sedia wujud dan menentukan sesuatu perubahan.

Penilaian input mengukur keupayaan sistem dan input-input dari segi strategi dan sumber. Penilaian ini digunakan untuk membuat penyusunan keputusan dan menjadi panduan untuk memilih strategi program dan perubahan-perubahan yang hendak dibuat. Terdapat dua perkara yang diutamakan. Yang pertamanya ialah perancangan sesuatu prosedur dan perbelanjaan yang digunakan untuk memenuhi sesuatu kehendak. Sementara yang kedua ialah tahap penggunaan yang boleh diterima dan ada potensi untuk Berjaya dalam memenuhi sesuatu kehendak (Stufflebeam, 2003).

Manakala mengikut Stufflebeam (2003) di peringkat mengurus atau proses penilaian, proses-proses semakan akan dilakukan semasa program itu sedang berjalan. Tujuan penilaian secara proses dibuat untuk mencapai matlamat dan objektif program (Stufflebeam, 2003). Maklum balas ini perlu diketahui dari masa ke semasa untuk mengawal pelaksanaan program. Penilaian ini bertindak sebagai melaksanakan keputusan yang difikirkan sesuai dan

juga sebagai monitoring sesuatu program yang sedang berjalan ini (Stufflebeam, 2003). Maklumat mengenai apa yang dicapai adalah mustahak semasa program

University of Malaya

ituberjalan dan begitu juga dengan rumusan sesuatu program amat dipentingkan dalam penilaian *CIPP*. Menurut (Stufflebeam, 2003), objektif utama penilaian ini ialah untuk memastikan sejauh manakah sesuatu program itu dapat memenuhi kehendak sesuatu kumpulan.

Manakala, dalam fasa penilaian hasil, tujuan utama penilaian ini ialah untuk mengaitkan matlamat, konteks, input dan proses dengan hasil program (Stufflebeam, 2003). la juga menilai setakat mana sesuatu perubahan dalam program itu berjaya. Mengikut Stufflebeam (2003), tiap-tiap bahagian penilaian memerlukan tiga jenis aktiviti iaitu mengumpulkan sebanyak maklumat yang mungkin, mengorganisasikan maklumat yang dikumpulkan dan menganalisis maklumat dengan menggunakan kaedah pengukuran dan statistik.

Walaupun pendekatan *CIPP* merupakan satu pendekatan yang sering digunakan oleh penyelidik-penyelidik, terdapat kekangan kerana akauntabiliti pengurusannya hanya boleh diterangkan bagi orientasi yang lepas (Chan 2003). Maksudnya, rekod bagi tindakan lepas, kajian terhadap pencapaian yang telah diperolehi dan produk yang telah dihasilkan hanya boleh dilakukan secara retrospektif. Persepsi secara retrospektif ini adalah bertentangan dengan orientasi secara proaktif dan perancangan yang berfokuskan masa depan, yang sering digunakan pada masa kini. Di samping itu, konsep produk dalam penilaian *CIPP* adalah kabur jika dibandingkan dengan model penilaian Kirkpatrick. Konsep produk yang kabur menyukarkan penyelidik untuk mengenal pasti indikator penilaian yang lebih khusus dalam proses penilaian program latihan.

Walaubagaimanapun, jika dibandingkan dengan model penilaian lain, *CIPP* yang mengandungi dimensi Konteks, Input, Proses dan produk boleh membuat kajian dengan menggunakan keempat-empat dimensi tersebut atau menggunakan

University of Malaya

salah satu kombinasi yang terdapat dalam dimensi *CIPP* (Azizi Yahya, 1999). Ini bergantung kepada kehendak program tersebut. Model penilaian *CIPP* lebih menekankan kepada mengumpulkan maklumat dengan tujuan untuk memudahkan membuat sebarang keputusan. Maklumat ini juga dijadikan sebagai panduan untuk memantapkan lagi sesuatu program sama ada di peringkat perancangan, penyusunan, pelaksanaan dan penghasilan. Hasilnya nanti keputusan akan dibuat sama ada hendak meneruskan, memperbaiki, menambahkan atau memberhentikan sesuatu program itu (Stufflebeam, 2003).

Keperluan Penilaian Keberkesanan Perkhidmatan B&K

Mengikut pendapat Rasul dan rakan-rakannya (2013) keperluan penilaian keberkesanan perkhidmatan B&K adalah amat penting. Ini adalah kerana kebanyakkan kajian yang dijalankan mendapati bahawa kaunseling sekolah tidak

semuanya efektif kepada setiap pelajar atau remaja yang mendapat perkhidmatan kaunseling. Dengan penilaian, perkhidmatan berkaitan dengan B&K boleh ditingkatkan keberkesanannya melalui kewujudan pengalaman kaunselor dalam membuat penilaian sendiri terhadap intervensi setiap hari. Rasul et al. (2013) mendapati terdapat tiga aspek yang menjadi penghalang untuk kaunselor menjalankan penilaian sendiri seperti kekurangan pembantu kaunselor, kekurangan latihan kepakaran, dan kekurangan penyelidikan yang tepat terhadap peningkatan keberkesanan perkhidmatan.

Kanga (2017) juga bersependapat bahawa keperluan penilaian keberkesanan perkhidmatan B&K adalah amat penting. Ini adalah untuk membolehkan pelajar atau remaja mengguna pakai perkidmatan B&K ini dalam keadaan yang paling dapat membantu untuk mereka yang mengkehendaki pertimbangan yang teliti dalam cara

University of Malaya

mengakses perkhidmatan ini. Akses kepada perkhidmatan harus distruktur agar pelajar atau remaja berasa mudah dan senang mendapatkannya (Kanga, 2017).

Keperluan penilaian keberkesanan perkhidmatan B&K adalah amat penting dan Catherine (2012) dan Rasul et al. (2013) amat bersetuju dengannya. Contohnya penilaian terhadap pendekatan "Zon Janji Temu' atau *Engagement Zone* yang dilakukan di Britain terhadap struktur akses perkhidmatan yang menepati pilihan agensi kesihatan mental,memberikan remaja pilihan bermakna berkaitan dengan jika atau andai kata (*if*), bagaimana (*how*) dan bila (*when*) berurusan dengan orang dewasa yang memberikan bantuan, sekaligus membantu profesional-profesional agar berfikir tentang jenis pilihan yang harus disediakan (Spratt, Shucksmith, Philip & Watson,2010).

Feist dan Feist (2002) menjelaskan bahawa tahap remaja merupakan tahap perkembangan yang genting di mana berlakunya krisis antara pembentukan identiti dan kekeliruan identiti. Ketidakbolehan menyesuaikan diri dalam menghadapi suasana yang baru menyebabkan para pelajar menghadapi berbagai-bagai masalah dari aspek akademik, emosi, dan sosial. Dengan ini penyesuaian amat penting ketika remaja. Dengan menyesuaikan diri maka aspek akademik, emosi dan sosial akan dapat diharungi dengan baik dan tenang.

Kalunger dan Kalunger (1986) menyatakan bahawa remaja bukanlah pelajartetapi bukan juga orang dewasa. Perubahan yang berlaku dalam dirinya menyebabkan remaja mengalami ketidakstabilan dalam hidupnya. Erikson (1950) dalam Asmadi Abdan (2008) menyatakan cabaran utama yang perlu ditangani oleh remaja ialah antara identiti dan kekeliruan peranan dalam diri mereka. Tambahannya pula kebanyakkan remaja proaktif, suka memencilkan diri, wujud perasaan tidak bermaya dan tidak aktif dalam kehidupannya. Tahap remaja ialah tahap

perkembangan untuk menempuh kehidupan tersendiri, memperkembangkan nilai moral dan agama dan masa untuk melakukan aktiviti sesama rakan sebaya.

Tambahan pula Harre dan Lamb (1983), menyatakan bahawa pada masa ini remaja mula berfikir tentang dirinya, kehidupan dan identiti diri. Remaja mula membentuk identiti dan keperibadian yang tertentu di dalam keluarga, sekolah dan juga di kalangan teman sebaya serta juga kehidupan sosial yang lebih luas. Garrison (1975) pula melihat remaja di sekolah-sekolah menengah sebagai golongan yang terperangkap antara dua dunia sosial, di mana mereka tidak lagi diterima sebagai pelajardan tidak pula dianggap sebagai orang dewasa. Akibatnya mereka seringkali dilanda masalah yang berhubung dengan perkembangan fizikal, emosi, sosial, pelajaran, kerjaya dan kehidupan masa depannya.

Manakala Jerslid (1963), Cole (1970), dan Hurlock (1975) mengakui bahawa remaja di sekolah-sekolah menengah akan mengalami berbagai-bagai masalah yang sukar diatasi. Pada peringkat ini, mereka terpaksa pula mengatasi pelbagi tugas perkembangan yang memisahkan mereka dengan zaman kanak-kanaknya, sementara mereka pula sedang menuju alam kedewasaan. Ini bermaksud remaja ini memerlukan penyesuaian diri.

Pengkaji tempatan seperti Chiam dan Nik Aziz (1982) juga berpendapat sama di mana mereka menyatakan bahawa remaja sering menghadapi masalah psikologi dan peribadi seperti keinginan membunuh diri, teringatkan pengalaman pahit dan duka sewaktu kecilnya, gangguan fikiran, perasaan tidak senang hati dengan sekatan-sekatan kebebasan serta masalah kecantikan. Islam Yusuf (1982) daripada hasil kajiannya menunjukkan bahawa golongan remaja di sekolah merasa begitu sukar sekali untuk memahami pengajaran guru, tidak dapat menghabiskan kerja-kerja sekolahnya, dan merasa bosan lalu akhirnya mereka ponteng ke sekolah.

University of Malaya

Muhd. Mansur Abdullah (1994) menyatakan bahawa para remaja hari ini mengharapkan satu tempat merujuk supaya dapat menolong mereka mengharungi cabaran-cabaran yang dihadapinya itu. Tambah beliau, justeru itu perkhidmatan B&K perlu diberi perhatian agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan di sekolah-sekolah menengah ini. Dalam penulisannya beliau menyatakan bahawa kajian-kajian terawal menunjukan keberkesanan perkhidmatan B&K ini masih belum begitu jelas. Beliau membuktikan bahawa kajian-kajian yang dilakukan di luar negeri oleh Form (1953), Stowig dan Sheets (1967), Synder, Hill & Derksen (1972) dan Benedict, Apsler & Morrison (1977) mendapati kurang berminat untuk pergi menemui kaunselornya apabila mereka menghadapi masalah. Sebaliknya mereka lebih suka dan senang membincangkan masalahnya itu dengan keluarga sendiri ataupun dengan sahabat-sahabat karibnya sahaja. Muhd. Mansur Abdullah menambah bahawa keadaan yang sama juga wujud dalam negeri di mana kajian-kajian dalam negeri yang dilakukan oleh Roslan Said (1975), Awang Mat Ali (1978), Menon (1983) dan Mohd. Mansor menunjukkan bahawa didapati ramai lagi pelajar yang masih menganggapkan perkhidmatan B&K tidak berfaedah atau tidak memberikan manfaat apa-apa pun.

Muhd. Mansur Abdullah (1994) berpendapat bahawa satu bentuk kajian yang komprehensif perlu diadakan bagi tujuan penilaian keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah. Tambah beliau lagi penilaian yang menyeluruh dan integrated itu lebih menumpukan kepada maklumbalas pemberi khidmat (kaunselor), penerima perkhidmatan (klien) dan juga pentadbir di sekolah (pengetua/guru kanan), guru-guru serta para ibu bapa. Menurut beliau lagi dari sudut kaunselor, akauntabilitinya dapat memberi gambaran maklumbalas tentang hasil-hasil kerjanya. Manakala klien pula merupakan orang yang paling rapat dan terlibat secara langsung

University of Malaya

dengan kehidupan kerjanya sehari-hari, secara umum mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat, di mana reaksi klien juga sebagai satu daripada pengukuran penilaian. Sementara itu daripada pihak sekolah pula di mana perkhidmatan itu dijalankan patut juga diambil kira. Justeru itu pendapat dan pandangan para pengetua, guru besar dan guru-guru mata pelajaran yang lain patut dikaji sama dan suatu penilaian yang menyeluruh itu dijalankan atau tidak.

Konsep Model CIPP

Model CIPP (*Context* (konteks), *Input* (input), *Process* (proses) dan *Product* (produk)) merupakan suatu model penilaian yang diperkenalkan oleh Stufflebeam (1971). Menurut Stufflebeam (1971), penilaian didefinisikan sebagai satu proses membuat garis panduan *(delineating)*, mendapatkan *(obtaining)* dan membekalkan *(providing)* maklumat yang berguna untuk membuat keputusan yang betul. Beliau percaya penilaian ialah satu proses yang berterusan yang perlu dilaksanakan melalui satu program yang sistematik dan proses penilaian melibatkan tiga langkah yang utama iaitu membuat garis panduan penilaian, mendapatkan maklumat dan seterusnya membekalkan maklumat tersebut kepada sesuatu pihak. Menurut Stufflebeam (1971), langkah-langkah tersebut merupakan asas metodologi penilaian. Beliau berpendapat bahawa suatu penilaian yang terperinci mesti dibuat sekiranya maklumat yang ada berkaitan dengan sesuatu program adalah sedikit dan sekiranya penilaian itu dijangka boleh membawa suatu perubahan yang penting kepada program tersebut yang membolehkan empat jenis suasana *(setting)* keputusan dibuat:

i.) *Metamorphic* - membuat keputusan yang boleh membawa perubahan sepenuhnya dalam sistem pendidikan;

ii.) *Homeostatic* - membuat keputusan mengekalkan keadaan yang sedia ada dalam sistem pendidikan;

iii.) *Incremental* - membuat keputusan untuk membaiki sesuatu program secara berterusan;

iv.) *Neomobilistic* - membuat keputusan bertujuan untuk menguji serta mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah penting.

Stufflebeam (1971) menegaskan bahawa jenis suasana keputusan yang ketiga iaitu *incremental* digunakan secara meluas kerana jenis keputusan ini membawa kepada pembaikan program yang sedia ada. Menurut Stufflebeam, empat jenis suasana keputusan itu boleh dihubungkan dengan empat jenis keputusan pendidikan iaitu:

a. Perancangan: iaitu membuat perancangan untuk menentukan objektif.
b. Penstrukturan: mereka bentuk prosedur.
c. Pelaksanaan: menggunakan, mengawal dan membetulkan prosedur.
d. Membuat keputusan semula: mengadili dan bertindak semula ke arah mencapai apa yang diingini.

Stufflebeam (1971) menegaskan bahawa sejajar dengan empat jenis keputusan tersebut iaitu perancangan, penstrukturan, pelaksanaan dan membuat keputusan semula, wujud empat jenis penilaian iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk. Penilaian konteks mempengaruhi keputusan perancangan untuk menentukan objektif manakala penilaian input mempengaruhi keputusan penstrukturan untuk menentukan reka bentuk projek. Penilaian proses mempengaruhi keputusan pelaksanaan untuk mengawal operasi

University of Malaya

projek dan akhir sekali penilaian produk mempengaruhi aspek membuat keputusan semula untuk mengadili dan bertindak ke arah pencapaian projek. Stufflebeam (1971) menerangkan empat jenis penilaian dalam model CIPP dengan lebih jelas seperti berikut:

Pertamanya ialah huraian mengenai penilaian konteks. Penilaian konteks, menurut Stufflebeam (1971) merupakan satu jenis penilaian yang paling asas. Ia memberikan rasional bagi setiap objektif yang ditentukan. Secara jelasnya, penilaian konteks mendefinisikan persekitaran semasa yang berkaitan. Ia juga menghuraikan keadaan yang sepatutnya dan keadaan yang sebenarnya berlaku berkaitan dengan persekitaran tersebut. Seterusnya ia mengenal pasti keperluan-keperluan yang tidak dipenuhi dan peluang-peluang yang tidak digunakan dan akhir sekali mengenal pasti masalah-masalah yang menghalang keperluan- keperluan daripada dipenuhi serta peluang-peluang daripada digunakan.

Stufflebeam (197) berpendapat bahawa penilaian konteks bermula dengan analisis konseptual untuk mengenal pasti dan mendefinisikan dimensi yang dikaji. Kemudian, analisis empirikal dikendalikan untuk mengenal pasti keperluan-keperluan yang tidak dipenuhi dan peluang-peluang yang tidak digunakan. Akhirnya, penilaian konteks melibatkan kedua-dua analisis iaitu analisis konseptual dan analisis empirikal, serta kefahaman teori dan pandangan pihak berkuasa dalam memberikan cadangan-cadangan kepada masalah-masalah yang mesti diselesaikan. Keputusan-keputusan yang ditentukan daripada penilaian konteks termasuklah menentukan suasana yang sepatutnya, matlamat am dan objektif spesifik yang hendak dicapai (Stufflebeam, 1971).

Penilaian konteks berfokus kepada variabel yang diketahui penting untuk mencapai matlamat sesuatu program (Stufflebeam, 1984). Oleh itu, penilaian konteks

University of Malaya

bukan sahaja menyediakan suatu asas kepada pengawalan dalaman sesuatu sistem melalui pemantuan yang berterusan tetapi juga menyediakan suatu asas kepada perubahan dalam persekitaran semasa dengan mengenal pasti keperluan yang tidak dipenuhi serta peluang yang tidak digunakan (Stufflebeam, 1984). Kaedah tinjauan boleh digunakan dalam penilaian ini untuk menentukan persepsi sekumpulan orang mengenai keperluan yang tidak dipenuhi serta peluang yang tidak digunakan (Stufflebeam, 1971).

Kedua ialah huraian penilaian input. Menurut Stufflebeam (1971), penilaian input pula bertujuan untuk memberikan maklumat untuk menentukan bagaimana sumber-sumber harus digunakan supaya objektif sesuatu projek dicapai. Tujuan ini dicapai dengan mengenal pasti dan mengukur keupayaan sistem yang bertanggungjawab, kedua strategi yang diperlukan untuk mencapai objektif program dan ketiga reka bentuk untuk melaksanakan strategi yang dipilih. Menurut Stufflebeam (1971), maklumat-maklumat yang diperoleh berkaitan dengan perkara-perkara yang tersebut di atas diperlukan untuk menstrukturkan sesuatu reka bentuk ke arah mencapai objektif sesuatu program (Stufflebeam, 1971). Penilaian input ini membekalkan maklumat untuk menentukan beberapa perkara seperti sama ada bantuan luar diperlukan, menentukan strategi am yang diperlukan, serta reka bentuk yang harus digunakan untuk mencapai objektif sesuatu program (Stufflebeam, 1971). Kesan sampingan sesuatu strategi yang digunakan juga diketahui melalui penilaian input (Stufflebeam, 2001).

Menurut Stufflebeam (2003), penilaian input adalah berbentuk diagnostik untuk mengenali masalah yang terdapat dalam sesuatu strategi. Seterusnya, Stufflebeam (1973) berpendapat bahawa penilaian input ini boleh dijalankan secara mudah mahupun secara kompleks, bergantung kepada tujuan penilaian. Stufflebeam

University of Malaya

(1973) juga berpandangan bahawa keputusan yang boleh dibuat berdasarkan penilaian input ialah menspesifikasikan *(specification)* prosedur, peralatan, kemudahan dan bahan. Metodologi yang digunakan dalam penilaian input bergantung kepada suasana persekitaran *(setting)* yang dikaji dan dalam suasana persekitaran yang memerlukan penambahan *(incremental)*, masalah yang perlu diselesaikan hanya memerlukan perubahan yang kecil sahaja (Stufflebeam, 2003).

Seterusnya ialah huraian penilaian proses. Stufflebeam (1971) menyatakan bahawa apabila sesuatu projek sudah mula dilaksanakan, maka penilaian proses diperlukan untuk mendapatkan maklumat bagi pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perancangan dan prosedur. Menurut Stufflebeam, penilaian proses mempunyai tiga objektif utama. Pertamanya ialah untuk mengesan atau meramal kecacatan *(defects)* dalam reka bentuk prosedur atau dalam proses pelaksanaan. Kedua ialah memberikan maklumat untuk keputusan yang sudah diprogram dan ketiga mengekalkan satu rekod prosedur perjalanan projek.

Menurut Stufflebeam (1984), maklum balas mengenai cara sesuatu program berfungsi harus diperoleh untuk mengenal pasti dan mengatasi masalah dalam proses pelaksanaan sesuatu program. Beliau berpendapat bahawa maklumat yang diperoleh daripada penilaian input memainkan peranan yang sangat penting untuk penilaian proses dan penilaian proses adalah lebih penting daripada penilaian produk sekiranya sesuatu program itu masih berada dalam tahap pembangunan.

Stufflebeam (2001) menegaskan bahawa penilaian proses dan penilaian produk saling bergantungan antara suatu dengan yang lain dan penilaian proses diperlukan untuk membuat interpretasi ke atas hasil *(outcomes)* sesuatu program. Stufflebeam (2001) menegaskan bahawa perubahan yang perlu dilakukan dalam sesuatu proses semasa tidak dapat ditentukan dengan betul tanpa pengetahuan

University of Malaya

mengenai kesan yang diakibatkan oleh proses semasa itu. Maka, beliau berpendapat bahawa keputusan yang perlu dibuat untuk menstrukturkan reka bentuk atau prosedur dalam proses pelaksanaan perlu disokong oleh maklumat penilaian produk. Maklumat penilaian proses dapat dikumpul secara formal dan informal serta analisis interaksi, temu bual, rekod mesyuarat dan peti cadangan boleh digunakan untuk mengumpulkan maklumat (Stufflebeam, 1971). Penilai boleh menggunakan pelbagai kaedah yang ada untuk menyiasat sesuatu masalah yang telah dikenal pasti (Stufflebeam, 2003).

Akhir sekali ialah huraian penilaian produk. Tujuan penilaian produk, menurut Stufflebeam (1971) adalah untuk mengukur dan mentafsir pencapaian bukan sahaja pada akhir projek tetapi juga semasa projek dilaksanakan. Mereka berpendapat bahawa kaedah am yang digunakan dalam penilaian produk ini termasuklah membentuk definisi operasional terhadap objektif-objektif projek, mengukur kriteria berhubung dengan objektif aktiviti, membandingkan pengukuran tersebut dengan satu piawai yang ditetapkan lebih awal, dan membuat tafsiran yang rasional terhadap hasil yang akan diperoleh dengan menggunakan maklumat-maklumat konteks, input, proses dan produk yang telah direkod.

Menurut Stufflebeam (1971), penilaian proses menyiasat sejauh mana prosedur dilaksanakan seperti yang dirancang manakala penilaian produk pula menyiasat sejauh mana objektif program telah atau sedang dicapai *(objectives have been or are being attained)*. Stufflebeam menegaskan bahawa sekiranya sesuatu objektif program tidak dicapai, adalah penting untuk mengetahui sejauh mana prosedur yang dirancang sebenarnya dilaksanakan, dan sebaliknya, jika sesuatu objektif program telah dicapai, adalah penting untuk mengetahui prosedur sebenar yang membawa kepada pencapaian ojektif tersebut. Kedua-dua penilaian iaitu

University of Malaya

produk dan proses memberikan maklum balas untuk melakukan perubahan yang sepatutnya dalam proses pelaksanaan sesuatu program Stufflebeam (2001). Maklumat daripada penilaian produk dan proses ini boleh menyediakan rasional yang kuat untuk memutuskan sama ada sesuatu prosedur harus disambung, diubahsuai atau dilaksanakan sepenuhnya semula *(completely recycled)* [Stufflebeam, 2001].

Rumusan mengenai penilaian konteks, input, proses dan produk berdasarkan objektif, kaedah, dan hubungannya dengan keputusan yang dibuat ditunjukkan dalam Jadual 2.1. Empat penilaian yang telah diterangkan di atas iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk boleh digunakan secara keseluruhannya atau secara berasingan satu persatu. Empat penilaian tersebut (konteks, input, proses dan produk) dapat dilaksanakan untuk menilai sesuatu kurikulum atau program berdasarkan objektif dan kaedah yang dijelaskan dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2
Penilaian CIPP dan Objektif, Kaedah dan Membuat Keputusan

	Penilaian konteks	Penilaian input	Penilaian proses	Penilaian produk
Objektif	Untuk mendefinisikan konteks beroperasi; untuk mengenal pasti dan mentaksir keperluan serta peluang dalam konteks; dan untuk diagnosis masalah di sebalik keperluan dan peluang.	Untuk mengenal pasti dan mentaksir keupayaan sistem (sekolah), strategi input yang sedia ada, serta reka bentuk untuk melaksanakan strategi.	Untuk mengenal pasti atau meramal, dalam proses, kecacatan dalam reka bentuk prosedur atau pelaksanaan; untuk memberikan maklumat kepada keputusan yang diprogram lebih awal; dan untuk mengekalkan satu rekod prosedur aktiviti atau peristiwa.	Untuk mengaitkan maklumat hasil dengan objektif dan dengan maklumat konteks, input, dan proses.

University of Malaya

Jadual 2.2 (Sambungan)
Penilaian CIPP dan Objektif, Kaedah dan Membuat Keputusan

	Penilaian konteks	Penilaian input	Penilaian proses	Penilaian produk
Kaedah	Dengan menghuraikan konteks; dengan membandingkan input dan output yang sebenar dengan input dan output yang dicadangkan; dengan membandingkan prestasi sistem yang mungkin boleh berlaku dengan sistem yang sedang berlaku; dan dengan menganalisis punca perselisihan yang mungkin antara yang sebenarnya dengan yang dicadangkan.	Dengan menghuraikan dan menganalisis: sumber manusia dan peralatan yang sedia ada; strategi penyelesaian; dan reka bentuk prosedur dari segi kerelevanan, kebolehlaksanaan dan ekonomi.	Dengan memantau halangan yang berpotensi dalam prosedur dan sentiasa berwaspada untuk menghadapi halangan yang tidak dijangka; dengan memperoleh maklumat yang spesifik untuk keputusan yang sudah diprogram; dan menghuraikan proses yang sebenar.	Dengan mendefinisikan secara operasional dan mengukur kriteria yang berkait dengan objektif; dengan membandingkan pengukuran tersebut dengan satu piawai yang ditetapkan lebih awal; dan membuat tafsiran yang rasional terhadap hasil yang akan diperoleh dengan menggunakan maklumat-maklumat konteks, input, proses dan produk yang telah direkod.
Hubungan Dengan Membuat Keputusan Dalam Proses Perubahan	Untuk menentukan: suasana yang harus diwujudkan; matlamat berhubung dengan memenuhi keperluan atau menggunakan peluang; dan menentukan objektif berhubung dengan penyelesaian masalah iaitu untuk merancang perubahan yang diperlukan	Untuk memilih sumber sokongan, strategi penyelesaian, dan reka bentuk prosedur iaitu untuk menstruktur aktiviti perubahan.	Untuk melaksanakan dan menghalusi reka bentuk program serta prosedur iaitu untuk meningkatkan kesan kepada pengawalan proses.	Untuk menentukan sama ada untuk meneruskan, memberhentikan, mengubah suai, atau memfokus balik aktiviti yang diubah dan untuk mengaitkan aktiviti tersebut kepada perubahan proses lain iaitu untuk mengitar semula aktiviti perubahan itu.

Sumber: *Ubahsuaian daripada Kellaghan & Stufflebeam (2003)*

University of Malaya

Pemilihan Model Penilaian CIPP didapati sesuai dalam melaksanakan penilaian perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerana ia mengandungi semua komponen penting dalam penilaian sesebuah program yang melibatkan krikulum sekolah (Stufflebeam, 1971). Justeru ia akan dapat membantu penggubal kurikulum, pihak kementerian serta *stakeholder* membuat keputusan sama ada kurikulum yang ada sekarang perlu diteruskan, dipinda atau diganti dengan kurikulum baru yang menepati aspirasi kementerian dan negara (Nurinahafiza Mansor, 2012).

Model Penilaian CIPP Untuk Menilai Pelbagai Program Pendidikan

Model CIPP telah digunakan oleh ramai pengkaji dan penilai dalam membuat penilaian keberkesanaan program dan kurikulum di institusi pendidikan di dalam dan luar negara (Hamid Hasan, 2009).

Model CIPP berorientasi pada suatu keputusan (*a decision oriented evaluation approach structured*) (Eko Putro Widoyoko, 2009). Tujuannya adalah untuk membantu administrator dan guru di dalam membuat keputusan. Hal ini menjelaskan bahawa aplikasian Model CIPP lebih menjurus kepada pelaksana akan melalui satu proses merancang, mengumpul, memproses dan menilai untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan sesuatu program atau aktiviti yang dijalankan untuk membuat penambahbaikan supaya program yang dipilih akan lebih berkualiti untuk masa akan datang (Eko Putro Widoyoko, 2009).

Menurut Stufflebeam, (2003), " *the CIPP approach is based on the view that the most important purpose of evaluation is not to prove but improve*." Konsep tersebut ditawarkan oleh Stufflebeam dengan pandangan bahwa tujuan penting penilaian adalah bukan membuktikan, tetapi untuk memperbaiki (Eko Putro Widoyoko, 2009).

University of Malaya

Maksudnya, guru bimbingan dan kaunseling berupaya untuk melihat semula sejauh manakah pencapaian objektif program yang dijalankan terhadap sasaran di sekolah di mana guru bimbingan dan kaunseling akan menyemak kelemahan dan punca masalah yang menimbulkan isu klien yng tidak mampu untuk mencapai matlamat program yang ditetapkan. Justeru itu, penambahbaikan akan dibuat untuk persediaan program yang setimpal dengan lebih sistematik.

Selain daripada itu, Eko Putro Widoyoko (2009) juga menyatakan model penilaian CIPP lebih bersifat komprehensif berbanding dengan model penilaian lain. Ini adalah kerana penilaian tidak semata-mata melihat kepada hasil, tetapi juga melihat kepada empat perkara, iaitu konteks, input, proses, dan hasil.

Dalam proses menyediakan pembangunan pendidikan yang lebih baik, maka model penilaian CIPP telah digunakan untuk menilai pelbagai program pendidikan (Zhang, Griffith et al., 2009); Zhang, et al., 2008). Felix (1979) menggunakan model CIPP untuk menilai dan memperbaiki sistem arahan di sekolah bagi wilayah Cincinnati. Manakala Ohio & Nicholson (1989) mencadangkan model penilaian CIPP untuk menilai proses membaca arahan di sekolah. Matthews dan Hudson (2001) menyediakan garis panduan bagi penilaian projek-projek latihan ibu bapa dalam rangka Model penilaian CIPP. Model CIPP juga telah digunakan oleh fakulti pembangunan untuk menyokong pengajaran dan penilaian profesionalisme pelajarpelajar perubatan di Amerika Syarikat (Steinert, Cruess, Cruess, & Snell, 2005). Model CIPP juga digunakan untuk membina sistem petunjuk pendidikan kebangsaan Taiwan (Chien, Lee, & Cheng, 2007).

Beberapa penyelidik tempatan juga telah menggunakan model CIPP untuk menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Ini disebabkan model ini direka bentuk untuk tujuan penambahbaikan serta membuat keputusan berkaitan

University of Malaya

dengan sesuatu kursus, program atau kurikulum itu sesuai dijalankan di dalam conteks negara Malaysia. Salah satu daripadanya ialah Universiti Malaya telah menggunakan model CIPP untuk menilai keberkesanan program Diploma Pendidikan di Fakulti Pendidikan, melalui kajian kualitatif. Tan (1998) pula telah menggunakanmodel CIPP dalam menilai keberkesanan subjek Sains dalam Program Latihan Guru (KPLI) dengan kombinasi kaedah kuantitatif dan kualitatif.

Manakala kajian secara sistematik telah dijalankan oleh Noorshafina Ibrahim pada tahun 2009. Noorshafina Ibrahim (2009) telah menggunakan model CIPP dalam kajiannya yang bertajuk keberkesanan program latihan mengajar dalammenyediakan guru-guru pendidikan teknikal. Seramai 127pelajar daripada Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan dipilih sebagai respondensecara persampelan rawak mudah. Kajian rintis dijalankan untuk melihatkebolehpercayaan dan kesesuaian soal selidik. Dapatan kajian yang menggunakanSPSS versi 16 menunjukkan terdapat hubungan yang baik antara pengetahuan,kemahiran, pengalaman, kemahiran generik, keyakinan, pencapaian dan sikapdengan pencapaian latihan mengajar. Noorshafina Ibrahim (2009)juga telah mengemukakan beberapacadangan dalam usaha untuk memperbaiki terhadap keberkesanan latihan mengajardalam menyediakan guru-guru pendidikan teknikal berdasarkan model CIPP.

Manakala, Sidek Said dan Ahmad Rahim (2010) telah menjalankan kajian untuk menilai pelaksanaan kurikulum Sejarah Menengah Rendah dengan menggunakan model penilaian CIPP. Sampel kajian merangkumi 147 orang guru dan 1441 orang pelajar menengah rendah. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik bagi menilai dimensi input, proses dan produk. Dapatan kajian menunjukkan

University of Malaya

pandangan guru terhadap konstruk pengetahuan pedagogi, kemudahan prasarana, perancangan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana manakala skor min pemantauan kurikulum pula berada di tahap rendah.

Mengikut Stufflebeam (2003), model CIPP merupakan rangka kerja yang menyeluruh bagi membantu dalam melaksanakan penilaian secara formatif atau sumatif. Secara keseluruhannya, penggunaan model ini sangat membantu guru bimbingan dan kaunseling dalam melaksanakan penilaian program di sekolah dengan lebih tepat dan spesifik supaya proses pelaksanaan dalam program yang kemungkinan mencetus halangan secara tersirat dapat dikesan dan intervensi daripada Guru Bimbingan dan Kaunseling dapat dijalankan dari semasa ke semasa.

Pengiktirafan Program B&K Di Malaysia

Perkhidmatan B&K telah mampu berkembang secara formal, teratur dan sistematik di Malaysia disebabkan oleh era pembangunan negara yang pesat (Amelia Mohd Noor, 2009). Sementara itu Nurinahafiza Mansor (2012) turut bersetuju bahawa aliran dan perkembangan program B&K di Malaysia adalah cerah dan berpotensi tinggi.

Amelia Mohd Noor (2009) berpandangan bahawa pemikiran yang optimis perlu digandingkan dengan misi yang boleh menggerakkan program B&K ini lebih berjaya dan boleh menuju ke suatu tahap yang unggul. Begitu juga dengan perkembangan semasa yang telah memberikan perangsang untuk menerima kaunseling sebagai profesion yang disegani. Amelia Mohd Noor (2009) juga menegaskan bahawa program B&K pada masa kini telah mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam alam persekolahan dan masyarakat.

University of Malaya

Bagi mendapat pengiktirafan yang sedemikian adalah sebenarnya berlaku disebabkan oleh pelbagai aktiviti perkhidmatan yang dijalankan oleh kaunselor dalam program B&K tersebut. Suradi (2004) berpendapat bahawa secara umumnya terdapat banyak aktiviti, program atau tugas yang dilakukan oleh kaunselor termasuklah pentaksiran individu, melaksanakan kaunseling yang merangkumi kaunseling individu, kaunseling kelompok, kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan, menjalankan kaunseling kerjaya, memberikan perkhidmatan penempatan dan penyusulan, aktiviti pencegahan dan pendidikan psikologi, perundingan, penyelidikan serta melakukan intervensi krisis. Mengikut Amelia Mohd Noor (2009), sebenarnya terdapat pelbagai cabang bidang tugas yang dipikul oleh kaunselor. Ini adalah termasuk aspek kaunseling seperti membantu individu yang memerlukan khidmat bantuan dari program B&K.

Kaunseling memberi harapan baru kepada pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa, jantina dan juga pelbagai umur dan keperluan. Masyarakat yang bertemu dengan kaunselor selalunya digelar klien atau kaunseli. Mereka-mereka ini selalunya pernah pada suatu ketika hilang pedoman untuk mengatasi kebuntuan minda, emosi atau perlakuan mereka. Amelia Mohd Noor (2009) menegaskan bagi merealisasikan harapan klien atau kaunseli, kaunselor seharusnya cekap, amanah, boleh dipercayai dan bersedia menjalankan tugas perkhidmatannya dengan sebaik mungkin. Pendapat ini dipersetujui oleh Nurinahafiza Mansor (2012) yang mana perkhidmatan B&K ini dijalankan oleh seorang kaunselor yang terlatih dan bertanggungjawab secara profesional dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan teknik bagi membantu kliennya. Selain itu, Amelia Mohd Noor (2009) menegaskan bahawa kaunselor yang terlatih adalah seorang yang sabar dan berempati. Para kaunselor yang professional dapat merasai

University of Malaya

apa yang dialami oleh kaunseli pada ketika itu dan sanggup memberi masa serta mendengar apa sahaja yang ingin diberitahu oleh kaunseli. Seperti yang ditegaskan oleh Amelia Mohd Noor (2009) bahawa konsep kesejahteraan insan bersepadu dan hubungannya dengan pembangunan dan perubahan masyarakat adalah merupakan matlamat atau objektif yang ingin dicapai oleh perkhidmatan B&K.

Menurut Amelia Mohd Noor (2009) dan Nurinahafiza Mansor (2012) profesion kaunseling atau kaunselor berhadapan dengan banyak cabaran. Seseorang kaunselor perlulah menjadi seorang yang cekap, mahir dalam menjalankan penaksiran dan berupaya memilih teknik dan strategi bagi membantu pertumbuhan klien atau kaunselinya. Namun, sejauhmana pun tugas bantu dari seorang kaunselor, semuanya bertitik tolak dari keupayaan diri kaunselor itu sendiri. Amelia Mohd Noor (2009) berpendapat bahawa keperibadian seorang kaunselor belum cukup melayakkan dirinya lagi sebagai seorang kaunselor yang berjaya dan berkesan. Sebaliknya, kemahiran dalam B&K itu sendiri harus di ambil kira untuk memanfaatkan perkhidmatannya. Ini dijelaskan lagi oleh Amelia Mohd Noor (2009) bahawa pengetahuan tinggi tentang konsep dan teori serta amalan B&K serta keupayaan sumbangan yang boleh dilakukan oleh kaunselor adalah merupakan aspek yang penting dalam menentukan kepercayaan kaunseli-kaunselinya dan mampu mendapat pengiktirafan yang tinggi dan sewajarnya.

Amelia Mohd Noor (2009) dan Nurinahafiza Mansor (2012) bersependapat bahawa memang tidak mudah untuk mendapatkan orang yang berkelayakan dan terlatih sebagai guru B&K atau kaunselor. Oleh itu penilaian perlu dibuat untuk menilai guru-guru B&K atau kaunselor agar satu data yang sahih dan boleh dipercayai mengenai keberkesanan, kedudukan dan gambaran yang lengkap mengenai perkhidmatan B&K dan kaunselor di Malaysia dapat diketengahkan.

University of Malaya

Pengurusan Perkhidmatan B&K di Sekolah-sekolah Malaysia

Pada 24 Mac 2009, Unit Kaunseling Pelajar, Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin ditubuhkan secara rasmi dalam penstrukturan semua Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia. Unit ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada pelaksanaan Perkhidmatan B&K kepada pelajar serta guru di seluruh negara secara rasmi.

Surat Siaran Perekayasaan perkhidmatan B&K di sekolah yang telah dikeluarkan oleh KPM bertarikh 16 April 2012 adalah panduan perkhidmatan terkini yang perlu dilaksanakan oleh semua Guru B&K. Melalui perekayasaan perkhidmatan B&K ini penekanan diberikan kepada pembangunan sahsiah dan disiplin pelajar dari sudut kemenjadian pelajar dan fokus perkhidmatan ini adalah menjurus kepada pembangunan dan perkembangan sahsiah diri pelajar, peningkatan disiplin diri pelajar, pendidikan kerjaya pelajar serta psikososial dan kesejahteraan mental pelajar.

Pihak KPM mempunyai objektif yang mantap dalam menawarkan perkhidmatan B&K di sekolah. Menurut terdapat beberapa objektif yang digariskan oleh KPM bagi me1aksanakan perkhidmatan B&K sebagaimana yang tercatat dalam Buku Panduan Perlaksanaan Khidmat B&K di Sekolah. Objektif-objektif yang digariskan dapat dirumus sebagaimana di bawah:

a. Menawarkan khidmat bentuk penyebaran dan pengayaan yang mencangkupi kesemua aspek perkembangan pelajar. Ia dapat dilaksanakan melalui penyediaan kemudahan dan pengalaman yang sejajar dengan kemampuan dan potensi pelajar.
b. Menyediakan khidmat pencegahan seperti penghindaran pelajar-pelajar dari melibatkan diri dengan masalah disiplin tingkah laku seperti penyalahgunaan dadah, tidak bersopan dan sebagainya.

University of Malaya

c. Menjalankan perkhidmatan pemulihan contohnya memberi bantuan dalam mengatasi masalah dari segi akademik, sosioemosi dan kerjaya. Menurut Nurinahafiza (2012) dan Mansor (2012), di Unit B&K terdapat lima jenis program yang disediakan berhubung dengan perkhidmatan B&K. Program program tersebut ialah:

i. B&K Pelajaran

Perkhidmatan ini diwujudkan untuk membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah berkaitan dengan akademik seperti pemahaman subjek, penyesuaian dengan tempat belajar dan sebagainya. B&K pelajaran juga diwujudkan untuk membantu para pelajar memilih subjek mengikut kesesuaian dengan minat dan kebolehan terutamanya untuk peperiksaan PT3, SPM dan STPM. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pengenaian at au program orientasi contohnya penerangan mengenai sistem pendidikan dan matlamat kokurikulum, sukatan pelajaran, kaedah belajar dan lain-lain. Aktiviti kedua yang dijalankan ialah peherangan pelajaran seperti membimbing para pelajar supaya mempunyai kesedaran awal terhadap pemilihan subjek berdasarkan cita-cita dan minat. Usaha untuk memberi pendedahan awal ini juga amat penting dalam mewujudkan sikap cintakan pelajaran. Berkesinambungan daripada itu, program ini turut mempunyai tujuan untuk memberi maklumat berkenaan dengan peluang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Pendedahan begini amat perlu supaya pelajar dapat membuat penentuan selepas mereka menamatkan alam persekolahan.

University of Malaya

ii. B&K Peribadi Psikologi dan Emosi

Program B&K peribadi psikologi dan emosi diwujudkan untuk membantu para pelajar yang menghadapi masalah peribadi. Antaranya ialah konflik dalaman, perasaan kecewa, rendah diri dan bosan dalam hidup. Biasanya masalah ini wujud berdasarkan ketidakmampuan seseorang individu itu untuk menyesuaikan diri dengan aspek perkembangan yang pantas. Oleh itu, mereka memerlukan khidmat kaunseling bagi membantu para pelajar ini menghadapi situasi yang menyulitkan.

iii. B&K Kerjaya

Program ini lebih berkisar kepada nasihat tentang kerjaya di masa depan seseorang pelajar. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pendedahan teknik dan persediaan kepada pelajar contohnya, cara memohon jawatan, menghadiri temuduga dan penyesuaian diri dengan alam pekerjaan. Perkhidmatan B&K di sekolah juga perlu menyediakan pelbagai maklumat mengenai bidang kerjaya yang meliputi vokasional, teknikal dan professional. Oleh itu, seseorang kaunselor bertanggungjawab untuk memberi panduan kepada pe1ajar dalam pemilihan keljaya yang bersesuaian dengan minat dan cita-cita mereka. Kaunselor perlu juga memastikan syarat-syarat, jenis latihan dan pendidikan tertentu yang bersesuaian dengan sesuatu jenis pekerjaan.

iv. B&K Sosial

Perkhidmatan kaunseling jenis ini diwujudkan untuk membantu para pelajar supaya dapat bidup bertoleransi khasnya dari katangan pelbagai kaum. Antaranya ialah membantu individu untuk melibatkan diri dalam kelompok belajar, bermain dan hidup tertoleransi. Secara lebih jelas lagi ia membantu individu untuk memainkan peranan dalarn ke1ompok dengan menerapkan

University of Malaya

aspek-aspek kepimpinan. Program B&K sosial juga amat bertanggunjawab untuk membantu pe1ajar yang memencilkan diri (the isolate) supaya mereka dapat bercampur gaul dan mengelakkan diri dari kumpulan liar.

v. B&K mencegah penggunaan dadah.

Terdapat beberapa kegiatan berhubung dengan program ini seperti pencegahan awal dalam mengenalpasti individu yang bermasalah yang berkemungkinan boleh terlibat dengan gejala dadah. Ia juga menawarkan perkhidmatan sokongan terhadap pelajar yang dikenali sebagai penagih awal yang berpeluang untuk pulih dengan mempraktikkan etika kaunseling iaitu kepercayaan dan kerahsiaan.

Selain itu, perkhidmatan rujukan juga dikendalikan di bawah program ini terutamanya menghubungi ibu bapa, pegawai kebajikan sekolah, kebajikan daerah atau peringkat negeri. Perkhidmatan susulan dan penyelian kepada para pelajar yang telah menjalani proses pemulihan dadah juga menjadi tanggungjawab pihak perkhidmatan B&K.

Daripada penerangan terhadap program-program di atas, perkhidmatan B&K di sekolah mencakupi pelbagai aspek dari segi akademik, psikososial, kerjaya, emosi, pencegahan penyalahgunaan dadah dan sebagainya yang amat diperlukan oleh para pelajar khasnya di sekolah menengah. Ini adalah kerana, para pelajar yang sedang menempuh alam remaja memerlukan bimbingan dan khidmat kaunseling dalam kehidupan mereka uotuk memastikan kejayaan dapat dicapai.

University of Malaya

Matlamat Kaunseling

Nurinahafiza Mansor (2012) berpendapat bahawa unit B&K adalah berperanan sebagai membimbing seseorang individu menyelesaikan masalah. Nurinahafiza Mansor (2012) juga berpendapat bahawa perkhidmatan unit B&K haruslah bersifat menyeluruh dan meliputi program bimbingan berterusan serta mempunyai perkembangan, pencegahan serta pemulihan. Matlamat unit ini adalah untuk memberi khidmat kaunseling kepada pelajar yang memerlukan bimbingan, panduan, pertolongan pada setiap masa, membantu dan membimbing palajar menyelesaikan masalah peribadi, emosi, pelajaran, keluarga dan aspek-aspek lain serta dengan penubuhan unit ini juga dapat membimbing pelajar dalam melengkapkan diri dalam memilih kerjaya yang betul (Nurinahafiza Mansor, 2012).

Selain itu, unit B&K ini juga seharusnya berfungsi sebagai proses penemuan interaksi bersemuka antara kaunselor dengan pelajar yang mengakibatkan berlakunya perubahan pada pelajar. Nurinahafiza Mansor (2012) menyatakan bahawa apa yang penting semua masalah yang dihadapi seharusnya perlu mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan supaya matlamat perkhidmatan B&K dapat dijalankan dengan sempurna.

Kanga (2017) dan Rasul et al. (2013) bersependapat bahawa kaunseling mempunyai matlamat yang jelas iaitu:

a. Membantu klien bertanggungjawab keatas dirinya
b. Memperbaiki imej diri yang negatif
c. Mengajar klien menyesuaikan diri dengan keadaan
d. Mempermudahkan atau menggerakkan perubahan tingkah laku
e. Membantu klien menjadi lebih produktif
f. Membimbing klien mencari dan memupuk sumber dalaman

University of Malaya

g. Mempertingkatkan kemampuan klien membuat keputusan

h. Membantu klien menguruskan masalah yang ‘belum selesai’ dalam hidupnya

Membantu klien bertanggungjawab ke atas dirinya. Melalui sesi kaunseling, klien diajar bertanggungjawab atas diri sendiri. Sifat lepas tangan tidak akan mendatangkan hasil yang baik. Klien yang bertanggugjawab keatas dirinya akan berusaha sambil berhati-hati dalam mengatur dan merancang perjalanan hidupnya. Seandainya timbul sebarang masalah, klien akan bertanggungjawab ke atas dirinya sendiri dan tidak akan menyalahkan orang lain.

Memperbaiki imej diri yang negatif. Imej diri yang negatif merupakan halangan bagi klien untuk mencapai cita-cita atau membuat sebarang tindakan. Klien seperti ini akan menyekat perkembangan dan penggunaan potensi dirinya. Kaunselor akan membimbing klien membentuk imej yang positif. Antara lain, klien belajar memupuk ciri-ciri yang baik dan mengurangkan ciri-ciri yang negatif. Imej diri yang positif menandakan kestabilan personaliti.

Mengajar klien menyesuaikan diri dengan keadaan. Penyesuaian diri sama ada dengan orang lain atau persekitaran amat penting. Klien yang tidak tahu atau tidak mahu belajar menyesuaikan diri akan mengalami banyak konflik. Klien perlu sedar bahawa dia tidak boleh mengharapkan orang lain atau persekitaran berubah terlebih dahulu. Ada kalanya orang lain atau persekitaran tidak akan berubah. Maka apa yang penting di sini ialah klien belajar menyesuaikan diri degan keadaan sebagai usaha mengurangkan ketegangan dan konflik.

Mempermudahkan atau menggerakkan perubahan tingkah laku. Ada kalanya, tingkah laku yang sedia ada menjejaskan perjalanan hidup klien. Tingkah laku perlu disesuaikan dengan siapa klien berinteraksi, bila, tujuan dan situasi di

University of Malaya

mana klien berada. Kaunselor akan mengajar klien membuat perubahan tingkah laku yang mampu dilakukannya. Perubahan tingkah laku tidak semestinya besar. Ia boleh merupakan perubahan yang kecil. Faktor yang lebih penting ialah klien apat menguruskan dan mengawal perubahan yang berlaku. Perubahan ini pula biarlah berkekalan.

Membantu klien menjadi lebih produktif. Kaunselor membimbing klien supaya menyedari bahawa hidup ini tidak statik. Apa yang penting ialah klien perlu berusaha sedaya upaya seandainya dia ingin hasil yang memuaskan. Klien tidak boleh berdiam sahaja sambil mengimpikan satu kehidupan yang berkesan dan memuaskan.

Membimbing klien mencari dan memupuk sumber dalaman. Kaunseling menyedarkan klien bahawa setiap manusia mempunyai kelebihannya tersendiri. Klien sering tidak mempedulikan sumber dalaman yang dimilikinya dan seterusnya mengakibatkan situasi helplessness. Klien yang menggunakan sumber dalaman akan berasa bahawa dia boleh mengawal perjalanan hiupnya (setakat yang termampu olehnya).

Mempertingkatkan kemampuan klien membuat keputusan. Klien sering mengelakkan diri daripada membuat keputusan. Ini kerana tugas dan proses membuat keputusan bukanlah perkara yang menyeronokkan atau menyenangkan. Banyak masalah timbul kerana klien tidak memberi kata putus. Kaunselor membimbing klien membuat keputusan. Klien akan menimbang sendiri beberapa keputusan. Keputusan yang matang memerlukan klien mengambil kira faktor pengorbanan peribadi, masa, tenaga, wang ringgit dan sebagainya. Klien juga akan diajar bagaimana menggunakan sumber yang wujud dalam persekitaran untuk membuat keputusan yang baik.

University of Malaya

Membantu klien mengurus masalah yang 'belum selesai' dalam hidupnya. Memang benar tidak semua manusia akan mengalami masalah seandainya konflik yang berlaku pada masa dahulu tidak diatasi. Namun, kemungkinan besar wujud keadaan di mana kelemahan seperti kekeliruan, kerunsingan, kemarahan dan salah faham lahir kerana konflik (sama ada kecil atau besar) yang berlaku pada masa dahulu perlu dilihat kembali, diatasi atau dihadapi. Tugas kaunselor di sini adalah untuk membimbing klien melalui proses ini.

Jenis-Jenis Klien

Terdapat pelbagai jenis klien yang dibantu dan dibimbing oleh seseorang kaunselor di seluruh dunia. Antaranya ialah klien yang dirujuk (referral), klien suka rela, klien enggan, klien yang tidak rela (reluctant) dan klien yang menentang (resistent).

Klien yang dirujuk *(Referral).* Referral klien didefinisikan sebagai tindakan memindahkan klien seseorang itu kepada orang lain sama ada disekolah atau luar sekolah. Di sekolah, klien yang dirujuk biasanya ialah pelajar yang biasanya memerlukan kaunseling untuk berjumpa dengan kaunselor sekolah. Kaunselor akan membantunya mencapai kefahaman tentang tingkah lakunya dan tanggungjawab terhadap tingkah lakunya dirinya serta mengawal diri sebelum masalah bertambah rumit (Kanga, 2017). Didalam beberapa keadaan tertentu, seseorang kaunselor itu tidak berupaya untuk memberi bantuan yang sewajarnya kepada klien. Maka dalam keadaan begini, kaunselor boleh memindahkan klien kepada seseorang kaunselor atau pakar lain untuk mendapatkan bantuan yang relaven. Klien jenis ini tergolong didalam klien yang dirujuk (Kanga, 2017).

University of Malaya

Klien suka rela. Klien suka rela ialah individu yang rela datang sendiri untuk mendapatkan khidmat bantuan daripada kaunselor. Klien jenis ini tahu akan tujuannya menemui kaunselor kerana mereka sedar yang mereka sedang mengalami perasaan yang gelisah, curiga, kusut dan tiada tempat lain untuk meluahkan segala masalahnya. Mereka memerlukan bantuan daripada seseorang yang dianggap boleh memahami dan mengambil berat terhadap apa yang terpendam dalam hatinya. Klien ini sanggup membuka rahsia mengenai diri dan perasaannya. Klien ini juga sangat berharap kaunselor dapat membantunya untuk menyelesaikan masalah (Kanga, 2017). Klien yang datang secara suka rela akan mendapat faedah yang maksima selepas kaunseling kerana ia tahu akan tujuannya menemui kaunselor serta berada dalam keadaan bermotivasi (Kanga, 2017).

Klien enggan. Klien enggan biasanya terdiri daripada individu yang dirujuk oleh orang ketiga untuk mendapatkan kaunseling. Klien yang enggan ini boleh didapati dalam dua ciri utama iaitu klien yang tidak rela (reluctant) dan klien yang menentang (resistant) (Kanga, 2017).

Klien yang tidak rela *(Reluctant)*. Klien yang tidak rela (reluctant) adalah seorang klien yang dirujuk oleh pihak ketiga dan klien jenis ini kerap tidak bermotivasi untuk ditolong, berubah atau menerima bantuan daripada kaunselor. Kebanyakkan pelajar-pelajar sekolah dan mahkamah merujukkan kliennya adalah satu contoh yang baik. Mereka ini tidak berkeinginan untuk berada dalam sesi kaunseling, bercakap keseorangan tentang dirinya. Kebanyakkan klien reluctant menamatkan sesi kaunselingnya pada masa-masa yang tidak sepatutnya dan memberitahu bahawa mereka tidak berpuas hati dengan proses-proses yang dilakukan (Kanga, 2017). Klien jenis ini ialah klien yang jika diberi pilihan akan berasa tidak rela untuk berjumpa kaunselor. Keengganan klien tidak rela ini boleh

University of Malaya

dikenal melalui gerak geri badan serta tingkah lakunya semasa berhadapan dengan kaunselor yang dipamerkannya sama ada secara *verbal* atau *non verbal*. Klien jenis ini boleh dikendalikan dengan kaunselor menerangkan kepada klien tentang kepentingan proses kaunseling dan membantunya menyedari apa yang boleh diperolehi daripada kaunseling diperingkat awal pertemuan lagi (Kanga, 2017).

Klien yang menentang *(Resistent)*. Klien resistant adalah seorang klien dalam kaunseling yang mana mereka ini tidak sudi atau menentang untuk kepada perubahan. Kebanyakan individu mungkin bersifat dengan aktif untuk membuat sesi kaunseling tetapi tidak berkeinginan untuk pergi untuk melalui kepayahan yang mana itu adalah satu tuntutan untuk berubah. Sebaliknya, klien akan berpaut atau lekat kepada kepastian tingkah laku semasa walaupun apabila kebanyakan tingkahlaku adalah menghasilkan tingkah laku sebaliknya dan tidak berfungsi dengan baik. Sesetengah klien resistant enggan untuk membuat keputusan, cetek dalam deal dengan masalahnya dan mengambil apa-apa tindakan untuk menyelesaikan masalahnya dengan kata lain, klien melakukan apa yang kaunselor cakap. Ciri-ciri resistant ini merujuk kepada halangan yang diwujudkan oleh klien yang boleh menyekat atau menghalang proses kaunseling untuk terus berjalan lancar. Resistant ini juga merujuk kepada klien yang tidak mahu menerima perubahan (Kanga, 2017).

Ahli-ahli teori dalam kaunseling dan psikoterapi mempunyai pandangan yang berbeza mengenai klien resistant. Didalam perspektif psikodinamik, mereka melihat klien resistant sebagai satu cara menghalang personaliti yang tidak sedar menjadi sedar. Resistance jenis ini merupakan resistance intrapsikik dalam diri individu. Ia berlaku apabila klien menahan dirinya daripada dorongan yang bertentangan atau ketika berhadapan dengan konflik dalaman (Kanga, 2017). Sebagai contoh; seorang suami yang ingin berkahwin dua. Dia akan mengatakan bahawa; “dia tidak mahu

untuk menceraikan isterinya sebab dia masih lagi sayang terhadap isterinya tetapi dalam masa yang sama dia mahu berkahwin dengan perempuan lain". Disini telah wujud satu keadaan ketidaksamaan dalam diri klien yang menjadi konflik kepadanya.

Secara umumnya, tingkah laku klien resistant boleh menggagalkan proses kaunseling. Dalam situasi berhadapan dengan klien resistant, kaunelor perlu bijak menggunakan kaedah-kaedah tertentu (Mansur Abu Talib, 2004). Beberapa contoh tingkah laku klien resistant yang biasa dihadapi oleh kaunselor ialah ;

a. Klien yang enggan bercakap
b. Klien tidak memberi kerja sama
c. Klien tidak menepati janji
d. Klien terlalu kerap menggunakan helah bela diri
e. Klien memanipulasikan kaunselor
f. Klien mengubah atau tidak menepati matlamat awal
g. Klien lambat datang ke sesi kaunseling.

Menurut di dalam buku *Counseling A Comprehensive Profession* (1998) yang paling banyak atau sering kali klien jenis resistant cakap dengan kenyataan yang mudah iaitu "saya tidak tahu". Tindakbalas seperti ini akan menyebabkan kaunselor susah untuk bergerak pada peringkat seterusnya (Mansur Abu Talib, 2004).

Peranan dan Fungsi Utama Perkhidmatan B&K

Unit Kaunseling Pelajar berperanan dalam merancang dasar melaksanakan program, menyelaras pelaksanaan, memantau pelaksanaan, menilai keberkesanan, melaporkan pelaksanaan, mengumpulkan data dan mengurusetiakan mesyuarat/bengkel/taklimat bagi bidang-bidang berikut (Mansor, 2012):

University of Malaya

- Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling
- Pengurusan Profesionalisme Guru BDK
- Pengurusan Bencana (Smart Suport Team, e-Bencana)
- Pengurusan Guru Muda1Malaysia (GM1M)
- Pengurusan Data Perkhidmatan Kaunseling
- Pengurusan Program Minda Sihat
- Pengurusan Dasar Warga Emas Negara
- Pengurusan National Blue Ocean Strategy (Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi)

Justeru itu, menurut Mansor (2012), Unit Kaunseling Pelajar merupakan pemangkin kepada Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang berkualiti di sekolah dalam aspek pembangunan profesionalisme Guru B&K, kemenjadian pelajar, serta kecemerlangan modal insan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Pembentukan Kaunselor atau Guru B&K yang Berkesan

Pendidikan di Malaysia telah memberi satu ruang yang besar dan penting untuk program B&K di sekolah-sekolah (Mansor, 2012). Begitu juga pendapat Nurinahafiza (2012) bahawa di Malaysia, perkhidmatan B&K merupakan satu elemen penting yang diperkenalkan di sekolah-sekolah dan ianya dimulakan di sekolah rendah.

Oleh yang sedemikian, semua pengetua dan guru besar sekolah diminta untuk memastikan perkhidmatan B&K dan hal ehwal pelajar dijalankan dengan berkesan. Ini selaras dengan arahan KPM dengan nombor rujukan (BPSH-SPPK) 601/3 Jld 3

University of Malaya

(23) bertarikh 17 Disember 2008 yang mengarahkan Guru B&K Sekolah Rendah dan Guru B&K Sekolah Menengah menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang meliputi tajuk-tajuk seperti berikut. Antaranya ialah:

a. kemahiran belajar,
b. pendidikan panduan kerjaya,
c. pendidikan psikososial dan kesejahteraan mental,
d. pendidikan kepimpinan pelajar,
e. pendidikan pencegahan dadah dan rokok,
f. pendidikan pencegahan HIV dan AIDS.

Selain daripada itu, guru B&K juga disarankan menjalankan program-program wajib seperti:

a. program kaunseling berfokus,
b. program pembimbing rakan sebaya,
c. program kepimpinan pengawas,
d. program orientasi pelajar
e. kelab bimbingan dan kerjaya.

Oleh disebabkan pelbagai program yang wajib dan harus dijalankan oleh guru B&K KPM telah menggariskan pelbagai program dan kemahiran bagi melahirkan guru B&K yang baik dan berkesan. Salah satu daripadanya ialah latihan praktikum yang diikuti oleh guru B&K bagi melahirkan kaunselor yang bersikap profesional di peringkat sekolah. Melalui kaedah praktikum kemahiran ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif dapat dibentuk melalui persediaan yang mantap; dan ini dapat dibina melalui pengalaman menjalani praktikum.

University of Malaya

Nurinahafiza (2012) dan Mansor (2012) bersependapat bahawa pendidikan guru mengutamakan pembentukan guru yang dedikasi, kreatif, sentiasa berusaha dan peka dalam mempertingkatkan kemahiran professional serta pengetahuan dalam bidang perguruan untuk membolehkan para guru menjadi agen berkesan dalam proses pembangunan insan dan masyarakat secara menyeluruh dan bersepadu.

Mengikut Suradi (2004) model konseptual pendidikan guru inilah yang menjadi panduan dalam melatih semua guru mata pelajaran di Malaysia termasuk guru B&K. Suradi (2004) juga menyatakan bahawa untuk menjadikan profesion kaunseling yang berwibawa, boleh dipercayai dan berkesan, profesion ini mestilah dibina di atas asas pengetahuan yang kukuh dan menyakinkan. Oleh yang sedemikian, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan universiti-universiti terpilih telah dipertanggungjawabkan untuk melatih termasuk guru bimbingan dan kaunseling akan yang ditempatkan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) opsyen B&K dirancang sejajar dengan hasrat KPM untuk menghasilkan guru B&K yang berkelayakan untuk membimbing dan membantu perkembangan diri pelajar secara menyeluruh dan bersepadu. Bakal guru-guru bimbingan dan kaunseling didedahkan dengan:

a. falsafah B&K
b. teori-teori kaunseling
c. kaunseling individu
d. kaunseling kelompok
e. kemahiran bimbingan
f. pengurusan perkhidmatan B&K

University of Malaya

Seterusnya guru pelatih menjalani latihan praktikum selepas pendedahan kepada konsep dan teori B&K. Matlamat penganjuran opsyen bimbingan dan kaunseling adalah untuk menghasilkan guru B&K yang dapat memainkan peranan dengan berkesan (KPM, 2004).

Di Institut Pendidikan Guru, guru pelatih B&K dikehendaki mengikuti lima komponen tugas iaitu:

a. pengajaran atau kuliah,
b. penyelidikan,
c. penilaian,
d. ko-kurikulum,
e. praktikum.

Dalam menjalani praktikum semua guru pelatih B&K terikat dengan garis panduan menjalani praktikum seperti yang digariskan dalam No. Rujukan: KP (BPG) 9561/JLD.71 (18) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Guru yang telah dikuatkuasakan berkuatkuasa mulai Februari 2005 (Mansor, 2012). Garis panduan praktikum tersebut telah menyenaraikan lapan objektif praktikum seperti berikut supaya guru pelatih B&K dapat dibentuk agar menjadi kaunselor yang bertauliah dan bersikap profesional:

a. dapat menyepadukan teori dengan amali perkhidmatan B&K,
b. mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran kaunseling,
c. mengikuti pengajaran dan pembelajaran,
d. memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri serta menghayati dan mengamalkan nilai profesion perguruan,

University of Malaya

e. mengembangkan potensi diri sebagai pendidik dan guru B&K melalui pembinaan portfolio dengan mengamalkan refleksi dan penilaian kendiri dalam semua aspek tugas,
f. mengoptimumkan penggunaan sumber teknologi dalam pembestarian proses dalam perkhidmatan B&K
g. menguasai kemahiran pemudahcaraan dan
h. menguasai pelbagai strategi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum

Matlamat penganjuran praktikum B&K adalah untuk menghasilkan guru B&K yang dapat memainkan peranan dengan berkesan (KPM, 2004).

Selain daripada itu, satu garis panduan praktikum yang menyenaraikan lapan belas perkara yang perlu diberi perhatian oleh seseorang pensyarah-penyelia praktikum guru pelatih B&K untuk membimbing mereka. Antara perkara-perkara tersebut ialah:

a. berbincang dengan guru pelatih B&K tentang urusan praktikum,
b. membuat lawatan ke sekolah, berjumpa dan berbincang dengan pengurus sekolah dan guru pembimbing untuk menjalin hubungan profesional,
c. melapor kemajuan pelajar dari masa ke masa kepada pasukan pengurusan praktikum
d. menyemak dan membincangkan portfolio praktikum bersama guru pelatih B&K menyimpan rekod dan dokumen bimbingan yang kemas kini,
e. memantau kehadiran, prestasi dan disiplin para guru pelatih B&K sepanjang tempoh praktikum,

University of Malaya

f. memaklumkan dengan segera secara bertulis kes-kes yang memerlukan perhatian dan tindakan pasukan pengurusan praktikum
g. menyemak buku rekod aktiviti dan mencadangkan penambahbaikan di mana perlu,
h. memberi bimbingan berasaskan unsur-unsur pencerapan klinikal,
i. menyelia secara tersebar sepanjang tempoh praktikum mengikut jadual penyeliaan yang telah ditetapkan,
j. bekerjasama dengan guru pembimbing dan menjalankan mentoring menerusi proses pencerapan klinikal dan penyediaan portfolio praktikum,
k. membimbing guru pelatih bimbingan dan kaunseling ke arah perkembangan sahsiah yang baik,
l. menyelia bersama-sama dengan guru pembimbing sekolah untuk memberi bimbingan kepada guru pelatih B&K bersama-sama guru pembimbing sekolah untuk membuat rumusan prestasi praktikum pelajar menggunakan borang penilaian, dan
m. menilai proses praktikum guru pelatih B&K

Di sesebuah sekolah, salah satu perkhidmatan yang penting kepada semua pelajar adalah perkhidmatan B&K (Kanga, 2017). Ini kerana kaunselor atau guru B&K sekolah bertanggungjawab mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang sihat dan sesuai kepada semua pelajar di sekolah berkenaan (Kanga, 2017).

Oleh itu pembentukan yang sewajarnya kepada guru pelatih B&K dapat meningkatkan sikap profesionalisme mereka ketika mereka menjadi kaunselor yang bertauliah. Ini adalah disebabkan kaunselor adalah pihak pertama yang

University of Malaya

bertanggungjawab menghindari tekanan emosi dan akademik yang mungkin dihadapi oleh para pelajar sekolah (Mansor, 2012).

Mansor (2012) dan Nurinahafiza (2012) menegaskan bahawa kebelakangan ini masalah-masalah yang semakin rumit telah menular di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Masalah-masalah yang berlaku dapat dikategorikan seperti masalah akademik, kerjaya, fizikal, psikososial dan kerohanian (Mansor, 2012; Nurinahafiza, 2012). Hal ini telah menjadikan persekitaran sekolah menjadi semakin berkecamuk. Oleh itu, banyak kaedah telah diambil untuk membendung masalah yang berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah. Sebahagian daripada tindakan untuk mengurangkan masalah ini ialah melalui perkhidmatan
B&K. Sehubungan dengan itu, pada tahun 1996, KPM telah memperkenalkan jawatan guru B&K sepenuh masa di sekolah-sekolah menengah dan rendah seluruh negara.

Guru B&K dikatakan mempunyai kedudukan tersendiri kerana dari segi organisasinya ia bertanggungjawab sepenuhnya kepada pengetua atau guru besar (Pekeliling KPM, 1996). Para guru B&K tidak diberikan tugas mengajar mata pelajaran akademik sebaliknya dikehendaki memberi tumpuan sepenuhnya kepada aktiviti dan program pembangunan diri pelajar (KPM, 1996).

Kanga (2017) mengatakan yang guru B&K merupakan suatu jawatan unik dan tersendiri kerana mereka bekerja untuk memastikan perkembangan diri, memberi perkhidmatan bimbingan dan perkembangan kerjaya kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya. Untuk menjayakan pelaksanaan bidang perkhidmatan ini seseorang kaunselor harus bijak dan cekap dalam semua aspek. Oleh itu, seseorang kaunselor sekolah yang berkaliber dan profesional harus memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan integriti yang tinggi sepanjang perkhidmatan mereka.

University of Malaya

Senarai Tugas Guru B&K Sepenuh Masa Di Malaysia

Tengku Elmi Azlina Tengku Muda dan Noriah Mohd Ishak (2014) menyatakan bahawa kebanyakan sekolah di bawah KPM samada sekolah rendah atau menengah memiliki lebih daripada seorang guru B&K atau lebih dikenali sebagai kaunselor di unit B&K tersebut. Guru B&K atau kaunselor adalah dilantik oleh pihak kementerian supaya dapat membantu pihak sekolah untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah samada dari aspek akademik mahupun sahsiah pelajar.

Menurut Tengku Elmi Azlina Tengku Muda dan Noriah Mohd Ishak (2014), pembangunan pendidikan yang dijalankan pada tahun 2001 sehingga 2010 selama satu dekad telah membuka dimensi baru kepada perkhidmatan B&K di serata sekolah-sekolah di Malaysia. Ini disebabkan oleh wujudnya perjawatan Kaunselor Pelajar Sepenuh Masa atau Pegawai B&K Sepenuh Masa pada tahun 1996. Melalui sistem ini seorang Pegawai B&K Sepenuh Masa untuk setiap sekolah menengah telah ditetapkan. Dalam perkembangan berikutnya, menurut Tengku Elmi Azlina Tengku Muda dan Noriah Mohd Ishak (2014), seorang Pegawai B&K Sepenuh Masa telah ditetapkan bagi setiap 500 orang pelajar sekolah menengah manakala di sekolah rendah pula dengan kadar seorang Pegawai B&K Sepenuh Masa untuk 350 orang pelajar.

Seterusnya, bagi memudahkan lagi pengurusan perkhidmatan B&K , salah seorang daripada mereka akan dilantik sebagai ketua oleh pihak sekolah berdasarkan tempoh paling lama berkhidmat atau dikenali sebagai seniori di sekolah tersebut. Namun begitu, bagi sesetengah sekolah, perlantikan ketua guru B&K menggunakan sistem *turn-taking* atau giliran (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda & Noriah Mohd Ishak, 2014). Sistem ini membolehkan semua guru B&K menggalas tanggungjawab sebagai ketua dan seterusnya membina kepimpinan dalam diri masing-masing. Tetapi yang pastinya adalah, walau apapun cara perlantikan kesemua guru B&K tersebut, di mana para guru B&K tersebut dianggap sebagai *role model* oleh pihak

University of Malaya

sekolah. Disamping itu, para pengetua juga menaruh harapan yang tinggi agar perkhidmatan B&K yang diberikan oleh para kaunselor mampu memberi manfaat kepada semua warga sekolah (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda & Noriah Mohd Ishak, 2014).

Antara tugas-tugas guru B&K sepenuh masa di sekolah-sekolah di Malaysia adalah seperti yang disenaraikan dibawah ini. Berikut adalah dua puluh tugasan yang dikenalpasti:

a. Mengenalpasti keperluan perkhidmatan B&K sekolah melalui kajian keperluan, soal selidik, temu bual dan perbincangan dengan pelajar, guru, pentadbir, kakitangan sekolah, ibu bapa dan bekas pelajar.
b. Menyediakan rancangan tahunan program dan aktiviti perkhidmatan B&K di sekolah.
c. Merancang, melaksana dan mengawalselia sesi kaunseling individu dan kelompok, secara profesional dan beretika.
d. Merancang, mengelola dan melaksana aktiviti bimbingan individu dan kelompok serta tunjuk ajar (*instructional*) yang merangsang perkembangan pelajar secara optimum.
e. Merancang, menyedia dan menyebar maklumat B&K kepada semua pelajar melalui media yang sesuai.
f. Merancang, mentadbir, memeriksa, merekod, menganalisis, mentafsir dan melapor Pentaksiran Psikometrik berdasarkan arahan KPM dari semasa ke semasa.
g. Merancang, mengawalselia dan mengemaskini rekod dan inventori pelajar yang berkaitan dengan perkhidmatan B&K.

University of Malaya

h. Merancang, melaksana, mengawalselia serta menilai program dan aktiviti konsultasi dan rujukan, berhubung dengan Pembangunan dan Perkembangan Sahsiah Diri Pelajar.

i. Merancang, melaksana, mengawalselia serta menilai program dan aktiviti konsultasi dan rujukan, berhubung dengan Peningkatan Disiplin Diri Pelajar.

j. Merancang, melaksana, mengawalselia serta menilai program dan aktiviti konsultasi dan rujukan, berhubung dengan Pendidikan Kerjaya Pelajar.

k. Merancang, melaksana, mengawalselia serta menilai program dan aktiviti konsultasi dan rujukan, berhubung dengan Psikososial dan Kesejahteraan Mental pelajar.

l. Merancang, melaksana, mengawalselia serta menilai program, aktiviti dan konferens dengan ibu bapa, guru, staf sokongan serta agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam proses pendidikan dan perkembangan pelajar.

m. Membuat penilaian aktiviti, modul, instrumen, pendekatan dan sebagainya secara menyeluruh bagi meningkatkan mutu dan profesionalisme perkhidmatan B&K di sekolah.

n. Merancang, menyelaras dan menilai sumber serta bahan resos berkaitan perkhidmatan B&K di sekolah.

o. Setiausaha kepada Jawatankuasa Penyelaras Perkhidmatan B&K di sekolah.

p. Penggerak utama dalam program latihan bagi meningkatkan kefahaman tentang profesionalisme perkhidmatan B&K di sekolah.

q. Membuat rujukan atau memberi khidmat kaunseling kepada pelajar, guru, kakitangan serta sesiapa sahaja yang memerlukan, sekiranya berlaku krisis dalam kawasan sekolah.

University of Malaya

Pegawai perhubungan / seranta sekolah dengan agensi-agensi luar yang berkaitan. Menjalankan tugas di luar sekolah dalam bidang bimbingan dan kaunseling, sebagaimana diarahkan KPM, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Melaksana tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

Peranan Kaunselor Dalam B&K

Di dalam konsep B&K, adalah penting bagi setiap kaunselor untuk memahami dan juga menyampaikan pemahaman kepada setiap klien, bertingkah laku dan mempunyai pandangan yang positif terhadap individu dengan menghormati individu tersebut (Catherine, 2012).

Seorang kaunselor juga berperanan dalam menyelaraskan semua aktiviti bimbingan dengan jayanya. Oleh itu, ciri-ciri kelayakan seseorang kaunselor juga adalah sesuatu yang disifatkan penting bagi menangani segala keperluan untuk menggerakkan sesebuah unit perkhidmatan B&K. Hal ini disebabkan kaunselor lebih berperanan dalam menentukan arah perkhidmatan seumpama ini.

Sebagai kaunselor, semasa memberikan kaunseling, kaunselor perlu bersikap menerima, mencuba memahami klien iaitu pelajar, memahami apa yang klien sampaikan dan tidak bersikap mengadili. Oleh itu, dalam perkhidmatan B&K, seseorang kaunselor seharusnya perlu memahami keperluan dan masalah pelajar dan seterusnya kaunselor dapat membimbing pelajar-pelajar ini dengan penuh keprihatinan.

Mengikut Rasul et al. (2013), proses membimbing akan menjadi lebih berkesan jika kaunselor mempunyai tujuh kemahiran dalam memberi kefahaman kepada pelajar itu iaitu:

University of Malaya

a. kemahiran mendengar iaitu merangkumi memberi perhatian, memprafasa, menjelaskan dan memeriksa persepsi
b. kemahiran memimpin termasuklah memimpin secara tidak langsung, secara langsung, memberi focus dan menyoal
c. kemahiran refleksi merangkumi refleksi isi, refleksi perasaan, refleksi isi dan perasaan dan refleksi pengalaman
d. kemahiran merumus pula ialah merumuskan perasaan, isi dan proses
e. kemahiran mengkonfrantasi termasuklah konfrantasi dalam menghuraikan perasaan, menyatakan perasaan, memberi maklum balas, mengulang dan mengait
f. kemahiran mentafsir seperti menjelaskan, menyoal dan berfantasi
g. kemahiran memberi maklumat adalah seperti memberi nasihat, komen, cadangan dan saranan tentang sesuatu perkara.

Peranan Kaunselor di Sekolah Menengah

Kaunselor ialah satu jawatan khas di sekolah menengah iaitu . Kaunselor berperanan dan bertanggungjawab dalam usaha mengembangkan segala potensi yang ada pada seseorang pelajar itu di sekolah. Di sekolah menengah B&K merupakan satu tanggungjawab yang besar yang perlu dimainperanankan oleh seseorang kaunselor. Setiap rancangan pendidikan seharusnya beroperasi dengan andaian bahawa setiap pelajar mestilah berusaha untuk mencapai perkembangan peribadi yang maksimum. Perkhidmatan pendidikan mestilah mengiktiraf matlamat-matlamat peribadi setiap pelajar dan menolong mereka membuat rumusan dengan jelas dan realistik. Dalam usaha memenuhi hak-hak pelajar itu, mereka yang terlibat mungkin akan menghadapi beberapa masalah dan halangan. Perkhidmatan B&K yang

University of Malaya

merupakan aktiviti yang tersusun akan menolong pelajar meneliti, menilai dan memilih matlamat peribadi yang realistik serta memastikan mencapai matlamat yang mereka perlukan.

Guru bimbingan dan kaunseling juga berkebolehan melihat keperluan dalam sesuatu situasi yang khusus dan mempunyai misi yang jelas serta kuat yang menjadi panduan kepadanya mencapai matlamat dalam perkhidmatan yang diberikan. Mereka juga berkeupayaan mempengaruhi rakan seprofesion bagi melaksanakan kerja ke arah nilai dan matlamat yang tinggi. Guru B&K yang memiliki semangat profesionalisme yang tinggi membolehkan mereka mengaplikasikan kemahiran mereka ke arah pencapaian matlamat yang tinggi sekaligus mencapai tahap kepimpinan yang berkesan.

Perkidmatan kaunseling. Sebagai seorang kaunselor di sekolah menengah, mereka berperanan menyelaras semua aktiviti B&K dengan disokongbantu oleh aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Mengikut KPM yang dicatatkan dalam buku Panduan Perlaksanaan Khidmat B&K di Sekolah ada menggariskan beberapa prinsip. Antaranya, B&K adalah merupakan proses pendidikan, iaitu proses yang dirancang dan berterusan. Para pelajar didik mempelajari pengalaman, nilai, sikap dan tingkahlaku yang sesuai dengan masyarakat majmuk di Malaysia.

Perkhidmatan yang diberi kepada semua pelajar bagi mendapatkan peluang pertolongan khidmat bimbingan ini tanpa mengira bangsa dan agama. Mereka berhak mendapat pertolongan ini apabila mereka perlu terutama dalam masa-masa menuju proses perkembangannya. Mereka dilayan untuk perkembangan potensi dan kebolehannya supaya berkembang dengan kadar yang sepatutnya mengikut tahap-tahapdan perkembangannya.

Tugas seorang kaunselor ialah membantu para pelajar memahami dirinya, diri orang lain dengan mendalam dan menerokai tujuan hidupnya. Di samping menolong mereka memilih serta merancangkan hidup pelajar-pelajar dengan berkesan dengan

University of Malaya

berorientasikan masa depan dan masa kini. Oleh itu pelajar akan tegas diri, boleh menyesuaikan diri serta memahami implikasi tindak-tanduknya masa kini dan masa hadapan. Para pelajar diharap akan menyedari kelemahannya dan kemudian dibantu mengukuhkan kekuatan-kekuatan kendirinya melalui aktiviti pencegahan.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah menjadi tugas bersama terutama semasa melaksanakan program dan aktiviti bimbingan di sekolah. Para guru, pihak sekolah, ibu bapa, dan rakan-rakan sebaya patut berkerjasama. Ini adalah disebabkan oleh maklumat yang banyak perlu disebarkan kepada pelajar. Justeru itu kaunselor hendaklah mengenali diri pelajarnya dari memahami pelajar itu secara menyeluruh.

Beberapa perkara yang perlu dikaji sebagai persediaan awal saya menghadapi tugas sebagai kaunselor di sekolah menengah seperti populasi di sekolah, perkembangan sedia ada kaunseling di sekolah berkenaan, masalah-masalah terdapat di sekolah, apakah peranan yang boleh mainkan sebagai seorang kaunselor dan kesan kehadirannya sebagai kaunselor di sekolah tersebut.

Populasi. Dari segi populasi warga sekolah menengah biasanya terdiri antara 800 hingga 2000 orang pelajar. Bagi sekolah menengah gred A mempunyai pelajar lebih 1200 orang, 80 orang guru dan 10 orang kakitangan. Sementara sekolah menengah gred B pula pelajar dalam lingkungan 800 orang hingga 1200 orang, guru 40 orang dan staf 6 orang. Pelajar sekolah menengah terdiri dari pelajar yang meningkat remaja dari umur 13 hingga 19 tahun. Sekolah harian biasa atau asrama penuh biasa mempunyai pelajar perempuan dan lelaki. Sekolah campuran atau satu jantina sahaja mempunyai permasalahan tersendiri yang perlu diselesaikan oleh seseorang kaunselor. Ini merupakan cabaran kepada kaunselor kerana pelajar sekolah menengah ini merupakan pelajar remaja yang mengalami perubahan

University of Malaya

psikologi yang mendadak menuju alam kedewasaan. Pelbagai masalah wujud di kalangan pelajar, guru dan staff di sekolah menjadikan kaunselor perlu berperanan sebagai orang tengah dan pencipta keharmonian di sekolah.

Perlaksanaan B&K di Sekolah. Langkah awal kaunselor ialah mempastikan B&K telah berjalan di sekolah. Perlaksanaan B&K telah berjalan atau belum, kemudahan bilik kaunseling, guru-guru B&K, jawatankuasa B&K, pembimbing rakan sebaya dan tahap pengetahuan mengenai B&K di sekolah tersebut. Selalunya di sekolah menengah, B&K sedia wujud tetapi cuma pengurusan adakalanya tidak sempurna kerana ketiadaan kaunselor yang berkelayakan.

Mengenalpasti masalah-masalah yang wujud. Kaunselor juga harus mengkaji masalah-masalah yang terdapat di sekolah supaya program kaunseling yang diatur memberi manfaat kepada warga sekolah dan masyarakat sekitar. Perancangan sesuatu program merupakan satu proses menentukan keperluan penerima (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Noriah Mohd Ishak, Rorlinda Yusof, 2014). Di sekolah keutamaan hendaklah diberi kepada usaha-usaha memenuhi keperluan pelajar, disamping keperluan mereka yang mempunyai keperluan penting dalam masyarakat sekolah. Untuk itu kaunselor perlu mempunyai maklumat yang lengkap supaya program yang diatur benar-benar berkesan.

Pengumpulan maklumat. Penganalisisan maklumat perlu bagi penentuan jenis keperluan B&K di sekolah. Sumber maklumat seperti kad 001 (M), surat pekeliling pentadbiran dan polisi kerajaan, profil guru-guru, inventori kemudahan sekolah, bahan-bahan bacaan dan rujukan, pakar rujuk dan kejadian yang berlaku di kawasan persekitaran. Maklumat dikumpul secara pemerhatian, rujukan, tinjauan keperluan – meninjau pendapat Pengetua, guru, pakar-pakar perancangan pendidikan, ibu bapa dan pelajar

University of Malaya

Peranan. Peranan yang dimainkan sebagai seorang kaunselor mestilah berlandaskan pengetahuan B&K yang tepat supaya mampu menangani masalah di sekolah dan berjaya menghidupkan fungsi sebenar B&K di sekolah menengah. American School Counselor Association (ASCA) telah menggariskan tanggungjawab profesional kaunselor sekolah seperti berikut:

a. menolong pelajar untuk memahami dirinya dalam hubungannya dengan dunia sosial dan psikologi di tempat dia berada. Ini bermakna menolong pelajar untuk memahami sikap, minat, bakat, kebolehan, peluang-peluang untuk penyempurnaan kendiri dan hubungan-hubungan di antara yang tersebut di atas.
b. menolong pelajar untuk bertingkahlaku yang sesuai dengan bakat, minat, sikap, kebolehan dan peluang untuk penyempurnaan kendiri.
c. menolong pelajar mencapai keperluan untuk mengembangkan keupayaan membuat keputusan sendiri.
d. membantu semua kakitangan sekolah untuk memahami perlunya orang perseorangan dan memberi maklumat tambahan dan bantuan perundingan bertujuan untuk membantu supaya lebih memahami lagi tentang pelajar.
e. menentukan atau mempastikan pengaruh program sekolah ke atas pelajaran perkembangan psiko-sosial pelajar dan menyampaikan maklumat untuk kakitangan lain.
f. memberitahu kakitangan yang lain tentang perubahan-perubahan yang signifikan di sekolah yang memberi kesan dengan perkembangan program yang berkaitan.
g. membantu ibu bapa untuk memahami kemajuan pengembangan anaknya, keperluan-keperluannya dan peluang-peluang lain sekelilingnya; bertujuan

University of Malaya

untuk menambahkan kebolehan memberi sumbangan kepada perkembangan anak mereka sendiri.

h. membuat interpretasi kepada komuniti pentingnya hal bertimbang rasa untuk individu dan memberi sumbangan kepada program kaunseling sekolah.

i. membantu melancarkan di dalam masyarakat peluang-peluang lain yang perlu untuk perkembangan pelajar.

j. mengguna atau membantu melancarkan rekabentuk sumber-sumber masyarakat bagi memenuhi segala keperluan pelajar yang ekstrem atau yang tidak lazim serta luar tanggungjawab sekolah.

Rancangan. Antara rancangan-rancangan aktiviti yang boleh dilakukan sebagai seorang kaunselor di sekolah menengah ialah:

a. mengemaskinikan stuktur organisasi perkhidmatan B&K di sekolah. Dengan kerjasama pentadbir dan kemudahan kakitangan guru yang ramai di sekolah menengah, kaunselor menyusun struktur organisasi B&K seperti pelarasan tugas dan pengendalian program B&K di sekolah menengah di Malaysia.

b. menggerakkan semua tenaga di sekolah. Sebagai kaunselor di sekolah menengah mereka berperanan menggerakkan semua tenaga pentadbir, guru, kakitangan sekolah dan pelajar sendiri bagi menjayakan aktiviti B&K di sekolah. Aktiviti B&K dapat berjalan dengan lancar sekiranya kaunselor mendapat kerjasama yang baik dari semua pihak tersebut termasuk masyarakat luar sekolah dan ibu bapa. Jika pihak di atas tidak memahami peranan masing-masing adalah menjadi tanggungjawab kaunselor untuk menerangkan kepada mereka.

University of Malaya

Pengetua adalah kunci utama dalam menentukan berjaya atau gagalnya program B&K di sekolah. Pengetua bertanggungjawab memberi kepemimpinan yang berkesan; menyediakan kakitangan, peruntukan, kewangan dan kemudahan, menyokong guru-guru mewujudkan program bimbingan dan menggalakkan pelajar menggunanya, dan memberi maklumat kepada masyarakat tentang program ini melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Kerjasama kaunselor dan pengetua lebih menjelaskan kepada warga sekolah atau masyarakat fungsi B&K di sekolah.

Pembantu kaunselor. Pembantu kaunselor ialah guru terlatih yang telah menerima pendedahan kaunseling. Bantuan mereka adalah penting dalam melaksanakan program B&K di sekolah. Mereka dapat meringankan beban tugas kaunselor di sekolah menengah.

Mereka boleh melaksanakan tugas-tugas bagi membantu kaunselor seperti senarai di bawah:

a. membantu mengendalikan inventori individu dan rekod.
b. membantu dalam perkhidmatan memberi maklumat.
c. membantu dalam perkhidmatan bimbingan kelompok.
d. membantu dalam perkhidmatan kaunseling.
e. membantu dalam program perkhidmatan penempatan pelajar.
f. membantu program pencegah salah guna dadah.
g. membantu dalam perkhidmatan perundingan dan rujukan.
h. membantu dalam perkhidmatan penyelarasan resos.
i. membantu dalam perkhidmatan penilaian.
j. menjadi guru penasihat Kelab Bimbingan.
k. membuat tugasan lain seperti membuat pesanan dan membuat stok bahan-bahan bimbingan, membantu menghasilkan bahan-bahan bimbingan seperti

University of Malaya

poster-poster dan mengurus alat pandang dengar di bilik bimbingan jika ada.

Peranan guru-guru lain. Guru-guru lain di sekolah juga memainkan peranan penting dalam kegiatan bimbingan yang sebenar di dalam kelas. Mereka selalu berada dalam situasi yang membolehkan wujudnya hubungan yang erat dan mesra antara kaunselor dengan pelajar. Hubungan guru yang lebih mesra di dalam kelas membantu kaunselor menangani masalah pelajar dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

Peranan pembimbing rakan sebaya. Peranan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) penting berdasarkan andaian psikologi remaja bahawa anak-anak belasan tahun berpaling kepada kelompok sebaya untuk mendapat sokongan emosi. Sebagai kaunselor mereka perlu melibatkan pelajar yang dipilih diberi latihan untuk membantu menggerakkan perkembangan diri yang berkesan dan sistematik di kalangan rakan-rakan serta menolong mereka membina kemahiran menghadapi sebarang desakan. Pembimbing rakan sebaya bukan individu yang memberi nasihat dan menyelesaikan masalah orang lain. Dia adalah seorang pendengar yang peka dan menggunakan kemahiran-kemahiran berkomunikasi untuk menolong rakan mereka.

Perkhidmatan Sebaran. Perkhidmatan ini merupakan satu proses atau tindakan mengiklankan sesuatu barangan atau perkhidmatan. Tujuannya untuk membuat publisiti tentang barangan atau perkhidmatan tersebut dengan harapan supaya masyarakat menggunakannya. Proses atau tindakan ini boleh dilaksanakan melalui media bertulis, media elektronik dan secara lisan. Terdapat dua kaedah untuk

University of Malaya

melaksanakan perkhidmatan sebaran di sekolah-sekolah untuk tujuan memperkenalkan konsep B&K.

a. secara langsung atau bersemuka, melalui: ceramah, perhimpunan mingguan, mesyuarat guru, persatuan ibubapa dan guru (pibg), majlis bimbingan daerah, hubungan personal dengan ketua kelas, kelab B&K.
b. secara tidak langsung atau tidak bersemuka, melalui poster , risalah, pemeran, majalah sekolah, kad-kad perkhidmatan, penerbitan-penerbitan kelab atau persatuan, radio sekolah.

Program-program B&K yang terancang. Kaunselor juga bertanggungjawab menjalankan program-program B&K yang terancang seperti di bawah:

a. Bimbingan Perkembangan Personaliti- kaunselor berperanan menentukan agar pelajar menanam perasaan dan kepercayaan bahawa dirinya berkebolehan dan dihargai. Kaunselor juga bertanggungjawab menyebarkan maklumat tentang peningkatan perkembangan individu, dan maklumat untuk memahami tingkah laku remaja. Program atau kursus motivasi, kemahiran berkomunikasi dan perkembangan konsep kendiri juga perlu dianjurkan.
b. Bimbingan Perkembangan Kerjaya- kaunselor berperanan menyediakan pelajar dengan dunia pekerjaan. Kaunselor menyusun dan melaksanakan program-program seperti kursus kerjaya, lawatan kerjaya dan latihan temuduga untuk membolehkan palajar mempelajari hal-hal diri supaya pilihan bidang kerjaya yang sesuai dapat dibuat. Kaunselor bertanggungjawab mengumpul maklumat berkenaan kerjaya serta peluang-peluang pengajian tinggi dan latihan yang diperlukan.

University of Malaya

c. Bimbingan dan Perkembangan Pembelajaran- Pelajar diberi bimbingan untuk menjaga prestasi pencapaian akademiknya. Kaunselor berperanan memotivasikan pelajar-pelajar yang kurang yakin tentang kebolehan diri, yang sengaja menggagalkan diri dan yang telah berputus asa dengan pencapaian akademik mereka. Kaunselor juga berperanan dalam membimbing pelajar memperoleh kemahiran belajar, cara-cara mengawal tekanan, kemahiran mengurus masa dan teknik belajar berkesan dan menjawab peperiksaan. Khemah atau perkampungan akademik biasanya dibuat di luar sekolah untuk memberi persekitaran yang lain kepada pelajar dan bukan persekitaran sekolah yang mereka anggap membosankan.

d. Bimbingan Penyesuaian Diri- kaunselor berperanan memberi persediaan kepada pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan yang baru. Minggu Siratulrahim diperkenalkan kepada pelajar tingkatan satu selama seminggu dan Minggu Pengurusan kepada pelajar tingkatan empat. Tujuannya supaya pelajar dapat menyesuaikan diri dengan sekolah, persekitaran, budaya dan pelajaran-pelajaran baru.

e. Bimbingan Tingkah laku - kaunselor di sekolah menengah berperanan menyelesaikan masalah disiplin pelajar. Pihak disiplin sekolah akan merujuk pelajar yang melakukan kesalahan disiplin berulangkali kepada kaunselor untuk diselesaikan. Melalui kaunseling individu atau kelompok pelajar berkenaan diminta mengubah sikap mengikut peraturan sekolah.

f. Perkhidmatan Kaunseling- kaunselor memberi perkhidmatan B&K secara individu atau kelompok. Ini bertujuan untuk membolehkan pelajar memahami keadaan dan memperolehi keupayaan untuk bertindak mengatasi ketidakselesaanyang dialaminya.

University of Malaya

Selain itu juga perkhimatan kaunseling juga memberi perkhidmatan pakar runding kepada guru-guru yang sentiasa menghadapi isu-isu berkaitan dengan tingkahlaku pelajar, perhubungan pelajar dan hal-hal perkembangan personaliti pelajar-pelajar di sekolah.

Aktiviti-aktiviti/Program Tahunan. Terdapat empat objektif am dalam menjalankan program yang para kaunselor rancang. Yang pertamanya ialah memberi khidmat penyuburan dan pengkayaan yang meliputi semua aspek seperti bakat, kepimpinan, kemahiran, personaliti dan sebagainya. Objektif kedua pula ialah memberi khidmat pencegahan seperti salahlaku, tidak berdisiplin dan penyalahgunaan dadah. Objektif ketiga ialah pembaikan dan pemulihan seperti mengalami masalah peribadi, pelajaran dan sosial serta objektif terakhir ialah memberi khidmat kaunseling krisis.

Antara program-program yang dirancang ialah seperti:

a. Pendedahan Unit B&K- memberi penerangan secara ringkas peranan unit ini dan guru-guru yang terlibat. Tujuaannya ialag supaya pelajar mengenali dan pengetahuan peranan tersebut dan memblehkan mereka mendapat manfaatnya. Program ini dijalankan semasa Minggu Orientasi Tingkatan Satu. Ibu bapa juga akan diberi taklimat dalam program ini.
b. Program Didikan Kasih dan Mesra - pengisian program ini ialah dengan memberi ceramah agama, penerangan tentang akademik, pemainan dan kauseling dan permainan di padang. Ini memupuk hubungan yang baik di antara guru dan pelajar-pelajar di samping mengembangkan bakat pelajar.
c. Kaunseling Individu - menjalankan proses kaunseling kepada pelajar yang mempunyai masalah sama ada mereka datang sendiri ataupun yang dirujuk oleh guru lain. Masa program ini adalah berterusan sepanjang tahun.

University of Malaya

d. Kaunseling Kelompok - menjalankan proses kaunseling secara berkelompok kerana mempunyai masalah yang sama. Perkara yang umum dibincangkan ialah pemilihan aliran dan elektif, hubungan dengan rakan sebaya, masalah pelajaran dan sebagainya.

e. Minggu Kerjaya - mempamerkan maklumat mengenai kerjaya seperti, kelayakan, tempat latihan, prospek dan sebagainya. Faedahnya, pelajar mengetahui perkara yang seharusnya mereka lakukan untuk mencapai kerjaya yang diidamkan.

f. Kempen Sekolahku Rumahku - Memupuk semangat cintakan sekolah. Ini menggalakkan pelajar menjaga kebersihan, mengindahkan dengan dengan pokok-pokok bunga dan mural. di samping dapat mengurangkan sikap vandalisme seperti memecah meja dan kerusi, mencuri harta dan merosakkan pagar sekolah.

g. Kegiatan Seni Anti Dadah - Membuat persembahan kebudayaan yang bertemakan anti dadah. Contohnya ialah mengadakan pertandingan deklamasi sajak, boria, dikir barat, kuiz, pertandingan melukis poster dan lain-lain.

h. Menyimpan rekod - menyedia dan menyimpan rekod peribadi pelajar untuk kegunaan kaunselor, guru kelas dan pentadbir sekolah

i. Program Motivasi PMR dan SPM - program yang dijalankan untuk membantu pelajar menghadapi peperiksaan. Ini bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar akan kepentingan peperiksaan dan tindakan yang sewajarnya mereka ambil untuk menghadapi peperiksaan .

j. Bengkel Teknik Menjawab Soalan SPM - Mendedahkan kepada para pelajar teknik menjawab soalan peperiksaan dengan betul.

University of Malaya

k. Program Selepas PT3 - Menjalankan pelbagai pertandingan seperti sukan dan permainan, pertandingan syarahan, nasyid, kuiz, deklamasi sajak ceramah teknik dan vokasional, kesihatan, undang-undang jalanraya dan sebagainya.

Sebagai kaunselor seharusnya mengambilkira perkhimatan kaunseling merupakan satu perkhidmatan yang profesional, maka kaunselor haruslah mengikuti prinsip-prinsip dan etika tertentu semasa berurusan dengan klien, guru-guru dan pentadbir.

Kod Etika Kaunselor/Guru Bimbingan

Seseorang kaunselor yang bersikap profesional haruslah mempunyai kod etika profesionalismenya tersendiri. Ianya terdiri daripada:

a. seorang kaunselor, dalam menghormati martabat setiap klien memberi kepadanya taat setia. Guru bimbingan menerima tanggungjawab untuk menjaga perhubungannya yang rahsia dengan kliennya
b. seorang kaunselor akan menerima sesiapa sahaja yang datang untuk mendapat bantuan daripadanya. Namun begitu ianya sampai ke tahap membenarkan permintaan terhadap perkhidmatannya itu boleh mengurangkan kualiti perkhidmatannya.
c. seorang kaunselor secara aktif memperkembangkan konsep kaunseling sebagai kerjaya.
d. kaunselor patut mendapat kerjasama dan bantuan daripada kakitangan dan pentadbir lain untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling yang diperlukan oleh sekolah.

University of Malaya

e. jika perlu, kaunselor hendaklah merujuk klien kepada pihak yang sesuai. Jika ini dilakukan, kaunselor perlulah selalu membuat rujukan untuk mempastikan klien tersebut menerima kaunseling berterusan.

f. sebagai salah seorang kakitangan sekolah, kaunselor hendaklah menerima tanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain secara umum. Jika tugas tersebut mencampuri tugasnya sebagai kaunselor, kaunselor boleh menolak tugas itu dengan bijaksana.

g. seseorang kaunselor perlu untuk terus berkembang dari segi kerjayanya. Mereka hendaklah berusaha menambah pengetahuan mereka untuk membaiki lagi perhidmatannya.

h. kaunselor mencari dan mendapat pekerjaan berdasarkan kelayakan

i. kaunselor perlulah mengekal hubungan aktif dalam kumpulan atau kumpulan-kumpulan profesional yang lain.

j. kaunselor perlu melibatkan diri secara berterusan dalam penyelidikan untuk pertumbuhan peribadinya atau perkembangan kerjayanya.

k. kaunselor patut menilai kerja-kerjanya dari semasa ke semasa.

Cabaran yang dihadapi oleh Guru B&K

Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Noriah Mohd Ishak, Rorlinda Yusof (2014) menyatakan cabaran menangani permasalahan manusia yang pelbagai memerlukan guru B&K memiliki kemahiran khusus bagi meningkatkan kecekapan profesionalisme mereka. Di sekolah tanggungjawab guru bimbingan dan kaunseling bukan sahaja perlu memastikan kecemerlangan pelajar malah perlu mengambil tanggungjawab memelihara kesejahteraan keseluruhan warga sekolah.

University of Malaya

Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Noriah Mohd Ishak, Rorlinda Yusof (2014) juga menyatakan bahawa cabaran menjadi lebih tinggi apabila sesetengah guru B&K diberi amanah untuk menjawat jawatan sebagai ketua guru B&K. Jawatan sebagai ketua mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membentuk keharmonian dan sikap saling bekerjasama dalamkalangan rakan sejawat yang lain. Selain daripada mempunyai tanggungjawab untuk membentuk keharmonian di kalangan rakan sejawat, ketua guru bimbingan dan kaunseling juga perlu membentuk keharmonian perhubungan dengan pihak pentadbir, guru-guru dan juga pelajar.

Menyedari hakikat terhadap tugas dan tanggungjawab sebagai ketua guru B&K yang perlu dilaksanakan, mereka memerlukan kecerdasan emosi yang tinggi dalam menghadapi cabaran kerjaya. Goleman (1996) menyatakan pentingnya kecekapan kecerdasan emosi terhadap profesional kaunseling dan mendapati kecerdasan emosi dapat dikaitkan dengan prestasi kerja yang melibatkan kepercayaan dan keyakinan diri terhadap kemampuan melaksanakan tugas dalam pekerjaan.

Kajian berkaitan kecerdasan emosi kaunselor yang dijalankan oleh beberapa pengkaji telah mencadangkan supaya kaunselor membina kecekapan kecerdasan emosi yang tinggi bersesuaian dengan tekanan dalam persekitaran kerjaya (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda et al., 2014). Keberkesanan perkhidmatan kaunseling banyak bergantung kepada ciri personaliti yang ada pada guru B&K . Ciri-ciri kualiti guru guru B&K berkesan adalah seperti berikut- iaitu mempunyai pengetahuan dari segi:

a. tahap kecekapan menganalisa perasaan sendiri,
b. nilai dan keyakinan diri,
c. sifat penyabar dan penyayang,

University of Malaya

d. kesedaran interpersonal yang melibatkan pengalaman budaya,

e. kebolehan menjadi model yang berpengaruh,

f. mengutamakan orang lain,

g. fleksibel, dan

h. mempunyai perasaan belas dan empati

Keduanya ialah kecerdasan emosi sebagai kebolehan individu untuk mengenal pasti dan mengurus emosi sendiri serta memotivasikan diri dan mengenal pasti emosi orang lain serta menjalin hubungan mesra dengan mereka (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda et al., 2014). Satu set kompetensi atau kemahiran yang berasaskan emosi dan membolehkan seseorang mengurus kehidupan dengan baik. Kecerdasan ini melibatkan kebolehan:

a. menyelami emosi sendiri untuk mengetahui dan menilai keadaan diri,
b. menggunakan kecenderungan emosi tersebut untuk membimbing atau memudahkan pencapaian sesuatu matlamat,
c. menyedari perasaan, keperluan, kehendak, masalah atau kegusaran orang lain,
d. menyedari kepentingan nilai agama sebagai perintis kehidupan, dan
e. menggunakan pengalaman hidup (diri atau klien) sebagai panduan dalam menyelesaikan masalah (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda et al., 2014).

Tanggungjawab yang dipikul oleh guru B&K sekolah bukanlah sesuatu tugas yang mudah. Mereka menghadapi pelbagai masalah dalam pekerjaaan harian mereka di sekolah. Sebagai seorang kaunselor seharusnya mengambil tahu masalah-masalah yang mungkin dihadapi yang menghalang perlaksanaan B&K di sekolah menengah.

University of Malaya

Walaupun dipercayai guru yang dipertanggungjawabkan sebagai guru bimbingan atau kaunselor mampu menjalankan tugas dengan baik, tidaklah dapat dinafikan kaunselor akan menghadapi pelbagai rintangan dalam melaksanakan tugasnya. Oleh itu mengenalpasti masalah yang bakal dihadapi dapat membantu seseorang kaunselor menghadapi rintangan dengan mudah supaya segala perancangan yang dicadangkan dapat berjalan dengan lancar. Antara masalah yang dihadapi bagi menjalankan program kaunseling di sekolah menengah:

a. Proses perlantikan. Pada peringkat awal dahulu kuasa melantik guru bimbingan adalah di tangan pengetua sepenuhnya. Sekarang ini kaunselor adalah terdiri dari guru-guru terlatih dalam bidang kaunseling. Ia merupakan jawatan pangkat yang dibayar elaun. Namun demikian jawatan kaunselor sepenuh masa ini, tidak dapat dipenuhi di semua sekolah menengah. Jadi kaunselor terlantik atas budi bicara pengetua. Adakalanya terdapat guru yang tidak berminat dengan jawatan kaunselor dan menganggap ia sebagai satu bebanan. Ini menjadikan proses bimbingan dan kanseling tidak dapat berfungsi dengan baik. Manakala guru-guru bimbingan yang membantu kaunselor juga terdiri dari guru yang tidak terlatih untuk memainkan peranan sebagai kanselor. Jadi mereka menganggap ia merupakan beban tugas kepada mereka, menjadikan tugas yang sepatutnya membantu tidak dilakukan.

b. Guru Berpengalaman. Tengku Elmi Azlina Tengku Muda et al. (2014) menyatakan pengalaman mengajar harus diambil kira apabila seseorang guru itu hendak dilantik sebagai kaunselor. Lima tahun pengalaman mengajar merupakan satu cadangan yang baik, kecuali guru itu menunjukkan ciri-ciri personaliti yang istimewa dan mempunyai kualiti yang jelas boleh menjadi guru bimbingan yang baik. Masalahnya terdapat sekolah yang memberi tugas

University of Malaya

guru bimbingan yang membantu kaunselor adalah guru-guru baru. Jadi kaunselor agak bermasalah untuk melantik guru-guru pembantu menyelesaikan masalah pelajar.

c. Latihan Profesional. Latihan profesional yang berkaitan seperti latihan dalam bimbingan dan kaunseling, komunikasi atau psikologi adalah merupakan asas yang penting untuk memilih guru B&K. Ada antara pengetua yang percaya bahawa guru-guru yang berminat boleh dilantik dahulu, kemudian barulah diberi latihan (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda et al., 2014). Jadi guru bimbingan atau pembantu kaunselor sepatutnya mendapat latihan juga. Kaunselor hanya mampu memberi kursus dalaman, ini tidak mencukupi kepada guru-guru pembantu untuk bertindak memberi perkhidmatan kaunseling.

d. Umur Kaunselor. Ada berbagai-bagai pendapat tentang umur yang sesuai untuk menjadi kaunselor. Tengku Elmi Azlina Tengku Muda et al. (2014) mendapati pengetua sekolah bandar merasakan guru-guru muda dan cergas adalah lebih sesuai untuk menjadi kaunselor. Ini adalah kerana kurangnya jarak umur antara kaunselor dengan pelajar. Keadaan ini membolehkan kaunselor memahami pelajar dengan lebih baik dan mengurangkan jurang antara generasi. Hal ini akan lebih menimbulkan rasa empati, jika jarak umur jauh guru hilang rasa empati kerana rasa ketinggalan dengan dunia remaja ini.

e. Ada kajian yang lain pula menunjukkan pengetua sekolah menengah luar bandar pula merasakan guru dewasa adalah lebih baik dilantik menjadi kaunselor kerana ia dapat mengganti “bapa atau ibu” yang diprlukan oleh pelajar. Masalahnya pula akan menjadi penghalang bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masalah dengan ibu bapa mereka sendiri. Keadaan persamaan

University of Malaya

lingkungan umur antara kaunselor dengan ibu bapa menjadikan berlaku satu reaksi emosi pelajar seolah-olah terasa kaunselor sebagai ibu bapa yang sedang mereka tentang, timbulkan perasaan menolak kaunselor itu.

f. Etnik. Kumpulan etnik juga harus diambil kira. Banyak perkara yang berlaku dalam kumpulan etnik itu tidak difahami oleh kumpulan etnik yang lain. Oleh itu bagi sekolah-sekolah yang mempunyai pelbagai kaum/etnik, guru-guru pembantu kaunselor yang dilantik haruslah dari ketiga-tiga kumpulan etnik yang besar ini. Perbezaan etnik antara kaunselor dengan pelajar akan menimbulkan masalah perbezaan ruang rujuk yang akan menjejaskan kefahaman dan kurangnya rasa empati di kalangan kaunselor dan pelajar.

g. Jantina. Walaupun bagi kebanyakan pelajar, jantina guru jarang dipersoalkan. Tetapi, dalam budaya kita, faktor ini harus diambil kira juga. Contohnya, bagi pelajar perempuan terdapat perkara yang agak sulit yang hanya selesa dibincangkan dengan guru perempuan sahaja; begitu juga sebaliknya dengan pelajar lelaki.

h. Pelajar tidak mengunjungi kaunselor. Pelajar menganggap kaunselor seperti guru-guru lain. Pelajar sering menganggap guru sering mencari kesalahan atau orang yang perlu dihormati. Jadi mereka tidak mahu pergi ke bilik kaunseling atau berjumpa dengan kaunselor. Kaunselor semestinya mempunyai sikap yang mesra dengan pelajar dan sering mengambil peluang menjelaskan kepada pelajar semasa perhimpunan mingguan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh kaunselor. Kaunselor semestinya merancangkan supaya dirinya dan bilik kaunsleng suatu tempat yang mesra dan mudah bagi pelajar. Jika tidak pelajar tetap tidak melayani perkhimatan yang diberikan.

University of Malaya

i. Bilik B&K. Keberkesanan kaunseling bergantung juga pada keadaan dan tempat kaunseling itu dijalankan. Satu temuduga kaunseling tidak boleh dijalankan di bilik guru, di kantin, di bawah pokok ataupun di dalam kelas. Sesi ini mestilah diadakan di suatu tempat yang khas, walaupun tidak istimewa. Kaunselor mesti mempastikan terdapat satu bilik khas bagi menjalankan sesi temuduga supaya tugas sebagai kaunselor dapat berperanan sebagai guru bimbingan yang berkesan.

Jika masih tidak terdapat bilik B&K kaunselor perlu berbincang dengan pihak pentadbir sekolah bagi menyediakan bilik B&K di sekolah tersebut.

Tengku Elmi Azlina Tengku Muda et al. (2014) menyatakan ini adalah antara masalah yang dihadapi oleh kaunselor di sekolah menengah secara berterusan. Masalah lain seperti tempat, pengurusan B&K di sekolah tidak harus wujud jika kaunselor benar-benar memainkan peranannya di sekolah.

Peranan kaunselor di sekolah amatlah luas dan memerlukan kemahiran, masa dan dalam banyak keadaan, wang ringgit. Kaunselor akan dapat menjalankan tugas-tugas dengan berkesan jika diberi peluang untuk mengemukakan cadangan, peruntukan waktu dan sokongan dari seluruh kakitangan. Jika mereka diberi beban tugas yang lain, kemungkinan besar mereka tidak dapat menjalankan khidmat B&K di sekolah sebagaimana sepatutnya (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda et al., 2014).

Berlainan pula pendapat Tengku Elmi Azlina Tengku Muda danNoriah Mohd Ishak (2014) yang menyatakan bahawa kewujudan jawatan guru B&K memberikan manfaat dalam membantu pihak sekolah meningkatkan kecemerlangan sekolah dan pelajar. Guru B&K telah menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka dengan baik, namun demikian masih terdapat sebilangan tertentu guru B&K yang menghadapi masalah dalam melaksanakan khidmatnya. Berbagai usaha ke arah memperkasa kualiti

University of Malaya

profesionalisme kaunseling dipergiat dan dibincangkan dalam pelbagai seting (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda & Noriah Mohd Ishak, 2014).

Mengikut Tengku Elmi Azlina Tengku Muda danNoriah Mohd Ishak (2014), walaupun berbagai bentuk program peningkatan profesionalisme guru-guru B&K telah dilaksanakan oleh pihak KPM dan pihak-pihak berkaitan, namun masih kedengaran pandangan-pandangan negatif berhubung ketidakcekapan guru-guru B&K dalam menyediakan perkhidmatan secara berkesan. Sebahagian daripada guru B&K di sekolah menengah dan sebahagian besar guru guru B&K di sekolah rendah dilihat masih kurang jelas dalam memahami harapan sekolah, kabur tentang tugas dan peranan profesional, gagal melakukan anjakan minda semasa melaksanakan tugas dan aktiviti kaunseling, tidak berkeupayaan untuk mensejajarkan amalan kaunseling dengan budaya organisasi dan kadangkala gagal memberi penyelesaian secara efektif kepada masalah yang dihadapi oleh organisasi (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda & Noriah Mohd Ishak, 2014). Ketidakcekapan ini mempengaruhi persepsi warga sekolah terhadap kualiti kewibawaan guru-guru B&K.

Kajian Mohamad Hashim dan Sharifah Amnah (2006) menunjukkan aras keyakinan warga sekolah terhadap peranan guru B&K dalam menangani kes pelajar masih rendah. Aspek yang diberi penekanan menjurus kepada kualiti personaliti dan tahap integriti guru-guru B&K. Permasalahan yang dialami oleh guru B&K dan pandangan pihak sekolah ke atas personaliti dan kualiti perkhidmatan B&K yang diberikan menimbulkan persoalan apakah punca yang menyebabkan guru B&K tidak mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik dan memuaskan hati semua pihak.

Peranan Guru B&K Dalam Membimbing Pelajar Bermasalah di Sekolah

Peranan yang boleh dimainkan sebagai seorang kaunselor mestilah berlandaskan ilmu pengetahuan berkenaan B&K yang tepat supaya mampu

University of Malaya

menangani masalah di sekolah dan berjaya menghidupkan fungsi sebenar B&K di sekolah menengah. American School Counselor Association telah menggariskan tanggungjawab profesional kaunselor sekolah seperti berikut.

Pertamanya ialah menolong pelajar untuk memahami dirinya dalam hubungannya dengan dunia sosial dan psikologi di tempat dia berada.Ia juga membawa maksud seseorang kaunselor berperanan membantu pelajar agar pelajar mampu mengenali siapa dirinya yang sebenar serta dapat membuat hubungan yang bermakna dengan dunia sekelilngnya dari sudut sosialisasi dan psikologi di mana ia berada. Tugas kaunselor yang terpenting ialah membantu klien mencari dan memahami sikap, minat, bakat serta kebolehan yang ada pada diri klien untuk berkembang dengan baik,memahami serta peluang-peluang yang dimiliki oleh klien hasil daripada perbincangannya dengan kaunselor untuk proses ke arah mencapai kesempurnaan kendiri serta hubungan antara kesemua unsur yang telah dinyatakan semata-mata untuk mencari keseimbangan kendiri sebagaimana yang diingini selaras dengan tuntutan agama dan masyarakat.

Yang keduanya ialah menolong pelajar untuk bertingkahlaku yang sesuai dengan bakat,minat, sikap, kebolehan dan peluang untuk penyempurnaan kendiri. Kaunselor juga berperanan untuk membantu pelajar agar dapat membuat persediaan yang bersesuaian dengan minat dan bakat serta kebolehan yang dipunyai.Ini penting agar segala tidakan yang bakal dilakukan oleh pelajar adalah selaras dengan apa yang diingininya agar ia berpeluang untuk mencapai matlamat hidupnya miaitu ke arah penyempurnaan kendiri.Contoh: sekiranya di ambil dari sudut minat dan cita-cita seseorang pelajar yang inginkan dan mempunyai kecenderungan ke arah menjadi seorang saintis,maka kaunselor berperanan untuk memberikan panduan dan beberapa cadangan yang bersesuaian dengan minat dan memberikan panduan tentang mata

University of Malaya

pelajaran yang pentng yang wajib dikuasai oleh seseorang pelajar jika pelajar tersebut ingin mencapai cita-citanya. Maka, kaunselor harus berperanan untuk membantu dan membimbing pelajar ke arah penyempurnaan kendiri berdasarkan apa yang diingini oleh pelajar.

Seterusnya, menolong pelajar mencapai keperluan untuk mengembangkan keupayaan membuat keputusan sendiri. Dalam perkara ini,seseorang kaunselor perlu membimbing pelajar untuk mencapai ke arah berani berdikari dengan mengambil risiko dan sanggup bertanggungjawab terhadapa apa yang difikirkannya dan apa sahaja keputusan yang bakal diambilnya. Perkara ini akan menjadikan seseorang pelajar itu tidak akan teragak-agak dalam membuat keputusan yang peting dalam hidupnya sendiri.

Sementara itu, membantu semua kakitangan sekolah untuk memahami perlunya orang perseorangan dan memberi maklumat tambahan dan bantuan perundingan bertujuan untuk membantu supaya lebih memahami lagi tentang pelajar. Seseorang kaunselor berperanan membantu bukan sahaja pelajar tetapi melibatkan keseluruhan organisasi sekolah untuk mereka memahami akan keperluan terhadap keperluan persendirian dan hak-hak yang dipunyai oleh seseorang pelajar untuk dihormati.Ini merupakan suatu perkara penting agar pihak sekolah terutamanya pentadbir dan guru-guru serta kakitangan sekolah yang lain mengetahui bahawa para pelajar mempunyai hak untuk mendapat khidmat B&K daripada kaunselor sekiranya mereka ingin berbuat demikian dan juga kaunselor juga mempunyai hak untuk memanggil pelajar yang bermasalah untuk mendapatkan khidmat kepakaran kaunsleling.

Seterusnya ialah menentukan atau memastikan pengaruh program sekolah ke atas pelajaran perkembangan psikososial pelajar dan menyampaikan maklumat

untuk kakitangan lain. Kaunselor berperanan dan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap program sekolah yang dilaksanakan mendatangkan faedah yang besar kepada pelajar dari sudut perkembangan psikososial. Ini menunjukkan bahawa setiap program yang dijalankan perlukan penelitian yang bersungguh-sungguh daripada kaunselor bermula dari tahap perancangan hinggalah ke tahap perlaksanaan program. Penelitian ini tidak terhenti di sini sahaja malahan pemantauan terhadap perkembangan pelajar perlu diajalnakn dari semasa ke semasa bagi memastika para pelajar menadapat faedah daripada program yang telah dilaksanakan sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri atau kebangsaan.

Begitu juga dengan memberitahu pihak pentadbiran tentang perubahan-perubahan yang signifikan di sekolah yang memberi kesan dengan perkembangan program yang berkaitan. Selain memastikan dan menentukan perubahan pelajar berjaya kaunselor juga perlu melaporkan kepada pihak sekolah akan perkembangan yang diperolehi hasil daripada program yang telah dijalankan.Laporan ini perlu dimaklumkan terutamanya kepada pihak pentadbiran agar mereka maklum akan situasi pelajar di sekolah berkenaan.

Selain dari itu, membantu ibu bapa untuk memahami kemajuan perkembangan anaknya, keperluan-keperluannya dan peluang-peluang lain di persekitarannya dengan tujuan untuk menambahkan kebolehan, memberikan sumbangan kepada perkembangan anak mereka sendiri. Kaunselor berperanan besar untuk membantu ibu bapa untuk mereka mengetahui kemajuan perkembangan anaknya terutama dari segi sikap dan akademik, keperluan-keperluan yang diperlukan oleh anak-anak mereka untuk mencapai kejayaan yang bermakna serta membantu ibu bapa mendapatkan gambaran akan peluang-peluang yang bakal diperolehi sekiranya anak mereka berjaya kelak. Memahami kemajuan

University of Malaya

perkembangan anak, keperluan dan peluang perlu diperjelaskan kepada ibu bapa agar mereka tahu akan perihal anak mereka secara lebih dekat dan dengan ini mereka akan lebih berminat untuk membantu anak mereka untuk mencapai kejayaan yang cemerlang sama ada dari segi kejayaan dalam peperiksaan atau perubahan sikap .

Begitu juga dengan membuat interpretasi kepada komuniti pentingnya hal bertimbang rasa untuk individu dan memberi sumbangan kepada program kaunseling sekolah. Kaunselor perlu membuat interpretasi terutama kepada komuniti perihal pentingnya sikap bertimbang rasa untuk inividu agar ia dapat memberikan sumbangan kepada program kaunseling yang dijalankan di sekolah. Dalam hal ini, komuniti perlu dimaklumkan bahawa sikap bertimbang rasa yang wujud dalam diri individu merupakan perkara terpenting untuk merealisasikan dan memberikan sumbangan kepada kaunsleing di sekolah.

Tugas seterusnya ialah membantu melancarkan di dalam masyarakat peluang-peluang lain yang perlu untuk perkembangan pelajar. Seseorang kaunselor perlu memperjelaskan kepada masyarakat berkenaan peluang-peluang yang perlu diperolehi oleh seseorang pelajar. Ia juga berperanan untuk melancarkan peluang-peluang yang perlu dimilik oleh pelajar untuk mereka mencapai kejayaan yang cemerlang. Karnival kerjaya, karnival sains dan pelbagai lagi karnival anjuran pihak luar seharusnya dijadikan tempat untuk pelajar mendapatkan maklumat berkenaan minat dan kecenderungan masing-masing. Melalui karnival ini, para pelajar sebenarnya didedahkan secara tidak langsung berkenaan apa yang bakal mereka perolehi sekiranya mereka berjaya dalam pelajaran nanti. Selain daripada itu, program ajuran pihak luar ini pada kebiasaannya melibatkan umum,jadi kaunselor berperanan untuk mengumumkan bahan tersebut kepada para ibu bapa dan

masyarakat agar mereka faham dan seterusnya dapat membantu anak mereka untuk mencapai kejayaan.

Peranan kaunselor yang lain adalah untuk mengguna atau membantu melancarkan rekabentuk sumber-sumber masyarakat bagi memenuhi segala keperluan pelajar yang ekstrem atau yang tidak lazim serta luar tanggungjawab sekolah.

Begitu juga dengan mengadakan hubungan yang baik dengan semua pihak seperti Polis, Jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat LPPKN, Pejabat Agama Islam, Yayasan Pembangunan Keluarga dan lain-lain. Hubungan yang baik dengan agensi luar sebenarnya memudahkan lagi kaunselor utnuk mendapatkan maklumat berkenaan bukan sahaja peluang-peluang yang bakal diperolehi pelajar tetapi juga dapat menjaminkan para pelajar mendapatkan maklumat terkini berkenaan sesuatu agensi. Mendedahkan pelajar tentang peranan yang boleh dimainkan oleh sesuatu agensi membolehkan pelajar merebut peluang yang ditawarkan oleh sesuatu agensi tersebut. Perlu diingat,dengan mengadakan hubungan yang baik dengan pelbagai agensi akan memudahkan lagi tugas kaunselor kerana kauselor dan pihak sekolahtidak akan mampu untuk menangani segala permasalahan secara bersendrian.

Akhir sekali, kehadiran kaunselor di sekolah-sekolah dijangkakan dapat menangani masalah pelajar kerana mereka dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pelajar. Sebelum ini guru biasa ditugaskan sebagai kaunselor secara tidak langsung. Beban tugas mengajar tidak dapat memberi peluang kepada guru untuk memberi perhatian yang sewajarnya kepada pelajar yang bermasalah.

Justeru itu, kehadiran kaunselor di sekolah amat penting kerana selain daripada menyelesaikan setiap permasalahan pelajar malah beritndak membentuk

University of Malaya

generasi yang berketrampilan dalam apa jua bidang yang diceburi di samping mengenali hakikat diri mereka.

Peranan Kaunselor Dalam Mengendalikan Masalah Disiplin Pelajar

Masalah disiplin yang kian menjadi-jadi dewasa ini, pihak kementerian pendidikan tidak berdiam diri malah telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk mengatasinya. Antaranya program penting telah diambil ialah mewajibkan tiap-tiap buah sekolah mengadakan unit kaunseling untuk membantu pelajar yang bermasalah. Ketika menteri Pendidikan pada 1996 iaitu Dato' Seri Najib Tun Razak, beliau telah mengarahkan agar kementerian pendidikan bertindak agar tiap-tiap buah sekolah di Malaysia ditempatkan sekurang-kurangnya dua orang kaunselor sepenuh masa bagi menangani masalah pelajar tidak hanya dari sudut akademik malah termasuk masalah peribadi pelajar.

Kaunselor perlu prihatin dan peka terhadap setiap masalah pelajar (Catherine, 2012).

Dasar kerajaan meletakkan guru bimbingan dan kaunseling sebagai guru B&K sepenuh masa membuktikan bahawa kerajaan menaruh harapan yang tinggi kepada institusi persekolahan amnya dan unit B&K di sekolah khususnya agar memainkan peranan yang besar terutama dalam menangani kegawatan sosial yang begitu ketara dewasa ini. Justeru itulah, guru B&K berkewajipan untuk melaksanakan hasrat ini dengan penuh rasa bertanggungjawab (Nurinahafiza Mansor, 2012). Dengan ini juga membuktikan bahawa peranan guru B&K sebagai struktur sokongan sekolah tidak boleh diabaikan.

Antara peranan yang boleh dimainkan ialah Guru B&K atau Kaunselor ialah seseorang kaunselor perlu mengadakan sesi kaunseling dengan sebaik mungkin

University of Malaya

semata-mata untuk membantu pelajar menangani masalah yang dihadapi. Ini penting kerana dengan membantu pelajar mengurangkan masalahnya maka pelajar tersebut akan menjadi lebih stabil terutama dari segi emosinya. Apabila kestabilan emosi wujud maka tingkahlaku yang sepatutnya akan dapat dilihat (Nurinahafiza Mansor, 2012).

Sebagai seorang kaunselor sepenuh masa ,maka ia berperanan penting dalam mengadakan sesi B&K dengan para pelajar yang menghadapai masalah. Di dalam sesi tersebut seseorang kaunselor itu akan membincangkan keperluan pelajar dari pelbagai segi seperti kemahiran sosial,kemahiran menyelesaikan masalah,kemahiran membuat keputusan dan pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh pelajar (Nurinahafiza Mansor, 2012).

Nurinahafiza Mansor (2012) berpendapat sesi B&K tidak seharusnya dihadkan kepada pelajar sahaja kerana ia meliputi keseluruhan sistem persekolahan. Ini juga bermakna klien yang diterima bukan sekadar pelajar tetapi ia juga merangkumi keseluruhan warga sekolah termasuk juga guru-guru dan staf sokongan sekolah selain daripada ibu bapa. Untuk itu, seseorang kaunselor perlu peka akan sebarang permasalahan yang timbul adakah ia berpunca daripada pelajar sendiri atau pun dari punca yang lain. Sekiranya ada guru atau kakitangan sekolah yang memerlukan khidmat kaunsleing maka kaunselor perlau menerima dan berusaha membantu menyelesaikan masalah klien tersebut. Ini amat penting kerana permasalahan yang wujud di kalangan guru-guru atau kakitangan sekolah sedikit sebayak akan mempengaruhi iklim pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah. Permasalahan ini jika tidak diselesaikan akan menyebabkan pelajar menjadi mangsa guru. Apabila pelajar menjadi mangsa ,maka akan wujud perasaan tidak puas hati di kalangan pelajar terhadap guru yang seterusnya akan mewujudkan kekecohan dalam

sistem persekolahan tersebut. Maka atas dasar inilah ,maka kaunselor harus berperanan membantu guru-guru dan kakitangan sekolah untuk memnyelesaikan permasalahan diri mereka terlebih dahulu (Catherine, 2012).

Kaunselor perlu mengadakan pelbagai program untuk memenuhi masa ruang para pelajar terutama pada waktu cuti penggal dan setelah tamat peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan Tiga (PT3), Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Perekolahan Malaysia (STPM). Perkara ini amat penting kerana pada kebiasannya para pelajar yang agak lemah tidak mempunyai apa-apa program. Mereka lebih suka merayau dan melepak bersama rakan-rakan dan dari situ akan timbul gejala-gejala negatif di kalangan mereka. Justeru itu,kaunselor harus memainkan peranan dalam mengisi ruang masa yang wujud di kalangan pelajar dengan mengadakan pelbagai program seperti perkhemahan, kem motivasi ,bengkel-bengkel dan lain-lain yang difikirkan perlu.Ini penting agar masa yang terluang di kalangan pelajar tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya mengikut nilai-nilai yang diterima oleh agama dan masyarakatnya.

Faktor-Faktor Mempengaruhi Keinginan Pelajar Mendapatkan Perkhidmatan B&K 3 Sekolah

Nurinahafiza (2012) berpendapat bahawa Unit B&K adalah untuk memberi khidmat kaunseling kepada pelajar yang memerlukan bimbingan, panduan, pertolongan pada setiap masa, membantu dan membimbing palajar menyelesaikan masalah peribadi, emosi, pelajaran, keluarga dan aspek-aspek lain. Selain itu dengan penubuhan unit B&K juga dapat membimbing pelajar dalam melengkapkan diri dalam memilih kerjaya yang betul. Selain itu, unit ini juga berfungsi sebagai proses penemuan interaksi bersemuka antara kaunselor dengan pelajar yang mengakibatkan

University of Malaya

berlakunya perubahan pada pelajar. Apa yang penting semua masalah yang dihadapi seharusnya perlu mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan supaya perkhidmatan kaunseling dan kerjaya ini dapat dijalankan dengan sempurna (Nurinahafiza, 2012).

Keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah juga akan dapat mewujudkan pelajar yang seimbang, berjiwa besar dan waja, berwawasan dan berketrampilan (Nurinahafiza, 2012). Usaha-usaha ini dijalankan agar dapat membina pelajar untuk terus maju ke arah kehidupan yang bermakna bagi kesejahteraan diri, masyarakat dan negara. Ia juga perlu dilaksanakan dengan secara seimbang dalam semua bidang terutamanya bidang akademik.

Dapatan kajian oleh ramai pengkaji seperti Kanga (2017), Bilgin (2016), Tiego dan Kamore (2015) , Rasul et al. (2013) dan Nurinahafiza (2012) secara amnya menunjukkan bahawa keinginan pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dipengaruhi oleh beberapa faktor. Contohnya, pelajar di luar negara seperti Scotland dan Ireland Utara mengutamakan lokasi perkhidmatan dalam sekolah berbanding di luar sekolah. Ini adalah kerana sistem kaunseling di sekolah yang dapat menyesuaikan perkhidmatan kaunseling dengan keperluan pelajar di kawasan berisiko tinggi akibat keganasan dan konflik sosial yang berlaku di kawasan tempat tinggal mereka.

Keduanya, kajian para pengkaji mendapati ada dua sebab utama yang diberikan oleh remaja tentang kaunseling di sekolah iaitu mereka menganggap bahawa kaunselor adalah seorang asing (terutamanya bagi pelajar lelaki) dan rasa bimbang dengan stigma sosial terhadap pelajar yang yang menerima kaunseling (Kanga, 2017; Bilgin, 2016; Tiego & Kamore, 2015; Rasul et al., 2013 &Nurinahafiza, 2012). Oleh itu, para pengkaji-pengkaji ini berpendapat bahawa

pandangan daripada pihak remaja sebagai klien perlu diberi perhatian bagi meningkatkan keberkesanan kaunseling sekolah serta usaha menghilangkan stigma buruk terhadap kaunseling dengan memberi maklumat yang jelas tentang kepentingan perkhidmatan ini.

Selain itu, kajian mendapati bahawa pelajar menyatakan keutamaan untuk bercakap dan berkongsi kebimbangan dengan seseorang yang bukan guru, dan seseorang yang tidak akan dijumpai di dalam bilik darjah kemudian hari. Guru juga menyedari kekangan kemampuan mereka dari aspek masa dan kepakaran untuk membantu pelajar atau remaja di dalam kelas (Nurinahafiza, 2012). Oleh itu, guru-guru sepatutnya diberi pendedahan dan dorongan untuk merujuk pelajar bermasalah kepada unit kaunseling supaya para pelajar sekolah lebih berpeluang mendapatkan perkhidmatan kaunseling di sekolah.

Ketiga, satu pertiga daripada remaja yang memerlukan kesihatan mental tidak meminta bantuan atau pertolongan walaupun terdesak. Ini bermaksud mereka tidak mendapat sebarang rawatan sehingga mereka mengalami masalah yang teruk atau tahap kritikal. Terdapat pelbagai alasan atau sebab mereka tidak meminta bantuan. Ini termasuklah pertama- stigma, iaitu benar-benar sangsi dengan apa yang ditawarkan oleh bantuan tersebut; kedua tidak mengetahui dimana perlu mendapatkan bantuan dan juga kerana tidak tahu bagaimana untuk mengaksesnya.

Kajian Kanga (2017), Bilgin (2016), Tiego dan Kamore (2015) , Rasul et al. (2013) dan Nurinahafiza (2012) menunjukkan bahawa satu perkara yang mencegah remaja meminta bantuan adalah apabila mereka berasa bahawa orang yang mereka rujuk tidak memahami remaja, maka adalah penting kaunselor menyedari bahawa mereka hanya mampu berjumpa remaja terlibat apabila mereka berasa paling mudah dan menyenangkan (Catherine, 2012).

University of Malaya

Oleh itu, negara luar seperti Britain, iaitu kaunselor dari Cambridge, memberi remaja banyak pilihan supaya mereka hadir mendapatkan rawatan. Kebanyakan klien memilih mendapatkan rawatan di 14-19 buah klinik di kota Cambridge iaitu di bilik rawatan doktor (*general practitioner*). Manakala sedikit sahaja yang memilih untuk mendapatkan rawatan di rumah atau sekolah, biasanya kerana mereka tidak mahu ibu bapa atau rakan sekolah mengetahui bahawa mereka sedang berjumpa ahli terapi. Namun, sepasukan kaunselor Cambridge ini sanggup berjumpa klien di tempat-tempat awam dan *private* seperti Starbucks bagi sesi pengenalan atau sesi yang kurang mendalam *(low intensitysessions*). Ada juga kaunselor yang berkomunikasi dengan klien remaja melalui mesej teks dan telefon bimbit (Catherine, 2012).

Mengikut Rasul et al. (2013) dan Nurinahafiza (2012), usaha membolehkan pelajar atau remaja ini melibatkan diri secara aktif dalam mengakses bantuan menjadikan satu keperluan untuk berfikiran secara imiginatif berkenaan bagaimana untuk melibatkan mereka di dalam proses awal dengan cara yang pada asasnya menarik mereka kepada bantuan profesional yang mereka lihat sesuai untuk mereka. Pelbagai jenis *ruang* di sekolah di mana hak pelajar boleh diberi perhatian. *Ruang* ini dijelaskan sebagai *birokratik* iaitu ruang yang dikawal oleh sistem persekolahan) dan *etika* iaitu ruang-ruang yang kurang struktur, menyukarkan tindakan mereka dan menyukarkan fungsi etika terhadap mereka). Konsep *ruang* di sekolah adalah membenarkan pelajardan remaja menggunakan hak mereka dengan pelbagai cara dengan meneroka dan berbincang berkaitan perasaan mereka di kawasan yang berbeza berbanding struktur kelas yang lebih formal, dan menggalakkan profesional supaya berfikir terhadap penglibatan aktif pelajaruntuk mendapatkan bantuan atau *help-seeking* (Spratt et al., 2010).

University of Malaya

Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan B&K

Perkhidmatan B&K amat diperlukan oleh setiap pelajar kerana mereka tidak terlepas dari menghadapi pelbagai permasalahan samada berkaitan dengan masalah peribadi mahupun masalah akademik. Namun demikian, pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat juga perlu memandang serius mengenalpasti keberkesanan perkhidmatan tersebut supaya ianya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dalam menangani masalah pelajar khusunya bermasalah disiplin.

Pelbagai usaha mengenalpasti berhubung persepsi atau pandangan pelajar terhadap perkhidmatan B&K khususnya mengadakan penyelidikan atau kajian. Menurut Mansur Abu Talib (2004), sebahagian besar pelajar tidak menggunakan perkhidmatan B&K dengan sepenuhnya. Didapati 98.1 peratus daripada pelajar-pelajar tidak pernah mendengar tentang perkhidmatn B&K, 95.2 peratus tidak mengenali guru B&K, 99.3 peratus tidak tahu kedudukan bilik kaunseling dan akbatnya tidak pernah ke bilik bimbingan kaunseling. Rakan-rakan lebih popular untuk dijadikan tempat mencurahkan masalah berbanding mendapatkan perkhidmatan B&K.

Kajian pada abad ke-20 mengenai sikap pelajar terhadap peranan kaunselor dan perkhidmatan B&K dalam negara ini telah banyak dilakukan. Di antara kajian yang telah dilakukan ialah kajian Ng Lay Hoon (1979), Ang Huan Bing (1985), dan Zulkifley Hamid (1986). Kajian Ang Huan Bing (1985) ke atas 144 pelajar tingkatan 4,5,6 Atas dan 10 guru terhadap fungsi perkhidmatan B&K mendapati 65% klien menganggap peranan perkhidmatan B&K amat penting, mana kala 25% tidak pasti dan 10% tidak bersetuju dengan kewujudan perkhidmatan ini.

Sementara itu kajian Nordin Mohd. Nor (1986) ke atas tanggapan 140 pelajar terhadap peranan utama kaunseling dalam menghadapi disiplin sekolah ke atas

University of Malaya

tujuh buah sekolah di bandar Seremban mendapati majoriti klien (95.72%) bersikap positif terhadap peranan perkhidmatan kaunseling dalam mendisiplinkan diri mereka.

Kajian tentang penilaian 170 pelajar tingkatan empat aliran sains, teknik dan sastera terhadap aktiviti B&K sekolah menengah telah dijalankan oleh Fatimah (1999). Kajian bertujuan mengkaji persepsi pelajar terhadap pelaksanaan aktiviti B&K di sekolah menengah. Aktiviti-aktiviti yang dikaji ialah pemilihan mata pelajaran, kemahiran belajarm penyebaran maklumat dan kemahiran menyelesaikan masalah. Penilaian terhadap persepsi pelajar ini dilihat dari sudut sudut keperluan aktiviti, kekerapan aktiviti dijalankan, sejauhmana aktiviti membantu memenuhi keperlan pelajar, tahap kepuasan terhadap aktiviti dan cukup atau tidaknya aktiviti.

Kajian Norhayati (1997) juga mendapati pelajar yang telah mengikuti sesi kaunseling atau bimbingan telah memperlihatkan perubahan yang positif ke atas tingkah laku mereka. Perubahan yang ketara ialah mereka yang pendiam menjadi peramah dan dapat bertindak balas dengan cepat jika ditegur oleh guru di dalam bilik darjah. Bahkan mereka lebih seronok dan ingin terlibat lagi dengan sesi kaunseling individu, kelompok, bengkel-bengkel yang dijalankan, sedia menawarkan diri sebagai PRS.

Ini menunjukkan bahawa pemahaman dan kepercayaan terhadap unit meningkat dan pelajar bersedia bila-bila masa mengikuti program yang diadakan oleh Unit B&K. Mereka dapat meningkatkan kemahiran sosial dengan bersedia untuk bersefahaman, berbincang, berinteraksi dengan rakan-rakan atau individu lain.

Manakala kajian Mohd. Noh Murli (2001) pada abad ke 21 pula menunjukkan bahawa sikap positif sebahagian besar pelajar terhadap unit ini disebabkan kepercayaan pelajar (komponen kognitif) bahawa perkhidmatan ini baik dan mendatangkan faedah kepada mereka. Kepercayaan mereka tentang kebaikan

University of Malaya

perkhidmatan ini akan menyebabkan mereka mempunyai perasaan (afektif) yang suka pada perkhidmatan ini dan mempunyai kecenderungan untuk bertingkah laku positif (komponen tingkah laku) terhadap program-program yang berkaitan dengan kaunseling.

Dapatan kajian Rosenburg dan Halloran (dalam Mohd. Noh Murli, 2001) yang mengkaji tentang sikap pelajar terhadap peranan perkhidmatan B&K menunjukkan nilai skor sikap setiap pelajar adalah lebih tinggi dari nilai penengah iaitu 100. Hanya 11 pelajar iaitu 12.5% sahaja yang mempunyai skor sikap yang kurang dari 100. Ini bermakna 87.5% pelajar menunjukkan sikap positif terhadap pekhidmatan ini. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap perkhidmatan B&K. Hasil kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Form (1953), Arbuckle (1970), Johnson (1977), Mohd. Seni Hussin (1981), Ismail Mat Nasir (1983), Ang Huat Bin (1985), Mohamed Soder Radmad (1985), Zulkifley Hamid (1986) dan Sallehuddin (1991).

Menurut Sidek (2002), terhadap perkhidmatan kaunseling mendapati bahawa 96.6 % responden pernah mendengar tentang perkhidmatan kaunseling dan 92.7 % responden pula tahu peranan pekhidmatan tersebut. Namun begitu menurut beliau, hanya 32.4% sahaja benar-benar pernah menggunakan perkhidmatan kaunseling tersebut.

Hasil kajian Norhana Othman (2004) mendapati bahawa keperluan pelajar adalah tinggi terhadap keempat-empat aspek iaitu penerangan atau maklumat berkaitan pemilihan mata pelajaran, kemahiran belajar penyebaran maklumat pendidikan dan kerjaya, dan kemahiran mengahadapi masalah. Kesemua keperluan yang dinyatakanitu tidak dapt dirumuskan sebagai bidang perkembangan kerjaya, bidang perkemabangan akademmik dan bidang perkembangan diri dan sosial.

University of Malaya

Kajian tentang sikap pelajar perkhidmatan B&K (Zulkifli 2000) dan kajian ekspektasi pelajar terhadap kaunseling (Lai Kuen Choo, 1996) . Dalam kajian oleh Lai Kuen Choo (1996) , didapati bahawa pelajar keseluruhannya, mempunyai jangkaan positif terhadap B&K. 93 % menyatakan pengalaman mengikuti kaunseling memuaskan, walaupun pada umumnya tidak memahami apa sebenarnya kaunseling. Kajian Zulkifli Husain (2000) pula mendapati bahawa secara keseluruhannya pelaja mempunyai sikap positif terhadap unit B&K di sekolah mereka. Mereka juga faham dan memberikan komitmen yang amat baik terhadap aktiviti yang dijalankan oleh unit ini.

Keberkesanan perkhidmatan ini bukan hanya terletak di bahu guru B&K atau kaunselor sahaja, tetapi dari pihak sekolah dan ibu bapa juga perlu untuk memberikan sokongan padu terhadap perkhimatan ini.

Bidang Tugas Dan Tanggungjawab Guru B&K

Jadual 2.3 menunjukkan bidang tugas dan tanggungjawab guru B&K di sekolah-sekolah sebagaimana diarahkan KPM(Unit Pembangunan Kemanusiaan Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang, 2015).

University of Malaya

Jadual 2.3
Bidang tugas dan tanggungjawab guru B&K

BIL	FOKUS	BIDANG	INPUT	CADANGAN KAEDAH
1	PEMBANGUNAN & PERKEMBANGAN SAHSIAH DIRI PELAJAR	Pembangunan Diri Keibubapaan Bimbingan Akademik	Kemahiran Komunikasi Perkembangan Individu Perkembangan Remaja Masa Kini & Akan Datang Kemahiran Penyelesaian Masalah Kepimpinan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) Kemahiran Sosial Pengurusan Diri Kemahiran Pemilihan Aktiviti Keutamaan Kemahiran Belajar Pengumpulan Maklumat Belajar	Bimbingan Kelompok Bimbingan Individu Kaunseling Kelompok Kaunseling Individu Latihan Dalam Kumpulan Bengkel Ceramah Seminar Taklimat Kolokium Tutor Sebaya Mentor-Mentee Amalan Guru Penyayang
2	PENINGKATAN DISIPLIN DIRI PELAJAR	Psikososial & Kesejahteraan Mental Pembangunan Diri Pendidikan Pencegahan Dadah/ Rokok/ Inhalan/ HIV/AIDS Keibubapaan	Kemahiran Pengurusan Masa Kemahiran Sosial Pengurusan Diri Kemahiran Komunikasi Kemahiran Tegas Diri / Asertif Pengurusan Tekanan Kemahiran Membuat Keputusan Penyebaran Maklumat Kemahiran Analisis Kritikal Penghargaan Kendiri	Bimbingan Kelompok Bimbingan Individu Kaunseling Kelompok Kaunseling Individu Lawatan ke rumah Ceramah Forum Seminar Tayangan Video Pameran Kolokium Tutor Sebaya Mentor-Mentee Amalan Guru Penyayang
3	PENDIDIKAN KERJAYA PELAJAR	Kerjaya Bimbingan Akademik	Inventori Minat Kerjaya (IMK) Inventori Tret Personaliti (ITP) Inventori Nilai Pemilihan Mata Pelajaran Elektif Pengumpulan Maklumat Kerjaya Pendedahan Maklumat Kerjaya dan Peluang Latihan Kerjaya Penyebaran Maklumat Bengkel Penempatan IPTA / ILKA	Psikometrik Bimbingan Kelompok Bimbingan Individu Bimbingan Kerjaya merentasi Kurikulum dan kokurikulum Lawatan Ceramah Forum Seminar Tayangan Video Bengkel E-Profil

University of Malaya

Jadual 2.3 (Sambungan)
Bidang tugas dan tanggungjawab guru B&K

BIL	FOKUS	BIDANG	INPUT	CADANGAN KAEDAH
4	PSIKOSOSIAL & KESEJAHTERAAN PELAJAR	Psikososial & Kesejahteraan Mental Pendidikan Pencegahan Dadah/ Rokok/ Inhalan/ HIV/AIDS	Ujian Tret Personaliti (ITP) Inventori Personaliti Warna (IPW) Ujian Kecerdasan Pelbagai (IKP) Ujian Psikologi (Minda Sihat) Kemahiran Komunikasi Kemahiran Tegas Diri / Asertif Pengurusan Tekanan Kemahiran Membuat Keputusan Kemahiran Kerohanian Kemahiran Pengawalan Diri Kemahiran Aplikasi Kemahiran Sintesis Kemahiran Analisis Kritikal Perhargaan Kendiri Perkembangan Keremajaan Konsep Kendiri Program Orientasi Pendidikan Kekeluargaan Perkembangan Seksual	Bimbingan Kelompok Bimbingan Individu Latihan Dalam Kumpulan Bengkel Ceramah Seminar Taklimat Kolokium Tutor Sebaya Mentor-Mentee Kem Bina Insan Kaunseling Keluarga Tayangan Video Kuiz Pameran Bengkel Brosur Poster Perkongsian Program Jati Diri Amalan Guru Penyayang

University of Malaya

Panduan Rancangan Tahunan Unit B&K Sekolah Menengah

Jadual 2.4 seperti dibawah menunjukkan satu contoh rancangan tahunan unit B&K sekolahmenengah pada tahun 2015 disebuah sekolah di Pasir Gudang, Johor.

Jadual 2.4
Contoh Panduan Rancangan Tahunan Unit B&K Sekolah Menengah

Bulan	**Bidang**	**Pppm**	**Objektif**	**Program / aktiviti**	**Sasaran**	**Personalia**	**Status pelaksanaan**
Januari hingga November	Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	ANJAKAN 3 ANJAKAN 7 ANJAKAN 10 Aspirasi Sistem Perpaduan Kecekapan Aspirasi Pelajar Pengetahuan Kemahiran Berfikir Kemahiran Memimpin Kemahiran dwibahasa Etika kerohanian Identiti Nasional	*Membudayakan amalan penyayang dalam warga sekolah *Meningkatkan motivasi pelajar *Menggalakkan pelajar hadir ke sekolah *Menghargai kehadiran pelajar *Meningkatkan amalan gaya hidup sihat *Meningkatkan sahsiah dan disiplin pelajar	Pengurusan dan Pentadbiran Kaunseling / Bimbingan Individu Kaunseling / Bimbingan Kelompok Konsultasi Ibu Bapa / Guru / Agensi Kerajaan / NGO Modul Kelas Ganti Amalan Guru Penyayang Program Mentor Mentee Program Minda Sihat Pembangunan Sahsiah & Disiplin Pelajar Pembangunan Kerjaya Pelajar Pelaporan DWEN	Pelajar berfokus Pelajar berfokus Semua pelajar Semua pelajar Pelajar berfokus Semua pelajar	PK HEM GBK AJK PROGRAM SEMUA GURU GBK & Panitia Sivik Kewarganeg araan	Januari hingga November

Universiti Malaya

Pelan Tindakan Unit B&K Sekolah Menengah

Jadual 2.5 seperti dibawah ini menunjukkan satu contoh pelan tindakan unit B&K sekolahmenengah pada tahun 2015 disebuah sekolah di Pasir Gudang, Johor.

Jadual 2.5
Contoh Pelan Tindakan Unit B&K SekolahMenengah

PPPM	ASPIRASI SISTEM : KECEKAPAN : Sistem yang memaksimumkan keberhasilan pelajar mengikut peruntukan sedia ada ASPIRASI PELAJAR : Pengetahuan, kemahiran memimpin ,etika kerohanian dan identiti nasional ANJAKAN : Anjakan 3 :Melahirkan rakyat malaysia dengan penghayatan nilai Anjakan 5 :Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi di tempatkan setiap sekolah Anjakan 7 :Memanfaatkan *ICT* bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia
BIDANG / UNIT	UNIT B&K
OBJEKTIF	Melahirkan pemimpin muda bagi menggalas cabaran masa hadapan
STRATEGI	Kursus / kem kepimpinan / *team building*
MATLAMAT	Meningkatkan sahsiah dan nilai kendiri pelajar mengikut kehendak dan peraturan sekolah yang ditetapkan

Bil	**Aktiviti**	**Personalia**	**Kos/Sumber**	**Tempoh /Masa /Tarikh**	**Kpi**	**Output**	**Catatan**
1	Kursus Kepimpinan PRS	GBK	PCG Kaunseling	JANUARI	50 pelajar	100% peserta mendapat lencana bongsu PRS	
2	Kursus Kepimpinan Pengawas	GBK Guru Pengawas	PCG Kaunseling Kokurikulum	JANUARI	100 pelajar	100% peserta mendapat Watikah Pengawas	
3	Kursus Kepimpinan Pengawas Pusat Sumber	GBK Guru Pusat Sumber	PCG Kaunseling Kokurikulum	JANUARI	50 pelajar	100% peserta mendapat Watikah Pustakawan	
4	Kursus Kepimpinan Ketua Kelas	GBK PK HEM	PCG Kaunseling Kokurikulum	JANUARI	50 pelajar	100% peserta mendapat pendedahan kepimpinan	
5	Kursus Kepimpinan Kokurikulum	GBK Guru Ko-kurikulum	PCG Kaunseling Kokurikulum	JANUARI	100 pelajar	100% peserta mendapat pendedahan kepimpinan	

University of Malaya

Contoh Pelan Operasi Sekolah Menengah

Jadual 2.6 seperti dibawah ini menunjukkan satu contoh pelan operasi unit B&K sekolahmenengah pada tahun 2015 disebuah sekolah di Pasir Gudang, Johor.

Jadual 2.6
Contoh Pelan operasi unit B&K sekolahmenengah

PPPM	ASPIRASI SISTEM : KECEKAPAN : Sistem yang memaksimumkan keberhasilan pelajar mengikut peruntukan sedia ada ASPIRASI PELAJAR : Pengetahuan, kemahiran memimpin ,etika kerohanian dan identiti nasional ANJAKAN : Anjakan 3 :Melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai Anjakan 5 :Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi di tempatkan setiap sekolah Anjakan 7 :Memanfaatkan *ICT* meningkatkan kualiti pembelajaran diMalaysia
NAMA PROGRAM	Kursus Kepimpinan Pembimbing Rakan Sebaya
RASIONAL	Meningkatkan sahsiah dan nilai kendiri pelajar mengikut kehendak dan peraturan sekolah yang ditetapkan
OBJEKTIF PROGRAM	Melahirkan pemimpin muda bagi menggalas cabaran masa hadapan

Bil	**Huraian Aktiviti**	**Tarikh & Tempoh Masa Pelaksanaan**	**Kos Pelaksanaan**	**Penilaian Program**	**Tindakan Susulan**	**Lampiran Berkenaan**
1	Menyediakan kertas kerja program dan anggaran perbelanjaan program	Tiada	Kertas Konsep Program	1	Menyediakan kertas kerja program dan anggaran perbelanjaan program	Tiada
2	Membentuk jawatankuasa pengelola/program, melantik dan taklimat/mesyuarat ahli jawatankuasa.	Tiada	Minit Curai / Mesyuarat Program	2	Membentuk jawatankuasa pengelola/program, melantik dan taklimat/mesyuarat ahli jawatankuasa.	Tiada
3	Persediaan pelaksanaan program	Tiada	Senarai Peserta	3	Persediaan pelaksanaan program	Tiada
4	Pelaksanaan Proram	RM 500.00	PK HEM	Laporan Pemantauan	4	Pelaksanaan Program
5	*Post Mortem* Program	Tiada	Laporan *Post Mortem*	5	*Post Mortem* Program	Tiada

University of Malaya

Kerangka Teori

Kajian ini akan menggunakan teori model kontek, input, produk dan proses yang diubahsuai daripada Teori Model Context, Input, Process dan Product (CIPP) yang direka bentuk oleh Daniel L. Stufflebeam dan Anthony J. Shinkfield (1984), memfokuskan kepada penilaian berorientasikan pembaikan (improvement oriented evaluation) yang bertujuan untuk membuat keputusan (decision making) terhadap sesuatu kursus atau program pendidikan. Model CIPPini diasaskan sekitar tahun 60an. Pada asalnya ia bertujuan memenuhi keperluan penilaian yang berfokus pencapaian objektif. Stufflebeam (2000a) berpendapat penilaian sebenarnya adalah suatu proses mengumpul maklumat bertujuan membuat sesuatu keputusan. Di sini penilai-penilai akan mengumpul data, merancang, menganalisis, menyediakan maklumat untuk memutuskan tindakan alternatif dan akhirnya akan melaporkan dapatan mereka. Tambah beliau lagi, tindakan boleh dijalankan dalam mana-mana bahagian iaitu samada persekitaran (conteks), sumber (input), pelaksanaan (proses) ataupun dalam peringkat hasil (produk).

Model Context, Input, Product dan Process (CIPP) ini telah di adaptasikan daripada model teori yang direka oleh Stufflebeam dan Shinkfield (1984), di mana fokus pada penilaian berorientasikan penambah baikan. Tujuannya adalah untuk membuat suatu keputusan ke arah suatu kursus atau suatu program pendidikan.

Secara ringkasnya, melalui teori model CIPP, penilaian keberkesanan suatu kursus bermula dengan suatu agensi di mana mengoperasikan sistem kawalan (kursus atau program). Kemudian diikuti oleh penilaian dalam dimensi pertama iaitu penilaian konteks dengan meletakkan matlamat-matlamat kurikulum untuk dicapai. Yang keduanya adalah dimensi kedua, penilaian input yang berfokus ke atas menggunakan pelbagai strategi dan metod pengajaran dan pembelajaran sebagai

University of Malaya

kandungan kursus-kursus. Dimensi ketiga ialah penilaian proses yang fokus ke atas penilaian suatu proses implementasi dan masalah-masalah yang wujud yang boleh menggagalkan komponen-komponen program dalam bentuk konteks dan input. Akhirnya dimensi keempat ialah penilaian produk yang memberi fokus ke atas pencapaian out come sesuatu kursus atau program.

Stufflebeam (1981) menyatakan bahawa proses penilaian boleh juga diadakan selepas penilaian suatu produk kerana proses itu penting untuk mengesan masalah-masalah yang mana boleh menghalang kursus itu sama sekali termasuk dimensi-dimensi konteks, input dan produk. Dengan lain-lain perkataan, semakin banyak masalah yang wujud, maka semakin sukar untuk mencapai kejayaan suatu kursus.

Keputusan perlu dibuat dalam dimensi produk atau proses sama ada untuk menamtkan, menangguhkan, meneruskan atau mengubah kursus berkenaan. Pengubahan diperlukan untuk kursus itu, peniali-penilai diperlukan untuk memeriksa sebarang dimensi yang lemah untuk diselesaikan sehingga ke stesen pertama iaitu sistem operasi sepertimana yang ditunjukkan di gambar bawah.

University of Malaya



Rajah 2.2 Model CIPP

Petunjuk:

⟶ Proses dan pelaksanaan penilaian keberkesanan kursus/program yang bermatlamatkan membuat keputusan (decision making)

-------→ Proses pembaikan (improvement)

Teori model CIPP telah dirangka oleh Feinch (1984) dan dikembangkn oleh Cates. Manakala Robert Stake (1968) telah memasukkan elemen-elemen pendekatan responsif, seterusnya Michael Scriven (1996) menambahkan dua elemen penilaian iaitu formatif dan summatif, manakala Patton (1978) dan Cronbach (1980) memasukkan ciri-ciri penilaian dan pengukuran dalam teori model CIPP. Dengan itu

University of Malaya

teori model CIPP telah dibina dengan kombinasi beberapa ikon yang menguasai bidang keberkesanan penilaian program-program pendidikan di USA.

Teori model CIPP telah digunakan sebagai rangka kerja teori dalam kajian ini dan telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji bermula dari teori-teori klasik hingga implementasi model CIPP yang telah dikembangkan oleh pengkaji-pengkaji moden. Sumber-sumber telah dirujuk daripada Scriven (1966) di mana dimasukkan penilaian formatif dan summatif ke dalam teori model CIPP untuk melayakkan mana-mana program dimasukkan ke dalam peraturan kursus atau keberkesanan penilaian program. Stake (1967) telah menempatkan input dan outcome ke dalam produk untuk melihat keberkesanan pencapaian matlamat-matlamat dan objektifnya itu. Walaupun Daniel L. Stufflebeam (1968) dianggap sebagai pengasas teori CIPP, James Longest (1975), Potton (1978) dan Cronbach (1983) merupakan ikon-ikon yang bertanggungjawab memasukkan ciri-ciri dan ciri-ciri pengukuran ke dalam teori model CIPP. Manakala Cates (1985), Agnes, Gephart dan Clark (1989) telah meletakkan ciri-ciri penilaian formatif dan summatif ke dalam teori model CIPP. Worthen dan Sanders (1971) pula fokus ke atas membuat keputusan ke dalam teori model CIPP.

Pengkaji tempatan, Azizi Yahaya (2001) pula menyatakan bahawa matlamat terpenting penilaian ini ialah untuk mengkaitkan matlamat, konteks, input dan proses dengan hasil program. Beliau menambah lagi bahawa matlamat penilaian ini juga adalah untuk memberi tumpuan pada kesepadanan persekitaran dalam menolong pencapaian matlamat sesuatu program. Penilaian ini juga bertujuan untuk memperbaiki sesuatu program dan bukan sekadarmemberi bukti berhubung sesuatu kebenaran. Dengan ini kajian ini lebih bersifat exploratory research atau kajian berbentuk penerokaan (penjelajahan) dan pengembangan yang melibatkan

University of Malaya

memeriksa persoalan-persoalan, isu-isu atau topik-topik yang baru serta kurang diketahui umum. Cara kajiannya adalah dengan memeriksa setiap persoalan dan permasalahan yang berupa isu, konsep dan gagasan, kemudiannya dikembangkan menjadi sesuatu yang baru dengan harapan menemukan sesuatu dapatan yang berguna.

Muhd. Mansur Abdullah (1994) menyatakan bahawa perkhidmatan B&K itu harus dinilai keberkesanan dan kemajuannya. Beliau berpendapat bahawa tanpa mengira bagaimana canggihnya sesuatu program perkhidmatan itu, ia perlu dinilai secara kuantitatif dan sistematik. Menurut beliau lagi tanpa membuat penilaian ke atasnya, maka kemajuan dan keberkesanan sesuatu program itu tidak dapat dipastikan. Justeru itu penilaian amat penting bagi menentukan sama ada sesebuah perkhidmatan atau program itu perlu diperbaiki, ditolak atau diteruskan. Manakala Burck dan Petterson (1975) pula menyatakan bahawa untuk melihat keberkesanan sesuatu perkhidmatan B&K, ia haruslah dinilai. Menurut beliau lagi program perkhidmatan kemanusiaan dan kaunseling di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan agensi-agensi kelihatan memberi sedikit penekanan kepada penilaian yang sistematik dan bermakna.

Hadley& Mitchell (1995) dalam buku mereka yang bertajuk *Counseling Research and Program Evaluation – Edisi Ke 10* menyatakan bahawa model CIPP merupakan model yang paling sepadan dengan penilaian program dalam bidang kaunseling. Manakala penulis tempatan Muhd. Mansur Abdulah (1994) juga berpendapat sama di mana beliau menyatakan bahawa Penilaian CIPP merupakan suatu penilaian yang komprehensif dan kaedah ini boleh digunakan untuk melihat hubungan satu jenis penilaian dengan yang lain di dalam program perkhidmatan B&K di sekolah menengah.

University of Malaya

Manakala Stufflebeam (1971) berpendapat peranan utama penilaian adalah untuk membekalkan maklumat yang membolehkan para kaunselor memperbaiki dan menyempurnakan lagi sesutu program atau perkhidmatan itu. Sesebuah perkhidmatan B&K itu haruslah dinilai secara menyeluruh untuk melihat keberkesanan dan kemajuannya. Mahoney (1950), Dressel (1951), Riccio (1962), Metzler (1964) serta Roeber, Smith dan Ericson (1965) menegaskan bahawa kaunselor harus menilai keberkesanan programnya dan memberikan sebab kenapa mereka harus berbuat demikian.



Rajah 2.3 Model CIPP

Seperti yang digambarkan dalam Rajah 2.3, penilaian mengikut Model CIPP Stufflebeam (1968) ini memberi kebebasan kepada penilai sama ada mahu menilai keseluruhan program ataupun menilai satu-satu bahagian yang khusus semata-mata. Misalnya penilai boleh memilih untuk menilai dari aspek kontek sahaja ataupun input, atau proses mahupun aspek hasil semata-mata. Ini membuktikan penilai bukan sahaja bebas memilih mana-mana satu atau lebih penilaian tetapi penilai juga berpeluang menentukan mana-mana satu penilaian yang paling tepat dan penting yang terdapat di dalam Model CIPP ini (Muhd. Mansur Abdullah- 1994).

University of Malaya

Model penilaian CIPP pada asalnya dikembangkan untuk memberikan maklumat secara sistematik untuk membuat keputusan di mana ia merupakan suatu permintaan penilaian (Stufflebeam, 1968). Model CIPP mendefinisikan penilaian sebagai proses menggambarkan, memperolehi dan menyampaikan maklumat yang berfaedah untuk memutuskan alternatif-alternatif keputusan. Definisi ini mengandungi tiga maksud penting. Yang pertama, penilaian merupakan suatu proses yang sistematik dan berterusan; kedua, proses penilaian termasuk tiga langkah asas: penggambaran soalan-soalan yang perlu dijawab dan makluamt yang perlu diperolehi, memperolehi maklumat yang relevan dan memberikan maklumat kepada pembuat-pembuat keputusan untuk kegunaan mereka untuk membuat keputusan dan demikian menambah baikkan program-program yang sedang dijalankan dan ketiga penilaian membuat keputusan.

Oleh sebab penilaian perlu membuat keputusan, keputusan-keputusan yang diberikan itu perlu diketahui. 4 jenis keputusan yang ditentukan oleh Model CIPP ialah merancang keputusan, menentukan objektif, menstruktur keputusan, merancangkan tatacara untuk mencapai objektif. Keputusan-keputusan dalam melaksanakan pelan-pelan yang dipilih merupakan pengimplementasian keputusan-keputusan dan rangkai semula keputusan-keputusan untuk menentukan sama ada teruskan, menamtkan atau ubahsuai sesuatu projek. Keputusan jenis ini diberikan dalam 4 jenis penilaian. Penilaian konteks memberikan maklumat tentang keperluan, masalah dan peluang untuk mengnal pasti objektif, penilaian input pula memberikan maklumat tentang kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahan strategi alternatif untuk mencapai objektif yang diberikan itu. Penilaian proses memberikan maklumat berhubung kekuatan dan kelemahan suatu strategi semasa pengimplementasian di mana sama ada strategi itu atau pengimplementasiannya mungkin boleh

dipertingkatkan lagi. Penilaian produk memberikan maklumat untuk menentukan sama ada objektif-objektif sedang dicapai dan sama ada prosedur yang digunakan untuk mencapainya perlu diterusakan, diubahsuai atau ditamatkan. Pada asasnya Model CIPP ini menjawab 4 soalan: Apakah objektif-objektif yang perlu dicapai? Apakah prosedur-prosedur yang perlu diikuti? Adakah prosedur-prosedur berkenaan berjalan dengan sewajarnya? Adakah objektif-objektif sedang dicapai?

Manakala istilah akauntabiliti juga diberi penekanan dalam Model CIPP ini. Akauntabiliti diistilahkan sebagai kebolehan bertanggungjawab untuk tindakan-tindakan yang lepas dalam hubungan dengan keputusan-keputusan di mana mempercepatkan tindakan, kebijaksanaan keputusan berkenaan dan bagaimana luasnya pengimplementasiannya serta nilai hasilnya itu.

Dengan menggunakan definisi ini, tanggungjawab tadi untuk sesuatu program harus boleh menjawab soalan-soalan berhubung kedua-dua tujuan dan maksud program itu. Jawapan itu perlu boleh dipertahankan dengan maklumat saintifik dan teknologi terkini, ada set moral, sosial dan institutional yang eksplisit dan nilai-nilai individu dan menunjukkan data yang sesuai.

Ada soalan-soalan mengenai tujuan-tujuan seperti: Apakah objektif-objektif yang telah dipilih? Kenapa? Bagaimana cara personel-personel program mencapai objektif-objektif yang tekah dipilih? Bagaimana berkesannya objektif-objektif berkenaan dicapai?

Soalan-soalan berhubung maksud pula merujuk khususnya kepada pelan-pelan/rangka-rangka program. Apakah pelan/rangka yang dipilih? Adakah ia dipilih untuk tujuan-tujuan yang baik dan mencukupi? Apakah ia mungkin diimplementasikan? Apakah nilai kesan-kesan primari, sekondari dan tertiarinya?

University of Malaya

Rajah 5 di bawah, menunjukkan kerelevanan Model CIPP dengan akauntabiliti dalam penilaian. Keputusan-keputusan utama yang diberikan oleh Model CIPP diceritakan dalam barisan pertama matrix dan barisan kedua menunjukkan keperluan-keperluan akauntabiliti yang utama yang diberikan oleh setiap jenis penilaian.

Jadual 2.7
Kerelevanan Model CIPP dalam Membuat Keputusan dan Akauntabiliti

	Jenis-jenis Penilaian			
	Konteks	**Input**	**Proses**	**Produk**
MEMBUAT KEPUTUSAN	Objektif	Strategi Penyelesaian	Implementasi	Penamatan, Penerusan, Pengubahsuaian, Pemasangan (Installation)
MENGGUNAKAN AKAUNTABILITI	Rekod objektif-objektif dan dasar pemilihannya	Rekod strategi dan pelan/rangka yang dipilih dan sebab-sebab ianya dipilih	Rekod proses sebenar	Rekod pemerolehan dan dirangka semula keputusan-keputusan

Penilaian Konteks membantu dalam memilih objektif, memberikan suatu rekod berhubung objektif-objektif yang dipilih dan dasar-dasar pemilihan. Jenis akauntabiliti ini adalah dasar (fundamental). Bila mana orang luar termasuk dalam komuniti, wakil-wakil bantuan agensi-agensi dan penilai-penilai luaran mengemukakan soalan-soalan tentang objektif, pendidik perlu boleh mengenalpasti objektif mereka dan rational yang menyokong. Apakah objektif-objektifnya? Siapakah yang memilihnya? Kenapa? Apakah andaian-andaian yang mereka buat, terutama tentang keperluan-keperluan pelajar yang perlu diberikan? Adakah andaian-andaian berkenaan sesuai secara dalaman? Adakah ianya benar? Adakah ianya sah dari segi moral, sosial dan saintifik? Ini merupakan soalan-soalan kritikan

University of Malaya

yang mana pendidik-pendidik perlu bersedia untuk menjawab. Penilaian Konteks membantu dalam memilih objektif-objektif dan mempertahankannya.

Penilaian Input membantu dalam memilih suatu strategi secara prosedur untuk memperolehi objektif-objektif tertentu, memberikan suatu rekod strategi alternatif yang dipertimbangkan itu dan sebab memilih salah satunya itu? Apakah strategi yang dipertimbangkan? Yang mana satukah yang dipilih? Kenapa? Adatah ianya merupakan pendekatan yang paling diharapkan untuk mencapai objektif yang tertentu? Adakah pilihannya itu dikuatkuasakan oleh agen dana yang berpengaruh? Adakah ianya lebih baik daripada alternatif lain? Adatah ianya lebih murah? Apakah maklumat yang ada untuk menyusun alternatif? Adakah ianya mendedahkan keberkesanan? Adakah kos data diperolehi? Adakah menunjukkan kemungkinan pengimplementasian pelbagai strategi dalam sistem yang diubahsuai? Pendidik-pendidik perlu bersedia untuk menjawab soalan-soalan ini jika mereka tidak mahu dipersoalkan berhubung dakwaan perbelanjaan yang tidak bertanggungjawab.. Penilaian Input menyokong akauntabiliti jenis ini dengan merekodkan data di mana membandingkan prosedur strategi yang dipilih dengan persoalan-persoalan yang telah dipertimbangkan itu.

Penilaian Proses, membantu dalam mengimplementasikan pelan/rangka sesuatu projek, memberikan suatu rekod berhubung proses sebenar yang berlaku. Jika sesuatu prosedur tertentu tidak berjaya, disebabkan oleh pelan/rangka projek yang tidak diimplementasikan ataupun adakah pelan/rangka itu, walaupun diimplementasikan dengan betul, agak tidak memadai untuk mencapai objektif-objektifnya. Penilaian Proses diperlukan untuk mengesahkan sama ada eksperimen pernah diimplementasikan seperti yang dirangka. Yang terakhirnya, Penilaian Produk, melalui membandingkan pencapaian dengan objektifnya memberikan suatu

University of Malaya

rekod hasil dan keputusan tentang suatu prosedur berdasarkan pada maklumat hasil. Jika suatu prosedur diteruskan tahun demi tahun kerana ia mungkin pernah menunjukkan keberkesanan dalam mencapai objektif-objektifnya atau semata-mata ada yang berminat dalam prosedur yang masih berada dalam sistem dan ingin untuk meneruskan kegunaan prosedur. Ataupun adakah disebabkan oleh peruntukkan pusat yang banyak untuk prosedur, tidak responsif keberkesanannya. Manakala jika suatu prosedur itu ditamatkan, adatah ianya ditamatkan semata-mata kerana dana dari luar, atau disebabkan mungkin ianya tidak menghasilkan produk? Inilah merupakan antara soalan-soalan akauntabiliti yang penting yang menyokong Penilaian Produk.

Berdasarkan pada analisa Rajah 5, Model CIPP mempunyai kerelevanan untuk akauntabiliti. Rajah 6 pula selanjutnya menimbangkan kebolehan model CIPP dalam menemui keperluan-keperluan data yang digambarkan dalam konseptualisasi akauntabiliti yang dinyatakan di sini.

Jadual 2.8
Keperluan-keperluan Data Untuk AkauntabilitiYang Boleh Ditemui Oleh Model Penilaian CIPP

Keperluan-keperluan Data untuk Akauntabiliti	Jenis-jenis Penilaian			
	Konteks	Input	Proses	Produk
Apakah objektif-objektif yang dipilih?	/			
Kenapa?	/			
Adakah ianya ditiru?		/	/	
Adakah ianya telah dicapai?				/
Apakah pelan-pelan/rangka-rangka yang telah dipilih?		/		
Kenapa?	/	/		
Adakah ianya diimplementasiakan?			/	
Apakah hasil-hasil/kesan-kesannya?				/

University of Malaya

Jadual di atas merupakan suatu matrik yang terdiri daripada dua dimensi: 4 jenis penilaian dan keperluan data asas untuk akauntabiliti. Semakan tanda (/) dalam matrix yang menunjukkan keperluan-keperluan data asas yang ditemui oleh setiap jenis penilaian. Seperti yang ditunjukkan, semua keperluan-keperluan data khas ditemui oleh Model CIPP. Penilaian Konteks menunjukkan objektif yang dipilih, sebab dipilih dan sebab-sebab 'hubungan-matlamat' (goal-related) untuk pilihan pelan/rangka prosedur. Penilaian Input menunjukkan sama ada objektif yang dinyatakan itu adalah yang secara aktifnya menyusul, apakah pelan/rangka tertentu yang dipilih dan kenapakah ianya dipilih berbanding alternatif lain. Selanjutnya Penilaian Proses memastikan sama ada objektif yang dinyatakan itu sebenarnya menyusul dan sama ada spesifikasi prosedur itu sebenarnya diimplementasikan. Penilaian Produk pula menunjukkan sama ada objektif-objektif telah dicapai dan apakah kesan-kesan utama dan sampingan diperolehi dari pengimplementasian suatu projek.

Analisa yang dipertahankan itu menunjukkan bahawa Model CIPP memberikan suatu rangka kerja yang berkesan untuk membuat keputusan dan keperluan akauntabiliti. Dua pendapat utama yang perlu diberi tumpuan berhubung pengimplementasian Model CIPP ialah yang pertama, kedua-dua penilaian dalaman dan luaran adalah diperlukan. Penilaian dalaman secara sistematiknya menyokong membuat keputusan dan memberikan data asas untuk akauntabiliti. Manakala penilaian luaran kadang-kadang membawa orang luar ke dalam untuk bertanya soalan-soalan penting dan membuat penaksiran-penaksiran objektif. Pada umumnya orang-orang luar memberikan suatu penilaian yang bebas dan sumatif berhubung matlamat sistem, pelan/rangka, prosedur dan keputusan. Penilaian-penilaian luar pula memerlukan data yang lebih di mana yang terbaik diperolehi oleh kumpulan

University of Malaya

penilaian dalaman. Begitu juga dengan kredibiliti penilai dalaman ditinggikan bila orang luar membuktikan kecukupann data penilaian dalaman. Kebergantungan penilaian dalaman dan luaran diperlukan supaya keduanya diimplementasikan oleh suatu institusi.

Pendapat kedua berhubung pengimplementasian Model CIPP adalah bahawa di mana perlu wujud suatu perhubungan cybernatik antara penilaian dan semua peringkat membuat keputusan dalam sistem. Penilai-penilai perlu memberikan keputusan dan merekod data akauntabiliti pada semua peringkat sistem dan maklumat yang diberikan itu tidak boleh disaring dan ditapis melalui suatu peringkat birokratik tertentu. Perhubungan antara penilaian dan membuat keputusan boleh menambahkan keterbukaan dan responsibiliti seluruh sistem, sementara kedua-dua penilaian membantu dan bertanggungjawab kepada keputusan-keputusan untuk semua peringkat.

Tambahannya pula analisis yang mendahului juga menyokong pendapat bahawa Model Penilaian CIPP membantu kedua-dua sokongan iaitu sokongan proaktif untuk membuat keputusan dan sokongan retroaktif untuk akauntabiliti. Pengimplementasian yang wajar dalam model ini akan menghasilkan perubahan signifiken terhadap seluruh maklumat dalam suatu lingkungan yang luas untuk membuat keputusan dan menentukan akauntabiliti.

Kerangka Konsep

Muhd. Mansur Abdullah (1994) menyatakan bahawa perkhidmatan B&K dalam pendidikan telah dimajukan sejak tiga dekad lalu dan berkembang dalam sektor-sektor awam dan swasta di negeri ini tetapi sehingga kini kajian yang komprehensif dan integrated tentang keberkesanan perkhidmatan ini belum

University of Malaya

dijalankan lagi. Tambah beliau lagi ada kaedah penilaian yang menyentuh kesemua aspek dan dianggap sebagai penilaian yang benar-benar komprehensif, iaitu menggunakan model CIPP (Context, Input, Process dan Product), Stufflebeam (1984) di mana boleh dijalankan melalui pendekatan diskerit atau secara kombinasi kesemua bentuk penilaian. Menurut beliau lagi kaedah ini boleh digunakan untuk melihat hubungan satu jenis penilaian dengan yang lain di dalam program perkhidmatan B&K di sekolah menengah.

Ternyata guru-guru B&K sudah terlatih dan mahir dalam menjalankan tugas mereka tetapi tanpa membuat penilaian ke atas perkhidmatan mereka, maka kemajuan dan keberkesanan program itu tidak dapat dipastikan. Kini sudah sampailah masanya untuk menilai keberkesanan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah. Inilah yang mendorong kajian ini menilai perkhidmatan B&K dengan mengadaptasikan model Context, Input, Process dan Product yang dikembangkan oleh Stufflebeam (1984). Huruf awalan setiap jenis penilaian iaitu Context, Input, Process dan Product digunakan untuk membentuk akronim CIPP di mana terkenal sebagai model CIPP Stufflebeam. Suatu rajah mewakili kerangka konsep kajian ditunjukkan seperti dalam Rajah 2.4

University of Malaya



Rajah 2.4 Kerangka Konsep Kajian Model CIPP (D.L. Stufflebeamet.al., 1971; Muhd Amin Zakaria, 2008*)*

Petunjuk:

→ Proses dan pelaksanaan penilaian keberkesanan kursus/program yang bermatlamatkan membuat keputusan (decision making)

——— Proses pembaikan (improvement)

Secara ringkasnya, melalui teori model CIPP, penilaian keberkesanan suatu kursus bermula dengan suatu agensi di mana mengoperasikan sistem kawalan (kursus atau program). Sistem ini bertanggungjawab ke atas penilaian dalam dimensi pertama iaitu penilaian konteks dengan meletakkan matlamat-matlamat

University of Malaya

kurikulum untuk dicapai. Yang keduanya adalah dimensi kedua, penilaian input yang berfokus ke atas menggunakan pelbagai strategi dan metod pengajaran dan pembelajaran sebagai kandungan kursus-kursus. Dimensi ketiga ialah penilaian proses yang fokus ke atas penilaian suatu proses implementasi dan masalah-masalah yang wujud yang boleh menggagalkan komponen-komponen program dalam bentuk konteks dan input. Akhirnya dimensi keempat ialah penilaian produk yang memberi fokus ke atas pencapaian out come- sesuatu kursus atau program.

Nadler (1983 dalam Kamaruzaman 2012) menggambarkan sesuatu model itu sebagai sebatang jalan raya di mana akan menolong seseorang pemandu itu supaya tidak hilang arah serta tidak sesat.Ibrahim (2001) juga menyokong pendapat di atas di mana beliau menyatakan bahawa model adalah suatu simbol yang mencerminkan keadaan sebenar secara ringkas tetapi komprehensif. Di dalam kajian ini model penilaian CIPP, Stufflebeam (1986) telah digunakan sebagai kerangka untuk membimbing penyelidik dalam menjalankan kajian ke atas pelaksanaan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah. Model ini mengandungi empat dimensi iaitu konteks, input, produk dan proses.

Dimensi konteks bergerak berlandaskan sistem kawalan iaitu KPM yang merangka Falsafah Pendidikan Negara (FPN) serta matlamat dan objektif perkhidmatan B&K yang perlu ditafsirkan dalam dimensi berkenaan. Tambahannya pula isi kandungan/sukatan program B&K yang dirangka oleh sistem kawalan dan diikuti oleh guru-guru bimbingan dan kaunseling itu diterjemahkan melalui sikap dan keyakinan dalam menjalankan perkhidmatan ini juga dinilai dalam dimensi ini. Masalah yang dihadapi semasa menjalankan perkhidmtan ini juga dinilai bersama dalam dimensi ini.

University of Malaya

Dimensi input pula menterjemahkan sumber-sumber yang ada dalam menjayakan perkhidmatan ini.Sumber-sumber berkenaan ialah pengetahuan dan kemahiran yang digunakan oleh guru B&K dalam menjayakan perkhidmatan ini, sokongan pengetua sebagai pentadbir, pengurusan kewangan iaitu peruntukkan kaunseling, kemudahan bilik kaunseling dan bahan-bahan sokongan, tahap kelayakan yang dimiliki dan kurus dalam perkhidmtan atau latihan dalam perkhidmatan (LADAP) yang diikuti dinilai bersama.

Dimensi proses pula mengupas tentang pendekatan yang digunakan dalam menjalankan perkhidmatan serta peranan dan fungsi seorang guru bimbingan dan kaunseling dalam menjayakan perkhidmatan ini dengan menggunakan input-input yang dibincangkan di atas.

Manakala dimensi produk/hasil pula memberi fokus ke atas keluaran yang diperolehi selepas berlakunya proses pelaksanaan perkhidmatan. Dalam dimensi ini dapat dilihat keputusan perkhidmatan yang diperolehi melalui penilaian tentang pelaksanaan dimensi konteks, input dan proses.

Stufflebeam (1981) menyatakan bahawa proses penilaian boleh juga diadakan selepas penilaian suatu produk kerana proses itu penting untuk mengesan masalah-masalah, di mana boleh menghalang kursus itu sama sekali termasuk dimensi-dimensi konteks, input dan produk. Dengan lain-lain perkataan, semakin banyak masalah yang wujud, maka semakin sukar untuk mencapai kejayaan suatu kursus.

Keputusan perlu dibuat dalam dimensi produk atau proses sama ada untuk menamatkan, menangguhkan, meneruskan atau membuat pengubahsuaikan kursus berkenaan. Jika diperlukan pengubahsuaian untuk kursus itu, peniali-penilai perlu untuk memeriksa sebarang dimensi yang lemah untuk diselesaikan sehingga ke stesen pertama iaitu sistem operasi.

University of Malaya

Rasional Pemilihan Model Penilaian Stufflebeam (Model CIPP)

Kamaruzaman Moidunny (2013) berpendapat bahawa salah satu aspek yang sukar dalam proses penilaian adalah untuk menentukan model penilaian yang paling sesuai yang patut digunakan. Hal ini juga dipersetujui oleh Rorlinda (2009), Nurinhafiza Mansor (2012) dan Tengku Elmi Azlina Tengku Muda & Noriah Mohd Ishak (2014). Kamaruzaman Moidunny (2013) bersetuju dengan Suchman (1967) bahawa model penilaian yang paling baik adalah model yang bersesuaian dengan kehendak penilai. Ini adalah kerana tidak ada satu pun model penilaian yang benar-benar sesuai untuk setiap program latihan yang ingin dinilai. Pendapat ini disokong oleh Nurinhafiza Mansor (2012) yang bersetuju dengan Patton (1990) yang menyatakan bahawa tiada satu model penilaian yang paling lengkap dan mutlak dalam sesuatu penilaian. Manakala Norasmah (2002) pula mengatakan bahawa setiap pakar penilai perlu melihat kepada tujuan, reka bentuk, ciri-ciri kesesuaian, kajian lepas, kekuatan dan kelemahan sebelum memilih model penilaian yang paling sesuai. Manakala, Tomlinson (2004) menyatakan bahawa bagi menilai program latihan, adalah penting untuk mendapatkan maklumat secara komprehensif dan tepat daripada perspektif individu yang berbeza. Bagi tujuan menilai latihan juga, adalah penting untuk mengukur respon, pembelajaran, kesan terhadap pencapaian kerja dan kesan terhadap pencapaian organisasi.

Kajian ini telah menggunakan teori model Konteks, Input, Proses dan Produk (CIPP) yang direka bentuk oleh Stufflebeam Shinkfield (1984), ia memfokuskan kepada penilaiaan berorientasikan pembaikan (*improvement oriented evaluation*)yang bertujuan untuk membuat keputusan (*decision making*) terhadap sesuatu kursus atau program pendidikan.

Menurut Azizi Yahaya (1999), tujuan utama mengesan keberkesanan menggunakan model CIPP adalah untuk:

University of Malaya

a. Mengaitkan matlamat konteks,input dan proses dengan hasil program.
b. Menentukan kesesuaian persekitran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program.
c. Memperbaiki sesuatu program dan bukan menjurus untuk membuktikan akan sesuatu kebenaran.
d. Memperbaiki perjalanan sesuatu pogram.
e. Menekankan keberkesanan dan pengawalan kualiti sesuatu program yang sedang berjalan.

Stufflebeam (2000a) menyatakan bahawa Model CIPP ini dapat menolong penilai-penilai menghayati dan seterusnya menilai mutu dan taraf sesuatu program atau perkhidmatan. Tambahannya pula model ini menggunakan beberapa panduan yang memudahkan penilaian. Seterusnya penilaian dijalankan secara menyeluruh di mana melibatkan konteks, input, proses dan produk.

Daniel Stufflebeam mengembangkan model CIPP pada hujung 1960an. Model berkenaan merupakan suatu alternatif kepada pandangan-pandangan berhubung penilaian yang lazim terdapat pada ketika itu. Model-model yang digunakan adalah berorientasikan kepada objektif dan menguji eksperimen. Suatu lagi kenyataan yang dibuat pada masa itu berhubung penilaian program adalah untuk menentukan adakah matlamat penilaian itu untuk memberikan bukti akauntabiliti atau untuk menilai bukti kewujudan program. Pendekatan CIPP-KIPP (Konteks, Input, Proses, Produk) Stufflebeam adalah berdasarkan pandangan bahawa kegunaan paling penting penilaian adalah bukannya untuk membuktikan tetapi untuk penambahbaikan (not to prove but to improve). Model ini melihat penilaian sebagai suatu instrumen di mana adalah untuk membantu supaya program-program dapat

University of Malaya

dijalankan dengan lebih baik untuk orang-orang yang berniat untuk memberi khidmat. Pandangan ini selaras dengan yang dibentangkan oleh Patton (1978) dan Cronbach (1980). Penggunaan Model CIPP ini bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan.

Secara ringkasnya melalui teori model CIPP, keberkesanan penilaian suatu kursus bermula dengan suatu agensi di mana mengoperasikan system kawalan (kursus atau program) dan seterusnya diikuti oleh penilaian dalam dimensi pertama iaitu penilaian konteks di mana menentukan matlamat-matlamat kurikulum untuk dicapai. Seterusnya dimensi kedua adalah input di mana kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran sebagai kandungan kursus. Dimensi ketiga adalah penilaian tentang proses di mana fokus ke atas penilaian implementasi proses dan masalah yang wujud yang boleh menggagalkan program dalam bentuk konteks dan input. Terakhirnya adalah dimensi keempat iaitu penilaian produk di mana focus ke atas pencapaian outcomes (hasil) sesuatu kursus atau program.

Rangkakerja asas Model CIPP mengembangkan 4 bahagian di mana bahagian penilaian kontek itu menunjukkan arah untuk merancang keputusan-keputusan. Penilaian input pula digunakan untuk memberikan keputusan struktur. Penilaian proses adalah penting untuk membimbing pengimplementasian keputusan. Penilaian produk pula memeriksa tentang kesebaran program itu menemui keperluan pelajar-pelajar. Huruf-huruf pertama dalam label untuk keempat-empat konsep penilaian memberikan suatu akronim untuk model berkenaan- CIPP (KIPP) - Konteks, Input, Proses dan Produk.

Kelebihan Model CIPP ini adalah di mana ia memberikan laluan di mana sesuatu jenis penilaian itu boleh dibuat sama ada sebelum atau semasa sesuatu program itu dijalankan. Seseorang penilai boleh melaksanakan cuma satu jenis

University of Malaya

penilaian seperti penilaian konteks sahaja ataupun kombinasi beberapa jenis penilaian seperti penilaian konteks dan produk bergantung kepada keperluan pengkaji.

Harrison (1993) dari Old Dominion University, Amerika Syarikat yang menggunakan Model CIPP untuk mengkaji pelaksanaan B&K di Sekolah-sekolah Menengah, Virginia berpendapat bahawa Model CIPP ini merupakan suatu alat yang berguna untuk membantu penilai mengenal pasti soalan-soalan yang penting yang boleh dikemukakan dalam sesuatu penilaian. Semasa setiap jenis penilaian dijalankan, penilai boleh mengenal pasti beberapa soalan berhubung sesuatu tanggung jawab pendidikan. Model dan soalan-soalan yang diwujudkan itu juga membuat penilai berkenaan mudah memberi keterangan kepada pendedahan pembaca-pembaca. Tambah beliau lagi bahawa model ini boleh disesuaikan untuk kegunaan menilai program B&K di sekolah-sekolah pendalaman, semi bandar dan bandar serta boleh menawarkan kaunselor-kaunselor sekolah suatu cara untuk mengenal pasti dan menemukan keperluan-keperluan unik pelajar sekolah menengah atau pun remaja-remaja sekolah.

Model CIPP telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dalam pelbagai setting terutamanya dalam setting pendidikan. Teori Model CIPP telah digunakan dalam pelbagai kajian seperti Mohd Hj. Ihsan (1997) di mana menggunakan Teori Model CIPP dalam menilai Keberkesanan Program Diploma dalam Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya melalui kajian kualitatif. Tan Hui Leng (1998) telah menggunakan Teori Model CIPP dalam menilai keberkesanan kursus di mana menilai keberkesanan mata pelajaran Sains dalam Program KPLI. Azizi Yahaya (1999) menggunakan Teori Model CIPP dalam menilai keberkesanan mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah

University of Malaya

menengah di Negeri Sembilan dengan menggunakan kaedah survey/tinjauan. Manakala Rosnani Hashim dan Mohd Sahari Nordin (1998) menggunakan Teori Model CIPP CIPP dalam menilai keberkesanan Program Perkhidmatan Halaqah Ta'aruf (Program Orientasi untuk Pelajar Baru) Fakulti Pendidikan, UIAM. Tiwi Kamidin (2007) pula menggunakan model CIPP dalam menilai Keberkesanan Pendidikan Alam Sekitar di Institut Perguruan Batu Lintang. Selain daripada itu Abdul Razaq Ahmad (2009), Mohd Husin (2006), Ghazali Darussalam (2003), Rudzi Munap (2003) dan Chen Yuen Fook (1999) juga menggunakan model CIPP dalam kajian mereka.

Ternyata dari kajian-kajian yang telah dijalankan itu, Model CIPP ini amat sesuai digunakan dalam setting pendidikan di Malaysia untuk menilai keberkesanan pelaksanaan sesuatu program atau perkhidmatan itu. Model CIPP tidak pernah digunakan untuk menilai keberkesanan perkhidmatan B&K di Malaysia dan kajian juga menunjukkan bahawa tidak ada kajian yang pernah dijalankan ke atas penilaian keberkesanan program B&K di sekolah-sekolah Menengah secara menyeluruh.

Keberkesanan Perkhdmatan B&K dalam Kajian Lepas

Menurut penyelidik-penyelidik seperti Nurinahafiza Mansor (2012), Mohamad Sattar Rasul, Mohd Rosdi Sukardi dan Rose Amnah Abd Rauf (2013) dan Kamaruzaman Moidunny (2013), perkhidmatan B&K sebenamya masih memerlukan proses mengubahsuai dasar dan pelaksanaan bagi memantapkan lagi perkhidmatan yang ditawarkan di sekolah-sekolah seluruh dunia amnya dan Malaysia, khususnya. Para penyelidik ini berkata sedemikian kerana walaupaun negara Barat dapat memberi perkhidmatan yang sudah mencapai tahap profesional dan ia dikendalikan oleh kaunselor-kaunselor terlatih namun masih terdapat kekangan dan lompang

University of Malaya

dalam keberkesanan perkhidmatan B&K (Nurinahafiza Mansor, 2012; Mohamad Sattar Rasul; Mohd Rosdi Sukardi & Rose Amnah Abd Rauf, 2013; Kamaruzaman Moidunny, 2013).

Kajian yang dilakukan oleh Mohamad Sattar Rasul, Mohd Rosdi Sukardi dan Rose Amnah Abd Rauf (2013) menunjukkan kesahihan dapatan kajian diatas. Kajian ini menerangkan keadaan amalan kaunseling sekolah yang diaplikasikan di United Kingdom keatas kanak-kanak dan remaja sekolah. Kaedah kajian yang dijalankan adalah kaedah kajian analisis dokumen. Sebanyak tiga puluh eman bahan termasuk kertas kerja, prosiding dan artikel jurnal dirujuk yang berkaitan dengan dengan bidang kaunseling sekolah di United Kingdom dirujuk dan dianalisis (Mohamad Sattar Rasul et al., 2013). Kajian ini merupakan suatu kajian ulasan sistematik dimana kajian ini mendapati tahap amalan kaunseling terbaik perlu bagi menyelesaikan masalah sosial dalam kalangan remaja yang semakin meningkat. Berdasarkan pada dapatan kajian, kaunseling sekolah yang diamalkan di United Kingdom untuk meningkatkan kesihatan mental kanak-kanak dan remaja mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki oleh pihak guru B&K mahupun sekolah itu sendiri. Mohamad Sattar Rasul et al. (2013) mencadangkan tiga perkara penting untuk diberi perhatian terhadap kaunseling sekolah yang diamalkan di United Kingdom untuk meningkatkan kesihatan mental kanak-kanak dan remaja ke dalam situasi kaunseling sekolah di Malaysia berikutan perkhidmatan kaunseling sekolah yang semakin penting untuk pelajar-pelajar sekolah. Mohamad Sattar Rasul et al. (2013) juga telah mengkaji tentang halangan-halangan yang dihadapi para pelajar sekolah untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling perlu dijalankan terhadap sekolah-sekolah yang dikenalpasti amat kurang mendapat rujukan kaunselor masing-masing walaupun masalah disiplin sekolah tinggi dengan memberi kesedaran tentang

University of Malaya

manfaat dan peluang perkhidmatan kaunseling yang dianjurkan oleh pihak sekolah kepada mereka. Mohamad Sattar Rasul et al. (2013) juga menyatakan guru-guru yang mengajar para pelajar juga perlu diberi kesedaran untuk membantu kaunselor dalam memulihkan kesihatan emosi para pelajar yang amat terganggu (vulnerable) dan amat sukar untuk didampingi (hard to reach) walhal sangat memerlukan bantuan dan sokongan kaunseling. Disamping itu, Mohamad Sattar Rasul et al. (2013) menyatakan dana yang besar untuk meningkatkan kakitangan dalam unit kaunseling sekolah perlu ditambah bagi memudahkan perkhidmatan ini diakses kepada semua pelajar yang bermasalah disiplin atau pembelajaran di sekolah. Hal ini bagi memberikan kemudahan kepada kaunselor untuk menilai sendiri setiap sesi yang dijalankan setiap hari untuk memperbaiki mutu perkhidmatan mereka.Antara lain, tahap kepakaran kaunselor perlu dipertingkatkan supaya lebih bersifat terbuka terhadap perkhidmatan lain dan boleh membantu pelajar menyelesaikan masalah emosi pelajar yang besar seperti keinginan bunuh diri serta kehilangan orang disayangi dengan lebih berkesan. Mengikut Mohamad Sattar Rasul et al. (2013), umumnya, para kaunselor sekolah perlu bertindak untuk memastikan bagaimana keadaan kaunseling sekolah dapat meningkatkan tahap profesionalismanya melalui usaha-usaha yang bersesuaian dengan tahap masalah yang dihadapi remaja dan kanak-kanak yang kebanyakannya adalah masalah keluarga dan pembelajaran bagi menepati standard Perkhidmatan Kesihatan Mental Kanak-
kanak dan Remaja (CAMHS) supaya kualiti perkhidmatan kaunseling sekolah di United Kingdom lebih berkualiti dan efektif.

Kajian yang dijalankan oleh Fox dan Butler (2009) juga di United Kingdom mendapati bahawa kaunseling sekolah tidak semuanya efektif kepada setiap remaja yang mendapat perkhidmatan kaunseling. Menurut Fox dan Butler (2009),

University of Malaya

perkhidmatan B&K boleh ditingkatkan keberkesanannya melalui kewujudan pengalaman kaunselor dalam membuat penilaian sendiri terhadap intervensi setiap hari. Terdapat tiga aspek yang menjadi penghalang untuk kaunselor menjalankan penilaian sendiri seperti kekurangan pembantu kaunselor, kekurangan latihan kepakaran, dan kekurangan penyelidikan yang tepat terhadap peningkatan keberkesanan perkhidmatan (Fox & Butler, 2009).

Kajian oleh Zulmahari Merawi (2003) menunjukkan bahawa isu berkaitan dengan profesionalisme khidmat B&K di sekolah-sekolah telah banyak dilapor dan diperkatakan. Antara masalah yang wujud berkaitan dengan profesionalisme kaunselor sekolah ialah:

a. kegagalan pihak pentadbir menyelaras tugas kaunselor secara berkesan kerana kurang arif tentang khidmat kaunseling,
b. kaunselor diminta melakukan tugas-tugas lain yang kurang berkaitan dengan khidmat kaunseling
c. konflik tugas kerana kegagalan pihak pentadbir memahami khidmat kaunseling
d. banyak masa digunakan untuk aktiviti lain dari khidmat kaunseling,
e. memainkan pelbagai peranan atau dwi peranan termasuk mengajar dan mengganti kelas serta mengalami konflik tugas
f. perasaan cemburu dari guru- guru lain kerana kaunselor kurang mengajar

Sementara itu, menurut Brott (2006) kajian yang dilakukannya adalah berkaitan dengan kerjasama pelbagai pihak terhadap menegakkan satu bentuk khidmat kaunseling yang profesional di sekolah dan pihak-pihak yang penting dalam hal ini ialah pentadbir sekolah/atau gurubesar, penolong guru besar, penyelia petang dan guru-guru lain di sekolah dan yang paling penting ialah penampilan kaunselor itu

University of Malaya

sendiri dalam memantapkan kemahirannya serta keberkesanan program yang dijalankan. Brott (2006) juga telah mengkaji situasi-situasi berikut:

a. bagaimanakah seorang kaunselor mempamerkan keberkesanannya?
b. adakah berlaku pembaikan di kalangan murid sekolah yang menerima khidmat?
c. adakah kes-kes yang sering dihadapi di sekolah berkaitan dengan masalah tingkah laku semakin berkurangan?
d. adakah pencapaian khidmat kaunseling membanggakan dan berkesan, berfungsi, praktis yang berkesan, serta menggunakan teknik-teknik terkini?

Hasil kajian Brott (2006) menunjukkan bahawa keberkesanan seseorang kaunselor mempunyai kaitan dengan penilaian yang dibuat terhadap hasilan khidmat kaunseling itu sendiri. Penilaian ini boleh dilakukan terhadap perkembangan kes, aktiviti murid, aktiviti-aktiviti berkala yang dijalankan kaunselor, penilaian terhadap kes dan pengaturcaraan pelbagai program sama seperti yang telah digariskan oleh pihak terbabit. Peranan kaunselor di sekolah semakin mencabar berdasarkan pelbagai masalah yang dihadapi murid dan anggota masayarakat. Secara menyeluruh dan hampir 75% masalah kesihatan mental murid-murid sekolah adalah disokong melalui pelbagai intervensi di sekolah (Brott, 2006). Sungguhpun begitu, Brott (2006) menyatakan keberkesanan khidmat kaunseling masih bergantung kepada kepakaran kaunselor dan sumber yang disediakan di sekolah. Misalnya, jika berpuluh ribu murid mengalami masalah traumatik dan dengan jumlah kaunselor yang terhad, para kaunselor tidak mampu menjalankan khidmat dengan berkesan. Menurut Frederick (2007), kaunselor hendaklah mempamerkan ciri-ciri sahsiah yang mempunyai nilai akauntabiliti dan aspek ini boleh dinilai melalui penilaian terhadap keperluan

University of Malaya

khidmat kaunseling kepada komuniti sekolah, penilaian terhadap kesan-kesan khidmat kaunseling dan berkongsi keputusan penilaian dengan pihak lain bagi tujuan pembaikan (Baker, 2000). Menurut Brott (2006), berkaitan dengan hal ini kaunselor hendaklah mempunyai kompetensi yang tinggi yang mengembangkan kemahiran serta memberi khidmat berasaskan keperluan semasa sekolah, mempromosi khidmat kaunseling dan membuat penguabahsuaian serta pembaikan terhadap program yang dijalankan. Kaunselor sekolah hendaklah bergerak berasaskan keperluan semasa sekolah. Namun, perkembangan dan perubahan masyarakat yang semakin dilanda pelbagai masalah menyebabkan profesionalisme kaunselor semakin tercabar.

Allen, Burt, Bryan, Carter, Orsi dan Durkan (2002) dalam kajiannya menjelaskan bahawa 57% kaunselor dalam sampel penyelidikannya kurang bersedia menghadapi tugas mereka, hanya 18% benar-benar bersedia. Kebanyakan kaunselor (75%) hanya memahami rancangan dan progam intervensi yang dirancang oleh pihak sekolah tetapi mereka kurang bersedia menanganinya (Allen et al., 2002). Allen et al. (2002) menyatakan khidmat kaunseling di sekolah perlu diberi perhatian dengan serius kerana penyelidikan lepas menunjukkan bahawa khidmat kaunseling yang berkesan mempunyai perkaitan positif dengan perkembangan murid secara menyeluruh. Antara lain khidmat kaunseling memberi pengaruh positif kepada pencapaian akademik murid sekolah, membentuk pelajar lebih berdisiplin dan mengurangkan tingkah laku agresif, membina kemahiran sosial positif, meningkatkan estim kendiri murid, di samping membina *locus of control* yangkukuh, membantu murid-murid yangmenjadi mangsa buli di sekolah serta membina jangkaankerjaya murid pada masa akan datang (Baker, 2000). Allen, Burt, Bryan, Carter, Orsi dan Durkan (2002) juga menyatakan program-program pencegahan yang dijalankan di sekolah dapat mengurangkan pelbagai masalah tegar murid seperti

cubaan bunuh diri dan laridari rumah. Pada keseluruhannya khidmat kaunseling yang berkesan banyak memberikan faedah kepada perkembangan murid dan membentuk iklim sekolah yang lebih harmoni (Allen et al., 2002).

Sungguh pun begitu, kajian lain keberkesanan khidmat kaunseling di sekolah banyak dipengaruhi oleh peranan kaunselor sendiri di samping kerjasama dari pihak sekolah. Penyelidikan yang dijalankan di Missouri oleh Lapan, Gysbers dan Sun (1997) dan Lapan, Gysbers dan Petroski (2001) memberikan dapatan yang menyeluruh tentang kesan khidmat kaunseling di sekolah iaitu meningkatkan prestasi akademik murid, memberi kesedaran tentang kepentingan masa depan, memberikan banyak maklumat tentang persediaan ke sekolah tinggi dan kolej, memberi kesedaran tentang kepentingan kerjaya dan membentuk semangat kekitaan yang tinggi terhadap sekolah. Penyelidikan itu juga menunjukkan keberkesanan khidmat kaunseling banyak dipengaruhi oleh keberkesanan program kaunseling yang diikuti oleh kaunselor semasa di universiti (Lapan, Gysbers & Sun, 1997). Dalam melaksanakan pelbagai program di sekolah, penyelidikan juga menunjukkan keberkesanan program banyak dipengaruhi oleh kerjasama yang diberikan oleh guru besar. Guru Besar dan kaunselor hendaklah mempunyai pemahaman yang sama tentang kemurnian khidmat kaunseling (Lapan, Gysbers & Petroski, 2001). Kegagalan guru besar rmemahaminya boleh menyebabkan kaunselor gagal memainkan peranan dengan berkesan (Lapan, Gysbers & Petroski, 2001).

Kajian oleh Johari Talib (2009) yang melibatkan sampel kajian ini 15 orang kaunselor sekolah yang dilatih dalam program KPLI dalam bidang Kaunseling dari sebuah institut perguruan pada tahun 2003. Kesemua guru B&K telah mula berkhidmat di sekolah mulai Januari 2004. Kajian Johari Talib (2009) pada keseluruhannya masalah murid yang dikendalikan kaunselor telah dibahagikan

University of Malaya

kepada dua bahagian utama iaitu masalah rutin biasa yang berkaitan dengan disiplin bilik darjah dan disiplin sekolah dan bahagian kedua adalah masalah-masalah yang berkaitan dengan perkembangan-perkembangan semasa yang mencabar kaunselor dalam menjalankan tugasnya.

Masalah dalam Kategori Pertama adalah masalah biasa yang dihadapi oleh murid bagi kebanyakan sekolah di negara ini dan masalah-masalah ini adalah berkaitan masalah pembelajaran dan perlanggaran peraturan atau disiplin sekolah seperti masalah sikap malas, kurang motivasi, tidak menyiapkan kerja rumah, ponteng biasa (dalam jumlah hari yang singkat tetapi kadang kala kerap), bergaduh dengan rakan sebaya dan vandalisme. Semua masalah ini keseluruhannya telah boleh ditangani kaunselor dengan baik dan mereka didapati memang mempunyai kemahiran untuk menyelesaikannya kerana kurang melibatkan pihak luar termasuk ibu bapa murid.

Bagaimanapun menurut Johari Talib (2009) kaunselor memang mempunyai masalah bagi menyelesaikan masalah dalam Kategori Dua yang dianggap begitu mencabar dan sesetengahnya adalah masalah baru muncul kesan dari perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat seperti:

a. perubahan-perubahan demografi kependudukan,
b. pembentukan keluarga asas yang besar,
c. ibu bekerja sepenuh masa bagi menampung kos hidup tinggi,
d. perceraian yang semakin meningkat,
e. anak-anak kurang pengawasan,
f. anak-anak terdedah kepada bahaya moral kerana persekitaran yang tidak sihat,
g. kemiskinan tegar di bandar,

University of Malaya

h. sikap penduduk bandar yang kebendaan dan individualistik.

Menurut Johari Talib (2009), akibat daripada masalah-masalah tersebut ialah:

a. ponteng tegar di mana terdapat kanak-kanak ponteng dalam jangka masa yang panjang dan ponteng ini adalah berkaitan dengan latar belakang hidup yang miskin di mana anak-anak terpaksa membantu ibu bapa menjalankan perniagaan kecil seperti menjual makanan di gerai,
b. mengambil alih tugas ibu yang bekerja bagi menjaga adik-adik yang lebih kecil atau kanak-kanak kurang pengawasan, dan
c. mereka tidak pergi sekolah sebaliknya menjalankan aktiviti negatif lain.

Oleh itu mengikut pandangan Johari Talib (2009) masalah kaunselor menjalankan tugas yangberkaitan dengan keberkesanan khidmat kaunseling, sekali gus memberikan kesan kepada profesionalisme kaunselor. Terdapat tiga bahagian utama dalam dapatan kajian ini iaitu *self-efficacy* atau upaya kendiri kaunselor dalam menangani masalah yang berasaskan pelbagai kemahiran menyelesai masalah, masalah pihak pentadbir dan komuniti sekolah serta keperluan kemahiran-kemahiran lain. Kajian Johari Talib (2009) menunjukkan hampir kesemua responden berpendapat bahawa mereka kurang mempunyai masalah bagi menangani kes-kes dalam Kategori Pertama yang keseluruhannya berkaitan dengan perlanggaran disiplin/peraturan sekolah dan masalah pembelajaran. Masalah-masalah ini adalah rutin harian yang boleh ditangani melalui khidmat kaunseling, konsultasi dan penyelarasan pelbagai aktiviti berkala.

Di samping itu, keberkesanan khidmat kaunseling di sekolah juga mengalami pelbagai masalah berkaitan dengan ragam guru-guru dan pentadbir sekolah sendiri.

University of Malaya

Bukan semua pentadbir atau guru besar sekolah rendah memahami khidmat murni ini (Johari Talib, 2009). Antaranya ialah:

a. guru besar tidak memahami erti dan kepentingan khidmat,
b. menganggap sepi tentang khidmat,
c. memaksa kaunselor mengajar sepenuh masa,
d. menjadikan bilik kaunseling setor buku,
e. tidak mempercayai khidmat kaunseling,
f. memaksa kaunselor menjadi guru ganti setiap hari,
g. kaunselor mengajar murid-murid yang gagal mengatasi ujian membaca, menulis dan mengira
h. kaunselor sentiasa mengetuai dan mengiringi murid bagi aktiviti luar sekolah seperti sukan, perbahasan dan sambutan hari kebesaran, dan
i. kaunselor mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral kerana semasa di institut perguruan mereka memang didedahkan kepada pengajaran Pendidikan Moral
j. kaunselor juga kadangkala kurang disenangi oleh guru-guru lain dengan tuduhan beban tugas mereka ringan kerana tidak menjadi guru kelas,
k. khidmat kaunseling dijadikan bahan lelucun dengan alasan yang paling berkesan mengajar murid ialah '*tamparlogi*' dan
l. terdapat juga guru-guru lain yang sentiasa merujuk masalah muridnya kepada kaunselor tanpa henti-henti walaupun masalah tersebut kecil dengan alasan "dia tak ada kerja, jadi kita kenalah bagi dia kerja".

Menurut Johari Talib (2009), situasi-situasi ini terutama dalam hal yang berkaitan dengan kerenah pentadbir yang tidak memahami konsep kaunseling

University of Malaya

menyebabkan kaunselor berada dalam keadaan dilema, konflik, serba salah dan demi menjaga periuk nasi mereka, mereka bersikap pasrah serta mengikut sahaja kerenah guru besar yang sering bertukar. Tiap guru besar mempunyai kerenah yang berbeza. Keadaan ini menyebabkan khidmat kaunseling kurang berkesan.Johari Talib (2009) juga mendapati bahawa di samping pengaruh persekitaran yang seakan mengancam khidmat kaunseling di sekolah rendah, kaunselor juga merasakan latihan yang mereka terima di institut perguruan kurang mantap. Johari Talib (2009) mendapati bahawa dari segi jumlah jam bagi Kursus Kaunseling KPLI, Kursus Kaunseling 14 Minggu mungkin lebih lama masa interaksinya kerana mereka diberi penekanan kepada kursus kaunseling sahaja. Tetapi dalam masa yang sama terdapat juga kelemahan dan kekurangan pengajaran kursus-kursus yang berkaitan dengan kaunseling (Johari Talib, 2009). Masalah paling ketara ialah pelajar tidak diterapkan dengan kemahiran kaunseling yang murni melalui sesi praktis klinikal dalam makmal kaunseling dan ini menyebabkan kemahiran yang digarap kurang berkesan. Kemahiran ini perlu kerana sewaktu mereka di universiti mereka kurang terdedah kepada proses kaunseling. Bagi pelajar lulusan Khidmat Sosial pula pendekatan mereka agakberbeza kerana program yang mereka ikuti adalah untuk masyarakat secara keseluruhan bukannya sekolah.

Kajian Johari Talib (2009) juga menunjukkan kaunselor juga merasakan perlunya mereka didedahkan kepada realiti masalah pelajar sekolah rendah terkini dan dirujuk sebagai kes contoh dalam bilik darjah dan mungkin langkah yang terbaik ialah dengan menawarkan satu lagi kursus yang isi kandungannya adalah berkaitan dengan masalah sosial masyarakat yang turut membincangkan pelbagai teori seperti teori keluarga, salah laku dan teori-teori sosial.

University of Malaya

Kajian oleh Allen et al. (2002) mendapati profesionalisme kaunselor dalam penyelidikan mereka ini dicabar oleh kesediaan kaunselor menangani pelbagai masalah atau krisis yang dihadapi klien yang merupakan pelajar sekolah. Hasil kajian menunjukkan kaunselor mampu menangani masalah biasa dalam ruang lingkup pembelajaran dan disiplin sekolah tetapi agak kurang berkemampuan apabila melibatkan ibu bapa dan pihak lain diluar sekolah. Dapatan yang sama juga adalah dilaporkan oleh penyelidikan yang telah dijalankan sebelum ini di Amerika Syarikat. Kaunselor sedar dan memahami krisis yang dihadapi tetapi ada yang kurang bersedia bagi menanganinya (Allen et al. 2002). Hasil dapatan Allen et al. (2002) menunjukkan asas profesionalisme kaunselor bermula dari latihan yang diikuti semasa di institusi yang melatih mereka. Penyelidikan ini menunjukkan kurikulum yang diikuti adalah terlalu padat dan pihak berwajib cuba sedaya upaya melengkapkan semua kemahiran yang perlu dalam tempoh setahun (Lapan, Gysbers & Petroski 2001; Lapan, Gysbers & Sun 1997) . Kemahiran-kemahiran tersebut bukan sahaja melibatkan kemahiran kaunseling tetapi juga kemahiran mengajar subjek Pendidikan Moral, Pendidikan Jasmani, di samping mengikuti kursus-kursus pasukan berpakaian seragam seperti Pengakap, St John Ambulan dan Puteri Islam (bagi pelajar perempuan). Di samping itu profesionalisme kaunselor adalah juga berkaitan dengan kemudahan dan kurikulum pendidikan kaunseling yang diterima. Proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang disokong oleh kemudahan asas yang utama boleh menjejas profesionalisme kaunselor. Apabila kaunselor ditempatkan di sekolah terdapat pula halangan-halangan yang mereka terpaksa tempuhi bagi melaksanakan tugas sebagai kaunselor. Halangan-halangan tersebut adalah sebahagian besarnya datang dari pihak pentadbir dan rakan sebaya kaunselor sendiri yang mungkin kurang memahami khidmat kaunseling sepenuhnya dan tugas

University of Malaya

serta peranan kaunselor di sekolah (Frederick, 2007). Frederick (2007) dan Allen et al. (2002) bersetuju bahawa isu dan masalah ini perlu ditangani dengan serius kerana masalah kesihatan mental di kalangan murid adalah semakin serius. Apa yang jelas ialah profesionalisme kaunselor sekolah masih mempunyai ruang untuk diperbaiki termasuk dari segi input semasa mengikuti kursus, kurikulum kaunseling yang diikuti dan masalah serta halangan semasa menjalankan tugas selepas tamat mengikuti latihan (Allen et al. 2002). Khidmat kaunseling adalah khidmat yang diiktiraf sebagai pemangkin utama bagi menyemai pembentukan insan seimbang secara lebih humanistik dan adil berteraskan pendapat bahawa bukan semua insan berpeluang mengalami proses perkembangan dengan sempurna (Allen et al. 2002). Implementasi khidmat kaunseling secara konsisten adalah berkaitan dengan keselamatan dan kejayaan murid. Murid yang mendapat khidmat sokongan ini merasa selamat apabila berada di sekolah, mempunyai hubungan yang baik dengan guru, mempercayai bahawa sekolah dan pelajaran adalah penting, mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik dan semakin kurang mempunyai masalah personal dan interpersonal (Lapan, Gysbers & Petroski 2001; Allen et al. 2002; Frederick, 2007).

Kajian oleh Sipon (2001) menunjukkan profesionalisme kaunselor turut digugat oleh pelbagai halangan yang mereka tempuhi dan empat halangan paling penting ialah daya ketahanan mereka sendiri, kerenah pihak pentadbir dan guru-guru dan sikap komuniti sekolah dan masyarakat terhadap khidmat kaunseling. Sipon (2001) berpendapat untuk memastikan khidmat kaunseling di sekolah benar-benar profesional, langkah-langkah pembaikan berlandaskan pelbagai masalah yang dialami kaunselor perlu diberi perhatian serius.

Kajian oleh Fadilah Zaini dan Maisarah (2006) menunjukkan bahawa walaupun kewujudan jawatan guru bimbingan dan kaunseling sepatutnya memberikan manfaat

dalam membantu pihak sekolah meningkatkan kecemerlangan sekolah dan pelajar serta guru bimbingan dan kaunseling telah menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka dengan baik, namun demikian masih terdapat sebilangan tertentu guru bimbingan dan kaunseling yang menghadapi masalah dalam melaksanakan khidmatnya. Berbagai usaha ke arah memperkasa kualiti profesionalisme kaunseling dipergiat dan berbagai bentuk program peningkatan profesionalisme guru-guru bimbingan dan kaunseling telah dilaksanakan oleh pihak KPM dan pihak-pihak berkaitan, namun masih terdapat pandangan-pandangan negatif berhubung ketidakcekapan guru-guru B&K dalam menyediakan perkhidmatan secara berkesan. Sebahagian daripada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah dan sebahagian besar guru B&K di sekolah rendah dilihat masih kurang jelas dalam memahami harapan sekolah, kabur tentang tugas dan peranan profesional, gagal melakukan anjakan minda semasa melaksanakan tugas dan aktiviti kaunseling, tidak berkeupayaan untuk mensejajarkan amalan kaunseling dengan budaya organisasi dan kadangkala gagal memberi penyelesaian secara efektif kepada masalah yang dihadapi oleh organisasi (Fadilah Zaini & Maisarah, 2006)). Ketidakcekapan ini mempengaruhi persepsi warga sekolah terhadap kualiti kewibawaan guru-guru B&K (Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Noriah Mohd Ishak,Rorlinda Yusof, 2014).

Begitu juga dengan kajian Mohamad Hashim dan Sharifah Amnah (2006) menunjukkan aras keyakinan warga sekolah terhadap peranan guru B&K dalam menangani kes pelajar masih rendah. Aspek yang diberi penekanan menjurus kepada kualiti personaliti dan tahap integriti guru-guru B&K.

Rorlinda (2009) melalui hasil kajiannya berkaitan kecerdasan emosi dikalangan guru B&K di Selangor mendapati guru bimbingan dan kaunseling memperoleh skor sederhana pada empat domain kecerdasan emosi iaitu kesedaran kendiri, regulasi kendiri, motivasi kendiri dan kemahiran sosial. Skor sederhana ini

University of Malaya

disebabkan guru B&K memperoleh skor yang rendah pada komponen yang terdapat dalam domain kecerdasan emosi berkenaan.

Kajian lain berkaitan kecerdasan emosi guru B&K telah dijalankan oleh Rorlinda, Syafrimen, Noriah dan Amla (2010) berkaitan dengan profil kecerdasan emosi guru-guru B&K sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Selangor. Dapatan kajian Rorlinda, Syafrimen, Noriah dan Amla (2010) menunjukkan tahap kecerdasan emosi guru B&K sekolah rendah dan sekolah menengah berada pada peringkat sederhana di mana sepatutnya tahap kecerdasan emosi mereka adalah pada peringkat yang tinggi. Hasil kajian mereka juga menunjukkan guru B&K tersebut mempunyai min skor yang sederhana bagi domain kesedaran kendiri, kemahiran sosial, regulasi kendiri dan motivasi kendiri.

Kajian Noormala, Mohamed Sharif dan Roslee (2005) membuktikan wujudnya persepsi negatif bukan sahaja daripada persepsi seorang guru tetapi persepsi seorang pelajar. Kajiannya mendapati persepsi pelajar perempuan cemerlang terhadap perkhidmatan B&K adalah positif dan mereka percaya bahawa perkhidmatan kaunseling boleh membantu dalam bimbingan kerjaya dan penyelesaian masalah. Namun demikian, secara keseluruhan perkhidmatan tersebut menurut mereka belum cukup untuk mendorong pelajar-pelajar tersebut untuk berjumpa kaunselor kerana masih mempunyai persepsi negatif terhadap perkhidmatan kaunseling dari aspek kerahsiaan, kurang bersedia untuk berkongsi masalah, rasa rendah diri dan tidak yakin bahawa guru B&K boleh menyelesaikan masalah peribadi mereka. Hal ini menunjukkan permasalahan dari aspek kepimpinan guru B&K terutama dari aspek penglibatan dan pengekalan sebagaimana yang diutarakan dalam model tersebut. Ini kerana tahap kepimpinan yang tinggi seorang ketua dari aspek penglibatan dan pengekalan dapat menggalakkan perasaan seronok pelajar untuk mengunjungi bilik kaunseling dan menjadikan guru B&K sebagai tempat luahan masalah. Seorang ketua yang mempunyai kredibiliti yang tinggi

University of Malaya

juga akan berusaha membimbing rakan sejawatnya agar sama-sama berusaha mewujudkan kepercayaan dan persepsi positif pelajar terhadap kemampuan guru B&K. Kemahiran kepimpinan yang tinggi dari aspek penglibatan dan pengekalan juga mampu memupuk hubungan yang baik dan kepercayaan sesama rakan sejawat dan memupuk perasaan sayang terhadap organisasinya.

Berdasarkan kajian Arenawati Sehat, Irdawaty dan Mohd Zafian (2009), hasil kajian mereka membuktikan wujudnya tekanan dalam kalangan guru kaunseling dengan skor min melebihi 0.4. Ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti kurang peluang membangunkan diri, pengagihan tugas baru atau tidak biasa dilakukan, kurang sokongan daripada pihak pengurusan atasan, kurang penghargaan setelah menyempurnakan tugas dengan baik, melaksanakan tugas yang bukan dalam deskripsi tugas, pengagihan tugas yang semakin berat tanggungjawab dan kekurangan kakitangan untuk melaksanakan tugas. Faktor permasalahan yang dinyatakan tersebut merangkumi komponen-komponen yang perlu ada pada tahap kecekapan kepimpinan yang tinggi dalam kalangan ketua B&K dalam melaksanakan tugasnya sebagai ketua. Ini bermakna sebagai ketua guru B&K , mereka perlu kreatif dari segi pembahagian tugas, perancangan program, hubungan baik dengan rakan sejawat, guru-guru dan pentadbir sekolah, mengutamakan penghargaan dan tidak mementingkan diri dan lain-lain lagi.

Walaupun terdapat banyak kajian yang menunjukkan ketidakberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah di Malaysia namun begitu, terdapat juga kajian yang menunjukkan hasil yang berbeza malah didapati perkhidmatan B&K telah membuahkan hasil yang sangat memberangsangkan.

Hasil kajian Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Noriah Mohd Ishak danRorlinda Yusof (2014) menunjukkan ketua guru B&K sekolah menengah di Selangor mempunyai tahap kecekapan kepimpinan pada tahap yang tinggi bagi komponen Strategi Perkhidmatan dan Model Kepimpinan iaitu iaitu 85.07%. Ini

University of Malaya

menunjukkan bahawa ketua guru B&K mempunyai kecekapan yang tinggi dari segi pengurusan program selaras dengan visi dan misi B&K. Hasil kajian nampaknya bercanggah dengan berita yang pernah dilaporkan oleh akhbar berkaitan tanggapan bahawa perkhidmatan kaunseling di sekolah berdepan dengan masalah kualiti kepemimpinan yang ditafsirkan sebagai kabur dari segi arah tuju dan misi, serta pentadbiran program yang lemah menyebabkan perkhidmatan kaunseling itu tidak efektif. Kelemahan dalam perkhidmatan pengurusan ini boleh menimbulkan masalah kurang kompeten dan ketidakcekapan guru B&K sepenuh masa.(Berita Harian, 1 November, 2007). Hasil kajian ini didapati selari dengan kajian Rorlinda (2009) yang menunjukkan guru-guru B&K mempunyai tahap kecekapan orientasi perkhidmatan dan kepimpinan yang tinggi.

Begitu juga dengan dapatan oleh Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Noriah Mohd Ishak danRorlinda Yusof (2014) mengenai perbezaan kepimpinan ketua guru B&K berdasarkan jantina, umur, pendidikan dan pengalaman. Hasil kajian merka menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan kepimpinan ketua guru B&K di Selangor berdasarkan faktor jantina, umur, pendidikan dan pengalaman. Walaupun Allen dan Ashbaker (2004) menyatakan bahawa guru B&K yang baru tamat latihan dikatakan menghadapi masalah terutama dalam mengaplikasikan teori dan kemahiran kaunseling apabila berhadapan masalah. Tetapi, menurut Goleman, Boyatzis dan Mckee (2002), tiada perbezaan yang nyata di antara kaunselor yang baharu atau yang telah berpengalaman kerana kaunselor yang berpengalaman juga didapati menghadapi masalah kurang kompeten.

Dapatan ini nampaknya sejajar dengan kajian Farah Amira (2004) terhadap kepimpinan dalam kalangan guru novis yang juga menunjukkan tiada perbezaan kepimpinan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Namun, kajian ke atas kepimpinan pengetua yang dijalankan oleh Jameela Bibi (2012) dan Ahmad

University of Malaya

Marsrizal (2013) menunjukkan dapatan yang sebaliknya, iaitu terdapat perbezaan kepimpinan yang signifikan berdasarkan jantina. Hasil dapatan kepimpinan pengetua tersebut selari dengan kajian oleh Maimunah (2005), Lokman (2007) dan Teuku Irwani (2011). Seterusnya, dari segi tahap pendidikan, dapatan kajian ini didapati selari dengan hasil kajian Ahmad Masrizal (2013), manakala dari segi umur didapati selari dengan hasil kajian Maimunah (2005). Akhir sekali, dari segi pengalaman bekerja, hasil kajian ini didapati bertentangan dengan kajian Lokman (2007). Memandangkan ketua guru B&K memainkan peranan kepemimpinan yang melibatkan aspek kecekapan pengurusan, pentadbiran, selain menjalankan sesi kaunseling secara klinikal, maka corak atau bentuk tanggungjawab adalah hampir sama dengan pengetua yang tugas utamanya sebagai pentadbir atau pemimpin sekolah. Justeru, hasil kajian-kajian kepimpinan berkaitan kepimpinan pengetua boleh diambil kira dalam konteks kerjaya guru B&K.

Kajian oleh Roslee Ahmad dan Mohamed Sharif Mustaffa (2005) merupakan satu kajian berbentuk deskriptif dan tinjauan melalui soal selidik dilakukan ke atas 194 orang pelajar tingkatan 4 yang tinggal di asrama Sekolah Menengah Teknik Tanjung Puteri.Dapatan menunjukan 84.8% daripada pelajar pernah mendengar dan mengetahui mengenai perkhidmatan B&K. 76.8% daripada pelajar asrama juga bersetuju menyatakan perkhidmatan B&K dapat menyelesaikan masalah sesorang itu (Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa, 2005). Melalui kenyataan ini menunjukan pengetahuan pelajar tinggi tentang perkhidmatan B&K (Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa, 2005). Dapatan menunjukan 75.8% daripada pelajar banyak melibatan diri dalam perkhidmatan B&K menunjukan pelajar mengenali perkhidmatan B&K merupakan perkhidmatan khas di asrama mereka dan mereka memerlukan perkhidmatan tersebut. Sebahagian responden pernah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perkhidmatan tersebut. Pelajar asrama juga menunjukan sebahagian daripada mereka banyak mengikuti dan melibatkan diri

dalam perkhidmatan itu. Dapatan akhir Roslee Ahmad dan Mohamed Sharif Mustaffa (2005) menunjukan 86% daripada pelajar memerlukan perkhidmatan B&K keperluan ini kerana percaya perkhidmatan B&K dapat membantu mengeratkan interaksi sosial diantara rakan-akan dan kakitangan asrama. Data juga telah menunjukan apabila pelajar asrama mempunyai masalah mereka suka jika ada orang yang mendengarnya. Dengan cara berbincang dengan kaunselor dapat meringan tekanan dan membantu berpandangan lebih positif. Responden juga percaya perkhidmatan B&K dapat meringan masalah mereka. Kenyataan yang diketengahkan itu menunjukan keperluan pelajar terhadap perkhidmatan B&K adalah tinggi (Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa, 2005).

Kajian oleh Roslee Ahmad dan Mohamed Sharif Mustaffa (2005) merupakan satu kajian berbentuk deskriptif dan tinjauan melalui soal selidik dilakukan ke atas 194 orang pelajar tingkatan 4 yang tinggal di asrama Sekolah Menengah Teknik Tanjung Puteri.Dapatan menunjukan 84.8% daripada pelajar pernah mendengar dan mengetahui mengenai perkhidmatan B&K. 76.8% daripada pelajar asrama juga bersetuju menyatakan perkhidmatan B&K dapat menyelesaikan masalah sesorang itu (Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa, 2005). Melalui kenyataan ini menunjukan pengetahuan pelajar tinggi tentang perkhidmatan B&K (Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa, 2005). Dapatan menunjukan 75.8% daripada pelajar banyak melibatan diri dalam perkhidmatan B&K menunjukan pelajar mengenali perkhidmatan B&K merupakan perkhidmatan khas diasrama mereka dan mereka memerlukan perkhidmatan tersebut. Sebahagian responden pernah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perkhidmatan tersebut. Pelajar asrama juga menunjukan sebahagian daripada mereka banyak mengikuti dan melibatkan diri dalam perkhidmatan itu. Dapatan akhir Roslee Ahmad dan Mohamed Sharif

University of Malaya

Mustaffa (2005) menunjukan 86% daripada pelajar memerlukan perkhidmatan B&K keperluan ini kerana percaya perkhidmatan B&K dapat membantu mengeratkan interaksi sosial diantara rakan-akan dan kakitangan asrama. Data juga telah menunjukan apabila pelajar asrama mempunyai masalah mereka suka jika ada orang yang mendengarnya. Dengan cara berbincang dengan kaunselor dapat meringan tekanan dan membantu berpandangan lebih positif. Responden juga percaya perkhidmatan B&K dapat meringan masalah mereka. Kenyataan yang diketengahkan itu menunjukan keperluan pelajar terhadap perkhidmatan B&K adalah tinggi (Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa, 2005).

Sementara itu di seting pendidikan siswazah atau pengajian tinggi, Kamal Ali, Irene Tiurma Siagian dan Rut Douni (2001) berpendapat walaupun perkembangan perkhidmatan B&K menggalakkan samaada diperingkat Sekolah rendah, menengah dan diperingkat institusi pengajian tinggi, keraguan dan kesangsian timbul dikalangan pelajar kolej atau universiti terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kamal Ali, Irene Tiurma Siagian dan Rut Douni (2001) menyatakan pengaduan pelajar mengenai masalah mereka kepada guru kaunselor dianggap sebagai membuka rahsia peribadi atau rahsia keluarga yang tidak wajar diberitahu kepada orang lain. Kamal Ali, Irene Tiurma Siagian dan Rut Douni (2001) melaporkan bahaw aterdapat juga pelajar-pelajar yang masih samar-samar mengenai apakah sebenarnya matlamat badan perkhidmatan B&K ini.

Kajian oleh Nor Saidatul Rajeah Zamzam Amin (1999) pula menunjukkan pada akhir abad ke-20 di University Teknologi Petronas menunjukkan kaunselor dan pegawai-pegawai di Unit Hal Ehwal Pelajar University Teknologi Petronas menyatakan bahawa universiti ini mempunyai unit perkhidmatan pelajar yang cekap, terutamanya dalam membimbing dan memotivasi pelajar-pelajar dalam segala

University of Malaya

lapangan yang diceburi baik akademik mahupun kegiatan-kegiatan ko-kurikulum di kampus. Perkhidmatan kaunseling dan kerjaya juga bernaung di bawah unit ini yang memberi bantuan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai masalah dengan kaedah kaunseling individu dan kelompok. Selain itu, unit ini juga menitikberatkan hal-ha1 berkaitan dengan kerjaya untuk membantu para pelajar. Dalam mengendalikan unit ini, dua orang kaunselor sepenuh masa dipertanggungjawabkan. Pelajar-pelajar di IPT seringkali menghadapi masalah membuat keputusan dalam memilih kerjaya yang sesuai (Nor Saidatul Rajeah Zamzam Amin, 1999). Oleh itu, para pelajar memerlukan bimbingan dan panduan pemilihan kerjaya dari pihak-pihak tertentu terutamanya unit kaunseling dan kerjaya yang dikendalikan oleh kaunselor sepenuh masa. Tanpa bimbingan dan panduan kaunselor pelajar-pelajar mungkin akan menemui kebuntuan dalam pekerjaan mereka kerana ekspektasi mereka semasa merancang kerjaya tidak tercapai dalam pekerjaan yang diceburi. Ini mungkin disebabkan kekurangan maklumat serta keperluan-keperluan lain yang tidak dipenuhi semasa membuat pemilihan pekerjaan sebelum menamatkan pengajian di IPT. Sehubungan ini, ada di kalangan pelajar yang meninggalkan pekerjaan kerana ketidaksesuaian yang wujud antara diri mereka dan pekerjaan yang dilakukan. Oleh itu kajian oleh Nor Saidatul Rajeah Zamzam Amin (1999) menunjukkan dapatan yang amat memberangsangkan mengenai kepentingan kaunselor serta perkhidmatan B&K.

Cabaran Kerjaya Guru B&K di Sekolah pada abad ke-21

Malaysia kini ke arah perubahan transformasional (transformational change) di mana sebelum ini melalui incremental change atau transitional change (Mizan Adiliah, 2016). Perbahan ini secara tidak langsung juga mempengaruhi

University of Malaya

perkhidmatan B&K di sekolah di mana guru-guru bimbingan dan kaunseling di sekolah perlu bersedia membuat transformasi di mana hendak tak hendak perlu hanyut dalam perubahan arus perdana ini. Perkhidmatan B&K perlu berlayar bersama dalam proses transformasi ini jika tidak mahu ketinggalan terus dalam bidang pembangunan negara kita Malaysia. Perubahan transformasi ini memerlukan guru bimbingan dan kaunseling menawarkan program yang lebih fleksibel berdasrkan pada perancangan dan prioriti negara. Kaunseling berbentuk pembangunan dan komprehensif perlu diberi penekanan oleh guru bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Empat jenis pendekatan kaunseling yang di amalkan di sekolah-sekolah ialah pendekatan pencegahan, pendekatan perkembangan (pembangunan), pendekatan pemulihan dan pendekatan krisis (Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K di Sekolah Rendah dan Menengah, 2012). Pendekatan pencegahan ini dijalankan berasaskan kepada andaian bahawa sebelum berlakunya sesuatu masalah usaha perlu diambil untuk menghalangnya. Antara program yang dijalankan melalui pendekatan ini di sekolah ialah Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) serta program kesedaran HIV/AIDS. Pendekatan pemulihan pula memfokus pada isu yang melibatkan kekurangan atau yang muncul dari semasa ke semasa. Pendekatan ini dijalankan supaya pelajar dapat dipulihkan daripada sesuatu perlakuan supaya mengelak pelajar daripada terlanjur akibat peristiwa berkenaan. Pendekatan krisis memberi tumpuan pada peristiwa yang berlaku secara mendadak di mana perlukan tindakan segera daripada pihak pentadbir dan guru-guru sekolah. Antara peristiwa yang perlukan bentuk pendekatan ini ialah seperti serangan histeria, peristiwa percubaan bunuh diri dan kematian ahli keluarga yang disayangi. Pendekatan seterusnya ialah pendekatan perkembangan atau pembangunan. Pendekatan ini berusaha untuk mengenal pasti

keperluan pelajar di sekolah di mana pelajar dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan tidak ketinggalan juga akhlak yang mulia supaya dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan spiritual. Aktiviti yang disediakan untuk pendekatan perkembangan (pembangunan) ialah dengan melengkapkan kurikulum akademik di mana pelajar diberi peluang untuk mengenali kekuatan dan kelemahan diri serta orang lain. Ini adalah untuk mengelakkan timbul masalah dalam hidup mereka. Antara isu yang diberi pendedahan melalui pendekatan ini adalah persediaan menghadapi peperiksaan dan ceramah-ceramah motivasi.

Peranan guru bimbingan dan kaunseling pascamilenium tidak boleh hanya fokus pada pendekatan yang dibincangkan di atas tetapi perlukan pengukuhan profesion di mana perlu memahami perubahan pasaran kerja dunia serta memperkemaskan diri secara proaktif untuk menyahut cabaran dunia tanpa sempadan ini. Rogers (1956) dan Corey (2009) menyatakan antara ciri penting untuk menjadi kaunselor yang berkesan ialah terlebih dahulu memahami diri sendiri sebagai seorang insan di mana mengetahui kekuatan dan kelemahan diri sendiri. Ini amat tepat pada waktunya di mana negara kita sedang dilanda arus transformasi dan guru-guru bimbingan dan kaunseling perlu muhasabah diri untuk memahami perubahan ini. Ini adalah kerana guru-guru ini dapat menyediakan perkhidmatan yang relevan berdasarkan pada keperluan negara bangsa kita.

Transformasi perlu turut dilakukan ke atas pendekatan atau kaedah yang digunakan oleh guru-guru bimbingan dan kaunseling di mana perkhidmatan yang lebih menyeluruh dan mantap dapat diberikan dalam membantu melahirkan insan yang boleh berdaya saing di peringkat global. Maka pendidikan kaunselor perlu memberikan latihan yang bercirikan global supaya guru bimbingan dan kaunseling

University of Malaya

dapat menawarkan perkhidmatan B&K yang bertaraf dunia dalam mencapai misi dan visi negara. Antara penekanan yang perlu diberi dalam latihan kaunselor ialah merangka transformasi yang perlu dilakukan dalam perkhidmatan B&K daripada sekolah hingga universiti serta transformasi dalam pendidikan kaunselor pascamillenium (Mizan Adiliah, 2016).

Wawasan 2020 dan Program Transformasi Negara telah merencanakan ciri-ciri insan yang diperlukan untuk menyahut cabaran abad 21 ini. Antara ciri-ciri tenaga manusia yang diharapkan ialah di samping ilmu pengetahuan, kemahiran insaniah (soft skills) adalah ciri terpenting yang perlu dikuasai oleh masyarakat Malaysia dalam mengharungi gelombang transformasi ini. Di sinilah terletaknya peranan guru bimbingan dan kaunseling membantu dalam melahirkan pelajar yang seimbang dalam aspek intelek, jasmani, emosi, dan rohani serta beriman dan beramal soleh seperti mana terkandung dalam falsafah perkhidmatan B&K. Guru-guru bimbingan dan kaunseling perlu membantu sekolah dalam membangunkan kebolehan kognitif dan kemahiran teknologi pelajar.

Sistem pendidikan kita gagal memberikan penekanan kepada hala tuju pelajar selepas tamat Tingkatan 5 mahupun 6 (Mizan Adiliah, 2016). Maklum balas yang diperolehi daripada pusat-pusat pengajian tinggi dan majikan menunjukkan bahawa graduan kita tidak mempunyai kemahiran untuk hidup di kolej atau di tempat kerja. Sekolah bersikap *exam orientated* di mana mementingkan untuk lulus peperiksaan dan pencapaian peperiksaan inilah dikejar oleh warga sekolah. Tidak dapat dinafikan sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam akademik tetapi gagal melahirkan insan-insan yang berjaya dalam kehidupan. Disinilah letaknya peranan dan fungsi guru-guru bimbingan dan kaunseling dalam membantu mentransformasikan sistem pendidikan

University of Malaya

kita untuk memenuhi cabaran abad 21 ini. Bukan sahaja pelajar didedahkan kepada keperluan transformasi ini tetapi pengetua serta guru-guru juga perlu diberi pendedahan yang secukupnya berhubung kepentingan transformasi ini di sekolah. Suatu pendekatan kaunseling yang komprehnsif berlu dibentuk untuk membolehkan warga sekolah, ibu bapa dan institusi pendidikan tinggi betul-betul memahami aspirasi negara dalam melahirkan insan yang seimbang perkembangan mereka.

Sejarah membuktikan bahawa perkhidmatan B&K berjaya memberikan perkhidmatan sokongan dalam sistem pendidikan kita. Perkhidmatan ini menonjolkan kewibawaannya dalam menyokong keperluan pendidikan negara ke arah pembangunan negara yang pesat. Perkhidmatan ini berfungsi untuk membangunkan sumber manusia ke tahap yang lebih efisien melalui input-input yang disalurkan kepada pelajar-pelajar. Namun demikian terdapat juga beberapa lompang dalam perkhidmatan ini yang seharusnya dikenal pasti oleh guru-guru bimbingan dan kaunseling di sekolah di mana diperlukan perkhidmatan yang lebih komprehensif untuk membantu dalam perkembangan akademik, peribadi, sosial, insaniah dan kerjaya mereka.

Wawasan 2020 dan Program Trasformasi Negara turut membawa perubahan dalam sistem pendidikan kita. Dengan ini perkhidmatan B&K sebagai perkhidmatan soskongan dalam sistem pendidikan juga perlu sealir dalam angin perubahan ini. Kaunseling berbentuk pembangunan dan komprehnsif sangat diperlukan untuk membangunkan potensi pelajar ke arah lebih optima. Bukan sahaja pendekatan pencegahan dan pemulihan diperlukan tetapi pembangunan insan menjadi strategi penting dalam arus transformasi ini. Ini bermaksud terlebih dahulu guru B&K harus bersedia mengharungi arus perdana ini di mana latihan yang diterima oleh golongan ini perlulah bersesuaian dengan perkembangan dan aspirasi negara. Ini akan

University of Malaya

membantu guru B&K menawarkan mutu perkhidmatan yang berkesan serta dapat meningkatkan profesion kaunseling di mata masyarakat, sekolah dan KPM.

Kesimpulan

Kaunselor-kaunselor abad ke 21 tidak boleh lagi mempersoalkan merit dan keperluan menilai program dan perkhidmatan-perkhidmatan kaunseling mereka. Sebaliknya kaunselor-kaunselor hari ini seharusnya secara aktif belajar menggunakan kaedah-kaedah penilaian sebagai suatu jalan untuk meningkatkan amalan-amalan kaunseling mereka, memberikan akauntabiliti kepada Stakeholders dan meningkatkan identiti profesional semua kaunselor-kaunselor. Sepertimana Wheeler dan Loesch (1981) telah menumpukan tenaga mereka hampir 25 tahun lepas dalam penilaian program secara berterusan di dalam perkembangan profession-profession kaunseling. Begitu juga mereka mencadangkan bahawa professional-professional kaunseling secara beransusr-ansur mula mengakui bahawa jika penilaian-penilaian program kaunseling akan digunakan (are to be well), mereka perlu memulakan dan melaksanakan oleh diri kaunselor-kaunselor sendiri. Berdasarkan topik yang teguh dan permintaan-permintaan yang berterusan untuk hasil-hasil kajian dan akauntabiliti amalan-amalan kaunseling, penilaian kaunseling tidak lagi diabaikan oleh professional-professional kaunseling. Sememanngnya penilaian yang program boleh dipertimbangkan suatu standard amalan baru dikembangkan dalam kaunseling.

University of Malaya

BAB 3
METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Bab ini menjelaskan teknik yang telah digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis data. Beberapa perkara yang dibincangkan ialah rekabentuk kajian, populasi dan sampel kajian, tempat kajian, responden kajian, alat kajian dan pengukuran termasuk didalamnya keesahan dan kebolehpercayaan alat kajian. Turut disentuh dalam bab ini adalah kajian rintisan, prosedur mentadbir soala selidik dan kaedah analisis data.

Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian terdapat beberapa jenis rekabentuk penyelidikan antaranya adalah kajian tinjauan. Menurut Yan Piaw (2006) kajian yang bersifat tinjauan adalah kajian yang memfokuskan kepada sikap dan tingkah laku individu yang berkaitan dengan satu permasalahan. Kajian tinjauan cukup terkenal dan sangat meluas penggunaannya kerana serba guna, efisien, dan dapat digeneralisasikan. Kajian tinjauan sangat efisien kerana data dapat dikutip daripada sebahagian besar populasi.

Bagi pengkaji kaedah yang sesuai digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan. Ini adalah kerana kaedah tinjauan merupakan cara yang paling berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat (Fullan, 1991) Tambahannya pula ia juga sangat berguna untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkah laku. Seterusnya pula responden boleh menjawab soal selidik secara serta merta di mana ini akan membantu dalam meningkatkan kriteria kesahan dan kebolehpercayaan. Ini disokong oleh pengkaji tempatan seperti Chua (2011) di mana menyatakan bahawa jawapan

University of Malaya

subjek dapat dikumpulkan secara terus dalam masa yang singkat dan keputusan analisis diperolehi dalam masa yang singkat. Chua juga menambah bahawa kajian tinjauan ini boleh dilakukan dengan menggunakan saiz sampel yang besar, yang tidak dapat dilaksanakan oleh kajian eksperimental.

Format soal selidik digunakan kerana ia mempunyai kelebihan tertentu yang menjadikannya suatu alat penilaian sikap yang popular. Ini adalah kerana sampel kajian tidak perlu menulis nama mereka, oleh itu ini menambahkan bilangan responden yang mengembalikan soal selidik dan ianya juga lebih mewakili kepercayaan atau perasaan seseorang sampel itu. Secara umumnya data dari soal-selidik berkenaan lebih mudah dianalisa dan diinterpretasi berbanding respon-respon lisan.

Mohd Majid Konting (1990) menyatakan bahawa kaedah kajian menggunakan boring soal selidik juga praktikal jika sampel kajian adalah melibatkan jumlah yang besar. Kenyataan ini disokong oleh Mc Burney (2014) menyatakan bahawa kelebihan kaedah tinjauan ini adalah membolehkan pengkaji mendapat jumlah responden yang ramai dalam masa yang singkat serta dapat menghuraikan hubungan atau perbezaan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Kaedah ini paling sesuai untuk kajian ini kerana ia tidak melibatkan sebarang tindakan manipulasi pembolehubah yang berbeza.

Oleh yang demikian maka pengkaji memilih rekabentuk kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik untuk untuk menjawap soalan utama kajian nombor 2 hingga 9 iaitu:

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Dimensi Input

University of Malaya

adalah: pengetahuan dan kemahiran guru-guru kaunseling, sokongan pengetua terhadap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, pengurusan kewangan,kemudahan dan bahan rujukan, kesedian guru B&K dalam perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah di Malaysia.

2. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Dimensi Proses adalah: strategi menjalankan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dan peranan dan fungsi guru kaunseling di sekolah menengah di Malaysia.
3. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Produk di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Dimensi produk adalah: strategi menjalankan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dan peranan dan fungsi guru kaunseling di sekolah menengah di Malaysia
4. Untuk mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input berdasarkan jantina.
5. Untuk mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses berdasarkan jantina.
6. Untuk mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Produk berdasarkan jantina.
7. Untuk mengenal pasti pengaruh pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input terhadap Dimensi Proses.
8. Untuk mengenal pasti pengaruh pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses terhadap Dimensi Produk.

Selain menggunakan soal selidik, pengkaji juga menggunakan teknik temubual semi berstruktur untuk menjawab soalan pertama iaitu yang berkaitan Dimensi

University of Malaya

Konteks yangmana ianya merupakan maklumat awal yang diperlukan ada sebelum kajian tinjauan dilaksanakan. Adapun yang ditemubual adalah 5 orang guru B&K dan 5 orang guru bukan B&K yang mengajar subjek teras pengkhususan di sekolah. Maklumat yang perlu diketahui di dalam Dimensi Konteks adalah maklumat-maklumat yang melibatkan pengetahuan kerelevanan objektif perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dengan Falsafah Pendidikan Negara di sekolah-sekolah menengah di Malaysia, sikap guru kaunseling dalam penerimaan sebagai guru kaunseling sepenuh masa di sekolah-sekolah menengah di Malaysia, masalah menguruskan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah di Malaysia,keyakinan guru-guru kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah menengah di Malaysia,kursus/LADAP/bengkel yang dihadiri dalam 5 tahun lepas yang membantu guru-guru kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi merupakan sekumpulan individu atau objek yang memiliki ciri dan sifat yang dapat dijadikan sebagai objek kajian. Dengan kata lain populasi adalah keseluruhan subjek yang dapat dijadikan responden kajian. Responden kajian pula adalah individu atau orang-orang dalam suatu kumpulan populasi yang dapat dijadikan sebagai subjek kajian. Oleh itu populasi kajian yang akan dikaji harus didefinisikan dengan jelas sebelum dilakukan teknik persampelan ke atas populasi. Dengan demikian sampel kajian ditakrifkan sebagai sebahagian subjek daripada populasinya untuk dijadikan responden kajian dan sampel kajian ini telah dianggap

University of Malaya

mewakili ciri dan sifat atau *varians* populasi kajian secara keseluruhan (Mc Burney, 2014).

Menurut Yan Piaw (2006) terdapat 2 jenis kaedah persampelan iaitu kaedah persampelan kebarangkalian dan kaedah persampelan ketidak barangkalian. Kaedah persampelan kebarangkalian dibahagi kepada 4 kategori iaitu persampelan rawak mudah, persampelan sistematik, persampelan rawak berlapis dan persampelan kelompok. Sedangkan kaedah persampelan ketidakbarangkalian dibahagi kepada 7 kategori iaitu persampelan secara kebetulan, persampelan bertujuan, persampelan bola salji, persampelan dimensional, persampelan kes kritikal dan terakhir kepada persampelan variasi maksimum. Kaedah persampelan kebarangkalian dilaksanakan dengan memilih subjek sampel secara rawak. Subjek dalam sampel tersebut mempunyai ciri-ciri yang terdapat dalam populasi kajian. Pengkaji dapat menentukan peluang atau kemungkinan untuk memilih subjek kajian manakala kaedah persampelan ketidakbarangkalian adalah pemilihan subjek kajian tidak dilakukan oleh pengkaji. Dengan kata lain bahawa teknik sampel kebarangkalian adalah pengambilan sampel secara rawak iaitu memberi peluang yang sama kepada setiap ahli populasi untuk menjadi respon den kajian, manakala sampel bukan kebarangkalian adalah bukan rawak iaitu tidak adanya peluang yang sama untuk menjadi responden kajian.

Persampelan dalam kajian tinjauan menggunakan teknik persampelan rawak kelompok dimana kajian dijalankan di sekolah-sekolah menengah Malaysia di mana dari setiap zon dipilih satu negeri secara prosedur persampelan kelompok. Negeri-negeri yang dipilih adalah terdiri daripada Negeri Perlis, Negeri Sembilan, Negeri Melaka, Negeri Terengganu dan Negeri Sarawak. Sedangkan untuk temubual 5 orang guru bukan B&K dilaksanakan di Negeri Pahang, Selangor, Negeri Sembilan,

University of Malaya

Putrajaya dan Kuala Lumpur menggunakan teknik persampelan rawak mudah yangmana pengkaji memohon 10 sekolah namun hanya 5 sekolah di lima negeri yang memberi persetujuan iaitu Negeri Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Tempat Kajian

Kajian dijalankan di sekolah-sekolah menengah Malaysia di mana dari setiap zon dipilih hanya satu negeri sahaja.Adapun negeri-negeri yang dipilih adalah terdiri daripada Negeri Perlis, Negeri Sembilan, Negeri Melaka, Negeri Terengganu dan Negeri Sarawak. Jadual di bawah menunjukkan kedudukan negeri mengikut zon. Menurut Surat Pekeliling Iktisas Bil. 3/96 bertarikh 11 Julai 1996 yang mengarahkan sekolah-sekolah melantik guru B&K sepenuh masa di sekolah yang berkhidmat dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang. Seterusnya mulai tahun 2003, sekolah-sekolah diminta untuk melantik guru B&K sepenuh masa mengikut bilangan pelajar iaitu seorang kaunselor sepenuh masa untuk setiap 500 orang pelajar. Dengan ini terbukti bahawa memang ditempatkan sekurang-kurangnya seorang guru B&K sepenuh masa di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Jadual 3.1

Kedudukan negeri mengikut zon

Senarai Zon	Zon Utara	Zon Tengah	Zon Selatan	Zon Timur	Malaysia Timur
Senarai Negeri	Perak Kedah Pulau Pinang Perlis	Selangor Negeri Sembilan Kuala Lumpur	Johor Melaka	Pahang Kelantan Terengganu	Sabah Sarawak Labuan

University of Malaya

Subjek Kajian

Subjek-subjek untuk kajian ini terdiri dua kategori guru iaitu 420 orang guru B&K di Negeri Perlis, Negeri Sembilan, Negeri Melaka, Negeri Terengganu dan Negeri Sarawak telah menjadi responden kajian untuk mengetahui Dimensi Input, Proses dan Produk. Selanjutnya 5 (lima) orang guru B&K di lima negeri ini juga telah ditemubual untuk mengetahui sejauhmana pengetahuan mereka dari sudut Dimensi Konteks.

Guru-Guru B&K adalah guru kaunseling sepenuh masa di mana dikehendaki bertugas dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang dan dikecualikan dari pengajaran dalam kelas dengan tujuan supaya guru-guru-guru ini dapat merancang dan melaksanakan perkhidmatan ini dengan penuh sistematik (Surat Pekeliling Iktisas Bil. 3/96 bertarikh 11 Julai 1996). Seterusnya pada Ogos 1996 juga, sekumpulan guru yang ada ijazah pertama dan juga sekurang-kurangnya memiliki diploma atau sijil dalam bidang B&K dilantik sebagai Guru B&K Sepenuh Masa (GBKSM) di sekolah-sekolah menengah Malaysia. Sedangkan subjek kajian untuk temubual 5(lima) orang Guru Bukan B&K adalah berumur 35 hingga 53 tahun pengalaman kerja sekitar 7 tahun dan keatas, satu orang lelaki dan 4 orang perempuan, memiliki pendidikan sarjana muda, terdiri daripada sekolah Negeri Selangor adalah SMK Jalan Tiga Bandar Baru Bangi, Negeri Sembilan adalah SMK Tanah merah, Port Dickson, Putrajaya adalah SMK Presint5(1) Putrajaya, Kuala Lumpur adalah SMK Cheras Perdana, Cheras dan yang terakhir Pahang adalah mewakili SMK Jerantut, Pahang. Guru ini merupakan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan yang mengajar subjek teras pekhususan seperti guru Matematik, Sains, Sejarah, Kemahiran Hidup dan Bahasa Melayu.

University of Malaya

Instrumen Kajian

Satu set temu bual semi berstruktur disediakan bagi mengetahui Dimensi Konteks. Soalan Temu bual ini untuk mengetahui Dimensi Kontek guru B&K dan Guru bukan B&K berkenaan denganpengetahuan guru B&K berhubung perkhidmatan B&K dari Dimensi Konteks di sekolah-sekolah Menengah di Malaysia antaranya: kerelevanan objektif perkhidmatan B&K dengan FPN di sekolah-sekolah menengah di Malaysia dengan perincian: sikap guru kaunseling dalam penerimaan sebagai guru kaunseling sepenuh masa di sekolah-sekolah menengah di Malaysia, masalah menguruskan perkhidmatan B&K di sekolah menengah di Malaysia dan keyakinan guru-guru kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia melalui kursus/LADAP/bengkel yang dihadiri dalam 5 tahun lepas yang membantu guru-guru kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia

Selanjutnya soalan temubual untuk mengetahui Dimesi Konteks Guru Bukan B&K hampir sama namun soalan diubah suai untuk mengetahui pandangan mereka terhadap guru B&K di sekolah mereka. Adapun pertanyaannya seperti berikut:

Apakah pandangan cikgu mengenai guru B&K di sekolah?

1. Bagaimanakan pengetahuan guru kaunseling berhubung dengan objektif perkhidmatan B&K di sekolah?
2. Apakah pendapat cikgu mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh guru B&K di sekolah? Adakah ianya berkesan menangani masalah-masalah yang berlaku di sekolah?

University of Malaya

3. Apakah terdapat masalah yang dihadapi oleh guru B&K dalam menjalankan perkhidmatannya di sekolah?
4. Menurut pandangan cikgu, adakah guru B&K mempunyai keyakinan yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik di sekolah?
5. Adakah guru B&K mempunyai pengalaman yang cukup dalam menjalankan perkhidmatannya di sekolah?
6. Menurut pandangan cikgu, apakah guru B&K sentiasa meningkatkan diri dengan mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan B&K?
7. Menurut pandangan cikgu, apakah tahap keberkesanan guru B&K berhubung perkhidmatan B&K?
8. Apakah cadangan cikgu untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah?

Sedangkan untuk kajian tinjauan untuk mengetahui Dimensi Input, Proses dan Produk, satu set borang soal selidik telah direka sendiri oleh pengkaji berdasarkan panduan yang terdapat dalam model penilaian CIPP, Stufflebeam (1966) yang mengandungi empat bahagian untuk mengumpulkan data. Soal selidik tersebut terdiri dari pertama faktor demografik dan perkhidmatan, kedua adalah menilai Dimensi Input, ketiga adalah Dimensi Proses dan keempat adalah Dimensi Produk.

Bahagian I. Faktor Demografik

Dalam soalselidik demografik dan perkhidmatan guru-guru B&K telah diminta berhubung (a) kedudukan (b) gender (c) umur (d) pengalaman pendidikan (e) tahap pendidikan (f) bilangan klien yang diberi perkhidmatan (g) matlamat-matlamat (h)

University of Malaya

falsafah (i) kurikulum bimbingan (k) penilaian program (l) peratus masa yang digunakan untuk sesi-sesi kaunseling.

Soal-selidik mengandungi 17 muka surat, (a) muka surat tajuk (b) muka surat demografi (c) 12 muka surat yang mengandungi 114 item berhubung B&K sekolah menengah. Terdapat muka surat tajuk yang mengandungi nombor telefon pengkaji dan alamat untuk rujukan responden-responden supaya jika memerlukan maklumat lanjut responden-responden boleh menghubungi pengkaji. Terdapat 5 soalan dalam muka surat demografi dan 8 soalan perkhidmatan untuk guru-guru menjawab. Arahan-arahan dinyatakan dalam bentuk mudah dan dicetak dalam huruf-huruf 'bold' di ruang atas muka surat berkenaan. Responden hanya membulatkan dengan menggunakan Skala Likert berikut: 5. Sangat Setuju 4. Setuju 3. Kurang Setuju 2. Tidak Setuju 1. Sangat Tidak Setuju.

Bahagian II: Dimensi Input

Soal selidik yang digunakan untuk mengukur Dimensi Input juga mengandungi 57 soalan positif yang berbentuk 5 (lima) skala Likert iaitu (5) Sangat Setuju, (4) Setuju, (3) Kurang Setuju, (2) Tidak Setuju, (1) Sangat Tidak Setuju. Soal selidik berkenaan berdasarkan aspek-aspek pemboleh ubah Dimensi Input untuk kajian ini yang seterusnya disenaraikan menjadi item-item soal selidik seperti berikut dalam Jadual **3.2.**

University of Malaya

Jadual 3.2

Subskala	Nombor Item	Bil. Item
a. Pengetahuan dan Kemahiran guru		
- Perkembangan Personal	1,2,3,4,5,6,7	7
- Perkembangan Pendidikan	8,9,10,11,12,13,14,15	8
- Perkembangan Kerjaya	16,17,18,19,20,21,22,23	8
b. Sokongan pengetua	24,25,26,27,28,29,30,31, 32,33,34.	11
c. Pengurusan Kewangan	35,36,37,38,39,40,41	7
d. Kemudahan dan bahan rujukan	42,43,44,45,46,47,48,49,50	9
e. Latihan Perkhidmatan	51,52,53,54,55,56,57,58,59, 60,61.	11
Jumlah		57

Contoh item-item yang digunakan bagi lima subskala dalam Dimensi Input adalah seperti berikut:

1. Pengetahuan dan kemahiran guru. Bahagian ini mengandungi 3 bahagian iaitu maklumat berhubung perkembangan personal pelajar, perkembangan pendidikan pelajar dan perkembangan kerjaya pelajar.

   Contoh item soalan adalah “Saya membantu pelajar menghadapi perubahan-perubahan fizikal dan emosi yang berlaku pada awal remaja”.

2. Sokongan pengetua.

   Contoh item soalan adalah “Pengetua memberi sokongan kepada guru-guru kaunseling dalam menjalankan tugas mereka”.

3. Pengurusan kewangan.

   Contoh item soalan adalah “Peruntukan kewangan untuk kegunaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling adalah mencukupi”.

4. Kemudahan dan bahan sokongan.

University of Malaya

Contoh item soalan adalah “Bilik kaunseling untuk sesi kaunseling individu dan kelompok adalah mencukupi”.

5. Tahap kelayakan dan latihan dalam perkhidmatan (LADAP).

   Contoh item soalan adalah “Saya sering diabaikan untuk mengikuti kursus Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) anjuran JPN dan Kementerian”.

Bahagian III. Dimensi Proses

Soal selidik yang digunakan untuk mengukur Dimensi Proses juga mengandungi 33 soalan positif yang berbentuk 5 (lima) skala Likert iaitu (5) Sangat Setuju, (4) Setuju, (3) Kurang Setuju, (2) Tidak Setuju, (1) Sangat Tidak Setuju. Soal selidik berkenaan berdasarkan aspek-aspek pemboleh ubah Dimensi Proses untuk kajian ini yang seterusnya disenaraikan menjadi item-item soal selidik seperti berikut dalam Jadual **3.3**.

Jadual 3.3

Subskala	Nombor Item	Bil. Item
a. Strategi menjalankan perkhidmatan Bimbinagn dan Kaunseling	1,2,3,4,5,6,7,8	8
b. Peranan dan Fungsi guru kaunseling		
- Penyelarasan	9,10,11,12,13,14,15,16,17, 18,19,20,21,22,23,24,25,26.	18
- Komunikasi	27,28,29	3
- Perundingan	30,31,32,33	4
Jumlah		33

University of Malaya

Contoh item-item yang digunakan bagi lima subskala dalam Dimensi Proses adalah seperti berikut:

1. Strategi menjalankan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.

   Contoh item soalan adalah "Pendekatan perkembangan digunakan untuk menangani isu pelajar".

2. Peranan dan fungsi guru kaunseling.

   Contoh item soalan adalah "Saya memberikan kaunseling penyuburan apabila diperlukan untuk menangani isu pelajar".

Bahagian IV. Dimensi Produk

Soal selidik yang digunakan untuk mengukur Dimensi Produk juga mengandungi 20 soalan positif yang berbentuk 5 (lima) skala Likert iaitu (5) Sangat Setuju, (4) Setuju, (3) Kurang Setuju, (2) Tidak Setuju, (1) Sangat Tidak Setuju. Soal selidik berkenaan berdasarkan aspek-aspek pemboleh ubah Dimensi Produk untuk kajian ini yang seterusnya disenaraikan menjadi item-item soal selidik seperti berikut dalam Jadual **3.4.**

Jadual 3.4

Subskala	Nombor Item	Bil. Item
a. Perubahan Sikap pelajar	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10, 11,12,13,14,15.	8
b. Pencapaian objektif perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.	16,17,18,19,20	5
Jumlah		20

University of Malaya

Contoh item-item yang digunakan bagi lima subskala dalam Dimensi Proses adalah seperti berikut:

1. Perubahan sikap pelajar.

   Contoh item soalan adalah "Guru kaunseling merupakan tempat rujukan utama pelajar dalam menyelesaikan masalah mereka".

2. Pencapaian objektif perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Bahagian ini mengandungi 10 item.

   Contoh item soalan adalah "Program bimbingan membantu sekolah dan ibu bapa untuk memahami kebolehan akademik pelajar".

Prosedur Menyediakan Soal Selidik

Langkah pertama dalam proses mengembangkan suatu soal-selidik dalam mengembangkan suatu model penilaian adalah mengumpul dan mengenal pasti matlamat perkhidmatan B&K sekolah menengah, mengenal pasti peranan dan fungsi guru B&K sekolah menengah dan menentukan apakah maklumat khusus yang diharapkan oleh pengkaji yang ingin diperolehi daripada soal-selidik berkenaan (Harrison, 1993).

Bahan-bahan berikut telah digunakan untuk mencari maklumat berhubung matlamat-matlamat B&K dan peranan dan fungsi guru B&K sekolah menengah: (a) Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Sekolah Menengah yang diterbitkan oleh KPM, (1993), (b) Buku Rekod Pelaporan Perkhidmatan B&K sekolah (c) pencarian database EPRD, (d) artikel-artikel dari journal, buku-buku dan rujukan-rujukannya (e) artikel dari Journal PERKAMA, (f) artikel-artikel dari Lembaga Kaunselor Malaysia (g) hasil perbincangan bersama penyelia Prof Suradi Salim dan Dr. Haslee Sharil Lim Abdullah dan (h) contoh maklumat dari soal-selidik lain.

University of Malaya

Kesemua maklumat dari pelbagai sumber dianalisis dan matlamat-matlamat B&K sekolah menengah serta peranan dan fungsi mereka telah dikenal pasti.

Tugas kedua dalam mengembangkan suatu soal-selidik adalah untuk memilih suatu format respon. Terdapat lebih daripada 600 responden yang terlibat dalam kajian ini, maka suatu format respon tertutup digunakan. Tidak ada item-item berbentuk terbuka yang terdapat dalam soal-selidik. Tidak ada opsyen yang menyatakan 'tidak ada pendapat' (no opinion) di masukkan untuk mengelakkan respon-respon tak bertulis. Suatu format respon jenis Skala Likert digunakan untuk menilai perhubungan kepentingan matlamat-matlamat program dan peranan dan fungsi guru B&K.

Yang ketiga, rangka rujukan responden merupakan suatu perkara yang perlu dipertimbangkan bila membina soal-selidik (Harrison, 1993). Soalan-soalan berikut perlu ditanya pada setiap item dalam soal selidik bila sedang membinanya, di mana respondennya adalah tentunya guru-guru B&K: (a) adakah kosa kata yang digunakan itu sesuai untuk responden-responden, (b) bagaimana berkesannya responden-responden itu perlu merespon (c) adakah kumpulan berkenaan mempunyai suatu perspektif tertentu yang perlu di ambil kira.

Yang keempat item-item untuk soal selidik ditulis dengan mengambil kira maklumat-maklumat berikut. Item-item perlu dibina untuk membangkitkan suatu respon yang dapat dipercayai dan berfaedah. Suatu ukuran sikap yang baik adalah berfokus pada objektif asas, 3 bahagian utama objektif sikap tentang matlamat program Bimbingan digunakan dalam soal selidik ialah (a) perkembangan peribadi (b) perkembangan pendidikan dan (c) perkembangan kerjaya. Tiga bahagian utama objektif sikap berhubung peranan dan fungsi kaunselor telah digunakan: (a) menyelaras (b) komunikasi dan (c) konsultasi. Suatu instrumen sikap yang boleh

University of Malaya

dipercayai boleh menyokong dengan kukuh kesahan dan juga kebolehpercayaan. Kesahan adalah penting jika suatu keputusan itu adalah berdasarkan pada keputusan-keputusan soal-selidik. Item-item dimasukkan jika ianya telah dipastikan kesahan dan ditambah kebolehpercayaan untuk soal-selidik.

Suatu draf pertama soal selidik, menggunakan maklumat yang dikumpulkan telah ditulis dan diberikan kepada 4 orang teman sekerja (guru-guru B&K). Item-item yang banyak, melebihi keperluan telah dimasukkan dalam draf pertama soal-selidik dan 4 orang guru kaunseling berkenaan diminta untuk mengenal pasti item-item yang paling penting dan item yang kurang penting.

Kelima, suatu lagi bahagian penting dalam mengembangkan soal-selidik ialah mengkritik item-item. Untuk setiap item yang ditulis, pengkaji menyoal: (a) Adakah item berkenaan berhubung dengan suatu idea? (b) Adakah terdapat suatu cara mudah atau langsung untuk menyatakan item? Suatu usaha telah dibuat untuk membolehkan ayat dalam item-item itu mengandungi tidak lebih daripada 20 patah perkataan untuk menghadkan bilangan konsep yang kompleks dalam mana-mana item.

Dalam mengembangkan suatu soal-selidik, perhatian diberi pada penggunaan perkataan yang mengelirukan atau tidak sesuai dalam item-item: (a) Adakah terdapat lebih daripada satu maksud untuk satu perkataan? dan (b) Adakah terdapat perkataan yang tidak biasa untuk responden? Item-item telah disemak oleh guru-guru B&K tadi untuk melihat perkataan-perkataan atau frasa-frasa yang boleh mempengaruhi respon. Sebagai conoh ada setengah contoh perkataan yang boleh menakutkan orang adalah seperti perkataan ”melarang”.

Soalan-soalan yang dikemukakan tentang setiap item dalam soal-selidik adalah: (a) Adakah item dinyatakan secara negatif (b) Adakah item menggalakkan

University of Malaya

suatu jawapan atau menghalang lain, dan (c) Adatah item membenarkan suatu respon di mana menunjukkan suatu kekurangan maklumat atau kekurangan pendapat tanpa merendahkan pandangan responden?

Langkah seterusnya ialah untuk mengembangkan suatu soal seldik menggunakan item-item yang penting yang telah dikenalpasti dalam langkah-langkah sebelum ini. Perubahan yang dicadangkan dalam draf pertama telah dimurnikan dan dimasukkan ke dalam draf kedua. Item-item yang tidak penting dikeluarkan dari soal selidik draf pertama. Enam orang guru cemerlang B&K diminta untuk memeriksa kembali draf kedua soal selidik untuk analisa item. Perubahan yang dicadangkan itu digabungkan ke dalam soal selidik dan di hantar pada Ketua Bidang Bahasa untuk megesahkan penggunaan struktur bahasa yang betul. Langkah seterusnya ialah menjalankan ujian rintis untuk kali pertama ke atas 17 orang guru B&K. Seterusnya untuk mengukur kesahan kandungan, pengkaji telah meminta bantuan ilmiah daripada beberapa orang pakar dalam penilaian dan perkhidmatan B&K. Langkah terakhir ialah telah dijalankan suatu lagi kajian rintis ke atas 32 orang guru B&K.

Kelima, bila menghimpunkan soal selidik, keputusan telah dibuat untuk meningkatkan kadar respon: (a) cetakan profesional digunakan untuk meningkatkan penampilan soal-selidik (b) soal-selidik kelihatan senang untuk dilengkapkan (c) terdapat sebilangan kecil item yang mungkin dikeluarkan (d) garisan atau ruang langkauan digunakan sebagai pembatasan antara blok item dan (e) skala dicetak pada setiap muka surat.

Terdapat 2 bahagian dalam soal selidik; suatu bahagian adalah untuk maklumat demografik dan perkhidmatan dan suatu lagi adalah untuk peranan dan fungsi guru B&K yang dinilai melalui dimensi-dimensi CIPP. Susunan soal selidik

dibuat bahagian (devisions) antara seksyen supaya nampak jelas bahagian-bahagiannya. Suatu pendahuluan ditempatkan sebelum setiap seksyen. Arahan untuk soal selidik telah ditentukan dan ianya tidak meragukan dan harapkan suatu format yang paling mudah.

Kajian Rintis

Suatu kajian rintis pertama dijalankan ke atas 17 orang guru-guru B&K. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk menentukan kesesuaian soalselidik dengan tujuan kajian supaya dapat:

i. Mengenal pasti kesahan item dari segi ketepatan serta kesesuaian istilah dan diikuti dengan penstrukturan ayat di mana tidak akan menimbulkan keraguan serta kekeliruan. Ia juga akan memastikan supaya responden dapat menjawab tanpa salah tafsirkan item.

ii. Supaya boleh dapat maklum balas yang jelas berhubung peruntukkan masa yang diperlukan oleh responden semasa menjawab item-item yang terdapat dalam soal selidik.

iii. Supaya boleh menguji item-item yang dijawab itu adalah semestinya berhubung dengan pengetahuan dan pengalaman guru.

Responden dipohon supaya menjawab semua item dalam soal selidik. Seterusnya digalakkan memberi komen berhubung kesesuaian soal selidik berkenaan. Komen yang diberikan oleh responden-responden ini diambil kira dan dijadikan sebagai panduan dalam memurnikan soal selidik. Langkah seterusnya ialah soal selidik dihantar untuk kesahan dan keboleh percayaan instrumen.

University of Malaya

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Salah satu aspek terpenting dalam membina sesuatu instrumen kajian ialah kesahan dan kebolehpercayaan. Dengan itu sebelum sesuatu alat kajian itu boleh diguna pakai dalam kajian sebenar, pengkaji sebenarnya melakukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen berkenaan.

Kesahan Instrumen. Kesahan merujuk kepada keupayaan suatu pengukuran yang dilakukan untuk mengukur nilai sebenar konsep dalam hipotesis. Kesahan dikatakan tinggi jika instrumen yang dibina benar-benar mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis (Chua, 2011).

Kesahan adalah konsep yang penting dalam konteks pengukuran konstruk ataupun gagasan seperti sikap, motivasi, persepsi, kecergasan, dan pencapaian (Azizi, Sharin, Jamaludin, Yusof & Abd Rahim, 2007 dan Syed Kamaruzaman, 2012).

Chua (2012) menyatakan terdapat beberapa jenis kesahan dalam penyelidikan kuantitatif seperti jadual di bawah:

Jadual 3.5

Kesahan dalam penyelidikan kuantitatif

Jenis Kesahan	**Definisi**
Kesahan muka	Sejauh mana pengukuran dibuat dapat mengukur nilai sebenar yang ingin diukur
Kesahan kriteria	Sejauh mana pengukuran yang dibuat dapat meramal kriteria yang ingin diukur
Kesahan bina	Sejauh mana hipotesis yang dibuat berdasarkan teori-teori
Kesahan kandungan	Sejauh mana pengukuran dapat dibuat mewakili aspek kandungan yang diukur
Kesahan dalaman	Sejauh mana kajian menunjukkan bahawa rawatan yang dibuat dalam kajian benar-benar menyebabkan perubahan tingkah laku subjek kajian dan bukan disebabkan oleh faktor-faktor lain selaindaripada rawatan sebenar.
Kesahan luaran	Sejauh mana hasil kajian dapat diaplikasikan kepada kumpulan-kumpulan lain dalam dunia sebenar.

University of Malaya

Manakala Balachandher (2005) membahagikan kesahan kepada dua iaitu kesahan luaran (external validity) dan kesahan dalaman (internal validity). Kesahan dalaman meliputi kesahan kandungan (content validity), kesahan kriteria (criterion related validity, dan kesahan konstruk/pembinaan (construct validity). Dalam mendapatkan kesahan instrumen soal selidik kajian ini, pengkaji harus menjalankan kesahan kandungan.

Semasa menjalankan kesahan kandungan, pengkaji bersama guru-guru cemerlang B&K telah memeriksa kembali dan seterusnya membaca dengan cermat ayat dan perkataan yang sesuai dengan ciri-ciri dalam pengukuran. Seterusnya dihantar kepada penyelia untuk kepastian pengesahan kandungan. Tumpuan diberi pada pemilihan item-item yang sesuai untuk menilai perjalanan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah. Ini adalah kerana dalam mengukur konstruk/pembinaan pelaksanaan perkhidmatan B&K, kesahan kandungan harus meneliti sama ada item yang sesuai dipilih untuk mengukur pelaksanaan perkhidmatan B&K di sekolah.

Setelah menjalankan penelitian tentang item-tem dalam instrumen, pengkaji telah melaksanakan dua fasa proses untuk mendapatkan kesahan. Fasa pertama pengkaji telah mendapat pandangan dan idea daripada beberapa orang pakar dalam bidang pengukuran dan penilaian serta dalam bidang B&K. Maklumat panel ditunjukkan di dalam jadual yang tertera di bawah:

University of Malaya

Jadual 3.6

Maklumat Panel

Nama Panel	**Jenis Kesahan**	**Maklumat Peribadi**
Dr. Azemi Shaari Mansur B. Abdullah	Kesahan kandungan dari aspek perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia (UUM)
Prof. Madya Dr. Ahmad Rozelan B. Yunus	Kesahan dari aspek penilaian	Pensyarah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Universiti Teknik Malaysia Melaka (UTEM)

Panel-panel berkenaan meneliti ayat dan perkataan yang digunakan dalam soal selidik dan selanjutnya membuat beberapa pemurnian tentang pernyataan yang terdapat dalam instrumen berkenaan. Setelah mendapat semula instrumen yang telah disemak oleh panel-panel tadi maka pengkaji meneliti semula instrumen berkenaan dan membuat pembetulan berdasarkan saranan yang diberi itu. Antara saranan yang diberi ialah ’jangan gunakan double binding’ dalam membina item-item dalam soal selidik. Untuk fasa kedua pula pengkaji mengedarkan instrumen yang telah siap diperbaiki kepada 6 orang guru cemerlang kaunseling untuk menyemak semula ayat dan perkataan yang sesuai dengan ciri-ciri pengukuran. Fasa ini merupakan langkah terakhir dalam sesuatu proses menguji kesahan (Lund, 2008).

Kebolehpercayaan instrumen. Kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperolehi nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Jika pengukuran pada kali yang kedua (dan ketiga atau pada kali yang seterusnya) dilakukan, nilai yang diperolehi adalah serupa, maka kajian dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Chua, 2011). Kebolehpercayaan menjadi elemen penting dalam penyelidikan

University of Malaya

kuantitatif (Armstrong et al, 1997). Dalam kajian ini, *Cronbach Alpha* digunakan untuk analisis item. Sekaran (2000) menyatakan bahawa *Cronbach Alpha* merupakan pekali atau nilai kebolehpercayaan yang menunjukkan bagaimana item-item kajian berhubung di antara satu sama lain.

Jadual 3.7
Keputusan Kajian Rintis 1 dan 2

No item	**Item**	**Nilai Alpha ( ) Ujian Rintis 1**	**Nilai Alpha ( ) Ujian Rintis 2**
1-5	Demografi	-	-
6-13	Maklumat Program Bimbingan dan Kaunseling	-	-
14-39	Dimensi Konteks (Matlamat dan Objektif)	α=.411	Item-item digugurkan. Soalan temu bual disediakan atas bimbingan penyelia.
40-96	Dimensi Input (Strategi dan Kaedah)	α=.869	α=.882
97-129	Dimensi Proses (Permasalahan)	α=.948	α=.961
130-153	Dimensi Produk (Out put)	α=.933	α=.958

Kajian rintis juga dilakukan kali kedua dimana setelah mendapat semula instrumen yang telah disemak oleh panel-panel untuk pengesahan dan kebolehpercayaan instrumen, maka pengkaji meneliti semula instrumen berkenaan dan membuat pembetulan berdasarkan saranan yang diberi itu. Panel pemeriksa mencadangkan item-item dalam Dimensi Konteks digugurkan. Untuk fasa kedua pula pengkaji mengedarkan instrumen yang telah siap diperbaiki berdasarkan cadangan penel pemeriksa dan diedarkan kepada 32 orang guru B&K untuk ujian rintis kedua. Semasa memberi respon guru B&K digalakkan mencatat sebarang

University of Malaya

komen berhubung kesalahan dan kekaburan pernyataan berhubung kandungan instrumen tersebut.

Henerson, Morris & Fitz-Gibbon (1987) menyatakan soal-soal selidik dibentuk (a) untuk mengenal pasti objektif-objektif program di mana menjawab soalan untuk apakah soal selidik itu disediakan dan menentukan apakah maklumat khusus yang diharapkan oleh pengkaji dari soal selidik berkenaan, (b) memilih suatu format respon, (c) mengenali suatu rangka rujukan responden-responden, (d) menulis item-item, (e) mengadakan ujian rintis item-item, (f) mengumpul dan mengadakan ujian rintis soal-selidik dan (g) mentadbir soal-selidik.

Prosedur Pelaksanaan

Langkah pertama dalam pengedaran soal selidik ialah menyediakan suatu surat litup (rujuk Appendix A) di mana telah disertakan bersama dengan setiap soal selidik untuk memberi maklumat kepada responden tentang kepentingan soal selidik dan tarikh untuk memulangkan kembali soal selidik berkenaan. Nombor telefon pengkaji dan alamat disertakan dalam surat litup berkenaan. Responden-responden digalak untuk menghubungi pengkaji jika mereka mempunyai sebarang soalan atau keraguan yang memerlukan penjelasan dari pengkaji.

Terlebih dahulu kebenaran untuk menghantar soal-selidik kepada guru-guru B&K dari sekolah-sekolah telah diperolehi daripada EPRD & JPN negeri (rujuk Appendix B). Surat pengenalan kepada pengetua-pengetua sekolah menengah yang menerima soal-selidik disertakan bersama dalam suatu surat litup (rujuk Appendix C) bersama suatu salinan surat kebenaran dari KPM.

Suatu surat litup (rujuk Appendix A) yang memperkenalkan soal-selidik disertakan bersama untuk setiap responden. Ia menerangkan kepentingan soal-

University of Malaya

selidik dan memberikan panduan untuk menjawab item-item. Suatu batas waktu iaitu selama 3 minggu telah ditentukan dalam surat litup untuk mengembalikan soal-selidik. Soal-selidik telah diedarkan kepada pengetua-pengetua sekolah menengah. Selepas seminggu ke seminggu pengkaji telah menalipon setiap sekolah untuk mencari jika terdapat soalan yang mengelirukan dan memberikan bantuan dalam sebarang cara mana untuk menambahkan pengembalian bilangan soal-selidik.

Responden telah diberi 3 minggu untuk menyempurnakan soal-selidik dan dihantar balik dengan menggunakan sampul surat berstem yang disediakan bersama soal selidik. Pengkaji telah mengumpul soal-selidik dari pejabat pos daerah selepas tamat tempoh 3 minggu yang diberikan. Setiap jawapan responden dimasukkan dalam Program SPSS Versi 20.0 untuk dianalisa.

Penganalisisan Data

Data data utama dalam penyelidikan ini bersifat kuantitatif. Maka data yang dikumpulkanitu diinterpretasikan dengan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) version 23.0.

Statistik diskriptif seperti frekuensi, peratusan, sisihan piawai dan min digunakan untuk menunjukkan tahap, input, proses dan produk dalam kajian keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah. Manakala petikan-petikan dari temu bual digunakan untuk merumuskan soalan kajian kontek. Ujian MANOVA dijalankan bagi mengenalpasti perbezaan keberkesanan perkhidmatan B & K di sekolah.

University of Malaya

Rumusan

Bab ini telah merumuskan kaedah kajian yang digunakan iaitu kaedah temubual dan juga tinjauan untuk mendapatkan data dari 4 Dimensi yang diukur iaitu Dimensi Konteks, Input, Proses, dan Produk. Setrusnyanya bab berikut akan membicangkan tentang dapatan kajian berdasarkan 9 soalan kajian yang dibina.

University of Malaya

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Pengenalan

Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K Kaunseling dari dimensi Kontek, Input, Proses dan Produk di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Data untuk Dimensi Kontek diperolehi melalui temu bual 5 orang Guru B&K dan 5 orang Guru Bukan B&K yang bertujuan untuk mendapat maklumat-maklumat asas kepada keperluan dan kepentingan terhadap perkhidmatan B&K. Maklumat-maklumat tersebut adalahkerelevanan objektif perkhdimatan B&K dengan FPN di sekolah-sekolah menengah di Malaysia, sikap guru kaunseling dalam penerimaan sebagai guru kaunseling sepenuh masa di sekolah-sekolah menengah di Malaysia, masalah-masalah menguruskan perkhidmatan B&K di sekolah menengah di Malaysia, keyakinan guru-guru kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia, Kursus/LADAP/bengkel yang dihadiri dalam 5 tahun lepas yang membantu guru-guru kaunseling dalam menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia Sedangkan data Input, Proses dan Produk diperoleh dengan menggunakan perisian SPSS 23.0. Statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusa, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan profil demografi kajian dan menentukan tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi Input, Proses dan Produk di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Ujian MANOVA dijalankan bagi mengenalpasti perbezaan keberkesanan perkhidmatan B & K di sekolah.

University of Malaya

Tahap Pengetahuan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dari Dimensi Konteks Guru B&K dan Bukan Guru B&K.

Dimensi konteks guru B&K. Daripada dapatan temu bual ke atas lima orang responden didapati empat daripadanya menjelaskan kerelavanan objektif perkhidmatan B&K dengan tepat. Salah seorang daripada mereka telah menjelaskan tentang kerelavanan objektif perkhidmatan B&K dengan FPN seperti berikut:

> "Ya, saya rasa sangat relevan dengan FPN kerana di dalam komponen B&K juga ada menekankan beberapa komponen seperti akademik, psikososial dan kesejahteraan mental, kerjaya, pembangunan diri murid dan perkembangan sahsiah diri murid, peningkatan disiplin diri murid, Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa), keibubapaan dan pengurusan HIV/AIDS. Jadi dalam setiap komponen yang telah disebutkan tadi akan dapat melahirkan modal insan yang baik. Melalui ini, melalui apa yang disebutkan di atas tadi yang mana objektif FPN ia itu mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani, tercapailah melalui kehendak FPN dan objektif B&K".
>
> (R2/T1/72-81)

Begitu juga dengan sikap guru B&K dalam penerimaan sebagai guru B&K sepenuh masa di mana secara keseluruhannya daripada lima responden yang ditemu bual didapati semua responden (100%) telah dapat menjelaskan tentang tidak banyak maklumat yang dipelajari di universiti dapat digunakan di sekolah di mana melahirkan kurang puas hati dalam penerimaan sebagai guru B&K sepenuh masa seperti mana terdapat dalam data temubual berikut:

> "Immm… Ok…Macam di sekolah berasrama penuh, saya fokus pada sekolah berasramah penuh, imm…apa yang dipelajari di universiti.. immm tak banyak digunakan di sekolah, ahhh…di sekolah banyak gunakan… di sekolah banyak kita menguruskan dari segi pengurusan B&K dari segi program, dari segi pengurusan pelajar dan sebagainya, tapi di universiti kita banyak menguruskan atau kita banyak belajar tentang teori-teori…".
>
> (R1/T2/180-185)

University of Malaya

Manakala untuk dapatan temu bual ke atas lima orang responden berhubung masalah-masalah yang dihadapi dalam menguruskan perkhidmatan B&K didapati kesemua responden (100%) hampir menghadapi masalah yang sama dalam menguruskan perkhidmatan B&K di sekolah. Antaranya adalah kurangnya kemudahan dalam bilik B&K seperti kekurangan komputer, tidak ada bilik khas untuk kaunseling individu dan kelompok, kurang sumber kewangan dalam menjalankan 10 komponen yang terdapat dalam perkhidmatan B&K menyebabkan beberapa aktiviti terpaksa digugurkan, pihak pentadbir dan guru-guru lain di sekolah tak faham tugas guru B&K sebenar kerana guru B&K mempunyai "core business" mereka iaitu menjalankan sesi kaunseling individu dan kelompok di mana dalam seminggu wajib menjalankan lima sesi individu dan tiga sesi kelompok. Disamping itu mereka juga perlu mengendalikan program/aktiviti berdasarkan beberapa komponen yang dikhaskan di bawah tugas mereka. Dalam hal ini pentadbir dan guru-guru lain menganggap bahawa guru kaunseling tidak terlibat dengan PdP menyebabkan guru kaunseling diberi waktu-waktu relief sehingga 12 waktu dalam seminggu. Manakala ratio guru kaunseling dengan murid pula didapati di sekolah-sekolah harian biasa seorang guru kaunseling bertanggungjawab ke atas 500 orang murid (1:500). Ada juga sekolah yang hanya terdapat seorang guru kaunseling sahaja di mana jika dia tidak ada di sekolah maka tidak ada guru lain yang boleh mengendalikan sesi kaunseling untuk pelajar-pelajar. Ini di tambah dengan tugas-tugas lain iaitu komponen-komponen dalam perkhidmatan B&K yang terpaksa dikendalikan bersendirian sahaja. Ada juga responden menyatakan oleh kerana dia seorang sahaja guru kaunseling di sekolah dan dia adalah lelaki maka ada pelajar perempuan rasa segan meluahkan masalah berhubung seksual kepadanya. Salah

University of Malaya

seorang daripada mereka telah menjelaskan tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam menguruskan perkhidmatan ini berikut:

> "Sebenarnya saya memang menghadapi banyak masalah juga di mana setakat ini saya seorang saja menjalankan tugas sebagai guru B&K. saya memang setuju dengan apa yang sebut tadi memang satu kaunselor untuk menjaga 500 pelajar memang payahlah di mana bila saya menghadapi masalah ialah semasa saya menghadir kursus contohnya,saya tiada di sekolah selama 3 har jadi tidak ada orang yang boleh membantu pelajar yang menghadapi masalah lah.yang itu satu.Yang kedua,saya sebagai kaunselor saya juga kena jaga unit dadah jadi maksudnya kalau kaunselor lebih daripada satu, mungkin seorang boleh jaga unit dadah dan seorang lagi boleh jaga kaunseling, jadi memudahkan pengurusan B&K dengan pencegahan dadah dan satu lagi kemudahan bilik kaunseling jadi sebenarnya bila kaunseling kenalah sebagai tempat kondusif,tapi memandangkan kemudahan yang kurang selesa, jadi pelajar pelajar, kita perlukan, akan terima pelajar-pelajar supaya pelajar rasa selesa duduk sini melibatkan diri dalam kaunseling, jadi kalau boleh kemudahan-kemudahan seperti kemudahan asas seperti bilik kaunseling berhawa dingin contohnya, bilik khas untuk kaunseling isesi ndividu dan kaunseling kelompok, kalau ada bilik-bilik yang sesuai macam itu jadi iti akan memudahkan sesi kaunseling. Begitu juga peralatan, peralatan dari segi kemudahan ICT lah, jadi untuk kaunselor perlu ada satu set alat ICT supaya dapat merancang program-program seperti untuk pelajar dan juga kena sedia itu satu set untuk pelajarlah, kadang-kadang ada pelajar, bekas pelajar akan dating jumpa kaunselor untuk dapat maklumat dan juga untuk memohon IPTA dan sebagainya,jadi alat itu boleh gunakan untuk merekalah.Selain daripada itu,waktu relief,kadang-kadang kita terlibat dalam program kita dan atur program ini mungkin lebih awal tapi mungkin cikgu yang buat relief itu kadang-kadang terlepas pandang, mereka beri relief untuk kita. Jadi kita kadang-kadang rasa bersalahlah, masalah lah, jadi itu satu. Kadang-kadang seorang kaunselor sepatutnya kene beri dua relief memadai, ada kala empat, lima pun pernah saya diterima, jadi itu akan mengganggu kerja kitalah sebagai guru kaunselor. Selain daripada itu sokongan guru, tapi setakat ini kelas saya tak ada masalah lah. Cuma kadang-kadang untuk program-program lain, mereka seratus peratus menggunakan kaunselor lah.Sebab mereka perlukan bimbingan,kekuatan kita, tapi bila program kita ada kalanya cikgu-cikgu ini tak turun padanglah. Contohnya kita dah atur satu program kadang-kadang kita sendiri lah menguruskan semua".
>
> (R3/T3/114-144)

Seterusnya daripada dapatan temu bual ke atas tiga daripada lima orang guru menyatakan kurang berkeyakinan dalam menjalankan perkhidmatan B&K ini.

University of Malaya

Perkhidmatan B&K merangkumi 10 komponen yang harus dijalankan oleh seseorang guru B&Kkerana ada komponen di luar bidang penguasaan kemahiran seperti Pendidikan Pencegahan Dadah(PPDa) dan Psiko-sosial dan Kesejahteraan Mental di mana perlukan sokongan dari agensi-agensi luar seperti mana terdapat dalam data temubual berikut:

> "Ok... saya kalau ikutkan ke...keyakinan saya itu tidak beberapa yakin la. Sebab ada sesetengah bidang yang saya mahir itu dari segi... contohnya bidang akedemik dan kerjaya la. Aahh.... yang akedemik , kerjaya ok la sebab berkaitan dengan kita belajar lepas itu ada yang kita tidak mahir itu dari segi pendidikan pencegahan dadah. Jadi untuk menjalankan komponen ini amat sukar la. Lepas itu saya juga tidak mahir untuk menjalankan komponen psikososial dan kesejahteraan mental seperti dari segi pengurusan tekanan. Yang mana yang perlu ada kemahiran khusus. Yang perlu ada itu kemahiran khusus...contohnya perubatan la. Kita tiada benda itu".

(R4/T4/256-260)

Manakala untuk dapatan temu bual ke atas lima orang responden berhubung kursus/bengkel/LADAP yang dihadiri lima tahun lepas yang membantu guru-guru B&K dalam menjalankan perkhidmatan mereka, didapati dapatan temu bual menunjukkan kelima-lima orang guru memang pernah menghadiri kursus/bengkel/LADAP yang dianjurkan di peringkat daerah, negeri dan juga peringkat kebangsaan. Tetapi tidak ada satu penyelarasan dalam pengurusan dan pentadbiran dalam B&K kerana setiap negeri menganjurkan kursus/bengkel/LADAP mengikut kesesuaian negeri masing-masing. Ini menyebabkan tidak wujud satu kesamaan ataupun keselarian dalam pengendalian program mahupun penganjuran kursus/bengkel/LADAP di kalangan guru B&K sekolah menengah di Malaysia. Kesemua responden mencadangkan supaya penggunaan teori dan teknik kaunseling harus didedahkan semula supaya guru-guru kaunseling ini "di re-educate".

University of Malaya

Cadangan juga diterima dari guru-guru B&K supaya cara pengendalian sepuluh komponen dalam perkhidmatan B&K diberi kursus supaya guru-guru ini dapat kemahiran yang cukup dalam mengendalikan perkhidmatan B&K secara lebih berkesan seperti mana terdapat dalam data temubual berikut:

> "Ok, kalau secara berfokus melibatkan bidang yang kita perlu laksanakan contohnya sekarang kita terikat dengan empat bidang utama contohnya peningkatan disiplin murid, psiko-sosial dan kesihatan mental murid, pembangunan sahsiah, pengurusan kerjaya murid. Dari segi secara totalnya yang kursus-kursus khas untuk satu satu-satu bidang belum ada lagilah. Jadi mungkinlah saya rasa cantik jugalah kalau sekiranya pihak daerah, JPN dan sebagainya boleh menjalankan kursus-kursus yang lebih fokuslah. Contohnya untuk bulan, contohnya untuk bulan Ogos satu kursus berkenaan dengan bagaimana untuk nak meningkatkan disiplin murid perlu dibuat".

(R5/T5/341-348)

Dimensi Kontek Bukan Guru B&K. Daripada dapatan temu bual ke atas lima orang responden bukan Guru B&K didapati empat daripadanya menjelaskan kerelavanan objektif perkhidmatan B&K dengan tepat. Salah seorang daripada mereka telah menjelaskan tentang kerelavanan objektif perkhidmatan B&K seperti berikut:

> "Ya, saya rasa sangat relevan kerana di dalam komponen B&K juga ada menekankan beberapa komponen seperti akademik, psiko-sosial, pembangunan diri murid dan perkembangan sahsiah diri murid, peningkatan disiplin diri murid serta membantu pelajar yang mengalami masalah dirumah. Kesemua ini ada dalam Falsafah Negara di sekolah.

(R6/T6/349-353)

Selanjutnya temubual diteruskan dengan pertanyaan bagaimana sikap guru B&K di sekolah lima responden yang ditemu bual didapati empat dari lima responden menjelaskan bahawa guru B&K di sekolah menunjukkan sikap positif

University of Malaya

dan membantu pelajar ketika mereka mengalami masalah tak kira masalah dirumah ataupun masalah bersama rakan kelas. Dapat dilihat dari hasil temubual berikut:

> "Ehmm… guru kaunseling ada bantu pelajar di sekolah sini, mereka ada buat aktiviti bersama pelajar, ada guru kaunseling juga senang diajak bincang. Kadang kala pelajar bila ada masalah mereka akan datang ke guru B&K. Lepas jumpa guru B&K, pelajar nampak lebih gembira ketika masuk kelas. Tapi ada juga yang pelajar tidak mahu jumpa guru B&K. Bila ditanya pelajar akan katakan segan nak jumpa dan malu nak jumpa. Ada juga Guru B&K yang sangat tegas kepada pelajar. Semua bergantung kepada personaliti masing-masing. Guru B&K memang perlu ada di sekolah. Mereka dapat membantu pelajar yang menghadapi masalah tidak kira dalam pembelajaran mahupun kehidupan seharian.
>
> (R7/T7/354-359)

Manakala untuk dapatan temu bual ke atas lima orang guru berhubung masalah-masalah yang dihadapi dalam menguruskan perkhidmatan B&K didapati kesemua guru beresponden yang hampir sama antaranya adalah Guru B&K kurang mendapat sokonagn dari guru-guru lain dan pengetua. Kadangkala guru-guru menganggap tidak semua masalah harus diselesaikan dengan perkhidmatan B&K. Lagi pula kebanyakkan di sekolah-sekolah Malaysia kurang menekankan kemudahan dalam bilik B&K seperti tiada bilik khas untuk menjalankan kaunseling, tambahan pula keadaan sumber kewangan sekolah sekarang ini sangat meruncing tiada bajet. Ini lebih menambah masalah menjalankan perkhidmatan B&K. Salah seorang daripada mereka telah menjelaskan seperti berikut:

> " Menurut saya kadang-kadang guru kaunseling tidak mendapat sokongan yang sepenuhnya daripada rakan guru yang lain kerana tidak banyak perubahan yang berlaku kesan kaunseling yang dijalankan. Saya lihat kurang kemudahan asas seperti bilik khas kaunseling berhawa dingin, kalau ada bilik-bilik yang sesuai macam itu jadi itu akan memudahkan sesi kaunseling. Begitu juga peralatan lain seperti komputer dan internet yang boleh membantu pelajar mendapatkan maklumat atau diperlukan untuk mengisikan rekod-rekod pelajar. Kebanyakan rekod dibuat secara manual. Kadang-kadang pelajar ada pelajar jumpa kaunselor untuk mengetahui maklumat untuk memohon universiti dan bidang yang akan dipohon. Jika tiada

University of Malaya

kemudahannya sebegini boleh sedikit menjejaskan pelaksanaan B&K."

(R8/T8/360-363)

Seterusnya daripada dapatan temu bual ke atas lima orang responden didapati tiga daripadanya menyatakan bahawa guru B&K mempunyai cukup pengalaman dan terlatih juga sememangnya mempunyai keyakinan diri yang cukup tinggi dalam menjalankan perkhidmatan B&K. Namun pandangan mereka juga bahawa guru B&K perlu terus menerus menambah baik kemahiran mereka mengikuti perkembangan semasa dengan mengikuti latihan dari masa ke masa seperti Pendidikan Pencegahan Dadah dan Psiko-sosial dan Kesejahteraan Mental kerana sekarang ini banyak kes-kes tersebut yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah. Berikut merupakan data temubual berikut:

> "Ok...menurut saya, Guru B&K yang terlatih sememangnya mempunyai keyakinan diri yang tinggi, merupakan seorang yang cukup berpengalaman, juga perlu mengikut perkembangan semasa dengan mengikuti latihan dari masa ke masa seperti menjalankan komponen psikososial dan kesejahteraan mental seperti dari segi pengurusan masa, pengurusan tekanan yangmana semua itu yang perlu ada kemahiran".

(R9/T9/364-368)

Manakala untuk dapatan temu bual ke atas lima orang responden berhubung kursus/bengkel/LADAP yang dihadiri lima tahun lepas guru-guru B&K dalam menjalankan perkhidmatan mereka, didapati dapatan temu bual menunjukkan kelima-lima orang responden kurang begitu mengetahui. Namun adakalanya dimaklumkan bahawa guru B&K mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan kemahiran B&K namun tidak mengetahui secara terperinci. Berikut adalah hasil temubual:

University of Malaya

"Ok, saya kurang pastikursus-kursus apa sahaja yang diikuti oleh guru B&K namun ada pernah dengar mereka mngikuti kursus-kursus atau bengkel-bengkel yang berkaitan dengan kaunseling di sekolah. Maklum lah sayapun begitu sibuk menguruskan kelas dan pengajaran. Guru B&K sentiasa mahu meningkatkan kemahiran mereka dengan mengikuti kursus-kursus khas ."

(R10/T10/369-373)

Profil Demografi Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 420 orang guru dengan pelbagai latar belakang seperti kedudukan, jantina, umur, pengalaman sebagai guru kaunseling dan taraf pendidikan. Profil demografi kajian dihuraikan seperti berikut.

Jadual 4.1
HuraianPersoalan Kajian

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Kedudukan		
Guru Bimbingan dan Kaunseling	358	85.2%
Guru Cemerlang Bimbingan dan Kaunseling	56	13.3%
Guru Biasa	6	1.4%
Jantina		
Lelaki	157	37.4%
Perempuan	263	62.6%
Umur		
21-30	62	14.8%
31-40	210	50.0%
41-50	101	24.0%
Lebih daripada 50	47	11.2%
Pengalaman		
Kurang daripada setahun	15	3.6%
1-5 tahun	64	15.2%
6-10 tahun	150	35.7%
11-15 tahun	142	33.8%
16-20 tahun	32	7.6%
21-25 tahun	14	3.3%
Lebih daripada 25 tahun	3	.7%
Taraf Pendidikan		
Sijil (kursus harian dan mingguan)	7	1.7%
Diploma	13	3.1%
Sarjana Muda	357	85.0
Sarjana	43	10.2

University of Malaya

Jadual 4.1 menunjukkan seramai 358 orang (85.2%) guru B&K, seramai 56 orang (13.3%) Guru Cemerlang B&K dan seramai 6 orang (1.4%) guru biasa. Mengikut jantina, seramai 157 orang (37.4%) guru lelaki dan seramai 263 orang (62.6%) guru perempuan. Berdasarkan umur menunjukkan, seramai 62 orang (14.8%) guru berumur 21 hingga 30 tahun, seramai 210 orang (50.0%) guru berumur 31 hingga 40 tahun, seramai 101 orang (24.0%) guru berumur 41 hingga 50 tahun dan seramai 47 orang (11.2%) guru berumur lebih daripada 50 tahun. Seterusnya mengikut pengalaman, seramai 15 orang (3.6%) guru berpengalaman kurang daripada setahun, seramai 64 orang (15.2%) guru berpengalaman 1 hingga 5 tahun, seramai 150 orang (35.7%) guru berpengalaman 6 hingga 10 tahun, seramai 142 orang (33.8%) guru berpengalaman 11 hingga 15 tahun, seramai 32 orang (7.6%) guru berpengalaman 16 hingga 20 tahun, seramai 14 orang (3.3%) guru berpengalaman 21 hingga 25 tahun dan 3 orang (0.7%) lebih daripada 25 tahun. Berdasarkan taraf pendidikan pula menunjukkan seramai 7 orang (1.7%) guru bertaraf pendidikan Sijil (kursus harian dan mingguan), seramai 13 orang (3.1%) guru bertaraf pendidikan diploma, seramai 357 orang (85.0%) guru bertaraf pendidikan sarjana muda dan seramai 43 orang (10.2%) guru bertaraf pendidikan sarjana.

Analisis Dapatan Kajian

Bahagian ini menghuraikan tentang analisis dapatan kajian mengikut setiap persoalan kajian yang telah dinyatakan pada bahagian bab 1. Hasil analisis dapatan kajian tersebut dihuraikan seperti berikut.

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Dari Dimensi Input Di Sekolah Menengah Malaysia. Statistik deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan

University of Malaya

tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input di sekolah menengah Malaysia. Statistik deskriptif tersebut dihuraikan mengikut setiap aspek dalam dimensi input iaitu pengetahuan dan kemahiran guru, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan dan latihan dalam perkhdimatan. Hasil analisis tersebut seperti berikut.

a. Pengetahuan dan kemahiran guru

Pengetahuan dan kemahiran guru dilihat dari tiga aspek iaitu perkembangan personal, perkembangan pendidikan dan perkembangan kerjaya. Hasil analisis deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawai dihuraikan mengikut ketiga-tiga aspek tersebut seperti berikut.

i. Perkembangan Personal

Jadual 4.2
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengetahuan dan kemahiran guru dari segi perkembangan personal di sekolah menengah Malaysia

No	Perkembangan personal	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
1	Saya membantu pelajar menghadapi perubahan-perubahan fizikal dan emosi yang berlaku pada awal remaja	-	3 (0.7%)	19 (4.5%)	276 (65.7%)	122 (29.0%)	4.23	0.56
2	Saya membantu pelajar meningkatkan self-esteem mereka	-	-	13 (3.1%)	272 (64.8%)	135 (32.1%)	4.29	0.52
3	Saya membantu pelajar mengembangkan suatu pemahaman tentang kepentingan disiplin diri	-	-	6 (1.4%)	266 (63.3%)	148 (35.2%)	4.34	0.50
4	Saya membantu pelajar memahami bahaya alkohol, tembakau, dadah dan lain-lain kepada emosi dan fizikal mereka	-	2 (0.5%)	16 (3.8%)	216 (51.4%)	186 (44.3%)	4.40	0.59
5	Saya membantu pelajar mengembangkan kemahiran-kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah	-	-	12 (2.9%)	258 (61.4%)	150 (35.7%)	4.33	0.53
6	Saya membantu pelajar mengenalpasti cabaran-cabaran kehidupan	-	-	12 (2.9%)	277 (66.0%)	131 (31.2%)	4.28	0.51
7	Saya membantu pelajar mengembangkan kemahiran-kemahiran komunikasi	-	-	15 (3.6%)	276 (65.7%)	129 (30.7%)	4.27	0.52
	Keseluruhan						4.31	0.41

University of Malaya

Jadual 4.2 menunjukkan setiap item dalam perkembangan personal berada pada tahap tinggi dengan julat antara 4.23 hingga 4.40. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah saya membantu pelajar memahami bahaya alkohol, tembakau, dadah dan lain-lain kepada emosi dan fizikal mereka (min = 4.40 dan sp = 0.59). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 216 orang (51.4%) menyatakan setuju, seramai 186 orang (44.3%) menyatakan sangat setuju, seramai 16 orang (3.8%) menyatakan kurang setuju dan seramai 2 orang (0.5%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah saya membantu pelajar menghadapi perubahan-perubahan fizikal dan emosi yang berlaku pada awal remaja (min = 4.23 dan sp = 0.56). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 276 orang (65.7%) menyatakan setuju, seramai 122 orang (29.0%) menyatakan sangat setuju, seramai 19 orang (4.5%) menyatakan kurang setuju dan seramai 3 orang (0.7%) menyatakan tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dari dimensi input pengetahuan dan kemahiran guru dari segi perkembangan personal di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 4.31 dan sp = 0.41).

University of Malaya

ii. Perkembangan Pendidikan

Jadual 4.3
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengetahuan dan kemahiran guru dari segi perkembangan pendidikan di sekolah menengah Malaysia

No	Perkembangan pendidikan	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
8	Saya membantu pelajar memahami bakat dan minat diri mereka	-	-	7 (1.7%)	269 (64.0%)	144 (34.3%)	4.33	0.50
9	Saya membantu pelajar memperolehi maklumat kemahiran-kemahiran belajar yang efektif	2 (0.5%)	1 (0.2%)	18 (4.3%)	247 (58.8%)	152 (36.2%)	4.30	0.61
10	Saya membantu pelajar mengenalpasti kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan dalam pelbagai bidang pelajaran	-	-	27 (6.4%)	282 (67.1%)	111 (26.4%)	4.20	0.54
11	Saya membantu pelajar memperolehi maklumat berhubung kerjaya dari pelbagai sumber	-	-	8 (1.9%)	224 (53.3%)	188 (44.8%)	4.43	0.53
12	Saya membantu pelajar mendapat maklumat berhubung penempatan pendidikan dari pelbagai sumber	-	-	12 (2.9%)	220 (52.4%)	188 (44.8%)	4.42	0.55
13	Saya membantu pelajar mengekalkan motivasi mereka untuk terus belajar	-	-	4 (1.0%)	261 (62.1%)	155 (36.9%)	4.36	0.50
14	Saya membantu pelajar memaksimumkan potensi akademik mereka	-	-	17 (4.0%)	268 (63.8%)	135 (32.1%)	4.28	0.53
15	Saya membantu pelajar mengembangkan penerokaan kerjaya semasa dan akan datang	-	-	9 (2.1%)	269 (64.0%)	142 (33.8%)	4.32	0.51
	Keseluruhan						4.33	0.39

University of Malaya

Jadual 4.3 menunjukkan setiap item dalam perkembangan pendidikan berada pada tahap tinggi dengan julat antara 4.20 hingga 4.43. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah saya membantu pelajar memperolehi maklumat berhubung kerjaya dari pelbagai sumber (min = 4.43 dan sp = 0.53). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 224 orang (53.3%) menyatakan setuju, seramai 188 orang (44.8%) menyatakan sangat setuju dan seramai 8 orang (1.9%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah saya membantu pelajar mengenalpasti kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan dalam pelbagai bidang pelajaran (min = 4.20 dan sp = 0.54). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 282 orang (67.1%) menyatakan setuju, seramai 111 orang (26.4%) menyatakan sangat setuju dan seramai 27 orang (6.4%) menyatakan tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengetahuan dan kemahiran guru dari segi perkembangan pendidikan di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 4.33 dan sp = 0.39).

University of Malaya

iii. Perkembangan Kerjaya

Jadual 4.4
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengetahuan dan kemahiran guru dari segi perkembangan kerjaya di sekolah menengah Malaysia

No	Perkembangan kerjaya	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
16	Saya membantu pelajar mengembangkan pemahaman tentang perhubungan kerja dengan kepuasan diri	-	-	23 (5.5%)	286 (68.1%)	111 (26.4%)	4.21	0.53
17	Saya membantu pelajar menyediakan suatu rancangan pendidikan dan kerjaya masa depan	-	4 (1.0%)	22 (5.2%)	279 (66.4%)	115 (27.4%)	4.20	0.57
18	Saya membantu pelajar memilih aktiviti-aktiviti akademik dan ko-kurikulum selaras dengan matlamat-matlamat kerjaya mereka	-	7 (1.7%)	46 (11.0%)	262 (62.4%)	105 (25.0%)	4.11	0.64
19	Saya membantu pelajar memperolehi kemahiran belajar yang efektif	-	-	15 (3.6%)	259 (61.7%)	146 (34.8%)	4.31	0.54
20	Saya membantu pelajar menghubungkaitkan minat, nilai, kebolehan, kemahiran diri dengan bidang-bidang kerjaya	1 (0.2%)	2 (0.5%)	7 (1.7%)	261 (62.1%)	149 (35.5%)	4.32	0.56
21	Saya membantu pelajar memahami maksud perancangan kerjaya	-	-	9 (2.1%)	281 (66.9%)	130 (31.0%)	4.29	0.50
22	Saya membantu pelajar mengembangkan kemahiran-kemahiran kerjaya	-	1 (0.2%)	13 (3.1%)	261 (62.1%)	145 (34.5%)	4.31	0.54
23	Saya membantu pelajar memahami kemajuan teknologi dengan kepentingan pekerjaan	-	4 (1.0%)	35 (8.3%)	273 (65.0%)	108 (25.7%)	4.15	0.60
	Keseluruhan						4.24	0.42

University of Malaya

Jadual 4.4 menunjukkan setiap item dalam perkembangan kerjaya berada pada tahap tinggi dengan julat antara 4.11 hingga 4.32. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah saya membantu pelajar menghubungkaitkan minat, nilai, kebolehan, kemahiran diri dengan bidang-bidang kerjaya (min = 4.32 dan sp = 0.56). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 261 orang (62.1%) menyatakan setuju, seramai 149 orang (35.5%) menyatakan sangat setuju, seramai 7 orang (1.7%) menyatakan kurang setuju, seramai 2 orang (0.5%) menyatakan tidak setuju dan seramai 1 orang (0.2%) menyatakan sangat tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah saya membantu pelajar memilih aktiviti-aktiviti akademik dan ko-kurikulum selaras dengan matlamat-matlamat kerjaya mereka (min = 4.11 dan sp = 0.64). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 262 orang (62.4%) menyatakan setuju, seramai 105 orang (25.0%) menyatakan sangat setuju, seramai 46 orang (11.0%) menyatakan tidak setuju dan seramai 7 orang (1.7%) menyatakan tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengetahuan dan kemahiran guru dari segi perkembangan kerjaya di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 4.24 dan sp = 0.42).

University of Malaya

b. Sokongan Pengetua

Jadual 4.5
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input sokongan pengetua di sekolah menengah Malaysia

No	Sokongan pengetua	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
24	Pengetua memberi sokongan kepada guru-guru kaunseling dalam menjalankan tugas mereka	-	2 (0.5%)	7 (1.7%)	230 (54.8%)	181 (43.1%)	4.40	0.55
25	Pengetua peka terhadap isu-isu kaunseling di sekolah	3 (0.7%)	7 (1.7%)	30 (7.1%)	265 (63.1%)	115 (27.4%)	4.15	0.67
26	Pengetua sentiasa memberi peluang untuk mencuba idea-idea yang baru berhubung perkhidmatan B&K	2 (0.5%)	6 (1.4%)	26 (6.2%)	262 (62.4%)	124 (29.5%)	4.19	0.65
27	Pengetua bertindak sebagai ketua yang baik dalam memberi idea dan sokongan	2 (0.5%)	4 (1.0%)	23 (5.5%)	255 (60.7%)	136 (32.4%)	4.24	0.64
28	Pengetua sentiasa memahami objektif perkhidmatan B&K	2 (0.5%)	8 (1.9%)	28 (6.7%)	264 (62.9%)	118 (28.1%)	4.16	0.66
29	Pengetua memberi keutamaan kepada pelaksanaan perkhidmatan B&K	7 (1.7%)	4 (1.0%)	34 (8.1%)	239 (56.9%)	136 (32.4%)	4.17	0.75
30	Pengetua sentiasa memperuntukkan masa untuk mendengar masalah guru-guru kaunseling	3 (0.7%)	10 (2.4%)	70 (16.7%)	229 (54.5%)	108 (25.7%)	4.02	0.76
31	Pengetua mengkritik perkhidmatan B&K yang lemah	72 (17.1%)	75 (17.9%)	191 (45.5%)	69 (16.4%)	13 (3.1%)	2.70	1.03
32	Pengetua membuat pencerapan semasa menjalankan perkhidmatan B&K	23 (5.5%)	57 (13.6%)	165 (39.3%)	150 (35.7%)	25 (6.0%)	3.23	0.95
33	Pengetua memastikan peruntukkan kewangan perkhidmatan B&K digunakan dengan berhemah	-	3 (0.7%)	22 (5.2%)	276 (65.7%)	119 (28.3%)	4.22	0.56
34	Pengetua mengambil berat terhadap segala urusan yang berkaitan dengan perkhidmatan B&K	3 (0.7%)	7 (1.7%)	34 (8.1%)	244 (58.1%)	132 (31.4%)	4.18	0.70
	keseluruhan						3.97	0.47

University of Malaya

Jadual 4.5 menunjukkan setiap item dalam sokongan pengetua berada pada tahap sederhana dan tinggi dengan julat antara 2.70 hingga 4.40. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah pengetua memberi sokongan kepada guru-guru kaunseling dalam menjalankan tugas mereka (min = 4.40 dan sp = 0.55). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 230 orang (54.8%) menyatakan setuju, seramai 181 orang (43.1%) menyatakan sangat setuju, seramai 7 orang (1.7%) menyatakan kurang setuju dan seramai 2 orang (0.5%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah pengetua mengkritik perkhidmatan B&K yang lemah (min = 2.70 dan sp = 1.03). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 191 orang (45.5%) menyatakan kurang setuju, seramai 75 orang (17.9%) menyatakan tidak setuju, seramai 72 orang (17.1%) menyatakan sangat tidak setuju dan seramai 69 orang (16.4%) menyatakan setuju dan seramai 13 orang (3.1%) menyatakan sangat setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input sokongan pengetua di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 3.97 dan sp = 0.47).

University of Malaya

c. Pengurusan Kewangan

Jadual 4.6
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengurusan kewangan di sekolah menengah Malaysia

No	Pengurusan kewangan	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
35	Peruntukan kewangan untuk kegunaan perkhidmatan B&K adalah mencukupi	24 (5.7%)	163 (38.8%)	106 (25.2%)	92 (21.9%)	35 (8.3%)	2.88	1.08
36	Peruntukan kewangan untuk kegunaan perkhidmatan B&K tidak digunakan untuk urusan lain	2 (0.5%)	21 (5.0%)	36 (8.6%)	252 (60.0%)	109 (26.0%)	4.06	0.77
37	Saya sentiasa menyimpan rekod kewangan yang diperuntukkan untuk perkhidmatan B&K	1 (0.2%)	9 (2.1%)	17 (4.0%)	291 (69.3%)	102 (24.3%)	4.15	0.61
38	Pembelian barang-barang perkhidmatan B&K dikawal oleh pihak sekolah	10 (2.4%)	30 (7.1%)	38 (9.0%)	258 (61.4%)	84 (20.0%)	3.90	0.88
39	Pihak sekolah menggunakan peruntukan B&K untuk kegunaan lain di sekolah	14 (3.3%)	30 (7.1%)	191 (45.5%)	90 (21.4%)	95 (22.6%)	3.53	1.02
40	Guru kaunseling sentiasa menyemak peruntukan kewangan untuk memastikan ia digunakan dengan betul	-	4 (1.0%)	15 (3.6%)	295 (70.2%)	106 (25.2%)	4.20	0.54
41	Guru kaunseling diberi kuasa sepenuhnya untuk membeli peralatan B&K tanpa sebarang halangan dari pihak sekolah	6 (1.4%)	116 (27.6%)	53 (12.6%)	150 (35.7%)	95 (22.6%)	3.50	1.16
	Keseluruhan						3.75	0.49

University of Malaya

Jadual 4.6 menunjukkan setiap item dalam pengurusan kewangan berada pada tahap sederhana dan tinggi dengan julat antara 2.88 hingga 4.20. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah guru kaunseling sentiasa menyemak peruntukan kewangan untuk memastikan ia digunakan dengan betul (min = 4.20 dan sp = 0.54). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 295 orang (70.2%) menyatakan setuju, seramai 106 orang (25.2%) menyatakan sangat setuju, seramai 15 orang (3.6%) menyatakan kurang setuju dan seramai 4 orang (1.0%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah peruntukan kewangan untuk kegunaan perkhidmatan B&K adalah mencukupi (min = 2.88 dan sp = 1.08). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 163 orang (38.8%) menyatakan tidak setuju, seramai 106 orang (25.2%) menyatakan kurang setuju, seramai 92 orang (21.9%) menyatakan setuju, seramai 35 orang (8.3%) menyatakan sangat setuju dan seramai 24 orang (5.7%) menyatakan sangat tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input pengurusan kewangan di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 3.75 dan sp = 0.49).

University of Malaya

d. Kemudahan dan Bahan Rujukan

Jadual 4.7
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input kemudahan dan bahan rujukan di sekolah menengah Malaysia

No	Kemudahan dan bahan rujukan	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
42	Bilik kaunseling untuk sesi kaunseling individu dan kelompok adalah mencukupi	35 (8.3%)	150 (35.7%)	41 (9.8%)	115 (27.4%)	79 (18.8%)	3.13	1.31
43	Kadangkala berlaku pertembungan untuk menggunakan bilik kaunseling di kalangan guru-guru kaunseling	60 (14.3%)	38 (9.0%)	98 (23.3%)	179 (42.6%)	45 (10.7%)	3.26	1.20
44	Bahan rujukan untuk penggunaan komponen akademik adalah mencukupi	16 (3.8%)	134 (31.9%)	122 (29.0%)	128 (30.5%)	20 (4.8%)	3.00	0.98
45	Bahan rujukan untuk penggunaan komponen kerjaya adalah mencukupi	11 (2.6%)	130 (31.0%)	75 (17.9%)	175 (41.7%)	29 (6.9%)	3.19	1.04
46	Bahan rujukan untuk penggunaan komponen psiko-sosial dan kesejahteraan mental adalah mencukupi	12 (2.9%)	131 (31.2%)	88 (21.0%)	170 (40.5%)	19 (4.5%)	3.13	1.00
47	Bahan rujukan untuk penggunaan komponen kepimpinan adalah mencukupi	9 (2.1%)	136 (32.4%)	88 (21.0%)	161 (38.3%)	26 (6.2%)	3.14	1.01
48	Bahan rujukan untuk penggunaan komponen keibubapaan adalah mencukupi	10 (2.4%)	161 (38.3%)	154 (36.7%)	81 (19.3%)	14 (3.3%)	2.83	0.88
49	Bahan rujukan untuk penggunaan komponen HIV/ AIDS adalah mencukupi	10 (2.4%)	136 (32.4%)	139 (33.1%)	116 (27.6%)	19 (4.5%)	3.00	0.94
50	Bahan rujukan untuk penggunaan komponen pendidikan pencegahan dadah adalah mencukupi	9 (2.1%)	142 (33.8%)	94 (22.4%)	155 (36.9%)	20 (4.8%)	3.08	0.99
	Keseluruhan						3.08	0.73

University of Malaya

Jadual 4.7 menunjukkan setiap item dalam kemudahan dan bahan rujukan berada pada tahap sederhana dengan julat antara 2.83 hingga 3.26. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah kadangkala berlaku pertembungan untuk menggunakan bilik kaunseling di kalangan guru-guru kaunseling (min = 3.26 dan sp = 1.20). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 179 orang (42.6%) menyatakan setuju, seramai 98 orang (23.3%) menyatakan kurang setuju, seramai 60 orang (14.3%) menyatakan sangat tidak setuju, seramai 45 orang (10.7%) menyatakan sangat setuju dan seramai 38 orang (9.0%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah bahan rujukan untuk penggunaan komponen keibubapaan adalah mencukupi (min = 2.83 dan sp = 0.88). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 161 orang (38.3%) menyatakan tidak setuju, seramai 154 orang (36.7%) menyatakan kurang setuju, seramai 81 orang (19.3%) menyatakan setuju, seramai 14 orang (3.3%) menyatakan sangat setuju dan seramai 10 orang (2.4%) menyatakan sangat tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input kemudahan dan bahan rujukan di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap sederhana (min = 3.08 dan sp = 0.99).

University of Malaya

e. Latihan dalam Perkhidmatan

Jadual 4.8
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input latihan dalam perkhidmatan di sekolah menengah Malaysia

No	Latihan dalam perkhidmatan	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
51	Saya sering diabaikan untuk mengikuti kursus Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) anjuran JPN dan Kementerian	95 (22.6%)	77 (18.3%)	136 (32.4%)	95 (22.6%)	17 (4.0%)	3.33	1.17
52	Saya merasa saya kurang berkemahiran dalam bidang B&K	72 (17.1%)	87 (20.7%)	214 (51.0%)	41 (9.8%)	6 (1.4%)	3.42	0.93
53	Tempoh pengajian Bidang B&K di universiti adalah pendek dan tidak mencukupi untuk mengendalikan perkhidmatan B&K di sekolah	76 (18.1%)	78 (18.6%)	222 (52.9%)	32 (7.6%)	12 (2.9%)	3.41	0.96
54	Kursus yang ditawarkan di universiti/ maktab sangat relevan dalam menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah	7 (1.7%)	16 (3.8%)	170 (40.5%)	176 (41.9%)	51 (12.1%)	3.59	0.81
55	Terlalu ramai pelajar yang dilatih untuk latihan amali kaunseling dalam satu masa di universiti/ maktab	19 (4.5%)	54 (12.9%)	256 (61.0%)	79 (18.8%)	12 (2.9%)	2.97	0.78
56	Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan di univerisiti/ maktab kurang sesuai dengan budaya negara kita	18 (4.3%)	73 (17.4%)	235 (56.0%)	79 (18.8%)	15 (3.6%)	3.00	0.82
57	Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi di universiti dan maktab cukup untuk menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah	14 (3.3%)	153 (36.4%)	128 (30.5%)	105 (25.0%)	20 (4.8%)	2.91	0.97
58	Saya menggunakan kaedah kaunseling individu untuk menangani isu pelajar	-	11 (2.6%)	22 (5.2%)	233 (55.5%)	154 (36.7%)	4.26	0.68
59	Saya menggunakan kaedah kaunseling kelompok untuk menangani isu pelajar	-	3 (0.7%)	26 (6.2%)	276 (65.7%)	115 (27.4%)	4.20	0.57
60	Saya menggunakan kaedah bimbingan individu untuk menangani isu pelajar	-	2 (0.5%)	18 (4.3%)	281 (66.9%)	119 (28.3%)	4.23	0.54
61	Saya menggunakan kaedah bimbingan kelompok untuk menangani isu pelajar	-	1 (0.2%)	24 (5.7%)	270 (64.3%)	125 (29.8%)	4.24	0.56
	Keseluruhan						3.60	0.42

University of Malaya

Jadual 4.8 menunjukkan setiap item dalam latihan dalam perkhidmatan berada pada tahap sederhana dan tinggi dengan julat antara 2.91 hingga 4.26. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah saya menggunakan kaedah kaunseling individu untuk menangani isu pelajar (min = 4.26 dan sp = 0.68). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 233 orang (55.5%) menyatakan setuju, seramai 154 orang (36.7%) menyatakan sangat setuju, seramai 22 orang (5.2%) menyatakan kurang setuju dan seramai 11 orang (2.6%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi di universiti dan maktab cukup untuk menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah (min = 2.91 dan sp = 0.97). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 153 orang (36.4%) menyatakan tidak setuju, seramai 128 orang (30.5%) menyatakan kurang setuju, seramai 105 orang (25.0%) menyatakan setuju, seramai 20 orang (4.8%) menyatakan sangat setuju dan seramai 14 orang (3.3%) menyatakan sangat tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input latihan dalam perkhidmatan di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap sederhana (min = 3.60 dan sp = 0.42).

Secara keseluruhannya tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input di sekolah menengah Malaysia dapat dirumuskan seperti berikut.

University of Malaya

Jadual 4.9
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input di sekolah menengah Malaysia

No	Input	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	PengetahuandanKemahiran	4.29	0.37	Tinggi
	PerkembanganPersonal	4.31	0.41	Tinggi
	PerkembanganPendidikan	4.33	0.39	Tinggi
	PerkembanganKerjaya	4.24	0.42	Tinggi
2	SokonganPengetua	3.97	0.47	Tinggi
3	PengurusanKewangan	3.75	0.49	Tinggi
4	KemudahandanBahanRujukan	3.08	0.73	Sederhana
5	LatihandalamPerkhidmatan	3.60	0.42	Sederhana
	Keseluruhan	3.87	0.33	Tinggi

Jadual 4.9 menunjukkan aspek pengetahuan dan kemahiran mempunyai min yang paling tinggi (min = 4.29 dan sp = 0.37). Dari segi perkembangan social (min = 4.31 dan sp = 0.41), perkembangan pendidikan (min = 4.33 dan sp = 0.39) dan perkembangan kerjaya (min = 4.24 dna sp = 0.42). Seterusnya diikuti oleh sokongan pengetua (min = 3.97 dan sp = 0.47), pengurusan kewangan (min = 3.75 dan sp = 0.49), latihan dalam perkhidmatan (min = 3.60 dan sp = 0.42) dan kemudahan dan bahan rujukan (min =3.08 dan sp = 0.73). Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 3.87 dan sp = 0.33).

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses Di Sekolah Menengah Malaysia. Statistik deskriptif melibatkan kekerapaan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses di sekolah menengah Malaysia. Huraian statistik deskriptif secara berpisah mengikut setiap aspek dalam dimensi

University of Malaya

proses iaitu strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling seperti berikut.

a. Strategi Menjalankan Perkhidmatan B&K

Jadual 4.10
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses strategi menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah menengah Malaysia

No	Strategi menjalankan perkhidmatan B&K	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
1	Pendekatan perkembangan digunakan untuk menangani isu pelajar	-	3 (0.7%)	25 (6.0%)	333 (79.3%)	59 (14.0%)	4.07	0.47
2	Pendekatan penyuburan digunakan untuk menangani isu pelajar	1 (0.2%)	5 (1.2%)	86 (20.5%)	272 (64.8%)	56 (13.3%)	3.90	0.63
3	Pendekatan pemulihan untuk menangani isu pelajar	-	4 (1.0%)	35 (8.3%)	321 (76.4%)	60 (14.3%)	4.04	0.51
4	Pendekatan krisis untuk menangani isu pelajar	2 (0.5%)	7 (1.7%)	42 (10.0%)	315 (75.0%)	54 (12.9%)	3.98	0.58
5	Saya mengenalpasti isu pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan khas di sekolah	2 (0.5%)	5 (1.2%)	24 (5.7%)	324 (77.1%)	65 (15.5%)	4.06	0.55
6	Saya memberikan kaunseling individu berterusan untuk murid membuat penyesuaian kehidupan	-	4 (1.0%)	22 (5.2%)	314 (74.8%)	80 (19.0%)	4.12	0.52
7	Saya memberikan kaunseling kelompok berterusan untuk murid membuat penyesuaian kehidupan	1 (0.2%)	4 (1.0%)	34 (8.1%)	315 (75.0%)	66 (15.7%)	4.05	0.54
8	Saya memberikan kaunseling krisis apabila diperlukan untuk menangani isu pelajar	2 (0.5%)	5 (1.2%)	42 (10.0%)	305 (72.6%)	66 (15.7%)	4.02	0.59
	Keseluruhan						4.03	0.44

University of Malaya

Jadual 4.10 menunjukkan setiap item dalam strategi menjalankan perkhidmatan B&K berada pada tahap tinggi dengan julat antara 3.90 hingga 4.12. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah saya memberikan kaunseling individu berterusan untuk murid membuat penyesuaian kehidupan (min = 4.12 dan sp = 0.52). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 314 orang (74.8%) menyatakan setuju, seramai 80 orang (19.0%) menyatakan sangat setuju, seramai 22 orang (5.2%) menyatakan kurang setuju dan seramai 4 orang (1.0%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah pendekatan penyuburan digunakan untuk menangani isu pelajar (min = 3.90 dan sp = 0.63). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 272 orang (64.8%) menyatakan setuju, seramai 86 orang (20.5%) menyatakan kurang setuju, seramai 56 orang (13.3%) menyatakan sangat setuju, seramai 5 orang (1.2%) menyatakan tidak setuju dan seramai 1 orang (0.2%) menyatakan sangat tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi prosesstrategi menjalankan perkhidmatan di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 4.03 dan sp = 0.44).

b. Peranan dan Fungsi Guru Kaunseling

Statistik deskriptif dihuraikan secara berpisah mengikut setiap aspek dalam peranan dan fungsi guru kaunseling yang terdiri dari penyelarasan, komunikasi dan perundingan seperti berikut.

University of Malaya

i. Penyelarasan

Jadual 4.11
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi penyelarasan di sekolah menengah Malaysia

No	Penyelarasan	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
9	Saya memberikan kaunseling penyuburan apabila diperlukan untuk menangani isu pelajar	1 (0.2%)	7 (1.7%)	42 (10.0%)	326 (77.6%)	44 (10.5%)	3.96	0.54
10	Saya memberikan kaunseling pemulihan apabila diperlukan untuk menangani isu pelajar	1 (0.2%)	4 (1.0%)	33 (7.9%)	329 (78.3%)	53 (12.6%)	4.02	0.51
11	Saya berusaha meningkatkan kecekapan professional saya dengan menghadiri bengkel atau seminar di luar setting pekerjaan	2 (0.5%)	101 (24.0%)	26 (6.2%)	178 (42.4%)	113 (26.9%)	3.71	1.12
12	Saya mengendalikan sesi bimbingan kelompok untuk isu-isu pendidikan kerjaya	-	3 (0.7%)	21 (5.0%)	285 (67.9%)	111 (26.4%)	3.20	0.55
13	Saya menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan untuk pelajar-pelajar dan ibu bapa mereka, di dalam dan di luar sekolah	2 (0.5%)	118 (28.1%)	69 (16.4%)	182 (43.3%)	49 (11.7%)	3.38	1.03
14	Saya menyelaras, melaksanakan dan menginterpretasikan program-program pengujian pencapaian kepada pelajar-pelajar dan ibu-bapa	1 (0.2%)	122 (29.0%)	79 (18.8%)	174 (41.4%)	44 (10.5%)	3.33	1.01
15	Saya bertanggungjawab kepada penempatan pendidikan dalam sekolah	13 (3.1%)	30 (7.1%)	152 (36.2%)	190 (45.2%)	35 (8.3%)	3.49	0.86
16	Saya menyediakan program-program orientasi dari sekolah rendah ke sekolah menengah rendah dan dari sekolah menengah rendah ke sekolah menengah atas	1 (0.2%)	14 (3.3%)	28 (6.7%)	260 (61.9%)	117 (27.9%)	4.14	0.69

University of Malaya

Jadual 4.11 (Sambungan)
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi penyelarasan di sekolah menengah Malaysia

No	Penyelarasan	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
17	Saya menjalankan kajian dan membentangkan data untuk program-program perintis di sekolah	17 (4.0%)	137 (32.6%)	96 (22.9%)	143 (34.0%)	27 (6.4%)	3.06	1.04
18	Saya menggunakan suatu model penilaian program untuk menilai kepentingan akauntabiliti program	24 (5.7%)	107 (25.5%)	75 (17.9%)	185 (44.0%)	29 (6.9%)	3.21	1.08
19	Saya menggalakkan guru-guru merujuk pelajar-pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan B&K	4 (1.0%)	3 (0.7%)	13 (3.1%)	277 (66.0%)	123 (29.3%)	4.22	0.63
20	Saya bertanggungjawab kepada rekod-rekod kumulatif pelajar	3 (0.7%)	9 (2.1%)	163 (38.8%)	208 (49.5%)	37 (8.8%)	3.64	0.70
21	Saya menguruskan dan mentadbirkan program B&K yang komprehensif berpusatkan klien	1 (0.2%)	6 (1.4%)	13 (3.1%)	326 (77.6%)	74 (17.6%)	4.11	0.52
22	Saya mewujudkan suatu AJK penasihat bimbingan yang terdiri daripada staf, ibu bapa dan pelajar-pelajar sebagai ahli	25 (6.0%)	160 (38.1%)	81 (19.3%)	128 (30.5%)	26 (6.2%)	2.93	1.08
23	Saya memupuk komunikasi dengan menghubungkan pelajar-pelajar, ibu bapa, komuniti dan sekolah	2 (0.5%)	122 (29.0%)	63 (15.0%)	188 (44.8%)	45 (10.7%)	3.36	1.03
24	Saya menyampaikan program B&K kepada personel sekolah, ibu bapa dan komuniti	3 (0.7%)	124 (29.5%)	81 (19.3%)	175 (41.7%)	37 (8.8%)	3.28	1.01
25	Saya memberikan keputusan-keputusan penilaian dan perancangan program kepada pelbagai kumpulan yang berminat dalam sekolah	3 (0.7%)	126 (30.0%)	64 (15.2%)	202 (48.1%)	25 (6.0%)	3.29	0.98
26	Saya berunding dengan ibu bapa, guru-guru dan lain-lain agensi untuk kepentingan masalah pelajar-pelajar	2 (0.5%)	16 (3.8%)	39 (9.3%)	286 (68.1%)	77 (18.3%)	4.00	0.69
	Keseluruhan						3.63	0.56

University of Malaya

Jadual 4.11 menunjukkan setiap item dalam peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi penyelarasan berada pada tahap sederhana dan tinggi dengan julat antara 2.93 hingga 4.22. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah saya menggalakkan guru-guru merujuk pelajar-pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan B&K (min = 4.22 dan sp = 0.63). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 277 orang (66.0%) menyatakan setuju, seramai 123 orang (29.3%) menyatakan sangat setuju, seramai 13 orang (3.1%) menyatakan kurang setuju, seramai 4 orang (1.0%) menyatakan sangat tidak setuju dan seramai 3 orang (0.7%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah saya mewujudkan suatu AJK penasihat bimbingan yang terdiri daripada staf, ibu bapa dan pelajar-pelajar sebagai ahli (min = 2.93 dan sp = 1.08). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 160 orang (38.1%) menyatakan tidak setuju, seramai 128 orang (30.5%) menyatakan setuju, seramai 81 orang (19.3%) menyatakan kurang setuju, seramai 26 orang (6.2%) menyatakan sangat setuju dan seramai 25 orang (6.0%) menyatakan sangat tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dimensi prosesperanan dan fungsi guru kaunseling dari segi penyelarasan di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap sederhana (min = 3.63 dan sp = 0.56).

University of Malaya

ii. Komunikasi

Jadual 4.12
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi komunikasi di sekolah menengah Malaysia

No	Komunikasi	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
27	Saya berunding dengan guru-guru, ibu bapa dan lain-lain agensi mengikut keperluan perkembangan pelajar	3 (0.7%)	5 (1.2%)	133 (31.7%)	213 (50.7%)	66 (15.7%)	3.80	0.74
28	Saya memberikan maklumat berhubung perkembangan kurikulum kepada pihak pentadbir sekolah berhubung peracangan pelajar	1 (0.2%)	2 (5.2%)	52 (12.4%)	294 (70.0%)	51 (12.1%)	3.89	0.68
29	Saya berkhidmat sebagai seorang perunding kepada guru-guru penasihat untuk menyelaras program bimbingan dan program-program penasihatan	7 (1.7%)	15 (3.6%)	93 (22.1%)	252 (60.0%)	53 (12.6%)	3.78	0.77
	Keseluruhan						3.82	0.55

Jadual 4.12 menunjukkan setiap item dalam peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi komunikasiberada pada tahap tinggi dengan julat antara 3.78 hingga 3.89. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah saya memberikan maklumat berhubung perkembangan kurikulum kepada pihak pentadbir sekolah

University of Malaya

berhubung peracangan pelajar (min = 3.89 dan sp = 0.68). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 294 orang (70.0%) menyatakan setuju, seramai 52 orang (12.4%) menyatakan kurang setuju, seramai 51 orang (12.1%) menyatakan sangat setuju, seramai 2 orang (5.2%) menyatakan tidak setuju dan seramai 1 orang (0.2%) menyatakan sangat tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah saya berkhidmat sebagai seorang perunding kepada guru-guru penasihat untuk menyelaras program bimbingan dan program-program penasihatan (min = 3.78 dan sp = 0.77). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 252 orang (60.0%) menyatakan setuju, seramai 93 orang (22.1%) menyatakan kurang setuju, seramai 53 orang (12.6%) menyatakan sangat setuju, seramai 15 orang (3.6%) menyatakan tidak setuju dan seramai 7 orang (1.7%) menyatakan sangat tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dimensi prosesperanan dan fungsi guru kaunseling dari segi komunikasidi sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 3.82 dan sp = 0.55).

University of Malaya

iii. Perundingan

Jadual 4.13
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi perundingan di sekolah menengah Malaysia

No	Perundingan	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
30	Selepas mengikuti perkhidmatan B&K, pelajar saya bertambah yakin akan kebolehan mereka	-	1 (0.2%)	24 (5.7%)	332 (79.0%)	63 (15.0%)	4.09	0.46
31	Selepas mengikuti perkhidmatan B&K, saya dapati pelajar menceburkan diri dalam aktiviti yang sihat dan berfaedah	-	1 (0.2%)	27 (6.4%)	337 (80.2%)	55 (13.1%)	4.06	0.45
32	Selepas mengikuti perkhidmatan B&K tidak ada perubahan tingkah laku yang positif di kalangan pelajar	86 (20.5%)	106 (25.2%)	195 (46.4%)	28 (6.7%)	5 (1.2%)	3.57	0.93
33	Pelajar kurang berminat menghadiri sesi kaunseling kerana kurang yakin dengan kebolehan guru kaunseling	94 (22.4%)	118 (28.1%)	181 (43.1%)	25 (6.0%)	2 (0.5%)	3.66	0.91
	Keseluruhan						3.85	0.49

Jadual 4.13 menunjukkan setiap item dalam peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi perundingan berada pada tahap tinggi dan sederhana dengan julat antara 3.57 hingga 4.09. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah

University of Malaya

selepas mengikuti perkhidmatan B&K, pelajar saya bertambah yakin akan kebolehan mereka (min = 4.09 dan sp = 0.46). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 332 orang (79.0%) menyatakan setuju, seramai 63 orang (15.0%) menyatakan sangat setuju, seramai 24 orang (5.7%) menyatakan kurang setuju dan seramai 1 orang (0.2%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah selepas mengikuti perkhidmatan B&K tidak ada perubahan tingkah laku yang positif di kalangan pelajar (min = 3.57 dan sp = 0.93). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 195 orang (46.4%) menyatakan kurang setuju, seramai 106 orang (25.2%) menyatakan tidak setuju, seramai 86 orang (20.5%) menyatakan sangat tidak setuju, seramai 28 orang (6.7%) menyatakan setuju dan seramai 5 orang (1.2%) menyatakan sangat setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dimensi prosesperanan dan fungsi guru kaunseling dari segi perundingan di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 3.85 dan sp = 0.49).

Secara keseluruhannya tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses di sekolah menengah Malaysia dapat dirumuskan seperti berikut.

Jadual 4.14
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses di sekolah menengah Malaysia

No	Proses	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Strategi menjalankan perkhidmatan B&K	4.03	0.44	Tinggi
2	Peranan dan fungsi guru kaunseling	3.77	0.43	Tinggi
	Penyelarasan	3.63	0.56	Sederhana
	Komunikasi	3.82	0.55	Tinggi
	Perundingan	3.85	0.49	Tinggi
	Keseluruhan	3.77	0.42	Tinggi

Jadual 4.14 menunjukkan aspek strategi menjalankan perkhidmatan B&K mempunyai min yang paling tinggi (min = 4.03 dan sp = 0.44). Seterusnya peranan dan fungsi guru kaunseling juga berada pada tahap tinggi (min = 3.77 dan sp = 0.43). Dari segi penyelarasan (min = 3.63 dan sp = 0.56), komunikasi (min = 3.82 dan sp = 0.55) dan perunidngan (min = 3.85 dna sp = 0.49). Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 3.77 dan sp = 0.42).

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Produk Di Sekolah Menengah Malaysia. Statistik deskriptif melibatkan kekerapaan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produk di sekolah menengah Malaysia. Huraian statistik deskriptif secara berpisah mengikut setiap aspek dalam dimensi produk iaitu perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&Kseperti berikut.

University of Malaya

a. Perubahan sikap pelajar

Jadual 4.15
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produk perubahan sikap pelajar di sekolah menengah Malaysia

No	Perubahan sikap pelajar	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
1	Guru kaunseling merupakan tempat rujukan utama pelajar dalam menyelesaikan masalah mereka	2 (0.5%)	4 (1.0%)	27 (6.4%)	299 (71.2%)	88 (21.0%)	4.11	0.59
2	Pelajar menjadi lebih bertanggungjawab selepas mengikuti perkhidmatan B&K	1 (0.2%)	2 (0.5%)	21 (5.0%)	328 (78.1%)	68 (16.2%)	4.10	0.49
3	Masalah disiplin pelajar masih di tahap yang tinggi walaupun sudah diberikan sesi kaunseling	25 (6.0%)	63 (15.0%)	231 (55.0%)	89 (21.2%)	12 (2.9%)	3.00	0.85
4	Pelajar dapat menggunakan maklumat dari perkhidmatan B&K di luar sekolah	6 (1.4%)	7 (1.7%)	31 (7.4%)	325 (77.4%)	51 (12.1%)	3.97	0.62
5	Pelajar merasa lebih yakin dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan selepas berjumpa dengan guru kaunseling	-	-	17 (4.0%)	337 (80.2%)	66 (15.7%)	4.12	0.43
6	Pelajar dapat memahami dirinya dengan lebih baik dan menjadi warga negara yang berguna selepas mendapat bimbingan daripada guru kaunseling	-	2 (0.5%)	14 (3.3%)	335 (79.8%)	69 (16.4%)	4.12	0.45
7	Pelajar rasa yakin dapat menguruskan diri mereka dengan baik tanpa bimbingan keluarga	8 (1.9%)	36 (8.6%)	226 (53.8%)	127 (30.2%)	23 (5.5%)	3.29	0.78
8	Selepas mengikuti program kaunseling pelajar rasa yakin bahawa untuk menjadi seseorang yang berjaya, mereka perlu mempunyai disiplin yang tinggi, jujur dan ikhlas	1 (0.2%)	4 (1.0%)	25 (6.0%)	312 (74.3%)	78 (18.6%)	4.10	0.54

University of Malaya

Jadual 4.15 (Sambungan)
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produk perubahan sikap pelajar di sekolah menengah Malaysia

No	Perubahan sikap pelajar	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
9	Pelajar sentiasa mengikuti peraturan sekolah supaya menjadi seorang insan yang baik selepas mengikuti program kaunseling	1 (0.2%)	7 (1.7%)	159 (27.9%)	213 (50.7%)	40 (9.5%)	3.68	0.68
10	Jika guru tiada di dalam kelas, pelajar boleh menguruskan kelas dengan baik	3 (0.7%)	27 (6.4%)	212 (50.5%)	165 (39.3%)	13 (3.1%)	3.38	0.68
11	Program bimbingan diberikan dalam sesi kaunseling kumpulan membantu menyelesaikan masalah pelajar	-	3 (0.7%)	37 (8.8%)	328 (78.1%)	52 (12.4%)	4.02	0/49
12	Program bimbingan diberikan dalam sesi kaunseling individu membantu menyelesaikan masalah pelajar	-	2 (0.5%)	26 (6.2%)	322 (76.7%)	70 (16.7%)	4.10	0.49
13	Program bimbingan diberikan dalam sesi bimbingan bilik darjah membantu perkembangan diri pelajar	-	-	25 (6.0%)	331 (78.8%)	64 (15.2%)	4.09	0.45
14	Program bimbingan memberikan oreintasi untuk suatu transisi yang licin antar sekolah rendah, sekolah menengah rendah, dan sekolah menengah atas	-	2 (0.5%)	37 (8.8%)	315 (75.0%)	66 (15.7%)	4.06	0.51
15	Program perkembangan B&K komprehensif yang diberikan membantu pelajar membuat penyesuaian hidup yang lebih positif	-	-	23 (5.5%)	334 (79.5%)	63 (15.0%)	4.10	0.44
	Keseluruhan						3.88	0.31

Jadual 4.15 menunjukkan setiap item dalam perubahan sikap pelajar berada pada tahap sederhana dan tinggi dengan julat antara 3.00 hingga 4.12. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah pelajar merasa lebih yakin dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan selepas berjumpa dengan guru

University of Malaya

kaunseling (min = 4.12 dan sp = 0.43). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 337 orang (80.2%) menyatakan setuju, seramai 66 orang (15.7%) menyatakan sangat setuju dan seramai 17 orang (4.0%) menyatakan kurang setuju. Begitu juga bagi item pelajar dapat memahami dirinya dengan lebih baik dan menjadi warga negara yang berguna selepas mendapat bimbingan daripada guru kaunseling (min = 4.12 dan sp = 0.45). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 335 orang (79.8%) menyatakan setuju, seramai 69 orang (16.4%) menyatakan sangat setuju, seramai 14 orang (3.3%) menyatakan kurang setuju dan seramai 2 orang (0.5%) menyatakan tidak setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah masalah disiplin pelajar masih di tahap yang tinggi walaupun sudah diberikan sesi kaunseling (min = 3.00 dan sp = 0.85). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 231 orang (55.0%) menyatakan kurang setuju, seramai 89 orang (21.2%) menyatakan setuju, seramai 63 orang (15.0%) menyatakan tidak setuju, seramai 25 orang (6.0%) menyatakan sangat tidak setuju dan seramai 12 orang (2.9%) menyatakan sangat setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produkperubahan sikap pelajardi sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 3.88 dan sp = 0.31).

University of Malaya

b. Pencapaian Objektif Perkhidmatan B&K

Jadual 4.16
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produk pencapaian objektif perkhidmatan B&Kdi sekolah menengah Malaysia

No	Pencapaian objektif perkhidmatan B&K	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan piawai
16	Program bimbingan membantu sekolah dan ibu bapa untuk memahami kebolehan akademik pelajar	-	2 (0.5%)	30 (7.1%)	334 (79.5%)	54 (12.9%)	4.05	0.47
17	Program bimbingan memudahkan perundingan dengan ibu bapa dan guru-guru ke atas perkembangan diri pelajar	-	6 (1.4%)	108 (25.7%)	257 (61.2%)	49 (11.7%)	3.83	0.64
18	Program bimbingan memupuk komunikasi dengan menghubungkan pelajr-pelajar, ibu bapa, komuniti dan sekolah	-	5 (1.2%)	114 (27.1%)	253 (60.2%)	48 (11.4%)	3.82	0.63
19	Program bimbingan membantu pelajar-pelajar dalam memahami bakat dan kebolehan mereka	-	-	14 (3.3%)	322 (76.7%)	84 (20.0%)	4.17	0.45
20	Program bimbingan membantu pelajar-pelajar dalam memahami dunia kerjaya masa depan mereka	-	-	8 (1.9%)	303 (72.1%)	109 (26.0%)	4.24	0.47
	Keseluruhan						4.02	0.41

Jadual 4.16 menunjukkan setiap item dalam pencapaian objektif perkhidmatan B&Kberada pada tahap tinggi dengan julat antara 3.82 hingga 4.24. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah program bimbingan membantu pelajar-pelajar dalam memahami dunia kerjaya masa depan mereka (min = 4.24 dan sp = 0.47). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 303 orang

University of Malaya

(72.1%) menyatakan setuju, seramai 109 orang (26.0%) menyatakan sangat setuju dan seramai 8 orang (1.9%) menyatakan kurang setuju. Manakala item yang mempunyai min paling rendah ialah program bimbingan memupuk komunikasi dengan menghubungkan pelajr-pelajar, ibu bapa, komuniti dan sekolah (min = 3.82 dan sp = 0.63). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 253 orang (60.2%) menyatakan setuju, seramai 114 orang (27.1%) menyatakan kurang setuju, seramai 48 orang (11.4%) menyatakan sangat setuju dan seramai 5 orang (1.2%) menyatakan tidak setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produkpencapaian objektif perkhidmatan B&Kdi sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 4.02 dan sp = 0.41).

Secara keseluruhannya tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produk di sekolah menengah Malaysia dapat dirumuskan seperti berikut.

Jadual 4.17
Tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produk di sekolah menengah Malaysia

No	Produk	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Perubahan sikap pelajar	3.88	0.31	Tinggi
2	Pencapaian objektif perkhidmatan B&K	4.02	0.41	Tinggi
	Keseluruhan	3.92	0.31	Tinggi

Jadual 4.17 menunjukkan aspek pencapaian objektif perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mempunyai min yang paling tinggi (min = 4.02 dan sp = 0.41). Perubahan sikap pelajarjuga menunjukkan min pada tahap tinggi (min = 3.88 dan sp = 0.31). Secara keseluruhannya menunjukkan keberkesanan pelaksanaan

perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dari dimensi produk di sekolah menengah Malaysia berada pada tahap tinggi (min = 3.92 dan sp = 0.31).

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Input Di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina. Ujian MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input di sekolah menengah Malaysia berdasarkan jantina. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi memastikan syarat menggunakan ujian Manova dipenuhi. Antara syarat asas bagi menjalankan ujian MANOVA dihuraikan seperti berikut.

Normality. Ujian normality dijalankan bagi mendapatkan sama ada data bertabur normal atau terpencong. Normaliti ditentukan melalui kaedah statistik. Kaedah statistik yang dipilih adalah ujian Skewness dan Kurtosis. Data dikatakan bertabur normal atau normaliti memenuhi syarat apabila nilai Skewness dan Kurtosis antara -3.0 dan +3.0 (Hair et al., 1998). Jadual 4.18normalitydalam kalangan guru lelaki menunjukkan pengetahuan dan kemahiran (-0.08, -0.30), sokongan pengetua (-0.57, 1.51), pengurusan kewangan (0.52, -0.06), kemudahan dan bahan rujukan (-0.41, -0.35) serta latihan dalam perkhidmatan(0.16, 1.41) masih berada dalam julat -3 hingga +3. Dalam kalangan guru perempuan pula menunjukkan pengetahuan dan kemahiran (0.48, -0.05), sokongan pengetua (-1.01, 0.36), pengurusan kewangan (0.69, -1.10), kemudahan dan bahan rujukan (0.15, -0.96) serta latihan dalam perkhidmatan(0.44, 1.02). Oleh itu, mengikut garis panduan ini pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina memenuhi kriteria normaliti.

University of Malaya

Jadual 4.18
Normaliti data kajian

No	Input	Jantina	Skewness	Kurtosis
1	Pengetahuan dan kemahiran	Lelaki	-0.08	-0.30
		Perempuan	0.48	-0.05
2	Sokongan pengetua	Lelaki	-0.57	1.51
		Perempuan	-1.01	0.36
3	Pengurusan Kewangan	Lelaki	0.52	-0.06
		Perempuan	0.69	-1.10
4	Kemudahan dan Bahan Rujukan	Lelaki	-0.41	-0.35
		Perempuan	0.15	-0.96
5	Latihan dalam Perkhidmatan	Lelaki	0.16	1.41
		Perempuan	0.44	1.02

Multicollinearity. Ujian Multicollinearity dijalankan bagi menentukan pembolehubah yang dikaji mempunyai hubungan yang secara signifikan. Hasil ujian Multicollinearity menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina dengan nilai r pearson antara 0.20 hingga 0.50 dan sig = 0.00 ($p<0.05$). Oleh itu, syarat Multicollinearity bagi menggunakan ujian MANOVA dalam kajian ini telahpun dicapai.

University of Malaya

Jadual 4.19
Hubungan linear antara pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina

Hubungan		Lelaki/Perempuan				
		1	2	3	4	5
Pengetahuan dan kemahiran	Pearson Correlation	1	.36**	.28**	.20**	.36**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.001	.000
Sokongan pengetua	Pearson Correlation	.45**	1	.47**	.28**	.32**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000	.000
Pengurusan kewangan	Pearson Correlation	.30*	.49**	1	.50**	.49**
	Sig. (2-tailed)	0.00	0.00		.000	.000
Kemudahan dan bahan rujukan	Pearson Correlation	.20*	.37**	.47**	1	.36**
	Sig. (2-tailed)	0.011	0.00	0.00		.000
Latihan dalam perkhidmatan	Pearson Correlation	.50**	.26**	.35**	.22**	1
	Sig. (2-tailed)	0.00	0.001	0.00	0.005	

Kesamaan varians antara kumpulan (homogeneity of varians between groups).Kesamaan varian antara kumpulan ditentukan dengan menggunakan ujian Levene's. hasil ujian levene's menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran [F = .16, sig = 0.69 (p>.05)], sokongan pengetua [F = .03, sig = .87 (p>.05)], pengurusan kewangan [F = 1.09, sig = .30 (p>.05)], kemudahan dan bahan rujukan [F = .37, sig = .54 (p>.05)] dan latihan dalam perkhidmatan [F = .03, sig = .87 (p>.05)]. Ini menunjukkan pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina mempunyai varians yang sama.

University of Malaya

Jadual 4.20
Kesamaan varian antara kumpulan

Levene's	F	df1	df2	Sig.
Pengetahuan dan kemahiran	.16	1	418	.69
Sokongan pengetua	.03	1	418	.87
Pengurusan kewangan	1.09	1	418	.30
Kemudahan dan bahan rujukan	.37	1	418	.55
Latihan dalam perkhidmatan	.03	1	418	.87

Kesamaan Varians Kovarian. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian (*homogenity of the varians-covariance matrics*) dengan menggunakan ujian Box's M (*Box's M test*).

Jadual 4.21
Box'M perbezaan pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina.

Box's M	Nilai-F	df1	df2	Sig.
15.94	1.048	15	435503.84	.40

Jadual 4.21 menunjukkan tidak terdapat perbezaan *varian-covarian* yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas dengan nilai Box's M = 15.94 dan sig = .40 (p>.001). Ini bermakna, varian-covarian pemboleh ubah bersandar adalah homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Oleh yang demikian, ujian MANOVA boleh dijalankan bagi melihat perbezaan pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan,

University of Malaya

kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina(Pallant 2007).Hasil analisis MANOVA dapat dilihat seperti berikut.

Jadual 4.22
Wilks' Lambda perbezaan pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	DK antara kumpulan	DK Dalam Kumpulan	Sig	Partial eta square
Jantina	.97	2.18	1	418	.06	0.03

Jadual 4.22 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantinadengan nilai Wilks' λ = .97, F(1,418) = 2.18 (p>0.05). Ujian eta square menunjukkan nilai 0.03. Bermakna, kesan perbezaan tersebut ialah kecil (Cohen, 1988). Perbezaan bagi setiap pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina dengan lebih terperinci dinalisis dengan menggunakan MANOVA dapat dilihat seperti Jadual 4.23 berikut.

University of Malaya

Jadual 4.23
Manova perbezaan pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan mengikut jantina

Input	**Jantina**	**N**	**Min**	**Sisihan piawai**	**Type III Sum of Squares**	**Df**	**Jumlah kuasa dua**	**F**	**Sig.**	**Partial eta square**
Pengetahuan dan kemahiran	Lelaki	157	4.34	0.38	.70	1	.70	5.01	.03	.01
	Perempuan	263	4.26	0.37						
Sokongan pengetua	Lelaki	157	4.04	0.44	1.41	1	1.41	6.42	.01	.02
	Perempuan	263	3.92	0.48						
Pengurusan kewangan	Lelaki	157	3.78	0.47	.29	1	.29	1.22	.27	.00
	Perempuan	263	3.73	0.50						
Kemudahan dan bahan rujukan	Lelaki	157	3.17	0.74	2.04	1	2.04	3.80	.05	.01
	Perempuan	263	3.03	0.73						
latihan dalam perkhdimatan	Lelaki	157	3.61	0.42	.03	1	.03	.18	.67	.00
	Perempuan	263	3.59	0.42						

Jadual 4.23 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pengtahuan dan kemahiran [F = 5.01, sig = .03, p<.05], sokongan pengetua [F = 6.42, sig = .01, p<.05] dan kemudahan dan bahan rujukan [F = 3.80, sig = .05, p=.05] berdasarkan jantina. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengurusan kewangan [F = 1.22, sig = .27, p>.05] dan latihan dalam perkhidmatan [F = .18, sig = .67, p>.05] berdasarkan jantina. Ujian eta square menunjukkan nilai julat antara .00 hingga .02. Bermakna, kesan perbezaan tersebut ialah kecil. Dari segi min menunjukkan bahawa gurulelaki mempunyai pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhdimatan berbanding guru perempuan.

University of Malaya

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses Di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina. Ujian MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses di sekolah menengah Malaysia berdasarkan jantina. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi memastikan syarat menggunakan ujian Manova dipenuhi. Antara syarat asas bagi menjalankan ujian MANOVA dihuraikan seperti berikut.

Normality. Jadual 4.24 normality dalam kalangan guru lelaki menunjukkan strategi menjalankan perkhidmatan B&K(-0.02, 2.66) dan peranan dan fungsi guru kaunseling (-0.06, 1.78) masih berada dalam julat -3 hingga +3. Dalam kalangan guru perempuan pula menunjukkan strategi menjalankan perkhidmatan B&K(-0.15, 0.40) dan peranan dan fungsi guru kaunseling (0.45, 0.39). Oleh itu, mengikut garis panduan inistrategi menjalankan perkhidmatan B&K danperanan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina memenuhi kriteria normaliti.

Jadual 4.24
Normaliti data kajian

No	Proses	Jantina	Skewness	Kurtosis
1	Strategi menjalankan perkhidmatan B&K	Lelaki	-0.02	2.66
		Perempuan	-0.15	0.40
2	Peranan dan fungsi guru kaunseling	Lelaki	-0.06	1.78
		Perempuan	0.45	0.39

Multicollinearity. Ujian Multicollinearity dijalankan bagi menentukan pembolehubah yang dikaji mempunyai hubungan yang secara signifikan. Hasil ujian Multicollinearity menunjukkan bahawa strategi menjalankan perkhidmatan B&K

University of Malaya

serta peranan dan fungsi guru kaunseling mempunyai hubungan yang signifikan mengikut jantina dengan nilai r pearson antara 0.43 hingga 0.49 dan sig = 0.00 ($p<0.05$). Oleh itu, syarat Multicollinearity bagi menggunakan ujian MANOVA dalam kajian ini telahpun dicapai.

Jadual 4.25
Hubungan linear antara strategi menjalankan perkhidmatan B&K dengan peranan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina

Hubungan		Lelaki/Perempuan	
		1	2
Strategi menjalankan perkhidmatan B&K	Pearson Correlation	1	.43**
	Sig. (2-tailed)		.00
Peranan dan fungsi guru kaunseling	Pearson Correlation	.49**	1
	Sig. (2-tailed)	0.00	

Kesamaan varians antara kumpulan (homogeneity of varians between groups). Kesamaan varian antara kumpulan ditentukan dengan menggunakan ujian Levene's. Hasil ujian levene's menunjukkan bahawa strategi menjalankan perkhidmatan B&K [F = .34, sig = 0.11 ($p>.05$)] dan peranan dan fungsi guru kaunseling [F = .01, sig = .91 ($p>.05$)]. Ini menunjukkan strategi menjalankan perkhidmatan B&K sertaperanan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina mempunyai varians yang sama.

University of Malaya

Jadual 4.26
Kesamaan varian antara kumpulan

Levene's	F	df1	df2	Sig.
Strategi menjalankan perkhidmatan B&K	0.34	1	418	.11
Peranan dan fungsi guru kaunseling	.01	1	418	.91

Kesamaan Varians Kovarian. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian (*homogenity of the varians-covariance matrics*) dengan menggunakan ujian Box's M (*Box's M test*).

Jadual 4.27
Box'M perbezaan strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina.

Box's M	Nilai-F	df1	df2	Sig.
2.727	.90	15	3927158.11	.44

Jadual 4.27 menunjukkan tidak terdapat perbezaan *varian-covarian* yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas dengan nilai Box's M = 2.727 dan sig = .44 (p>.001). Ini bermakna, varian-covarian pemboleh ubah bersandar adalah homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Oleh yang demikian, ujian MANOVA boleh dijalankan bagi melihat perbezaan strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina(Pallant 2007).Hasil analisis MANOVA dapat dilihat seperti berikut.

University of Malaya

Jadual 4.28
Wilks' Lambda perbezaan strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	DK antara kumpulan	DK Dalam Kumpulan	Sig	Partial eta square
Jantina	.99	2.46	1	417	.09	0.01

Jadual 4.28 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan strategi menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sertaperanan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantinadengan nilai Wilks' λ = .99, F(1,417) = 2.46 (p>.05). Ujian eta square menunjukkan nilai .01. Bermakna, kesan perbezaan tersebut ialah kecil (Cohen, 1988). Perbezaan bagi setiap aspek strategi menjalankan perkhidmatan B&K sertaperanan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina dengan lebih terperinci di analisis dengan menggunakan MANOVA dapat dilihat seperti Jadual 4.29 berikut.

Jadual 4.29
Manova perbezaan strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina

Proses	**Jantina**	**N**	**Min**	**Sisihan piawai**	**Type III Sum of Squares**	**Df**	**Jumlah kuasa dua**	**F**	**Sig.**	**Partial eta square**
Strategi menjalankan perkhidmatan B&K	Lelaki	157	4.08	.46	.66	1	.66	3.50	.06	.01
	Perempuan	263	4.00	.42						
Peranan dan fungsi guru kaunseling	Lelaki	157	3.82	.45	.03	1	.68	3.67	.06	.01
	Perempuan	263	3.73	.42						

Jadual 4.29 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikanstrategi menjalankan perkhidmatan B&K [F = 3.50, sig = .06, p>.05] dan peranan dan fungsi guru kaunseling [F = 3.67, sig = .06, p >.05] berdasarkan jantina. Ujian eta square menunjukkan nilai julat masing-masing .01. Bermakna, kesan perbezaan tersebut

University of Malaya

ialah kecil. Dari segi min menunjukkan bahawa gurulelaki mempunyai strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling yang hampir sama dengan guru perempuan.

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Produk Di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina. Ujian MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi produk di sekolah menengah Malaysia berdasarkan jantina. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi memastikan syarat menggunakan ujian Manova dipenuhi. Antara syarat asas bagi menjalankan ujian MANOVA dihuraikan seperti berikut.

Normality. Jadual 4.24 normality dalam kalangan guru lelaki menunjukkan perubahan sikap pelajar(0.23, 2.50) dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K (.49, .91) masih berada dalam julat -3 hingga +3. Dalam kalangan guru perempuan pula menunjukkan pencapaian objektif(0.34, 0.35) dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K (0.48, 1.48). Oleh itu, mengikut garis panduan ini perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantina memenuhi kriteria normaliti.

University of Malaya

Jadual 4.30
Normaliti data kajian

No	Proses	Jantina	Skewness	Kurtosis
1	Perubahan sikap pelajar	Lelaki	.23	2.50
		Perempuan	.34	.35
2	Pencapaian objektif	Lelaki	.49	.91
	perkhidmatan B&K	Perempuan	.58	1.48

Multicollinearity.Ujian Multicollinearity dijalankan bagi menentukan pembolehubah yang dikaji mempunyai hubungan yang secara signifikan. Hasil ujian Multicollinearity menunjukkan bahawa perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mempunyai hubungan yang signifikan mengikut jantina dengan nilai r pearson antara 0.72 hingga 0.73 dan sig = 0.00 ($p<0.05$). Oleh itu, syarat Multicollinearity bagi menggunakan ujian MANOVA dalam kajian ini telahpun dicapai.

Jadual 4.31
Hubungan linear antara perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantina

Hubungan		Lelaki/Perempuan	
		1	2
Perubahan sikap pelajar	Pearson Correlation	1	.72**
	Sig. (2-tailed)		.00
Pencapaian objektif perkhidmatan B&K	Pearson Correlation	.73**	1
	Sig. (2-tailed)	0.00	

Kesamaan varians antara kumpulan (homogeneity of varians between groups).Kesamaan varian antara kumpulan ditentukan dengan menggunakan ujian Levene's. Hasil ujian levene's menunjukkan bahawa perubahan sikap pelajar [F = .59, sig = 0.44 ($p>.05$)] dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K [F = 2.19,

University of Malaya

sig = .14 (p>.05)]. Ini menunjukkan perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantina mempunyai varians yang sama.

Jadual 4.32
Kesamaan varian antara kumpulan

Levene's	F	df1	df2	Sig.
Strategi menjalankan perkhidmatan B&K	0.59	1	418	.44
Peranan dan fungsi guru kaunseling	2.19	1	418	.14

Kesamaan Varians Kovarian. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian (*homogenity of the varians-covariance matrics*) dengan menggunakan ujian Box's M (*Box's M test*).

Jadual 4.33
Box'M perbezaan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mengikut jantina.

Box's M	Nilai-F	df1	df2	Sig.
1.87	.62	3	3927158.11	.60

Jadual 4.33 menunjukkan tidak terdapat perbezaan *varian-covarian* yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas dengan nilai Box's M = 1.87 dan sig = .60 (p>.001). Ini bermakna, varian-covarian pemboleh ubah bersandar adalah homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Oleh yang demikian, ujian MANOVA boleh dijalankan bagi melihat

University of Malaya

perbezaan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantina(Pallant 2007).Hasil analisis MANOVA dapat dilihat seperti berikut.

Jadual 4.34
Wilks' Lambda perbezaan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantina

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	DK antara kumpulan	DK Dalam Kumpulan	Sig	Partial eta square
Jantina	.99	2.83	1	417	.06	0.01

Jadual 4.34 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantinadengan nilai Wilks' λ = .99, F (1,417) = 2.83 (p>.05). Ujian eta square menunjukkan nilai .01. Bermakna, kesan perbezaan tersebut ialah kecil (Cohen, 1988). Perbezaan bagi setiap aspek sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantina dengan lebih terperinci di analisis dengan menggunakan MANOVA dapat dilihat seperti Jadual 4.35 berikut.

Jadual 4.35
Manova perbezaan perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K mengikut jantina

Produk	**Jantina**	**N**	**Min**	**Sisihan piawai**	**Type III Sum of Squares**	**Df**	**Jumlah kuasa dua**	**F**	**Sig.**	**Partial eta square**
Perubahan sikap pelajar	Lelaki	157	3.93	.32	.53	1	.53	5.65	.02	.01
	Perempuan	263	3.85	.30						
Pencapaian objektif	Lelaki	157	4.07	.43	.54	1	.54	3.22	.07	.01
	Perempuan	263	3.99	.40						

Jadual 4.35 menunjukkanterdapat perbezaan yang signifikanperubahan sikap pelajar[F = 5.65, sig = .02, p<.05] berdasarkan jantina. Ujian eta square

University of Malaya

menunjukkan nilai.01. Bermakna, kesan perbezaan tersebut ialah kecil. Dari segi min menunjukkan bahawa gurulelaki mempunyai persepsi terhadap perubahan sikap pelajar yang lebih tinggi dari guru perempuan. Seterusnya tidak terdapat perbezaan yang signifikanpencapaian objektif perkhidmatan B&[F = 3.22, sig = .07, p>.05] berdasarkan jantina. Ujian eta square menunjukkan nilai.01. Bermakna, kesan perbezaan tersebut ialah kecil. Dari segi min menunjukkan bahawa gurulelaki mempunyai persepsi terhadap pencapaian objektif perkhidmatan B&K yang hampir samadengan guru perempuan.

Pengaruh Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Input terhadap dimensi Proses Di Sekolah Menengah Malaysia. Pengkaji menggunakan ujian regresi berganda untuk mengenal pasti penaguruh pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input terhadap dimensi proses di sekolah menengah Malaysia.Oleh yang demikian, bagi memastikan dan mengesahkan taburan skor ujian adalah normal dan linear, penyelidik merujuk kepada graf plot taburan reja (*residual scatter plot*) dan plot normal regresi (*regression normal plot*) daripada program *linear regression plots* dalam program SPSS 23.0.Beberapa data yang boleh mengganggu kebolehpercayaan dapatan regresi telah digugurkan (melalui analisis *Casewise diagnostics)*. Selain itu, beberapa andaian regresi linear seperti ujian kesamaan varians dan ujian normaliti serta aspek-aspek kolonearitiy turut dijalankan mengikut kaedah yang ditentukan (Hair et al. 2006).

University of Malaya



Rajah 4.1 Graf Plot Kebarangkalian Normal

Berdasarkan Rajah 4.1 dapat dilihat titik-titik yang mewakili data berada pada sepanjang garisan bawah kiri sehingga ke garisan atas kanan. Ini menunjukkan bahawa data tidak menyimpang daripada taburan normal (Pallant 2013).

Jadual 4.36
Analisis Varians

Model		Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	Sig.
1	Regression	26.85	1	26.85	230.17	.00[b]
	Residual	48.75	418	.12		
	Total	75.60	419			
2	Regression	41.07	2	20.53	247.95	.00[c]
	Residual	34.53	417	.08		
	Total	75.60	419			
3	Regression	43.66	3	14.55	189.58	.00[d]
	Residual	31.94	416	.08		
	Total	75.60	419			
4	Regression	44.32	4	11.08	147.03	.00[e]
	Residual	31.28	415	.08		
	Total	75.60	419			

University of Malaya

Jadual 4.36 menunjukkan bahawa analisis regresi *stepwise* yang dijalankan kemudahan bahan dan rujukan [F = 230.17 dan Sig = 0.00, p<0.05], pengetahuan dan kemahiran [F = 247.95 dan Sig = 0.00, p<0.05], pengurusan kewangan [F = 189.58 dan Sig = 0.00, p<0.05] dan latihan dalam perkhidmatan [F = 147.03 dan Sig = 0.00, p<0.05] merupakan varian yang signifikan yang memberikan peramal terhadap proses perkhidmatan dan bimbingan kaunseling. Manakala sokongan pengetua bukan merupakan peramal yang signifikan. Pengaruh yang diberikan kemudahan bahan rujukan, pengetahuan dan kemahiran, pengurusan kewangan dan latihan dalam perkhidmatan terhadap proses perkhidmatan dan bimbingan kaunseling seperti Jadual 4.37 berikut.

Jadual 4.37
Regresi berganda pengaruh kemudahan bahan rujukan, pengetahuan dan kemahiran, pengurusan kewangan dan latihan dalam perkhidmatan terhadap proses perkhidmatan dan bimbingan kaunseling

Pembolehubah	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	T	Sig.	R2	Sumbangan
	B	Ralat Piawai	Beta				
Kemudahan bahan rujukan	.23	.02	.39	10.77	.000	0.35	35.5%
Pengetahuan dan kemahiran	.42	.04	.37	10.48	.000	0.54	18.8%
Pengurusan kewangan	.16	.03	.19	4.76	.000	0.57	3.4%
Latihan dalam perkhidmatan	.11	.04	.11	2.96	.00	0.58	0.9%
Pemalar	.27	.17		1.59	.11		

Jadual 4.37 menunjukkan bahawa kemudahan bahan rujukan menyumbang sebanyak 35.5 peratus [B = 0.23, t = 10.77, Sig = 0.00 dan R^2 = 0.35], pengetahuan dan kemahiran menyumbang sebanyak 18.8% [B = 0.42, t = 10.48, Sig = 0.00 dan R^2 = 0.54], pengurusan kewangan menyumbang sebanyak 3.4% [B = 0.16, t = 4.76, Sig

University of Malaya

= 0.00 dan R^2 = 0.57] dan latihan dalam perkhidmatan menyumbang sebanyak 0.9% [B = 0.11, t = 2.96 Sig = 0.00 dan R^2 = 0.58]. Dalam hal ini, terdapat kemungkinan baki peratusan yang lain iaitu lebih kurang 41.4% peratus lagi disumbangkan oleh faktor-faktor lain terhadap proses perkhidmatan dan bimbingan kaunseling yang tidak diambil kira dalam kajian ini (Pallant 2013). Daripada dapatan regresi tersebut dapat dibuat persamaan regresi seperti berikut:

$$Y = .27 + .23x1 + .42x2 + .16x3 + .11x4$$

Dimana;

Y - Proses perkhidmatan dan bimbingan kaunseling

X1 - Kemudahan dan bahan ajar

X2 - Pengetahuan dan kemahiran

X3 - Pengurusan kewangan

X4 - Latihan dalam perkhidmatan

Pemalar (Constant) = .27

Pengaruh Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses terhadap dimensi Produk Di Sekolah Menengah Malaysia. Pengkaji menggunakan ujian regresi berganda untuk mengenal pasti pengaruh pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi prosesterhadap dimensi produk di sekolah menengah Malaysia.Oleh yang demikian, bagi memastikan dan mengesahkan taburan skor ujian adalah normal dan linear, penyelidik merujuk kepada graf plot taburan reja (*residual scatter plot*) dan plot normal regresi (*regression normal plot*) daripada program *linear regression plots* dalam program SPSS 23.0.Beberapa data

University of Malaya

yang boleh mengganggu kebolehpercayaan dapatan regresi telah digugurkan (melalui analisis *Casewise diagnostics).* Selain itu, beberapa andaian regresi linear seperti ujian kesamaan varians dan ujian normaliti serta aspek-aspek kolonearitі turut dijalankan mengikut kaedah yang ditentukan (Hair et al. 2006).



Rajah 4.2 Graf Plot Kebarangkalian Normal

Berdasarkan Rajah 4.2 dapat dilihat titik-titik yang mewakili data berada pada sepanjang garisan bawah kiri sehingga ke garisan atas kanan. Ini menunjukkan bahawa data tidak menyimpang daripada taburan normal (Pallant 2013).

University of Malaya

Jadual 4.38
Analisis Varians

Model		Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	Sig.
1	Regression	23.14	1	23.14	534.89	.00[b]
	Residual	18.08	418	.04		
	Total	41.22	419			
2	Regression	26.62	2	13.31	379.93	.00[c]
	Residual	14.61	417	.04		
	Total	41.22	419			

Jadual 4.38 menunjukkan bahawa analisis regresi *stepwise* yang dijalankan peranan dan fungsi guru kaunseling [F = 534.89 dan Sig = 0.00, p<0.05] dan strategi menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling [F = 379.93 dan Sig = 0.00, p<0.05] merupakan varian yang signifikan yang memberikan peramal terhadap produk perkhidmatan dan bimbingan kaunseling. Pengaruh yang diberikan peranan dan fungsi guru kaunseling serta strategi menjalankan perkhidmatan B&K terhadap produk perkhidmatan dan bimbingan kaunseling seperti Jadual 4.39 berikut.

Jadual 4.39
Regresi berganda pengaruh peranan dan fungsi guru kaunseling serta strategi menjalankan perkhidmatan B&K terhadap produk perkhidmatan dan bimbingan kaunseling

Pembolehubah	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	T	Sig.	R2	Sumbangan
	B	Ralat Piawai	Beta				
Peranan dan fungsi guru kaunseling	.44	.02	.60	18.27	.00	0.56	56.1%
Strategi menjalankan perkhidmatan B&K	.24	.02	.33	9.96	.00	0.65	8.4%
Pemalar	1.33	.10		13.73	.00		

University of Malaya

Jadual 4.39 menunjukkan bahawa kemudahan peranan dan fungsi guru kaunseling menyumbang sebanyak 56.1 peratus [B = 0.44, t = 18.27, Sig = 0.00 dan R^2 = 0.56] dan strategi menjalankan perkhidmatan B&K menyumbang sebanyak 8.4% [B = 0.24, t = 9.96, Sig = 0.00 dan R^2 = 0.65] terhadap produk perkhidmatan B&K. Dalam hal ini, terdapat kemungkinan baki peratusan yang lain iaitu lebih kurang 35.5% peratus lagi disumbangkan oleh faktor-faktor lain terhadap produk perkhidmatan dan bimbingan kaunseling yang tidak diambil kira dalam kajian ini (Pallant 2013). Daripada dapatan regresi tersebut dapat dibuat persamaan regresi seperti berikut:

$$Y = 1.33 + .44x1 + .24x2$$

Dimana;

Y - Produk perkhidmatan dan bimbingan kaunseling

X1 - Peranan dan fungsi guru kaunseling

X2 - Strategi menjalankan perkhidmatan B&K

Pemalar (Constant) = 1.33

Rumusan

Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input, proses dan produk di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Hasil analisis menggunakan perisian SPSS 23.0 menunjukkan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input, proses dan produk di sekolah-sekolah menengah di Malaysia berada pada tahap tinggi. Hasil Ujian Manova secara keseluruhannya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input, proses dan produk di sekolah-sekolah

University of Malaya

menengah di Malaysia antara guru lelaki dan guru perempuan. Ujian Regresi berganda pula menunjukkan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi input terhadap proses perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia dan juga terdapat pengaruh yang signifikan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari dimensi proses terhadap produk perkhidmatan B&K kaunseling di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

University of Malaya

BAB 5
PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

Pendahuluan

Bab ini merumuskan dapatan kajian yang diperbincangkan berdasarkan pada dimensi utama dalam Model Penilaian Stufflebeam (2000) iaitu dimensi konteks, input, proses dan produk. Penyelidik akan membuat kesimpulan berdasarkan pada perbincangan di mana setiap dimensi akan dirumuskan dapatannya dan kekurangan serta kelebihan akan diperjelaskan. Seterusnya pelaksanaan perkhidmatan B&K akan dinilai di mana implikasi kajian akan melibatkan KPM (Konteks), IPTA/IPTS dan Institut Pendidikan Guru (Input), pihak pentadbir sekolah dan guru (Proses) dan pelajar (Produk). Akhir sekali, keputusan akan dibuat sama ada perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah patut diubahsuai, diteruskan, ditangguhkan atau ditamatkan. Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan kepada bakal pengkaji dalam bidang ini juga telah dikemukakan.

Pelaksanaan perkhidmatan B&K sepenuhnya secara rasmi bermula pada 1 Jun 1996. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/96 dibaca bersama surat Bahagian Pembangunan Organisasi dan Perkhidmatan Bil. KP (PP) 0051/22 bertarikh 26 Mac 1997 dan surat Bil. KP (PP) 0051/22/(54) bertarikh 14 Mac 1997 menunjukkan secara rasminya perkhidmatan ini telah dimasukkan di bawah KPM (Buku Panduan Perkhidmatan B&K, 2002). Perkhidmatan ini telah berlangsung selama 20 tahun di sekolah-sekolah menengah di Malaysia namun masih tiada bukti kukuh yang menunjukkan tahap keberkesanan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa di setiap sekolah menengah ditempatkan sekurang-kurangnya seorang guru B&K di mana mereka dikecualikan daripada proses pengajaran di sekolah untuk memberikan perhatian sepenuhnya kepada

University of Malaya

perkhidmatan B&K di sekolah (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/96 bertarikh 11 Julai 1996, KPM). Waran perjawatan untuk Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa sekolah menengah dan sekolah rendah juga telah dikeluarkan pada 11 Januari 2002, Bil KP(PP)0050/ SJ'B' Jld. 24/(24) bertajuk WARAN PERJAWATAN BIL:S3 TAHUN 2002 yang membawa erti perjawatan ini perlu diisikan dengan tepat dan mengikut tangga gaji yang telah diluluskan. Nisbah Guru B&K Sepenuh Masa kepada murid adalah 1:500 bermula dengan 350 orang murid di sekolah rendah.

Banyak faktor yang menyumbang kepada keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah. Antaranya termasuklah pengetahuan berhubung matlamat dan objektif perkhidmatan ini iaitu (konteks), strategi dan kaedah (input), permasalahan (proses) dan pencapaian (produk). Keberkesanan perkhidmatan ini yang akan menentukan masa depan perkhidmatan ini di sekolah-sekolah sama ada perkhidmatan ini perlu diteruskan, ditangguhkan, ditamatkan ataupun diubahsuai.

Perbincangan

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Untuk mengenal pasti pengetahuan guru B&K dalam perkhidmatan B&K dari Dimensi Konteks di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.
2. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.
3. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.
4. Untuk mengenal pasti tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Produk di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

University of Malaya

5. Untuk mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input berdasarkan jantina.
6. Untuk mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses berdasarkan jantina.
7. Untuk mengenal pasti perbezaan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Produk berdasarkan jantina.
8. Untuk mengenal pasti pengaruh pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input terhadap Dimensi Proses.
9. Untuk mengenal pasti pengaruh pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses terhadap Dimensi Produk.

Pelaksanaan perkhidmatan B&K Sekolah Menengahdi Malaysia berdasarkan Dimensi Konteks. Dimensi Konteks merujuk kepada pengetahuan matlamat kurikulum dan objektif kursus dalam mencapai sasaran dan hasil akhir *(outcome)* kursus. Dalam kajian ini, keberkesanan secara keseluruhan di kalangan guru-guru B&K di sekolah menengah dilaksanakan melalui temubual 5 orang guru B&K dan 5 orang guru bukan B&K.

Temu bual berhubung pengetahuan guru-guru B&K mengenai matlamat dan objektif B&K yang terkandung di dalam Dimensi Konteks telah dijalankan. Dimensi Konteks merujuk kepada pengetahuan matlamat kurikulum dan objektif kursus ke atas komponen kerelevanan objektif perkhidmatan B&K dengan FPN, sikap guru kaunseling terhadap pelantikan sebagai guru kaunseling sepenuh masa, masalah menguruskan perkhidmatan B&K dan keyakinan menjalankan perkhidmatan ini.Mohd Isha (2011) menyatakan bahawa semasa mengendalikan sesuatu program, perkara utama yang harus dimiliki oleh guru B&K ialah pengetahuan berhubung

University of Malaya

program yang akan dilaksanakan. Ini bermaksud aspek kesediaan guru B&K adalah penting untuk memahirkan diri dalam komponen-komponen yang terdapat dalam perkhidmatan ini.

Secara keseluruhan, hasil dapatan temubual dari Dimensi Konteks menunjukkan bahawa guru-guru B&K mempunyai pengetahuan yang cukup baik berkaitan dengan aspek menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah khususnya dari aspek kemampuan guru menyatakan kerelevanan objektif perkhidmatan B&K dengan tepat,menerima dengan baik tugas sebagai guru B&K sepenuh masa, namun demikian mereka merasa perlu untuk sentiasa menambah baik kemahiran sebagai kaunselor. Hasil temubual juga mendapati bahawa guru B&K menghadapi masalah yang sama dalam menguruskan perkhidmatan B&K di sekolah. Antaranya adalah kekurangan kemudahan bilik B&K seperti kekurangan komputer, tidak ada bilik khas untuk kaunseling individu dan kelompok, kurang sumber kewangan dalam menjalankan perkhidmatan B&K, kurang mendapat sokongan dari guru-guru lain dan pengetua. Hasil temubual juga mendapati bahwa guru-guru B&K pernah menghadiri kursus/bengkel/LADAP yang dianjurkan di peringkat daerah, negeri dan juga peringkat Kebangsaan. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Abd. Malek Abd. Rahman et al., (2013) ke atas kaunselor-kaunselor sekolah yang mendapati bahawa guru-guru B&K walaupun mereka telah memperolehi ijazah dari kolej atau universiti tetapi kurang maklumat berhubung perkembangan semasa yang wujud dalam sistem pendidikan kita. Ini bermaksud guru-guru B&K perlu digalakkan untuk menghadiri seminar, kursus, bengkel atau mencari pakar-pakar rujukan dalam setiap bidang perkhidmatan B&K supaya dapat panduan jelas berhubung tugas-tugas mereka. Seterusnya membolehkan mereka '*up*

to date' pengetahuan dalam Dimensi Konteks yang berkaitan dengan program-program yang bakal dijalankan di sekolah.

FPNmenekankan tentang pentingnya guru-guru memiliki pengetahuan yang luas dalam bidang masing-masing (Ismail Sabri et al., 2011). Kegagalan guru-guru untuk menambahbaik pengetahuan mereka akan memberikan kesan yang negatif kepada pelajar pada masa depan.

Hasil temubual juga mendapati bahawa guru-guru B&K menerima dengan baik tugas sebagai guru B&K sepenuh masa selaras dengan pelaksanaan tugas tersebut sejak daripada tahun 2002 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Waran berhubung jawatan Guru B&k Sepenuh Masa yang dikeluarkan pada 11 Januari 2002 (Bil. KP (PP) 0051/SJ'B' Jld 24/ (24). Namun demikian, guru B&K merasa perlu untuk sentiasa menambah baik kemahiran sebagai kaunselor. Antara cadangan yang diutarakan oleh guru B&K tersebut adalah agar tempoh praktikum dilanjutkan untuk membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi situasi sebenar di sekolah-sekolah. Dapatan kajian ini menyokong cadangan oleh Mizan Adiliah (2016) dalam Syarahan Perdananya, di mana beliau mencadangkan supaya piawai minimum untuk latihan amali atau *internship* dimantapkan.

Hasil temubual juga mendapati bahawa antara masalah yang dihadapi dalam menjalankan perkhidmatan kaunseling di sekolah adalah guru B&K menghadapi masalah kekurangan kemudahan ICT di bilik B&K seperti kekurangan komputer untuk kegunaan guru-guru B&K perlu dikongsi antara guru-guru B&K. Walaupun terdapat kemudahan komputer dengan adanya makmal komputer di sekolah-sekolah di Malaysia, namun demikian isu kekurangan kemudahan komputer masih lagi dihadapi oleh guru-guru B&K.

University of Malaya

Menurut Hayden et al. (2010), penggunaan teknologi boleh mengurangkan beban tugas kaunselor dan membantu meningkatkan kecekapan kaunselor. Keberkesanan perkhidmatan B&K boleh ditingkatkan melalui aplikasi teknologi seperti penggunaan modul memahami diri dan kemahiran sosial.Penggunaan teknologi maklumat membolehkan pelajar-pelajar yang malu untuk menceritakan isu-isu sensitif berpeluang untuk mendapatkan perkhidmatan B&K melalui interaksi dengan guru B&K dengan menggunakan teknologi maklumat. Kajian oleh Mizan Adiliah juga bersetuju bahawa peranan teknologi adalah penting dan mampu menjadi alat yang sangat berguna untuk meringankan beban tugas guru B&K dan penggunaan teknologi dapat membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah di Malaysia (Mizan Adiliah, 2016).

Justeru itu, isu kekurangan kemudahan seperti komputer perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak sekolah dan juga KPM bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pelajar. Penggunaan kemudahan teknologi maklumat merupakan antara kaedah yang boleh digunapakai oleh guru B&K dalam era abad ke 21 ini selain kaedah kaunseling yang biasa digunakan.

Isu lain yang diperolehi hasil daripada temubual menunjukkan bahawa tidak terdapat bilik khas di sekolah yang dikaji untuk menjalankan aktiviti kaunseling individu dan kelompok. Perkara ini perlu juga diberikan perhatian oleh pihak sekolah kerana berdasarkan kepada Pekeliling Iktisas Bil / 5 1976 bertarikh 5 Mei, telah ada saranan agar semua pengetua di sekolah-sekolah menengah untuk menyediakan kemudahan bilik khas untuk perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah. Walaupun sekolah sudah menerima arahan ikhtisas tersebut lebih daripada 30 tahun

University of Malaya

(1976-2016) tetapi isu bilik khas untuk perkhidmatan B&K masih merupakan antara isu yang masih berlaku di sebahagian sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Hasil temubual juga mendapati terdapat masalah kekurangan sumber kewangan dalam menjalankan perkhidmatan B&K dan isu kurang mendapat sokongan dari guru-guru lain serta pengetua dalam menjalankan aktiviti B&K di sekolah. Antara isu yang disentuh oleh guru B&K adalah isu 'relief' disebabkan oleh guru-guru kaunseling ini tidak terlibat dengan aktiviti PdP di sekolah telah menyebabkan pihak pentadbir dan guru-guru lain beranggapan bahawa guru kaunseling mempunyai tugas yang lebih ringan berbanding guru lain yang terlibat dengan aktiviti PdP di sekolah. Perkara ini berlaku disebabkan oleh guru-guru kurang arif tentang peranan dan fungsi guru kaunseling di sekolah-sekolah selaras dengan kehendak KPM.

Masalah 'relief' dan masalah kekurangan kewangan merupakan antara isu utama yang dihadapi oleh guru-guru B&K di sekolah. Dapatan temubual ini menyokong kajian lain seperti kajian oleh Roslan Said (1978), Mohd Hisa Tahat (1980), Menon (1983), Suradi Salim (1992) sehingga kajian terkini oleh Syafrimen (2010), Ching Mey See & Kok-Mun Ng (2010), Abd Malek et al. (2013) dan Mizan Adiliah (2016) tidak lari daripada membincangkan isu yang berkaitan dengan kedua-dua isu ini. Syafrimen (2010) dalam kajiannya membuktikan bahawa program-program perkembangan yang berbentuk "*mess*" mengikut keperluan semasa sekolah yang "*urgent and important*" menyebabkan guru-guru B&K yang tidak terlibat dengan proses PdP secara langsung juga dikehendaki untuk menjalankan tugas-tugas berkenaan.

Dapatan Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia (2011) dalam kajiannya bertajuk "Hala Tuju Bidang Kaunseling Di Malaysia" menunjukkan bahawa tujuan asal

pelantikan guru B&K sepenuh masa adalah untuk memberi tumpuan sepenuh masa terhadap kerja-kerja kaunseling di sekolah tetapi setengah guru B&K diminta oleh pihak sekolah untuk mengajar dalam bilik darjah kerana masalah kekurangan guru di sekolah. Ini amat bercanggah dengan tujuan asal pelantikan guru B&K sepenuh masa di sekolah-sekolah. Kajian oleh Siti Halimah (2003) dan Masbah (2005) menunjukkan bahawa guru B&K dilihat sebagai seorang tokoh yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan ketrampilan diri yang baik justeru itu dianggap sebagai individu yang serba boleh. Walaupun ini merupakan suatu penghargaan kepada guru-guru B&K, namun ia juga menimbulkan masalah kerana tidak dapat menumpukan perhatian terhadap tugas-tugas utama mereka. Oleh yang demikian, langkah-langkah yang segera perlu diambil agar isu ini dapat diselesaikan agar guru-guru B&K dapat menjalankan tugas-tugas sebagai guru B&K sepenuh masa bagi meningkatkan tahap keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Kesimpulan dapatan temubual berkenaan dengan pengetahuan tentang konteks berhubung kerelevanan objektif perkhidmatan B&K dengan FPN, sikap guru kaunseling terhadap pelantikan sebagai guru kaunseling sepenuh masa dan keyakinan menjalankan perkhidmatan B&K merupakan komponen penting kepada guru kaunseling.Abd Sani et al. (2007) menyatakan bahawa seseorang guru harus memahami kurikulum yang hendak diajar, sebelum memulakan proses PdP.

Justeru itu, guru-guru B&K yang bertugas di sekolah-sekolah menengah di Malaysia juga harus menghayati FPN, matlamat dan objektif serta isi kandungan perkhidmatan B&K yang mereka ceburi. Bagi mendapatkan kepercayaan daripada pihak sekolah, pelajar dan masyarakat, guru kaunseling disarankan supaya membuktikan keyakinan diri dalam mendemonstrasi keberkesanannya melaksanakan perkhidmatan B&K ini dengan beretika (Rorlinda Yusof et al., 2010). Perkara

tersebut hanya boleh dicapai melalui pengetahuan yang baik dan mendalam oleh guru-guru B&K terhadap kurikulum dan objektif perkhidmatan ini.

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Input Di Sekolah Menengah Malaysia. Untuk melihat tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input dihuraikan melalui 5 (lima) aspek iaitu (1) pengetahuan dan kemahiran guru termasuk di dalamya aspek: perkembangan personal, perkembangan pendidikan, perkembangan kerjaya, (2) sokongan pengetua, (3) pengurusan kewangan, (4) kemudahan dan bahan rujukan dan (5) latihan dalam perkhidmatan.

Secara keseluruhan, keputusan kajian menunjukkan tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input di sekolah menengah di Malaysia berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian oleh Nor Azian yang menjalankan kajian bagi guru-guru kaunseling di negeri Johor yang menunjukkan tahap kecekapan kemahiran kaunseling bagi seramai 141 kaunselor di seluruh Negeri Johor berada tahap yang tinggi (Nor Azian, 2009). Justeru itu, dapat dikatakan bahawa kemahiran dan pengetahuan guru kaunseling memainkan peranan utama bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K di sekolah kerana guru-guru kaunselor sekolah memainkan peranan yang penting di dalam memaksimakan kejayaan para pelajar (Lapan et. al, 2007; Stone & Dahir, 2006), dan beberapa kajian lain juga menunjukkan bahawa guru B&K penting di dalam membentuk perubahan sikap pelajar ke arah yang lebih positif dan sangat berkesan di dalam membantu pelajar dalam pemilihan kerjaya dan akademik (Blackhurst et al. 2003, Lapan et al., 2003).

Keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K di sekolah melalui program yang komprehensif merupakan perkara penting yang perlu diberikan penekanan di

University of Malaya

dalam mewujudkan persekitaran sekolah yang kondusif dan selesa kepada pelajar bagi mencapai kejayaan akademik dan sahsiah yang cemerlang. Sekolah-sekolah yang melaksanakan program kaunseling yang komprehensif dilaporkan bahawa para pelajarnya merasa lebih selamat untuk hadir ke sekolah, percaya bahwa pendidikan mereka lebih relevan dan penting bagi masa depan mereka, merasa lebih berpuashati dengan kualiti pendidikan yang mereka perolehi di sekolah, mempunyai sedikit masalah yang berkaitan dengan masalah bersifat fizikal atau interpersonal di sekolah dan mereka mendapat gred pelajaran yang lebih baik (Lapan et. al 2001).

Satu kajian meta analisis terhadap *outcome* daripada program B&K di sekolah yang melibatkan 16 296 pelajar menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam program sekolah telah menunjukkan peningkatan 1/3 lebih baik berbanding dengan pelajar yang tidak mengikuti program kaunseling untuk merawat *depression* dalam kalangan pelajar (Whiston & Quinby, 2009). Kajian-kajian yang pernah dilakukan menunjukkan bahawa perkhidmatan B&K yang berkualiti mempunyai kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan hidup kanak-kanak dan dapat mencegah pelajar daripada terlibat dengan aktiviti keganasan dan penyalahgunaan dadah. Perkhidmatan B&K yang berkualiti juga dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar. Kajian yang telah dilakukan terhadap kesan daripada perkhidmatan B&K di sekolah telah menunjukkan kesan yang positif kepada peningkatan gred pelajar, mengurangkan gangguan di bilik kelas serta meninkatkan kemampuan guru untuk mengendalikan tingkah laku pelajar di kelas dengan lebih efektif (U.S. Department of Education, 2002).

Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan B&K di sekolah merupakan perkhidmatan yang penting dan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan tersebut

telah terbukti memberikan banyak manfaat kepada sekolah dan pelajar baik dari aspek pembangunan insan mahupun akademik dan kerjaya pelajar.

Bagi melihat dengan lebih terperinci tahap keberkesanan untuk Dimensi Input, maka perbincangan akan dihuraikan berdasarkan kepada 5 (lima) aspek yang telah disebutkan di atas iaitu :

1. **Pengetahuan dan kemahiran guru**

   Aspek pertama dalam Dimensi Input adalah Pengetahuan dan Kemahiran Guru yang termasuk di dalamya 3 (tiga) aspek, iaitu (a) Aspek perkembangan personal, (b) Aspek perkembangan pendidikan, dan (c) Aspek perkembangan kerjaya. Dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan aspek ini berada pada tahap tinggi.

Suradi Salim (1994) menyatakan bahawa untuk memastikan perkhidmatan B&K dapat dijalankan dengan baik dan berkesan di sekolah-sekolah, perlulah dilantik guru yang betul-betul berkelayakan, berkemahiran, berminat dalam bidang kaunseling dan berminat untuk menolong pelajar. Guru tersebut perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai bidang-bidang seperti psikologi perkembangan, psikologi pendidikan, teori personaliti, psikologi bilazim (abnormal psychology), teori kaunseling, teknik kaunseling, psikologi remaja, teori vokasionl, teknik kaunseling kerjaya, penilaian dan pengukuran, kemahiran berkomunikasi, kaedah penyelidikan bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan B&K yang diberikan kepada pelajar.

Pengetahuan dan kemahiran guru B&K adalah perkara utama yang perlu diberikan perhatian kerana guru B&K adalah merupakan aset penting ke arah mencapai matlamat kesejahteraan diri pelajar (Gerald, 2001) manakala menurut

University of Malaya

Wannan & Mc Carthy, kompetensi merupakan komponen yang penting dalam bidang B&K (Wannan & McCarthy, 2005). Guru-guru B&K di sekolah seharusnya memiliki pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan yang tinggi serta sikap yang betul bagi tujuan merancang, mengatur, melaksana dan memantau serta menilai secara komprehensif program-program kaunseling sekolah (American School Counselor Association (ASCA), 2012).

a) **Aspek Perkembangan Personal**. Aspek pertama dalam pengetahuan dan kemahiran guru B&K adalah aspek perkembangan personal, yang mana dalam aspek perkembangan personal dalam kajian ini menunjukkan keberkesanan yang tinggi dengan item kenyataan yang paling tinggi dalam soal selidik iaitu "saya membantu pelajar memahami bahaya alkohol, tembakau, dadah dan lain-lain kepada emosi dan fizikal mereka".

Program kaunseling sekolah yang memfokuskan kepada perkembangan personal pelajar adalah bertujuan untuk memberikan asas kepada perkembangan individu atau sosial selaras dengan perkembangan pelajar di sekolah dan melalui alam remaja. Aspek perkembangan personal penting untuk para pelajar memperolehi pengetahuan dan mengaplikasikan pengetahuan tersebut untuk merancang pendidikan pelajar dan memahami peranan mereka dalam kehidupan peribadi dan masyarakat (State of Connecticut State Board of Education, 2008).

Dapatan daripada kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Kenneth, et al. pada 2014 yang menunjukkan bahawa lebih 95% daripada responden kajian merasakan bahawa perkhidmatan B&K yang dilaksanakan telah menggalakkan peningkatan positif rasa kendiri dan hubungan yang baik dalam kalangan pelajar

University of Malaya

samada di sekolah mahupun di rumah, dapat menggalakkan tabiat belajar yang baik, tingkahlaku yang lebih diterima dan pencapaian akademik yang lebih positif (Kenneth et al., 2014).

Dapatan kajian ini adalah selaras dengan objektif ke-2 Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K di Sekolah Menengah, 1993, iaitu "*Memberi khidmat pencegahan iaitu menghindarkan pelajar daripada terlibat dalam perbuatan salah laku, tidak berdisiplin, penggunaan dadah, merokok, laku musnah, peras ugut, menyertai pertubuhan haram dan tingkah laku anti sosial yang lain*" (Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K di Sekolah Menengah, 1993).

Dapat dilihat daripada dapatan kajian ini bahawa aspek perkembangan personal pelajar telah dapat dilaksanakan dengan baik oleh guru-guru perkhidmatan B&K di sekolah. Perkembangan personal pelajar yang positif akan menyumbang kepada kejayaan akademik dan kerjaya serta dapat membantu pelajar untuk memahami dan menghormati diri sendiri dan orang lain, memiliki kemahiran interpersonal yang efektif dan memiliki kemahiran hidup yang baik agar dapat memberikan sumbangan yang positif kepada masyarakat.

b) **Aspek Perkembangan Pendidikan.** Aspek perkembangan pendidikan dalam Dimensi Input hasil kajian juga menunjukkan keberkesanan pada tahap tinggi dengan item kenyataan yang paling tinggi yang diberikan "saya membantu pelajar memperolehi maklumat berhubung kerjaya dari pelbagai sumber". Fokus aspek perkembangan pendidikan adalah untuk mencapai kejayaan akademik pelajar di sekolah dengan memastikan pelajar memiliki kemahiran, sikap dan pengetahuan yang dapat menyumbang kepada pembelajaran yang lebih efektif di sekolah, menggunakan strategi untuk mencapai kejayaan di sekolah dan

University of Malaya

memahami hubungan antara pencapaian akademik dengan dunia kerja sebenar serta kehidupan di masyarakat (State of Connecticut State Board of Education, 2008).

Hasil keputusan kajian ini disokong oleh kajian luar yang menjalankan kajian terhadap 5,618 pelajar sekolah mendapat keputusan peperiksaan yang lebih baik diperingkat negeri dan kebangsaan apabila terdapat program kaunseling sekolah yang komprehensif dijalankan di sekolah mereka (Sink & Stroh (2003). Dapatan kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian oleh Lapan et. al yang juga menunjukkan hasil yang sama, di mana kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar sekolah menengah yang telah mengikuti program kaunseling yang komprehensif di sekolah mempunyai pencapaian akademik lebih baik yang dapat dilihat daripada peningkatan Gred Purata (GPA) pelajar tersebut (Lapan et al., 1997).

Kajian lain yang berkaitan dengan perkembangan pendidikan juga menunjukkan bahawa pelajar sekolah yang mengikuti kurikulum kaunseling sekolah dan intervensi kelompok yang memberikan fokus kepada kemahiran kognitif, sosial dan pengurusan diri secara konsisten telah menunjukkan penguasaan dan pencapaian yang lebih baik dalam pelajaran matematik dan kemahiran membaca semasa ujian peringkat negeri yang dilaksanakan (Brigman & Campbell, 2003). Kajian oleh Campbell dan Brigman juga menunjukkan bahawa kaunseling kelompok yang dilakukan oleh guru B&K di sekolah mempunyai kesan yang positif terhadap pencapaian akademik daripada pelajar dengan pencapaian akademik yang lemah (Campbell & Brigman, 2005).

Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian lain yang telah dijalankan, menunjukkan bahawa keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K

University of Malaya

dalam aspek perkembangan pendidikan adalah merupakan aspek yang penting ke arah pencapaian akademik pelajar yang lebih baik. Justeru itu pelaksanaan perkhidmatan B&K yang komprehensif di sekolah adalah penting di Malaysia bagi memastikan pencapaian akademik pelajar sekolah dapat ditingkatkan selaras dengan Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 yang menyatakan bahawa pendidikan memainkan peranan utama bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara, kejayaan sesebuah negara amat bergantung pada ilmu pengetahuan, kemahiran, dan kompetensi yang dimiliki rakyat. Oleh itu, negara yang mempunyai rakyat berpendidikan tinggi akan berpeluang menikmati kemajuan ekonomi yang lebih tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013 – 2025).

c) **Aspek Perkembangan Kerjaya.** Untuk aspek perkembangan kerjaya, keberkesanan pelaksanaan berada pada tahap tinggi dengan item kenyataan yang paling tinggi "saya membantu pelajar menghubungkaitkan minat, nilai, kebolehan, kemahiran diri dengan bidang-bidang kerjaya". Objektif aspek perkembangan kerjaya dalam perkhidmatan B&K adalah untuk menyediakan asas bagi memperolehi kemahiran, sikap dan pengetahuan yang membolehkan pelajar membuat transisi daripada dunia persekolahan ke dunia kerja dan daripada jenis kerja yang berbeza-beza sepanjang kehidupan pelajar tersebut (State of Connecticut State Board of Education, 2008). Guru B&K di sekolah berperanan untuk membantu semua pelajar dalam perancangan kerjaya, memotivasi pelajar untuk mencapai kejayaan akademik dan memiliki kemahiran pekerjaan serta mengetahui kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam bidang pekerjaan bagi memastikan para pelajar berjaya melalui masa peralihan ke alam dewasa (Herman et. al., 2003).

University of Malaya

Maklumat yang mencukupi mengenai kerjaya adalah merupakan elemen penting dalam perancangan dan pemilihan kerjaya para pelajar serta bagi membantu pelajar membuat keputusan yang tepat mengenai kerjaya yang sesuai dengan minat dan kemahiran diri, seperti yang dinyatakan oleh Mat Jusoh (2012), kesedaran tentang peluang kerjaya penting bagi pelajar agar dapat menceburi alam pekerjaan yang diminatinya pada masa hadapan. Keberkesanan perkhidmatan dari aspek perkembangan kerjaya pelajar perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh guru B&K kerana pelajar memerlukan kaunselor profesional untuk membantu mereka memilih, merancang dan menyelesaikan masalah kerjaya dan bagi mengelakkan kesilapan dalam menentukan bidang yang diminati kelak (Rohany, 2008). Kajian lain juga menunjukkan bahawa guru B&K penting di dalam membentuk perubahan sikap pelajar ke arah yang lebih positif dan sangat berkesan di dalam membantu pelajar dalam pemilihan kerjaya dan akademik (Blackhurst et al. 2003, Lapan et al., 2003). Perkhidmatan bimbingan kaunseling yang dilakukan oleh guru B&K di sekolah telah terbukti mempunyai kesan secara langsung terhadap kemampuan pelajar untuk lebih memahami pilihan pelajaran yang mereka ambil dan juga memahami hubungan antara pilihan pelajaran dengan kerjaya yang akan mereka ceburi kelak (Peterson et. al, 1999). Dalam satu kajian lain yang dilakukan oleh Whiston et. al menunjukkan bahawa perkhidmatan bimbingan kerjaya yang dilakukan menggunakan program bimbingan kerjaya secara berkomputer dan tidak menggunakan khidmat guru B&K terbukti kurang berkesan berbanding penggunaan kaedah kaunseling kelompok, bengkel ataupun dalam kelas oleh guru B&K (Whiston et. al 2003).

Ini menunjukkan bahawa peranan guru B&K di sekolah adalah sangat signifikan untuk memberikan pendedahan dan maklumat yang berguna kepada pelajar berkenaan dengan pemilihan pelajaran dan kaitannya dengan pemilihan

University of Malaya

kerjaya yang akan diceburi pada masa hadapan oleh para pelajar sekolah. Tanpa bimbingan yang betul dan tepat, pelajar akan menghadapi kesukaran membuat pemilihan kerjaya yang sesuai dengan minat dan kebolehan mereka. Dapatan dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa fungsi ini telah dapat dijalankan dengan baik oleh guru B&K sekolah-sekolah yang dikaji.

2. **Sokongan pengetua**.

   Aspek kedua pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input yang akan dibincangkan adalah sokongan pengetua sekolah, di mana pelaksanaannya berada pada tahap sederhana dan tinggi dengan item kenyataan paling tinggiiaitu "pengetua memberi sokongan kepada guru-guru kaunseling". Pengetua sekolah memainkan peranan yang penting dalam memastikan program kaunseling yang komprehensif dapat dijalankan dimana sokongan pengetua adalah merupakan aspek penting bagi keberhasilan perkhidmatan B&K di sekolah Tengku Elmi & Noriah (2014), tanpa sokongan dan kelulusan pengetua, program yang dirancang oleh guru B&K di sekolah pastinya tidak dapat dilaksanakan. Apabila pengetua dan guru B&K di sekolah dapat menjalinkan kerjasama yang baik antara satu sama lain, maka ianya akan menghasilkan hubungan kerja yang lebih efektif dan mempunyai peluang yang lebih baik dalam membantu pelajar untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

American School Counselor Association(2012) menyatakan bahawa untuk menjadi guru B&K yang efektif, mereka perlu bekerjasama dengan pentadbir sekolah di maana termasuk di dalamnya pengetua, dengan guru-guru, keluarga dan masyarakat. Kekuatan kerjasama antara pengetua dan guru B&K akan memberikan manfaat yang besar kepada organisasi secara keseluruhan, yang memberikan

University of Malaya

penyampaian perkhidmatan B&K yang lebih efektif (Dahir et al., 2010). Hubungan kerjasama yang baik antara pengetua dan guru B&K dapat menghasilkan perubahan yang positif kepada perkembangan misi dan visi sekolah, menggalakkan peningkatan aspirasi pelajar dan perkembangan kerjaya guru-guru (Stone & Clark, 2001).

Justeru itu, kejayaan perkhidmatan B&K di sekolah adalah bergantung kepada kepemimpinan seseorang pengetua dan ianya memerlukan kerjasama yang baik antara guru B&K, pengetua, barisan pentadbir lain di sekolah. Dengan adanya kerjasama yang baik, isu-isu yang perlu ditangani di sekolah dapat dikenalpasti dan program yang diperlukan dapat dirancang dengan baik(Tengku Elmi & Noriah, 2014).Sekiranya tiada kerjasama yang baik antara pihak-pihak yang terlibat, pastinya akan menjejaskan perancangan dan pelaksanaan program B&K yang berkesan di sekolah-sekolah.

3. **Aspek pengurusan kewangan**. Selanjutnya bagi aspek pengurusan kewangan, keberkesanan pelaksanaan berada pada tahap sederhana dan tinggi dengan kenyataan yang paling tinggi adalah "guru kaunseling sentiasa menyemak peruntukan kewangan untuk memastikan ia digunakan dengan betul". Kebanyakan program dan aktiviti perkhidmatan B&K yang dirancang memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan program tersebut. Berdasarkan kepada surat pekeliling kewangan bil.5 tahun 2002 pemberian bantuan perkapita untuk sekolah melalui surat rujukan KP. 1574/17/ Jld.1 (25), menyatakan bahawa perkhidmatan B&K bagi sekolah menengah adalah layak menerima kadar Bantuan Per Kapita (PCG) untuk setiap sekolah. Peruntukan Bantuan Per Kapita (PCG) oleh KPM tersebut akan disalurkan melalui Jabatan Pendidikan Negeri ataupun Jabatan-jabatan

University of Malaya

di bawah KPM bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti di sekolah termasuk aktiviti berkaitan B&K.

Dapatan kajian ini adalah sedikit berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Noran Fauziah et. al dalam kajian keberkesanan kos program B&K yang mendapati hanya 52.2% responden bersetuju bahawa peruntukan yang diterima oleh sekolah mereka mencukupi untuk menjalankan semua program yang dirancangkan, manakala sebanyak 51.6% guru B&K bersetuju dengan saranan bahawa Peruntukan "*Per Capita Grant*" (PCG) dari KPM mencukupi untuk melaksanakan program kaunseling di sekolah dan secara keseluruhan, guru B&K kurang berpuas hati dengan keadaan yang wujud dari segi kemudahan dan peruntukan yang diberikan kepada sekolah(Noran Fauziah et al., 2005).

Peruntukan dan pengurusan kewangan adalah merupakan aspek penting yang juga diberikan penekanan kerana tanpa peruntukan kewangan yang mencukupi, program dan aktiviti B&K yang telah dirancang tidak dapat dijalankan dengan sempurna yang boleh menjejaskan pencapaian objektif dan sasaran B&K yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Kekurangan peruntukan kewangan juga mengakibatkan guru B&K terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi menampung kos pelaksanaan aktiviti atau program B&K. Namun demikian, terdapat juga aktiviti B&K yang boleh dilaksanakan oleh guru B&K yang tidak memerlukan kos atau hanya menggunakan kos yang minima seperti intervensi kaunseling individu atau kelompok bagi memastikan kesinambungan program B&K di sekolah tetap dapat dilaksanakan.

4. **Kemudahan dan bahan rujukan.** Aspek seterusnya adalah kemudahan dan bahan rujukan di mana dalam kajian ini berada pada tahap sederhana dengan kenyataan yang paling tinggi ialah “kadangkala berlaku pertembungan untuk

menggunakan bilik kaunseling di kalangan guru-guru kaunseling". Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru B&K kurang berpuas hati dengan kemudahan dan bahan rujukan yang tersedia untuk perkhidmatan B&K di sekolah. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian oleh Noran Fauziah et. al pada 2005 yang menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, guru B&K dalam kajian beliau kurang berpuas hati dengan keadaan yang wujud dari segi kemudahan dan peruntukan yang diberikan kepada sekolah (Noran Fauziah et al., 2005). Kajian terdahulu oleh Vimala Devi juga menunjukkan bahawa terdapat sekolah yang tidak mempunyai kelengkapan bilik dan peralatan yang mencukupi sehingga terpaksa menggunakan stor sebagai bilik B&K (Vimala Devi, 2001).

Kegagalan menyediakan kemudahan dan bahan rujukan yang mencukupi untuk perkhidmatan B&K di sekolah boleh menyebabkan kesukaran kepada guru B&K dalam menjalankan tugas mereka, dan seterusnya dapat menjejaskan penyampaian perkhidmatan B&K yang berkualiti dan berkesan kepada para pelajar. Aspek ini perlu diberikan perhatian oleh pihak sekolah agar kemudahan fizikal yang diperlukan untuk perkhidmatan B&K dapat disediakan bagi mewujudkan suasana yang kondusif kepada pelajar dan guru dapat menjalankan aktiviti dan program B&K yang dirancang dengan selesa.

5. **Latihan dalam perkhidmatan.** Aspeklatihan dalam perkhidmatan berada pada tahap sederhana dan tinggi dengan kenyataan yang paling tinggi "saya menggunakan kaedah kaunseling individu untuk menangani isu pelajar". Kaedah kaunseling berbeza yang digunakan oleh guru B&K dapat meningkatkan keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah seperti yang

University of Malaya

ditunjukkan dalam kajian yang dilakukan oleh Kenneth O et. al. pada 2014 yang menunjukkan bahawa guru B&K yang menggunakan teknik yang pelbagai seperti Kaunseling Rakan Sebaya (*Peer Counseling),*Kaunseling Kelompok (*Group Counseling),* Kaunseling Individu (*Individual Counseling),* dan penggunaankepakaran daripada luar sekolah untuk menambahbaik perkhidmatan B&K telah mempengaruhi peningkatan keberkesanan perkhidmatan kaunseling bagi meningkatkan konsep kendiri remaja sekolah di Khwisero (Kenneth O et al., 2014).

Kajian lain juga menunjukkan bahawa penggunaan kaedah kaunseling kelompok bagi pelajar-pelajar yang berisiko untuk gagal, didapati telah berkesan dalam membantu meningkatkan pencapaian pelajar tersebut (Hoag & Burlingame, 1997) dan memberikan kesan yang positif kepada pencapaian akademik kepada pelajar yang berprestasi rendah (Campbell & Brigman, 2005). Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Ritter et. al mendapati bahawa keberkesanan terapis bergantung kepada pengalaman dan teknik yang digunakan oleh terapis itu sendiri (Ritter et. al., 2002).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran dan pengalaman guru B&K dalam mengaplikasikan teknik kaunseling yang berbeza adalah penting untuk meningkatkan kemahiran kendiri pelajar dan kajian lepas juga telah membuktikan bahawa pelajar memberikan reaksi yang positif apabila guru B&K menggunakan pelbagai kaedah kaunseling yang berbeza dan dapat menciptakan persekitaran terapi dan psikologi yang efektif dan kondusif bagi meningkatkan lagi tahap keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah.

University of Malaya

Kesimpulannya, kajian yang telah dijalankanini menunjukkan bahawa perkhidmatan B&K di sekolah merupakan perkhidmatan yang penting di dalam membentuk sikap positif pelajar terhadap diri, pencapaian akademik yang lebih baik dan pemilihan kerjaya yang lebih berkesan kepada pelajar di masa hadapan. Keberhasilan perkhidmatan B&K di sekolah tidak dinafikan bergantung kepada keberkesanan Dimensi Input dalam kajian ini.

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses Di Sekolah Menengah Malaysia. Secara keseluruhan, tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses di Sekolah Menengah Malaysia dalam kajian ini adalah tinggi yang dapat dihuraikan melalui 2 (dua) aspek iaitu (1) strategi menjalankan perkhidmatan B&K dan (2)peranan dan fungsi guru kaunseling yang dihuraikan melalui item penyelarasan, komunikasi dan perundingan.

(1) **Strategi Menjalankan Perkhidmatan B&K**.

Aspek pertama yang akan dibincangkan adalah berkenaan strategi menjalankan perkhidmatan B&K, yang mana keputusan kajian menunjukkan strategi menjalankan perkhidmatan B&K berada pada tahap tinggi dengan kenyatan paling tinggi“saya memberikan kaunseling individu berterusan untuk murid membuat penyesuaian kehidupan”. Guru B&K perlu bijak merangka strategi perkhidmatan B&K agar selaras dengan visi dan misi yang telah ditetapkan oleh unit B&K dan sekolah serta diselaraskan dengan modal insan yang ada di sekolah. Dengan adanya strategi perkhidmatan yang mantap, program-program B&K yang akan dilaksanakan adalah berdasarkan kepada keperluan para pelajar dan juga selaras dengan visi dan misi pihak sekolah.

Dapatan kajian ini sama dengan keputusan kajian oleh Tengku Elmi dan Noriah Mohd Ishak, pada 2014 yang mendapati 85.07% daripada ketua guru B&K

University of Malaya

sekolah menengah di Selangor mempunyai tahap kepimpinan yang tinggi bagi komponen Strategi Perkhidmatan dan Model Kepimpinan (Tengku Elmi dan Noriah Mohd Ishak, 2014). Antara strategi yang dapat diterapkan agar perkhidmatan B&K mencapai sasaran yang diterapkan adalah dengan merancang program kaunseling yang teratur di peringkat sekolah.

Program kaunseling yang teratur dan terancang adalah penting kerana kajian menunjukkan bahawa sekolah yang mengaplikasikan program kaunseling yang komprehensif dapat menghasilkan pencapaian akademik yang lebih baik di kalangan pelajar (Carey & Harrington, 2010). Penyampaian perkhidmatan yang berkesan dapat memastikan objektif dan sasaran dapat dicapai. Berdasarkan kepada kajian di Nebraska, Amerika Syarikat yang secara keseluruhannya keputusan kajian menunjukkan bahawa program yang dilaksanakan dengan lebih komprehensif dan terancang menghasilkan *outcome* yang lebih positif kepada pelajar (Carey & Harrington, 2010). Program kaunseling yang komprehensif di sekolah merupakan bahagian penting daripada sekolah yang efektif bertujuan untuk mencapai perkembangan pendidikan, kerjaya, sosial dan emosi para pelajar yang memenuhi keperluan pelajar dan keluarga sepanjang proses pembelajaran mereka di sekolah (National Board for Professional Teaching Standards, 2012).

Oleh yang demikian, strategi yang mantap diperlukan semasa menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah agar semua program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh perkhidmatan B&K dan sekolah. Tanpa strategi yang baik, perancangan program yang telah dilakukan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan serta tidak memberikan kesan yang diharapkan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aspek

University of Malaya

strategi menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah yang dikaji telah dapat dilaksanakan dengan baik.

(2) **Peranan dan fungsi guru kaunseling.** Secara keseluruhannya tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses di sekolah menengah Malaysia dalam kajian ini dapat dirumuskan adalah tinggi. Sapora Sipon (2000) menyatakan bahawa peranan utama kaunselor di sekolah adalah untuk mengubah dan menyesuaikan perlakuan murid kepada suatu perlakuan yang lebih baik. Guru B&K mempunyai peranan yang penting dalam menjalankan fungsi sebagai guru B&K di sekolah kerana menurut American School Counselor Association, guru B&K berperanan sebagai guru yang mengendali dan membantu menentukan keperluan dan perkembangan akademik, personal, sosial dan kerjaya pelajar dengan merangka, melaksana, menilai dan menambahbaik program kaunseling sekolah yang komprehensif yang dapat meningkatkan kejayaan pelajar (American School Counselor Association, 2012).

Guru B&K berperanan untuk merangka kurikulum, merancang keperluan individual pelajar dan memberikan perkhidmatan yang responsif dalam usaha membantu pelajar untuk mengembang dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan minda yang tepat bagi perkembangan akademik, kerjaya, sosial dan emosi melalui penggunaan berbagai kaedah kaunseling (State Board Of Education Of Ohio, 2015).Guru B&K juga adalah individu yang dapat memberikan teladan dan memberikan imej yang positif kepada pelajar kerana guru B&K adalah sebagai *role-model* yang boleh menunjukkan sifat-sifat terpuji kepada pelajar, dalam usaha memupuk amalan dan penghayatan nilai murni di kalangan pelajar sekolah (Taifor, 2001), dan guru B&K juga berperanan sebagai fasilitator, pendidik, kaunselor dan mentor untuk memupuk dan menyerapkan nilai murni, berkemahiran pengurusan diri

dan pembelajaran, serta menjadi penjana minda bagi melahirkan pelajar berfikiran kritis dan kreatif (Salhah Abdullah, 2006).

Untuk menjadi Guru B&K yang efektif, mereka perlu memiliki pengetahuan yang luas serta mempunyai kemahiran individu dan profesional yang baik, mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan dalam bidang pembangunan modal insan, menguasai teknik kaunseling yang efektif, perkembangan kerjaya, trend sosial, perbezaan antara manusia, , teknologi dan kajian berkaitan dengan amalan kaunseling yang efektif. Guru B&K mesti memiliki kemahiran profesional dalam aspek komunikasi, kepimpinan, organisasi dan etika (State Board Of Education Of Ohio, 2015).

Namun demikian, terdapat juga guru B&K yang tidak dapat menjalankan peranan dan fungsi yang maksima kerana mereka juga diberikan tugas-tugas lain seperti sebagai guru disiplin, pencatat kedatangan pelajar serta tugas-tugas lain (Fitch et al., 2001). Guru B&K juga sering diminta untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berkaitan dengan bidang tugas sebagai kaunselor seperti tugas-tugas pentadbiran, sebagai guru pengganti, membuat jadual pelajar, penyeliaan pelajar dan tugas-tugas disiplin yang lain (American School Counselor Association, 2003).

Tugas-tugas yang tidak berkaitan dengan tugas bimbingan dan kaunseling tersebut dapat menyebabkan berlakunya kekeliruan dan kekaburan mengenai fungsi dan peranan guru B&K (American School Counselor Association, 2003). Keadaan ini akan menyebabkan guru B&K kehilangan kuasa autonomi sebagai kaunselor dan seterusnya menimbulkan perasaan tidak selesa dengan pihak pentadbir sekolah kerana telah memberikan tugas tersebut. Keadaan ini akan menjejaskan prestasi kerja mereka sebagai guru B&K, dan seterusnya akan memberikan kesan negatif bukan

University of Malaya

sahaja kepada guru dan sekolah tetapi juga kepada para pelajar (Ross & Herrington, 2006).

Justeru itu, keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses adalah penting bagi memastikan proses penyampaian perkhidmatan B&K dapat dimaksimakan bagi mencapai hasil yang diharapkan, kerana guru B&K memainkan peranan yang penting di dalam memaksimakan kejayaan pelajar di sekolah (Lapan et. al, 2007; Stone & Dahir, 2006). Kegagalan menjalankan fungsi dan peranan tersebut akan menjejaskan penyampaian perkhidmatan B&K kepada pelajar sekolah. Kajian yang dijalankan ini membuktikan bahawa aspek tersebut telah dapat dicapai oleh perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Untuk lebih memahami peranan dan fungsi guru kaunseling, maka perbincangan mengenai peranan dan fungsi guru kaunseling akan dihuraikan berdasarkan kepada aspek-aspek berikut, iaitu :

(a) **Penyelarasan**. Aspek penyelarasan dalam kajian ini berada pada tahap sederhana dan tinggi dengan kenyataan yang paling tinggi "saya menggalakkan guru-guru merujuk pelajar-pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan B&K".Guru B&K bertindak sebagai penyelaras yang menggabungkan modal insan dan sumber daripada ibu bapa, sekolah dan masyarakat untuk menyokong perkembangan akademik, kerjaya, personal dan sosial pelajar. Justeru itu, Guru B&K perlu mempunyai kemahiran penyelarasan yang baik bagi memastikan kerjasama yang baik dengan pengetua, guru-guru dan pelajar serta ibu bapa agar semua program yang dirancang dapat dijalankan dengan jayanya.

Guru B&K perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta secara bersama dengan pentadbir sekolah untuk menghasilkan perancangan program kaunseling

University of Malaya

yang komprehensif yang melibatkan aspek-aspek perkembangan, pencegahan dan renponsif yang selaras dengan misi dan objektif sekolah (State Board Of Education Of Ohio, 2015).Kegagalan menyelaras program yang selari dengan visi dan misi sekolah akan menyebabkan program yang dilaksanakan kurang memberikan impak yang diharapkan. Kajian ini menunjukkan bahawa fungsi ini telah dapat dijalankan dengan baik oleh guru B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

(b)**Komunikasi**. Dapatan peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi komunikasi berada pada tahap tinggi dengan kenyataan paling tinggi "saya memberikan maklumat berhubung perkembangan kurikulum kepada pihak pentadbir sekolah berhubung perancangan pelajar". Guru B&K perlu mempunyai kemahiran yang baik dalam aspek komunikasi dan perlu mempunyai perasaan empati, sabar dan fleksibiliti (State Board Of Education Of Ohio, 2015).

Kemahiran komunikasi yang melibatkan aspek kemahiran mendengar dan empati dapat membantu guru B&K untuk memahami dan menganalisa permasalahan yang diutarakan oleh pelajar dengan lebih baik. Kemampuan berkomunikasi dan memberikan cadangan penyelesaian masalah kepada orang lain adalah kemahiran yang sangat diperlukan oleh guru B&K (American School Counselor Association, 2005).

Guru B&K di sekolah perlu mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan pelajar, namun guru B&K juga bertindak sebagai penghubung antara pelajar, ibu bapa dan penjaga serta guru-guru di sekolah di mana menggalakkan penyertaan atau penglibatan guru-guru di sekolah dengan keluarga pelajar bagi memberikan sokongan kepada pelajar (State Board Of Education Of Ohio, 2015). Guru B&K juga perlu mempunyai kemahiran komunikasi yang terbuka dan objektif. Komunikasi yang objektif dan tidak menyebelahi mana-mana pihak adalah penting terutamanya

University of Malaya

apabila berlaku perselisihan faham atau perbezaan pendapat (Fiedler, 2000). Perbezaan pendapat sering menyebabkan kemarahan dan penolakan serta menimbulkan keadaan tegang antara pihak yang terlibat. Oleh itu kemahiran berkomunikasi secara objektif yang bersandarkan kepada fakta dan maklumat yang tepat dapat mengawal keadaan dan mengekalkan komunikasi yang profesional (State Board Of Education Of Ohio, 2015).

Justeru itu, kemahiran komunikasi merupakan kemahiran yang sangat diperlukan oleh guru B&K bagi meyakinkan semua pihak yang terlibat untuk bersama-sama berganding bahu untuk memberikan sokongan kepada pelajar untuk mencapai yang terbaik serta mampu mengelakkan sebarang konflik yang tidak diingini. Guru B&K pastinya tidak mampu menjalankan tugas sebagai guru B&K yang berkesan sekiranya mereka tidak mempunyai kemahiran komunikasi yang baik. Kajian ini menunjukkan bahawa guru B&K di sekolah-sekolah yang dikaji mempunyai kemahiran komunikasi yang baik untuk menjalankan tugas dan peranan sebagai guru B&K yang baik.

(c) **Perundingan.**Selanjutnya peranan dan fungsi guru kaunseling dari segi perundingan berada pada tahap tinggi dan sederhana dengan kenyataan paling tingg“selepas mengikuti perkhidmatan B&K, pelajar saya bertambah yakin akan kebolehan mereka”. Guru B&K memerlukan kemahiran perundingan bagi membantu meningkatkan kefahaman pihak sekolah, pentadbir, ibu bapa dan komuniti serta semua pihak yang terlibat terhadap keperluan dan kepentingan pelajar. Guru B&K merupakan bahagian penting dalam sistem sokongan yang menjaga hubungan baik antara pihak sekolah dengan keluarga dan komuniti yang memenuhi keperluan pelajar melalui jalinan kerjasama, perundingan dan penyelarasan dengan pihak sekolah dan semua *stake holder* dalam komuniti (Bryan&Holcomb-McCoy,

2007).Aspek perundingan merupakan antara aspek penting yang perlu ada pada guru B&K bagi meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan B&K serta mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Guru B&K juga perlu mewujudkan hubungan baik sesama rakan sejawat dan warga sekolah. Guru B&K perlu bekerjasama dan berbincang dengan guru-guru sekolah, ibu bapa penjaga, komuniti dan agensi lain di luar sekolah untuk meyakinkan pihak-pihak yang terlibat bahawa mendidik pelajar adalah merupakan tanggungjawab bersama yang melibatkan pelajar, guru-guru, ibu bapa/penjaga dan masyarakat (State Board Of Education Of Ohio, 2015). Kerjasama dan semangat dalam kalangan rakan sejawat perlu sentiasa ditekankan agar persepsi dan harapan pihak sekolah juga masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling sentiasa positif. Kemahiran guru B&K dalam aspek perundingan adalah penting agar dapat memudahkan lagi proses perundingan dengan ibu bapa dan guru-guru ke atas perkembangan diri pelajar. Oleh yang demikian, kemahiran guru B&K untuk melakukan perundingan dan perbincangan adalah penting untuk mendapatkan kepercayaan, persefahaman dan penglibatan semua pihak bagi melaksanakan semua program yang telah dirancang demi untuk kecemerlangan pelajar.

Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Produk Di Sekolah Menengah Malaysia. Secara keseluruhan tahap keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dalam Dimensi Produk yang melibatkan aspek perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K dalam kajian ini adalah tinggi.Perbincangan bagi Dimensi Produk dalam kajian ini akan melihat dua aspek iaitu (1) perubahan sikap pelajar dan (2) pencapaian objektif perkhidmatan B&K.

University of Malaya

Perubahan sikap pelajar. Keputusan kajian menunjukkan bahawa perubahan sikap pelajar adalah pada tahap tinggi. Pelaksanaan perkhidmatan B&K yang berkesan di sekolah telah menyumbang kepada pencapaian pendidikan pelajar dengan memberikan impak yang signifikan terhadap pembentukan dan perubahan sikap pelajar yang lebih positif. Dapatan kajian ini adalah seperti dapatan kajian di sebuah sekolah menengah oleh Mau et. al yang menunjukkan bahawa guru kaunselor telah dapat mempengaruhi perancangan masa depan pelajar dengan menggalakkan para pelajar untuk mempunyai perancangan dan harapan yang tinggi mengenai masa depan mereka. Kajian yang dijalankan juga menunjukkan peningkatan yang berterusan didalam cita-cita masa depan pendidikan pelajar tersebut, yang menunjukkan bahawa guru kaunselor telah berjaya membentuk perubahan sikap pelajar selepas menerima perkhidmatan B&K (Mau et. al, 1998). Kajian oleh Mullis dan Otwell yang dilakukan di Daerah Gwinnett, Georgia juga menunjukkan bahawa guru kaunselor telah memberikan impak kepada prestasi akademik pelajar dan dapat meningkatkan tingkahlaku produktif dan menurunkan gangguan tingkahlaku pelajar sekolah (Mullis & Otwell, 1997).

Kajian luar yang telah dijalankan menunjukkan bahawa program B&K sekolah terbukti mempunyai kaitan dengan beberapa perubahan penting pelajar antara lain kemahiran Matematik, peningkatan kemahiran membaca, pengurangan statistik pelajar bermasalah dan mempunyai isu disiplin, meningkatkan jumlah kedatangan dan bilangan pelajar yang menamatkan persekolahan. Hasil ini jelas menunjukkan bahawa perkhidmatan B&K di sekolah telah dapat membentuk perubahan sikap pelajar yang lebih baik (Carey& Harrington, 2010).

Tahap keberkesanan perkhidmatan B&K dalam Dimensi Produk dalam kajian ini yang berkaitan dengan perubahan sikap pelajar adalah sama seperti dapatan kajian

University of Malaya

oleh Mau et al (1998) yang menunjukkan bahawa perkhidmatan kaunseling di sekolah telah berjaya menurunkan kejadian gangguan atau kebisingan di kelas di mana guru kaunseling telah dapat membantu guru sekolah untuk mengendalikan kelas dengan lebih efektif dan membimbing pelajar untuk mencapai prestasi yang tinggi. Sekolah yang menyediakan perkhidmatan guru B&K menunjukkan bahawa kelas mereka berada dalam keadaan lebih teratur dan para pelajar mempunyai tingkahlaku yang lebih baik (Mau et al, 1998), dan kajian juga menunjukkan perkhidmatan B&K telah dapat menurunkan tingkahlaku agresif di kalangan pelajar dan meningkatkan disiplin pelajar (Wilson et. al, 2003).

Kajian oleh Schlossberg et. al juga mendapati bahawa kurikulum B&K yang dirancang untuk mendidik para pelajar berkenaan dengan penetapan sasaran, penyelesaian masalah, eksplorasi kerjaya didapati telah meningkatkan secara signifikan sikap dan tingkahlaku pelajar serta pengetahuan dalam perkara-perkara tersebut (Schlossberg et. al. 2001). Dapatan kajian ini juga menyokong kajian yang dilakukan oleh Kenneth Otieno Olando, et al. yang mendapati bahawa 95% daripada responden kajian menunjukkan bahawa mereka mampu berkomunikasi dengan lebih berkesan, mampu membuat pilihan yang baik berkenaan dengan hubungan, merasa lebih optimis dengan masa depan dan meningkatkan rasa kendiri. (Kenneth Otieno Olando et al., 2014).

Perubahan sikap pelajar setelah menerima perkhidmatan B&K adalah antara petunjuk penting keberkesanan perkhidmatan yang diberikan. Perkhidmatan B&K di sekolah dilaksanakan dengan harapan dapat membantu pelajar dalam pembentukan sikap dan tingkahlaku yang lebih positif bagi memastikan objektif dan sasaran perkhidmatan B&K sekolah dapat dicapai. Dapatan kajian ini terhadap keberkesanan perkhidmatan B&K dari aspek perubahan sikap pelajar yang berada pada tahap

University of Malaya

tinggi, menunjukkan bahawa perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah yang dikaji telah memberikan tambahan nilai kepada pendidikan pelajar dan dapat meningkatkan penglibatan dan prestasi mereka.

Pencapaian objektif perkhidmatan B&K. Pencapaian objektif perkhidmatan B&K dalam kajian ini berada pada pada tahap tinggi. Antara objektif perkhidmatan B&K adalah membantu sekolah dan ibu bapa untuk memahami kebolehan akademik pelajar. Justeru itu, Guru B&K mempunyai peranan yang besar dalam membantu sekolah dan ibu bapa untuk memahami kebolehan akademik pelajar dan mempunyai pengaruh yang besar bagi membantu pelajar untuk terlibat aktif dalam bidang akademik dan sosial di persekitaran sekolah (Sciarra and Seirup, 2008). Program B&K di sekolah akan memudahkan proses perundingan dengan ibu bapa dan guru-guru ke atas perkembangan pelajar dengan berfungsi sebagai sistem bersepadu dalam menghasilkan hubungan positif antara pihak sekolah dengan ibu bapa yang dapat memenuhi keperluan akademik, kerjaya, personal dan sosial pelajar melalui kerjasama, koordinasi dan perundingan dengan sekolah dan komuniti (Bryan & Holcomb-McCoy, 2007).

Objektif perkhidmatan B&K di sekolah juga adalah untuk menghasilkan program dan aktiviti yang dapat memupuk komunikasi dengan menghubungkan pelajar, ibu bapa, komuniti dan sekolah bagi memenuhi keperluan dan perkembangan akademik semua pelajar dan bukan hanya kepada pelajar yang tertentu sahaja. Perkhidmatan B&K juga mempunyai objektif untuk membantu pelajar-pelajar dalam memahami dunia kerjaya masa depan mereka, dan guru B&K adalah sebagai pembimbing para pelajar dalam meneroka pilihan kerjaya, membuat perancangan kerjaya, menyediakan diri untuk latihan yang sesuai dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kerjaya (Suradi, 2004). Berdasarkan hasil kajian ini

University of Malaya

menunjukkan bahawa objektif perkhidmatan B&K di sekolah yang dikaji telah dapat dicapai dan berada pada tahap tinggi.

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Input (Pengetahuan dan kemahiran, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhidmatan) Di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input iaitu pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhidmatan mengikut jantina. Keputusan kajian ini menunjukkan kaunselor lelaki dan wanita mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang sama, sokongan pengetua terhadap kaunselor lelaki dan wanita adalah sama serta kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhidmatan kaunseling disekolah juga tidak dibezakan oleh jantina. Keputusan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Welfel, yang menyatakan bahawa tiada perbezaan yang nyata di antara kaunselor yang baharu atau yang telah berpengalaman kerana kaunselor yang berpengalaman juga didapati menghadapi masalah kurang kompeten (Welfel, 2006). Dalam kajian lain yang dijalankan oleh Tengku Elmi Azlina dan Noriah Mohd Ishak terhadap kepimpinan ketua guru B&K sekolah menengah di Selangor juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepimpinan terhadap faktor jantina, umur, pendidikan dan pengalaman (Tengku Elmi Azlina dan Noriah Mohd Ishak, 2014).

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses (strategi menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi guru kaunseling) di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina. Keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan

University of Malaya

keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses iaitu strategi menjalankan perkhidmatan B&K sertaperanan dan fungsi guru kaunseling mengikut jantina. Keputusan ini bermaksud guru B&K lelaki dan wanita mempunyai strategi yang sama dalam menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi sebagai guru kaunseling.

Perbezaan Keberkesanan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Dari Dimensi Produk (Perubahan sikap pelajar dan pencapaian objektif perkhidmatan B&K) Di Sekolah Menengah Malaysia Berdasarkan Jantina Guru B&K. Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Produk berdasarkan jantina khususnya dari sudut perubahan sikap pelajar yang mana dapatan kajian menunjukkan bahawa gurulelaki mempunyai persepsi terhadap perubahan sikap pelajar yang lebih tinggi dari guru perempuan. Keputusan daripada kajian luar terhadap persepsi guru B&K terhadap faktor kejayaan pelajar dalam bidang teknologi mendapati bahawa 71% daripada guru lelaki percaya bahawa kejayaan pelajar lelaki dalam bidang teknologi adalah disebabkan oleh bakat pelajar tersebut, sedangkan bagi pelajar perempuan, kejayaan mereka disebabkan oleh bernasib baik dan bukan di sebabkan oleh bakat atau kebolehan (American Association of University Women Educational Foundation, 2000).

Persepsi guru terhadap pelajar lelaki atau perempuan merupakan faktor penting bagi memastikan persamaan gender dalam penyampaian perkhidmatan pendidikan di sekolah (Education, Audiovisual and Culture Executive Agency (EACEA P9 Eurydice), 2010). Namun keputusan lain menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikanpencapaian objektif perkhidmatan B&K berdasarkan

University of Malaya

jantina, yang bermakna guru B&K lelaki dan perempuan menghasilkan pencapaian objektif perkhidmatan B&K yang sama.

Pengaruh Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Dari Dimensi Input terhadap Dimensi Proses Di Sekolah Menengah Malaysia. Keputusan kajian menunjukkan bahawa Dimensi Input dalam pelaksanaan perkhidmatan B&K memberi pengaruh terhadap Dimensi Proses dimana secara terperinci dijelaskan bahawa kemudahan bahan dan rujukan, pengetahuan dan kemahiran, pengurusan kewangan dan latihan dalam perkhidmatan merupakan varian yang signifikan yang memberikan peramal terhadap proses perkhidmatan B&K. Manakala sokongan pengetua bukan merupakan peramal yang signifikan. Pengaruh yang diberikan kemudahan bahan rujukan, pengetahuan dan kemahiran, pengurusan kewangan dan latihan dalam perkhidmatan terhadap proses perkhidmatan B&K. Selanjutnya keputusan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input memberi pengaruh dengan perincian kemudahan bahan rujukan menyumbang sebanyak 35.5 peratus, pengetahuan dan kemahiran menyumbang sebanyak 18.8%, pengurusan kewangan menyumbang sebanyak 3.4% dan latihan dalam perkhidmatan menyumbang sebanyak 0.9%. Dalam hal ini, terdapat lebih kurang 41.4% peratus lagi disumbangkan oleh faktor-faktor lain terhadap proses perkhidmatan B&K yang tidak diambil kira dalam kajian ini.

Pengaruh Pelaksanaan Perkhidmatan B&K Dari Dimensi Proses terhadap Dimensi Produk Di Sekolah Menengah Malaysia. Keputusan kajian menunjukkan bahawa Dimensi Proses dalam pelaksanaan perkhidmatan B&K memberi pengaruh terhadap Dimensi Produk yang mana secara terperinci dijelaskan bahawa peranan dan fungsi guru kaunseling dan strategi menjalankan perkhidmatan B&K merupakan varian yang signifikan yang memberikan peramal terhadap produk

University of Malaya

perkhidmatan B&K. Pengaruh yang diberikan peranan dan fungsi guru kaunseling serta strategi menjalankan perkhidmatan B&K terhadap produk perkhidmatan dan bimbingan kaunseling. Keputusan juga secara terperinci menunjukkan bahawa pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses dimana peranan dan fungsi guru kaunseling menyumbang sebanyak 56.1 peratus dan strategi menjalankan perkhidmatan B&K menyumbang sebanyak 8.4% terhadap produk perkhidmatan B&K. Dalam hal ini, terdapat kemungkinan baki peratusan yang lain iaitu lebih kurang 35.5% peratus lagi disumbangkan oleh faktor-faktor lain terhadap produk perkhidmatan B&K yang tidak diambil kira dalam kajian ini.

Cadangan

Untuk lebih memantapkan lagi kajian berkenaan dengan tahap keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah di Malaysia di masa hadapan, terdapat beberapa cadangan untuk kajian yang akan datang seperti berikut :

a. Kajian ini boleh diperluaskan kepada populasi yang lebih ramai yang melibatkan guru-guru B&K yang telah berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia, KPM. Di samping itu kajian akan datang boleh juga menambahkan variabel demografi di mana akan memberikan kesan pada tahap keberkesanan guru-guru B&K dalam tugas mereka. Contoh demografi adalah termasuk usia, pengalaman kerja, status dan sebagainya. Ini akan membantu pengkaji menjalani suatu kajian yang lebih mendalam.
b. Kajian ini boleh diperluaskan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan soalan-soalan temubual yang berbentuk tidak berstruktur dan semi struktur. Ini boleh digunakan sebagai alat penilaian untuk mengumpul maklumat yang berfaedah untuk mengukur dengan tepat keberkesanan guru-guru ini.

University of Malaya

c. Kajian selepas ini boleh diperluaskan dengan memasukkan klien-klien atau pelajar-pelajar, guru-guru dan juga pentadbir sebagai sampel kajian. Ini adalah dalam usaha menilai keberkesanan guru-guru B&K melaksakan tugas mereka. Tambahan pula bagi komponen produk pula ia adalah amat sesuai pelajar dijadikan sebagai sampel kajian kerana mereka merupakan 'end product' atau hasil perkhidmatan ini di sekolah-sekolah. Perubahan tingkah laku yang ditunjukkan oleh mereka yang sebenarnya menjadi kayu ukur kejayaan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah. Manakala pentadbir-pentadbir sebagai ketua dala satu-satu organisasi boleh dijadikan sampel kajian untuk melihat adakah pendekatan atau strategi yang digunakan oleh guru-guru B&K ini sesuai dalam proses kaunseling.

Rumusan

Terdapat empat faktor utama yang diberikan penekanan dalam menilai tahap keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah Menengah di Malaysia berdasarkan kepada model CIPP Stufflebeam (1984) iaitu Dimensi Konteks, Dimensi Input, Dimensi Proses dan Dimensi Produk. Secara ringkasnya, melalui teori model CIPP, penilaian keberkesanan suatu kursus bermula dengan suatu agensi yang bertindak sebagai sistem kawalan, iaitu Kementerian Pendidikan yang merangka FPN serta matlamat dan objektif perkhidmatan B&K yang perlu ditafsirkan dalam dimensi berkenaan. Sistem ini bertanggungjawab ke atas penilaian dalam dimensi pertama iaitu Dimensi Konteks dengan meletakkan matlamat-matlamat kurikulum untuk dicapai.

a. Dimensi Konteks merangkumi pelbagai isu berhubung matlamat dan objektif yang harus dimiliki oleh guru B&K sebagai pelaksanaan

University of Malaya

perkhidmatan B&K. Dapatan Kajian untuk Dimensi Konteks menunjukkan responden dapat menyatakan dengan tepat tentang kerelevanan objektif perkhidmatan B&K dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan dapat menerima dengan baik terhadap pelantikan mereka sebagai guru B&K sepenuh masa di sekolah. Guru-guru B&K menghadapi masalah yang hampir sama dalam menjalankan perkhidmatan B&K di sekolah.

b. Masalah yang dihadapi oleh guru-guru B&K adalah kurangnya kemudahan dalam bilik B&K seperti kekurangan komputer, tidak ada bilik khas untuk kaunseling individu dan kelompok, kurang sumber kewangan dalam menjalankan 10 komponen yang terdapat dalam perkhidmatan B&K, yang menyebabkan beberapa program dan aktiviti tidak dapat dijalankan atau terpaksa digugurkan. Di samping itu juga terdapat pihak pentadbir dan guru-guru lain di sekolah masih kurang memahami tugas hakiki guru B&K, antara lain adalah menjalankan sesi kaunseling individu dan kelompok serta perlu mengendalikan program atau aktiviti berdasarkan beberapa komponen yang telah dikhaskan di bawah tugas mereka. Selain dariupada itu, isu "*relief*" juga merupakan antara isu yang dibangkitkan oleh guru-guru B&K semasa menjalankan tugas mereka. Permasalahan yang timbul tersebut telah memberikan kesan terhadap penyampaian perkhidmatan B&K yang lebih berkesan di sekolah.

c. Tahap keberkesanan Dimensi Input yang berfokus kepada penggunaan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran sebagai kandungan kursus-kursus. Aspek utama bagi Dimensi Input adalah

University of Malaya

perancangan dan persediaan yang meliputi komponen perkembangan personal, pendidikan dan kerjaya pelajar, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta kesediaan dan persediaan guru B&K. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dalam persoalan kajian kedua berhubung aspek input mendapati bahawa kemahiran guru B&K dari aspek perkembangan personal, perkembangan pendidikan, perkembangan kerjaya pelajar berada pada tahap tinggi. Manakala sokongan pengetua, pengurusan kewangan dan aspek latihan dalam perkhidmatan berada pada tahap sederhana dan tinggi. Kajian menunjukkan bahawa hanya aspek kemudahan dan bahan rujukan sahaja yang menunjukkan tahap keberkesanan sederhana.Hasil kajian bagi Dimensi Proses yang dapat dihuraikan melalui 2 (dua) aspek utama, iaitu strategi menjalankan perkhidmatan B&K dan peranan dan fungsi guru kaunseling yang dihuraikan melalui item penyelarasan, komunikasi dan perundingan di Sekolah Menengah Malaysia dalam kajian ini berada pada tahap keberkesanan yang tinggi.

d. Penilaian tahap keberkesanan Dimensi Produk yang memberikan fokus ke atas pencapaian *out come* perkhidmatan B&K di sekolah yang meliputi perubahan sikap pelajar serta pencapaian objektif perkhidmatan B&K berkenaan menunjukkan tahap keberkesanan bagi kedua-dua aspek dalam Dimensi Produk tersebut berada pada tahap tinggi.

e. Kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input iaitu pengetahuan dan kemahiran, sokongan pengetua, pengurusan kewangan, kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhidmatan mengikut jantina.

University of Malaya

Keputusan kajian ini menunjukkan kaunselor lelaki dan wanita mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang sama, sokongan pengetua terhadap kaunselor lelaki dan wanita adalah sama serta kemudahan dan bahan rujukan serta latihan dalam perkhidmatan kaunseling disekolah juga tidak tidak dibezakan oleh jantina. Guru B&K lelaki dan wanita juga didapati mempunyai strategi yang sama dalam menjalankan perkhidmatan B&K serta peranan dan fungsi sebagai guru kaunseling.

f. Dalam aspek perubahan sikap pelajar, kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Produk berdasarkan jantina, yang mana kajian menunjukkan bahawa guru lelaki mempunyai persepsi yang lebih tinggi terhadap perubahan sikap pelajar berbanding dengan guru perempuan.

g. Dimensi Input dalam pelaksanaan perkhidmatan B&K didapati memberi pengaruh terhadap Dimensi Proses dimana kemudahan bahan dan rujukan, pengetahuan dan kemahiran, pengurusan kewangan dan latihan dalam perkhidmatan merupakan varian yang signifikan yang memberikan peramal terhadap proses perkhidmatan B&K. Manakala sokongan pengetua bukan merupakan peramal yang signifikan. Pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Input telah memberikan pengaruh dengan kemudahan bahan rujukan menyumbang sebanyak 35.5 peratus, pengetahuan dan kemahiran menyumbang sebanyak 18.8%, pengurusan kewangan menyumbang sebanyak 3.4% dan latihan dalam perkhidmatan menyumbang sebanyak 0.9%. Lebih kurang 41.4% peratus lagi disumbangkan oleh faktor-faktor lain terhadap proses perkhidmatan B&K yang tidak diambil kira dalam kajian ini.

University of Malaya

h. Kajian menunjukkan bahawa Dimensi Proses dalam pelaksanaan perkhidmatan B&K telah memberikan pengaruh terhadap Dimensi Produk yang mana peranan dan fungsi guru kaunseling dan strategi menjalankan perkhidmatan B&K merupakan varian yang signifikan yang memberikan peramal terhadap produk perkhidmatan B&K. Kajian juga menunjukkan bahawa pelaksanaan perkhidmatan B&K dari Dimensi Proses dimana peranan dan fungsi guru kaunseling menyumbang sebanyak 56.1 peratus dan strategi menjalankan perkhidmatan B&K menyumbang sebanyak 8.4% terhadap produk perkhidmatan B&K. Terdapat kemungkinan baki peratusan yang lain iaitu lebih kurang 35.5% peratus lagi disumbangkan oleh faktor-faktor lain terhadap produk perkhidmatan B&K yang tidak diambil kira dalam kajian ini.

i. Dapat dirumuskan bahawa masih belum banyak kajian yang dijalankan ke atas tahap keberkesanan perkhidmatan B&K dilihat dari aspek Dimensi Konteks, Proses dan Produk. Kebanyakan kajian yang telah dijalankan adalah berfokus kepada Dimensi Input (perancangan dan persediaan) yang dijalankan oleh guru-guru B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Pengkaji terdahulu kurang memberikan tumpuan ke atas proses yang dilakukan oleh guru B&K serta gagal menilai keberkesanan produk (*output*) yang dihasilkan oleh guru-guru B&K melalui perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat memberikan input dan maklumat yang diperlukan berhubung keberkesanan perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah amnya dan sekolah-sekolah Malaysia khasnya.

University of Malaya

RUJUKAN

Abdul Halim Othman.(1996). Dari Jamong ke Laser: Sejarah, Konsep PelaksanaanKauseling di Malaysia.Kertas kerja dibentangkan di Simposium Kabangsaan.

Abdul Latif Md. Ali. (1984*). Kaunseling dalam Pendidikan Menengah: Kumpulan Esei Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial*, Universiti Malaysia Sabah.

Abdul Rahman (2010).*Kepemimpinan Dan Penyeliaan Instruksional Dari Perspektif Pendidikan. Selangor:* Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd

Abdul Razaq Ahmad. (2009). *Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum Mata Pelajaran Sejarah Menengah Rendah Tingkatan 2 di Sekolah-sekolah Menengah Semenanjung Malaysia.* Tesis Ph D yang tidak diterbitkan. UKM.

Ahmad Masrizal (2013). *Amalan kepimpinan strategik pengetua dan kelestarian kecemerlangan akademik sekolah berasrama penuh (SBP) di Malaysia.* Tesis Dr. Fal: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akhtiar Pardi, Shamsina & Muhamad Kushairi (2012). *Asas kepimpinan & Perkembangan Profesional Guru.* Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn.Bhd

Allen, M., Burt, K. Bryan, E., Carter, D. Orsi, R., & Durkan, L. (2002). *School counselors' preparation for and participation in crisis intervention*. Professional School Counseling , 6: 96-102.

Allen, M. & Ashbaker, B.Y. (2004). *Strengthening schools: Involving para-professionals in crisis prevention and intervention*. Intervention in School and Clinic, 39: 139-146.

Amelia Binti Mohd Noor (2009). *Efikasi kendiri kaunseling kaunselor pelatih upsi: Satu tinjauan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak

Aminah Haji Hashim. (1994). *Keperluan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah: Satu Tinjauan. Siri Monograf*, Universiti Putra Malaysia.

Aminah Haji Hashim. (1984). Bimbingan dan Kaunseling dalam Pendidikan Menengah. *Jurnal PERKAMA.*

Amir Awang.(1984). Bimbingan dan Kaunseling Untuk Kesejahteraan Masyarakat. *Jurnal PERKAMA, 1-12.*

Amir Awang. (1993, 18 Februari). *Perkhidmatan Bimbingan Belum Difahami. Berita Harian.*

University of Malaya

Amir Awang dan Latiff Mirasa. (1984). *Guidance and Counselling in Malaysian Schools: A Review and Critique. Asian Workshop on Child and Adolescent Development: Kuala Lumpur.*

Anyamene, A. N., Nwokolo, C. N., & Anyachebelu, E. F. (2012). Availability and Use of Information and Communications Technology Resources for Counselling University Students in South East States, Nigeria. *International Journal of Humanities and Social Science Vol. 2 (8): 194, 199.*

Arumugam A/L Krishnan. (2010). *Persepsi Perlaksanaan dan Kepuasan Komuniti Sekolah Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.* Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.

Asha'ari, N. L. (2006). *Keterampilan sosial di kalangan pelajar Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di Negeri Melaka. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*: Tesis Sarjana

Azhari bin Hj, Abd Rahman. (1998). *Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Tesis Sarjana.* Universiti Utara Malaysia. Tidak diterbitkan.

Azizi Bin Hj. Yahaya. (1987*). Aspirasi Pekerjaan di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah*

Azizi Bin Hj. Yahaya. (1992). *Aspirasi Pekerjaan dan Masalah Akademik di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Vokasional Pertanian Rembau N.Sembilan*. Thesis Sarjana yang Tidak di Terbitkan. UKM.

Azizi Hj. Yahaya. (1998). *Satu Penilaian Terhadap Keberkesanan Program Kemahiran Hidup Di sekolah Menengah Di Malaysia Berdasarkan Model KIPP*.Thesis Doktor Falsafah yang Tidak di Terbitkan.UPM

Azizi Yahaya. (1999). *Keberkesanan Pelaksanaan Program Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia Berdasarkan Model Penilaian Konteks, Input, Proses dan Produk*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan,Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Baker, S.B (2000). *School Counseling for the Twenty-First Century. New Jersey*:Prentice Hall.

Bambang Suryadi. (2003). *The role of public secondary school counselors in the Province of East Java, Indonesia.* Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Bett, J. C., & Singilai, R. M. (2013). Difference in Perception between Headteachers and Teacher Counsellors of the Effectiveness of Peer counselling among students in public secondarySchools in Molo sub-county, Kenya. *International journal of Humanities and Social science, 3(10).*

University of Malaya

Borders, L.D. (2002). School Counselling in the 21st century: Personal and proffesional reflections. Professional School Counselling, 5, 180-185.

Boulmetis, J., & Dutwin, P. (2000). *The ABCs of evaluation: Timeless techniques forprogram and project managers. San Francisco: Jossey-Bass.*

Catherine, J. (2012). What do young people want? *Therapy today 23*(2): 4-7.

Chan Chen Chuin. (2003). *Persepsi pelajar terhadap personaliti kaunselor. Satu kajian perbandingan di sekolah menengah di Sarawak.* Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Cheruiyot, D. K., & Orodho, J. A. (2015). Guidance and Counselling: What Is the Level of Human and Physical Resource Preparedness in Providing Effective Services in Secondary Schools in Bureti Sub County, Kericho County, Kenya?. Journal of Education and Practice, 6(23), 132-143.

Chua Yan Piaw. (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Malaysia: The McGraw Hill Companies.

Cronbach, L. J. (1963). *Course Improvement Through Evaluation. Teacher College Record*. New York: Teachers College, Columbia University.

Cronbach, L. J. (1982). *Designing Evaluation of Educational and Social Programme*. San Francisco: Jossey Bass

Cronbach, L.J., andAssociates. (1980). Toward reform of program evaluation.San Francisco: Jossey-Bass.

Cronbach, L. J. (1983). Designing Evaluations of Educational and Social Programs.San Francisco: Jossey-Bass.

Dahir, C.A. & Eby, L.C. (2001). *Building Resiliency: The role of the school counselor. Counselling in the middle grades*. National Association Elementary School Principle. Middle Masters.

Dogan, S. (1995). *Counselling and guidance services in schools must definitely not get confused with discipline treatments*. Ogretmen Dunyasi, 184, 14-16.

Dolores, M., & Tongco, C. (2007). *Purposive sampling as atool for informant selection.* Ethnobotany Research & Aplication,5,147-15. Dicapai daripada http://scholarspace.manoa.hawaii.edu/bitstream/handle/10125/227/11547-3465-05147.pdf

Dressel, P.L. (1951). *Personel Services in High School and Collage. Occupations,29*, 331-340.

Drury, L. (1984). *New Direcions in Counselling.Thousand Oaks, CA: Sage.*

University of Malaya

Eko Putro Widoyoko (2009). Evoluasi Program Pembelajaran : Panduan Praktis Bagi Pendidik dan calon Pendidik.Yogyakarta: Pustaka Pelajar

Fadilah zaini & Maisarah (2006). *Peranan Kaunselor Dalam Pembangunan Pelajar:Kajian Kes Terhadap Kaunseling Kelompok di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM),*Kuantan, Pahang

Faizah Abd Ghani & Nagarajan Kupusamy. (2012). Hubungan Tret Personaliti Dan Kecekapan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah Menengah Daerah Pasir Gudang, Johor. *Journal of Educational Psychology & Counseling. 6.*

Fairchild, T.N. (1993). *Accountability practices of school counselors: 1990 nation survey*. The School Counselor, 40, 363-374.

Falvey. E. (1987). The New Hand Book of Administrative Supervision in Counseling.Taylors & Francis Group: New York.

Fox, C. L. & Butler, I. (2009). Evaluating the effectiveness of a school-based counseling service in the UK. *British Journal of Guidance & Counseling 37(2): 95-106.*

Ghazali Darussalam. (2003). *Keberkesanan Kursus Diploma Perguruan Malaysia Pengkhususan Pengajian Islam di Maktab-maktab Perguruan Malaysia*.Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Ghazali Darussalam. (2010). Program Evaluation in Higher Education. *The International Journal of Research and Review*. October 2010, Volume 5 Issue 2, 56-65

Ghazali Darussalam. (2010).*Penilaian Program Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (Guru Permulaan Pendidikan Islam) Melalui Nilai Impak Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Prosiding Seminar Serantau Guru Permulaan 2010* Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka, 43-60.

Gladding, N.C (2003). *The Vocational Guidance Quartely.Houghton Mifflin. Co*

Goleman, D., Boyatzis, R. & Mckee, A. (2002).*The New Leaders. Transforming The Art Of Leadership Into The Science Of Results*.Britain: Little Brown.

Gysbers, N.C., Hughey, K., Starr, M., & Lapan, R.T. (1992). Improving school guidance programs: A framework for program, personnel, and results evaluation. *Journal of Counselling & Development*, 70, 565-570.

Hadley, R.G., & Mitchell, L.K. (1995). *Counselling research and program evaluation. Pacific Grove*, CA: Brooks/Cole.

University of Malaya

Hamid Hasan (2009). *Evaluasi Kurikulum, cetakan kedua*. Bandung: Remaja Rosdakrya.

Harrison, A.S. (1993). *An Evaluation Model for secondary school counsellors*.Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, Old Dominian University

Harun, M. K. (2004). *Faktor-faktor mempengaruhi pelajar memilih kursus automotif sebagai pembentukan awal kerjaya di sekolah menengah teknik di Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.

Hutchinson, R. L., Barrick, A. L., & Groves, M. (1986). *Preparations of secondary school counselors in the public schools: Ideal and actual*. School Counselor,87-91.

Holt, L. (1982). *The Theory and Practice of Counselling Psychology*. Psychology Press: Washington.

Hosie, T. (1994). *Program evaluation: A potential area of expertise for counselors. Counselor Education and Supervision*, 33, 349-355.

Ibrahim Mamat. 1996. *Reka bentuk dan pengurusan latihan - konsep dan amalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*

Ibrahim Mamat. 2001. Reka bentuk dan pengurusan latihan - konsep dan amalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.Institusi Pendidikan Tinggi Awam Malaysia. (2002). Laporan Kajian Pendidikan dan Latihan Kaunselor. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Institut Aminuddin Baki. 1991. *Kajian pelaksanaan kursus pengurusan pendidikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1981-1991*). Genting Highlands: IAB

Isaacs, M.L. (2003). *Data-driven decision making: The engine of accountability*. Professional School Counselling, 6, 288-295.

Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2011). *Hala Tuju Bidang Kaunseling di Malaysia.* UPM, Serdang.

Jamaliah & Norashimah (2010). *Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan: Teori, Polisi dan Perlaksanaan.* Serdang: Universiti Putra Malaysia

Jamaliah & Norashimah (2010). *Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan: Teori, Polisi dan Perlaksanaan.* Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Jameela Bibi (2012) . *Amalan kepimpinan instruksional dan sikap terhadap perubahan dalam kalangan pengetua sekolah menengah negeri Pahang. Tesis Dr.Fal: Universiti Kebangsaan MalaysiaKamal Bin Ali, Irene Tiurma Siagian dan Rut Bt Douni (2001). Perkhidmatan Unit Bimbingan Dan Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Pelaksanaan Dan Harapan*. Jewel, L. (2005). An Introduction to counselling in Canada. Canadian Supplement:Canada.

University of Malaya

Johari Talib (2009). *Profesionalisme Kaunselor Sekolah Rendah.* http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_10_2009/a10%20johari%20talib.pdf

Kanga, B. M. (2017). Gender Comparison in the Effectiveness of Guidance and Counselling Services in Enhancing Students' adjustment to School Environment in Boarding Secondary Schools in Kenya. *International Journal of Advanced Engineering Research and Science* (IJAERS), 4(3), 1-14.

Kementeian Pelajaran Malaysia. (2010). *Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah dan Rendah*. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1994). Surat Pekeliling KP (SBHEP) 8543/60/(91), 1996.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). Surat Pekeliling Pentadbiran. No. 3167 (Pindaan 8/12/1982). Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1982). Surat Pekeliling Pentadbiran. No. 3167 (Pindaan 8/12/1982). Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). Surat Pekeliling Perkhidmatan. Bil. 1/1999. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). Laporan Tahunan Unit Bimbingan dan Kaunseling. Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1966). Surat Pekeliling Ikhtisas. Bil. 3/ab. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.

Kirkpatrick, D. L. 1975. *Evaluating training programs*. Wisconsin: American Society for Training and Development, Inc.

Kirkpatrick, D. L. 1994. *Evaluating training programs - The Four Level*s. Ed. Pertama. San Francisco, CA: Berret-Koehler Publishers, Inc.

Kirkpatrick, D. L. 1996. Great ideas revisited. *Training and Development Journal 50(1): 54-59*

Kirkpatrick, D. L. 2000. *Evaluating training programs: the four levels - the ASTD Handbook of Training Design and Delivery. Virgina: The American Society of Training and Development*

Kirkpatrick, D. L. & Kirkpatrick, J. D. 2005a. *Evaluating training programs. Ed. ke-3. San Francisco:* Berret-Koehler Publishers, Inc.

Kirkpatrick, D. L. & Kirkpatrick, J. D. 2005b. *Transferring learning to behavior – using the four levels to improve performance*. San Francisco: Berret-Koehler Publishers, Inc.

University of Malaya

Kirkpatrick, L. A. & Feeney, B. C. 2006. *A simple guide to SPSS for windows for version 12.0 & 13.0. California: Thomson Wadsworth*

Knoff, H.M. & Prout, H.T. (1985). *Terminating students from professional psychology programs: Criteria, procedures, and legal issues*. Professional Psychology: Research and Practice, 16, 789-797. doi: 10.1037//0735-7028.16.6.789.

Lai Kuen Choo. (1996). *Expectations About Counselling Among Students From Selected Secondary Schools in Melaka*. DisertasiSarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Landy, E. (1941). *Principals Offered Follow-up Program*. Occupations, 19, 266-272.

Lewis, H.B. (1978). *Contracts in Counselling & Psychotherapy*.Psychology Press: Washington

Lindman, E.L. (1940). *The Adequacy of Follow-up Samplings*.Occupations, 19, 33-35.

Loesch, L.C. (2001). *Counselling program evaluation: inside and outside the box. In D.C. Locke, J.E. Myers, & E.L. Herr (Eds),* The handbook of counselling (pp.513-525). Thousand Oaks, CA: Sage.

Loser, J.U. & Nichols, P.T. (1975).*Perception of Guidance Teacher: A Study. Journal Panduan MAVOGA*, (1), 14-16.

Lusky, M.B; Hayes, R.L. (2001).Collaborative consultation and program evaluation. *Journal of Counselling and Development*, 79, 26-38.

Lapan, R. T., Gysbers, N. C., & Sun, Y. (1997). The impact of more fully implemented
guidance programs on the school experiences of high school students: A statewide evaluation study. *Journal of Counseling & Development, 75(4), 292-302.*

Lapan, R. T., Gysbers, N. C., & Petroski, G. F. (2001). Helping seventh graders be safe and successful: A statewide study of the impact of comprehensive guidance and counseling programs. *Journal of Counseling and Development: JCD, 79(3), 320.*

Lewis, J.A. (1978). *Comminity Counselling: A Human Service Approach*.Ohio:Charles A. Jones Publishing Company.

Lokman (2007). *Orientasi Kepimpinan Pengetua dan Perkaitannya Dengan Komitmen Guru: Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah di Johor*. Tesis Dr. Fal: Universiti Kebangsaan Malaysia

University of Malaya

Lusky, M. B., & Hayes, R. L. (2001).Collaborative consultation and program evaluation .*Journal of Counselling & Development, 79, 26-38.*

Madak.P.R. &Gieni.C.L. (1991). Half-Time Elementary School Counsellors: Teachers Expectations of Role Versus Actual Activities. *Canadian Journal of Counselling,25:3,317.*

Maimunah (2005). *Kepimpinan situasi di kalangan pengetua sekolah di Malaysia*. Tesis Dr. Falsafah: Universiti kebangsaan Malaysia.

Mansor Abu Talib. (2004). *Cultural Influences and Mandated Counselling in Malaysia*. Asian Cultural &History.2(1), 28-33.

Menon, D. (1983). *Problems of Guidance Teachers in Implementing the Guidance Programme in Secondary Schools in the Federal Territory*. Latihan Ilmiah Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

McKenziea, K., Murrayb, G. C., Priorc, S. & Stark, L. (2011). An evaluation of a school counselling service with direct links to Child and Adolescent Mental Health (CAMH) services. *British Journal of Guidance & Counselling 39*(1): 67-82.

Mohamad Sattar Rasul, Mohd Rosdi Sukardi, Rose Amnah Abd Rauf (2013). Amalan kaunseling sekolah di United Kingdom dalam meningkatkan kesihatan mental kanak-kanak dan remaja. Vol. 6 No. 1 January-June 2013. *Journal of Human Capital Development*

Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. (2005). *Pendekatan Temubual sebagai Metod Kajian Kes. Suatu Persepsi Dikalangan Pelajar Perempuan Cemerlang Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.* Pembentangan di 3rd International Qualitative Research Convention.

Mohd Salleh, A., Mahmud, Z. & Amat, S. (2006). *Bimbingan dan Kaunseling Sekolah. UKM: Bangi*

Moracco, J.C., Butcke, P.G., &Mc Even, M>K. (1984).*Measuring Stress in School Counselors.* The School Counselor, 32, 110-118.

Morrissetle.M. (2000).*Counselling and Psychotherapy.Psychology Press: Washington*

Muhd Mansur Abdullah. (1994). Penilaian Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan di Sekolah-sekolah Menengah Menggunakan Model C.I.P.P. *Jurnal PERKAMA, 5, 69-86.*

Moracco, J. C, Butcke, P. G., & McEwen, M. K. (1984). *Measuring stress in school counselors: Some research findings and implications*. The School Counselor. 32, 110-118.

University of Malaya

Muango, G., & Joel, O. J. (2012). An evaluation of the effectiveness of guidance and counselling services in public universities in Kenya. *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies, 3(2), 151*.

Muhd Hj. Ihsan. (1997). *Persepsi Bekas Pelajar dan Pentadbir Sekolah mengenai Keberkesanan Program Diploma Pengurusan Universiti Malaya*. Disertasi Fakulti Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Najmuddin, H. (2006). *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya. Kuala Lumpur:* Pusat Perkembangan Kurikulum

Ninggal, M. T. (2006). Malaysian graduates attitude toward counseling and career services in public universities: Are they the same?. *Jurnal Perkama,*14 55-69.

No Child Left Behind Act of 2001.Pub. L. No. 107-110, 115 Stat. 1425 (2002).

Noran Fauziah bt. Yaakub, Ahmad Mahdzan b. Ayob, Osman Rani b. Hasan, Quek Bong Cheang, Ramlee b. Ismail, Md. Noor b. Saper, Ahmad Jazimin b. Jusoh, Aziz Shah b.Mohd 'Arip, Syed Sofian b.Syed Salim, Che Anuar b. Che Abdullah, Ab. Aziz b. Mohd Yatim dan Sabaraih bt. Siron. (2005). *Kajian Keberkesanan Kos Program Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah.* Universiti Pendidikan Sultan Idris

Nor Shafrin binti Ahmad & Ahmad Amin b. Mohamad Sulaiman. (2010). *Pendedahan Maklumat Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Sekolah di Kawasan Luar Bandar. DP. 10.*

Noormala,Mohamed Sharif & Roslee (2005).*Pendekatan Temubual sebagai Metod Kajian Kes. Satu Persepsi Dikalangan Pelajar Perempuan cemerlang Terhadap Pekhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling.* http://eprints.utm.my/2212/2/RosleeAhmad2005_PendekatanTemubualSebagaiMetodKajian.pdf

Nor Saidatul Rajeah Bt. Zamzam Amin (1999). *Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya Kepada Pelajar-Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia Dalam Pemilihan Kerjaya : Satu Kajian Kes.* http://ir.unimas.my/ 3711/1/

Nurinahafiza binti Mansor. (2012). *Keberkesanan Perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya dalam Membantu Kerjaya Pelajar Politeknik. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

Olando, K. O., Otenyo, B. A., & Odera, P. (2014). Effectiveness of Guidance and Counseling Services on Adolescent Self-concept in Khwisero District, Kakamega County. *International Journal of Human Resource Studies, 4(4), 1*.

Podemski, R.S., & Childers, I.H. (1982). *Psychological contracting for the counselor's role: Procedure for counselors & principals*. The school counselor, 29(3), 183-189.

University of Malaya

Pope, M. (2000). *A brief history of career counselling in the United States.* The career Quarterly, 48, 194-211.

Pope, M., Muhaini Musa., Hemla Singaravele., Bringaze, T. & Russell, M. (2002). From Colonialism to Ultranationalism: *History & Development of Career Counseling in Malaysia*. The career Development Quarterly, 50(3), 264-276.

Rancangan Malaysia ke 10. (2010). Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri.

Rafidah Aga Mohd Jaladin & Lau Poh Li. (2014). *Isu Professionalisme Kaunseling Di Malaysia*. Penerbitan Universiti Malaya.

Remeli, H. (2008). *Penerimaan pelajar tahun akhir politeknik terhadap peranan unit bimbingan kerjaya dalam perancangan kerjaya*. UTHM: Tesis Sarjana

Remley, Jr., T. P., & Albright, P. L. (1988*). Expectations for middle school counselors: Views of students, teachers, principals, and parents*. The School Counselor, 25(3), 290-296.

Rorlinda. (2009).*Kecerdasan emosi, efikasi kendiri dan sumbangannya terhadap komitmen tugas guru kaunseling sekolah menengah.* Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

Roslee Ahmad & Mohamed Sharif Mustaffa (2005). *Permasalahan dan keperluan perkhidmatankaunseling di kalangan pelajar asrama*. Kertas kerja Peringkat Kebangsaan di bentangkan di Seminar Kebangsaan Pendidikan JPPG 2005. Anjuran USM, Pulau Pinang. https://www.academia.edu/1842193/ Permasalahan dan Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Di Kalangan Pelajar Asrama

Rosnani Hashim& Mohd Sahari. (1998). Keberkesanan Program Perkhidmatan HalaqahTa'aruf (Program Orientasi untuk Pelajar Baru), *Jurnal Pendidikan Islam,8(2), 39-56.*

Royse, D., Thyer, B. A., Padgett, D. K., & Logan, T.K. (2001). *Program evaluation An introduction* (3rded.). Belmont, CA: Brooks/Cole.

Rudzi Munap. (2003). *Penilaian program kesetiausahaan eksekutif di Universiti Teknologi Mara*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, UKM, Bangi.

Rutter, F.E. (1970). *Teachers Evaluation: Method and Case Studies*. Preston Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.

Rye, D. R., & Sparks, R. (1991). *Strengthening K-12 school counseling programs.Muncie, IN: Accelerated Development.*

Salema Ahmad. (2006). *Amalan Nilai Murni Di Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana.

University of Malaya

Salim, S. (2001). *Bimbingan dan kaunseling.Kuala Lumpur*: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.

Salim, S.(2004). *Perkhidmatan Kaunseling di Malaysia: Perkembangan,Cabaran dan Halangan.* Universiti Malaya: Syarahan Perdana. ms.17-18

Sapora Sipon, (1998). *Isu dan masalah kaunselor (tidak terlatih). Satu tinjauan awal di beberapa buah sekolah di daerah Kota Kinabalu*. Seminar Kebangsaan Pendidikan. Batu Pahat, Johor.

Sapora Sipon. (2000, Mac 30). Utusan Malaysia.

Sapora Sipon & Ahmad Rozelan Yunus. (2002). *Pengurusan perkhidmatan dan bimbingan kaunseling sekolah.Prosiding Profesioan Perguruan*. Cabaran Pendidkan Masa Kini. Fakulti Pendidikan, UKM.

Sapora Sipon. (2007). The status and future challanges of school guidance and counselling services in Malaysia. *Jurnal PERKAMA*,Vol. 13, 45-57.

Syafrimen, Rorlinda Yusof, Noriah Mohd. Ishak. (2010). *Kualiti Professionalisme Guru-guru Kaunseling*. Ahad, April 11 2010.

Scorzelli, J.F. (1987). Counselling in Malaysia: An Emerging Pofession. *Journal of Counselling & Development, 65(5), 238-240.*

Scriven, M. (1966). *The methodology of evaluation.Publication #110 of the Social Science Education Consortium*, Irving Norrissett, Executive Director, Purdue University, Lafayette, Indiana.

Scriven, M. (1967). *The Methodology of Evaluation, in R.E. Stake (Ed.), Curriculum Evaluation.* American Educational Research Association Monograph Series on Evaluation. Chicago: Rand McNally.

Shi, Q., Liu, X., & Leuwerke, W. (2014*). Students' Perceptions of School Counselors: An Investigation of Two High Schools in Beijing, China*. Professional Counselor, 4(5), 519-530.

Stake, R.E. (1967).*Curriculum Evaluation. American Educational Research Association Monograph Series on Evaluation*. Chicago: Rand McNally.

Stufflebeam, D. L. (1966). *A depth study of the evaluation requirement.Theory IntoPractice,* 5(3), 121-133.

Stufflebeam, D. L. (1971).The Use of Experimental Design in Educational Evaluation .*Journal of Educational Mesurement, 8, 267-274.*

Stufflebeam, D. L. (1971). The relevance of CIPP evaluation model for educational accountability. *Journal of research and development in education 5(1): 19-25.*

University of Malaya

Stufflebeam, D. L. (1978).*Educational evaluation and decition making in evaluation*. Hasca IL: Peacock.

Stufflebeam, D. L. (1984).*Systematic Evaluation*. Kluwer: Nijhoff Publishing.

Stufflebeam, D. L, & Shinkfield, A. J. (1984). *Systematic Evaluation: A Self-Instructional Guide to Theory, Practice, Progress and Promise*. London andNew York: Routledge.

Stufflebeam, D. L. (2000b). Foundational models for 21st century program evaluation.DalamD. L. Stufflebeam, G. F. Madaus, & T. Kellaghan (Eds.), Evaluation models: *Viewpoints on educational and human services (2nd ed., pp. 33-96).* Boston: Kluwer Academic.

Stufflebeam, D. L. (2003, Mac). *The CIPP model for evaluation.Presented at the 2003 Annual Conference of the Oregon Program Evaluators Network (OPEN).Portland, Oregon.*

SuradiSalim. (2004). PerkhidmatanKaunseling di Malaysia: Perkembangan, Cabaran dan Halangan. Petaling Jaya: Pustaka Akademik.

Suradi Salim, (1993). *Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia*. Monograf. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Suradi Salim. (1994). *PerkhidmatanBimbingandanKaunseling: Kajian Keperluan, Pelaksanaandan Prospek*. Petaling Jaya: Pustaka Akademik.

Syafrimen (2004). *Profil Kecerdasan Emosi guru-guru sekolah menengah zon tengah semenanjung Malaysia*. Kertas projek penyelidikan sarjana. Fakulti pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia

Taip Abu & Abdul Halim Othman. (2009). Kaunseling untuk Kesejahteraan: Satu Kajian Kes Perkhidmatan Kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia .Jurnal Personalia Pelajar. Bil. 12. Jun

Tan Hui Leng. (1998). *An Evaluation of the Postgraduate Teacher Education Programme for Science in Selected Malaysia Teacher Training Colleges*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Tan Juat Ngoh. (1990). *A CaseStudy of Student's Reluctance in Seeking Counselling*. Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Tengku Elmi Azlina Tengku Muda & Noriah Mohd Ishak. (2014). *Kepimpinan Ketua Guru Bimbingan dan Kaunseling: Implikasi kepada Peningkatan Keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah*. International Research Management and Innovation Conference, Kuala Lumput. 17 – 18 November 2014.

University of Malaya

Tiego, P. M., & Kamore, S. K. (2015). Efficiency of Guidance and Counseling Departments in Promotion of Discipline in High Schools in Kiambu County, Kenya. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 4(3), 301.

Tiwi Komidin. (2007). *Keberkesanan Program Pendidikan Alam Sekitar di Institut Perguruan Batu Lintang*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang.

Tyler. R.W. (1945). General statement on evaluation. *Journal of Educational Research, 35, 492-501*.

Unit Bimbingan dan Kaunseling Bahagian Sekolah Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.(1984). *PanduanPerlaksanaan Khidmat Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah.* Unit Bimbingan dan Kaunseling, Bahagian Sekolah- sekolah, Kuala Lumpur.

Usha K.N. Damodaran. (2000). *Kesedaran Pelajar Sekolah Menengah di Mentakab Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Vasantha.(2000).Penilaian *Guru-guru Trehadap Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Salah Sebuah Sekolah Menengah di Daerah Petaling*. Kertas Projek, Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Vimaladevi Sellapah. (2007). *Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Daerah Gombak*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Whinston, S.C. (1996). Accountability through action research: Research methods for practitioners. *Journal of Counseling & Development*, 74, 616-623.

Wheeler, P.T., Loesh, L. (1981). Program Evaluation and Counseling: Yesterday, Today and Tomorrow. *Journal of The Personal and Guidance*, 51, 573-578.

Wilgus, E. & Shelley, V. (1988). *The Role of the elementary school counselor: Teacher perceptions, expectations and actual functions*.The School Counselor, 35, 258-266.

Williams. G. (1993). *Counseling Counselors: A survey of values*. American Counseling Association. 38(11), 51-62.

Worthen, T.P., and Sanders, J.R. (1973).Applied performance testing in the classroom. *Journal of Research and Development in Education* (Spring), 10, 92-104.

University of Malaya

Zainah Ahmad Zamani. (2004). *Ambivalence of counselling services: A question of stigma?*.10th Annual Counselling and psychotherapy research conference London.

Zairoslawanee binti Zaib. (2014). *Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 Atas di Sekolah Menengah Kluster di Kelantan.* Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Zulkifli bin Mamat. (2008). *Tekanan dan Burnout dalam Kalangan Kaunselor Sekolah Menengah di Negeri Pahang Darul Makmur*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tidak diterbitkan.

Zulmahari Merawi. 2003. Tanggapan pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap peranan guru bimbingan dan kaunseling di Sarawak. PPSM, *Jurnal Bicara Pendidik,* 3: 5-15.

University of Malaya